



# iPhone

## Panduan Pengguna

Untuk Perisian iOS 5.1

# Kandungan

- 9 **Bab 1: iPhone Sekilas Pandang**
- 9 Gambaran Keseluruhan iPhone
- 9 Aksesori
- 10 Butang
- 12 Ikon status
  
- 14 **Bab 2: Bermula**
- 14 Melihat panduan pengguna ini di iPhone
- 14 Apa yang anda perlukan
- 14 Memasang kad SIM
- 15 Persediaan dan pengaktifan
- 15 Menyambungkan iPhone ke komputer anda
- 16 Bersambung kepada Internet
- 16 Menyediakan mel dan akaun lain
- 16 Mengurus kandungan lain pada peranti iOS anda
- 17 iCloud
- 18 Menyelaras dengan iTunes
  
- 20 **Bab 3: Asas**
- 20 Menggunakan aplikasi
- 23 Memperibadikan Skrin Utama
- 25 Menaip
- 28 Rencana
- 29 Mencetak
- 30 Mencari
- 31 Kawalan Suara
- 32 Pemberitahuan
- 33 Twitter
- 34 Fon Telinga Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon
- 34 AirPlay
- 35 Peranti Bluetooth
- 36 Bateri
- 37 Ciri-ciri keselamatan
- 39 Membersihkan iPhone
- 39 Memulakan semula atau mereset iPhone
  
- 40 **Bab 4: Siri**
- 40 Apakah Siri?
- 40 Menggunakan Siri
- 44 Memperbetulkan Siri
- 45 Siri dan aplikasi
- 57 Rencana

59	<b>Bab 5: Telefon</b>
59	Panggilan telefon
63	FaceTime
64	Mel suara visual
66	Kenalan
66	Kegemaran
66	Pemajuan panggilan, panggilan menunggu dan ID pemanggil
67	Nada dering, suis Dering/Senyap dan getar
68	Panggilan antarabangsa
69	Pilihan seting untuk Telefon
70	<b>Bab 6: Mail</b>
70	Menyemak dan membaca e-mel
71	Bekerja dengan berbilang akaun
71	Menghantar mel
72	Menggunakan pautan dan data yang dikesan
72	Melihat lampiran
73	Mencetak mesej dan lampiran
73	Menyusun mel
74	Mencari mel
74	Akaun dan seting Mail
77	<b>Bab 7: Safari</b>
77	Memaparkan halaman web
78	Pautan
78	Senarai Bacaan
78	Pembaca
79	Memasukkan teks dan mengisi borang
79	Mencari
79	Penanda buku dan sejarah
80	Mencetak halaman web, PDF dan dokumen lain
80	Klip web
81	<b>Bab 8: Muzik</b>
81	Menambah muzik dan audio
81	Memainkan lagu dan audio lain
83	Kawalan audio tambahan
83	Kawalan podcast dan buku audio
84	Menggunakan Siri atau Kawalan Suara dengan Muzik
84	Menyemak imbas seni album dalam Cover Flow
84	Melihat semua trek pada album
85	Mencari kandungan audio
85	iTunes Match
85	Genius
86	Senarai main
87	Perkongsian Rumah
88	<b>Bab 9: Mesej</b>
88	Menghantar dan menerima mesej
89	Menghantar mesej kepada kumpulan
90	Mencari muzik, video dan banyak lagi
90	Mengedit perbualan

- 90 Mencari mesej
- 91 **Bab 10: Kalendar**
- 91 Perihal Kalendar
- 91 Melihat kalendar anda
- 92 Menambah peristiwa
- 92 Membalas jemputan
- 93 Mencari kalendar
- 93 Langgan kalendar
- 93 Mengimport peristiwa kalendar daripada Mail
- 93 Akaun dan seting kalendar
- 95 **Bab 11: Foto**
- 95 Melihat foto dan video
- 96 Melihat pertunjukan slaid
- 96 Menyusun foto dan video
- 96 Berkongsi foto dan video
- 97 Mencetak foto
- 98 **Bab 12: Kamera**
- 98 Perihal Kamera
- 99 Mengambil foto dan video
- 99 Foto HDR
- 99 Melihat, berkongsi dan mencetak
- 100 Mengedit foto
- 100 Memotong video
- 101 Muat naik foto dan video ke komputer anda
- 101 Strim Foto
- 102 **Bab 13: YouTube**
- 102 Perihal YouTube
- 102 Menyemak imbas dan mencari video
- 103 Memainkan video
- 103 Menjejak video yang anda suka
- 104 Berkongsi video, komen dan rating
- 104 Mendapatkan maklumat mengenai video
- 104 Menghantar video ke YouTube
- 105 **Bab 14: Saham**
- 105 Melihat harga saham
- 106 Mendapatkan maklumat lanjut
- 107 **Bab 15: Peta**
- 107 Mencari lokasi
- 108 Mendapatkan arah
- 109 Mendapatkan dan berkongsi maklumat mengenai lokasi
- 109 Menunjukkan keadaan trafik
- 110 Paparan Peta
- 111 **Bab 16: Cuaca**
- 111 Mendapatkan maklumat cuaca



112	<b>Bab 17: Nota</b>
112	Perihal Nota
112	Menulis nota
113	Membaca dan mengedit nota
113	Mencari nota
113	Mencetak atau e-mel nota
114	<b>Bab 18: Jam</b>
114	Perihal Jam
114	Mengeset jam dunia
114	Mengeset penggera
115	Menggunakan jam randik
115	Mengeset pemasa
116	<b>Bab 19: Peringatan</b>
116	Perihal Peringatan
116	Mengeset peringatan
117	Mengurus peringatan dalam paparan Senarai
118	Mengurus peringatan dalam paparan Tarikh
118	Mengenai peringatan lokasi
118	Mengurus peringatan yang telah diselesaikan
118	Mencari peringatan
120	<b>Bab 20: Game Center</b>
120	Perihal Game Center
120	Mendaftar masuk ke Game Center
121	Membeli dan memuat turun permainan
121	Bermain permainan
121	Bermain bersama rakan
122	Seting Game Center
123	<b>Bab 21: iTunes Store</b>
123	Perihal iTunes Store
123	Mencari muzik, video dan banyak lagi
124	Membeli muzik, buku audio dan nada
124	Membeli atau menyewa video
125	Mengikuti artis dan rakan
125	Menstrim atau memuat turun podcast
126	Menyemak status muat turun
126	Menukar butang semak imbas
126	Melihat maklumat akaun
126	Mengesahkan muat turun
127	<b>Bab 22: Newsstand</b>
127	Perihal Newsstand
127	Membaca keluaran terbaru
129	<b>Bab 23: App Store</b>
129	Perihal App Store
129	Mencari dan memuat turun aplikasi
130	Memadam aplikasi
131	Seting Store

132	<b>Bab 24: Kenalan</b>
132	Perihal Kenalan
132	Menyelaras kenalan
133	Mencari kenalan
133	Menambah dan mengedit kenalan
134	Kenalan bersepadu
134	Akaun dan seting kenalan
136	<b>Bab 25: Video</b>
136	Perihal Video
136	Memainkan video
137	Mencari video
137	Menonton filem yang disewa
137	Menonton video pada TV
138	Memadam video daripada iPhone
138	Menggunakan Perkongsian Rumah
138	Mengeset pemasa tidur
139	Menukar video untuk iPhone
140	<b>Bab 26: Kalkulator</b>
140	Menggunakan kalkulator
140	Kalkulator Saintifik
141	<b>Bab 27: Kompas</b>
141	Perihal Kompas
141	Menentukur kompas
142	Mencari arah
142	Menggunakan Kompas dengan Peta
143	<b>Bab 28: Memo Suara</b>
143	Perihal Memo Suara
143	Merakam
144	Mendengar kepada rakaman
144	Mengurus dan berkongsi rakaman
144	Berkongsi memo suara dengan komputer anda
146	<b>Bab 29: Nike + iPod</b>
146	Perihal Nike + iPod
146	Mengaktifkan Nike + iPod
146	Menghubungkan sensor
147	Bersenaman dengan Nike + iPod
147	Menentukur Nike + iPod
147	Menghantar data senaman ke nikeplus.com
149	<b>Bab 30: iBooks</b>
149	Perihal iBooks
149	Menggunakan iBookstore
150	Menyelaraskan buku dan PDF
150	Membaca buku
152	Mengubah rupa buku
152	Mencetak atau e-mel PDF
152	Menyusun rak buku

154	<b>Bab 31: Kebolehcapaian</b>
154	Ciri Akses Universal
154	VoiceOver
166	Penghalaan audio bagi panggilan masuk
166	Siri
166	Klik tiga kali Utama
166	Zum
167	Teks Besar
167	Putih atas Hitam
167	Sebut Pilihan
167	Sebut Teks Auto
168	Audio Mono
168	Keserasian alat bantuan pendengaran
168	Getaran Diperibadikan
169	Denyar LED untuk Isyarat
169	AssistiveTouch
170	Akses Universal dalam OS X
170	Sokongan TTY
170	Saiz fon minimum bagi mesej mel
170	Nada dering boleh diperuntukkan
170	Mel suara visual
170	Papan kekunci skrin lebar
170	Pad kekunci telefon besar
171	Kawalan suara
171	Kapsyen tertutup
172	<b>Bab 32: Seting</b>
172	Mod Pesawat
172	Wi-Fi
173	Pemberitahuan
174	Perkhidmatan Lokasi
174	VPN
175	Hotspot Peribadi
175	Pembawa
175	Bunyi dan suis Dering/Senyap
176	Kecerahan
176	Hias Latar
176	Umum
183	Seting untuk aplikasi
184	<b>Lampiran A: Papan Kekunci Antarabangsa</b>
184	Menambah dan mengeluarkan papan kekunci
184	Bertukar papan kekunci
184	Bahasa Cina
186	Bahasa Jepun
186	Menaip aksara emoji
186	Menggunakan senarai calon
187	Menggunakan pintasan
187	Bahasa Vietnam
188	<b>Lampiran B: Sokongan dan Maklumat Lain</b>
188	Tapak Sokongan iPhone

- 188 Memulakan semula atau mereset iPhone
- 188 Menyandarkan iPhone
- 190 Mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone
- 191 Perkongsian fail
- 191 Maklumat keselamatan, perisian dan perkhidmatan
- 192 Menggunakan iPhone dalam persekitaran perniagaan
- 192 Menggunakan iPhone dengan pembawa lain
- 192 Maklumat pelupusan dan kitar semula
- 193 Apple dan alam sekitar
- 193 Suhu pengendalian iPhone

# iPhone Sekilas Pandang

# 1


## Gambaran Keseluruhan iPhone



Ciri-ciri iPhone anda dan skrin Utama mungkin berlainan, bergantung pada model iPhone yang anda miliki dan sama ada anda telah memperibadikan skrin Utama anda.

## Aksesori

Aksesori yang berikut termasuk dengan iPhone:



Fon Telinga Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon	Dengar muzik dan video dan buat panggilan telefon. Lihat “Fon Telinga Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon” pada halaman 34.
Kabel Penyambung Dok ke USB	Gunakan kabel ini untuk menyambungkan iPhone ke komputer anda untuk menyelaraskan dan mengecap. Kabel boleh digunakan dengan dok pilihan atau dipasang terus ke iPhone.
Penyesuai kuasa USB	Sambungkan penyesuai kuasa ke iPhone menggunakan kabel yang disertakan, kemudian pasangannya ke sumber kuasa standard untuk mengecap iPhone.
Alat mengeluarkan SIM (tidak disertakan di kawasan)	Keluarkan dulang kad SIM.

## Butang


### Butang Hidup/Mati





Apabila anda tidak menggunakan iPhone, anda boleh menguncinya untuk mematikan paparan dan menjimatkan bateri.

**Kunci iPhone:** Tekan butang Hidup/Mati.

Apabila iPhone dikunci, tiada apa-apa berlaku jika anda menyentuh skrin. iPhone masih boleh menerima panggilan, mesej teks dan kemas kinian lain. Anda juga boleh:


- Mendengar muzik
- Laraskan kelantangan menggunakan butang di sisi iPhone (atau pada fon kepala iPhone) semasa anda dalam panggilan atau mendengar muzik
- Gunakan butang tengah pada fon kepala iPhone untuk menjawab panggilan atau menamatkan panggilan, atau untuk mengawal main balik audio (lihat “Memainkan lagu dan audio lain” pada halaman 81)



Buka Kunci iPhone	Tekan butang Utama  atau butang Hidup/Mati, kemudian seret gelangsar.
Buka Kamera apabila iPhone dikunci	Tekan butang Utama  atau butang Hidup/Mati, kemudian seret  ke atas.
Akses kawalan audio apabila iPhone dikunci	Dwiklik butang Utama  .
Matikan iPhone	Tekan dan tahan butang Hidup/Mati selama beberapa saat sehingga gelangsar merah muncul, kemudian seret gelangsar tersebut.
Hidupkan iPhone	Tekan dan tahan butang Hidup/Mati sehingga logo Apple muncul.

Secara lalai, jika anda tidak menyentuh skrin selama seminit, iPhone terkunci secara automatik. Untuk menyahaktifkan kunci auto, atau untuk menukar tempoh sebelum iPhone terkunci, lihat “Kunci Auto” pada halaman 179. Untuk memerlukan kod laluan untuk membuka kunci iPhone, lihat “Kunci Kod Laluan” pada halaman 179.

## Butang Utama

Butang Utama  membolehkan anda kembali ke skrin Utama pada bila-bila masa. Ia turut menyediakan pintasan memudahkan yang lain.

**Pergi ke skrin Utama:** Tekan butang Utama .

Di skrin utama, hanya satu sentuhan membuka aplikasi. Lihat “Membuka dan menukar aplikasi” pada halaman 20.


---


**Paparkan bar berbilang tugas untuk melihat aplikasi yang terbaru digunakan**

Dengan iPhone dibuka kunci, dwiklik butang Utama .

---


**Paparkan kawalan main balik audio**

*Apabila iPhone dikunci:* Dwiklik butang Utama . Lihat “Memainkan lagu dan audio lain” pada halaman 81.

*Apabila menggunakan aplikasi lain:* Dwiklik butang Utama , kemudian kuis penukar aplikasi dari kiri ke kanan.

---

**Mulakan Siri (iPhone 4S) atau Kawalan Suara**


Tekan dan tahan butang Utama . Lihat Bab 4, “Siri,” pada halaman 40 dan “Kawalan Suara” pada halaman 31.

---

## Butang kelantangan

Apabila anda dalam panggilan atau mendengar lagu, filem atau media lain, butang di sisi iPhone melaraskan kelantangan audio. Jika tidak, butang mengawal kelantangan untuk pendering, isyarat dan kesan bunyi lain.


**AMARAN:** Untuk maklumat penting mengenai mengelakkan kehilangan pendengaran, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).




Untuk menghadkan kelantangan untuk muzik dan video, pergi ke **Seting > Muzik**.

Anda juga boleh menggunakan butang kelantangan meningkat untuk mengambil gambar atau merakam video. Lihat “Mengambil foto dan video” pada halaman 99.

## Suis Dering/Senyap

Petik suis Dering/Senyap untuk memasukkan iPhone ke mod dering  atau mod senyap .











Dalam mod dering, iPhone memainkan semua bunyi. Dalam mod senyap, iPhone tidak berdering atau memainkan isyarat dan kesan bunyi lain.

**Penting:** Penggera jam, aplikasi audio seperti Muzik dan banyak permainan masih memainkan bunyi menerusi speaker speaker terbina dalam apabila iPhone berada dalam mod senyap.





Untuk mendapatkan maklumat mengenai menukar seting bunyi dan getaran, lihat “Bunyi dan suis Dering/Senyap” pada halaman 175.

## Ikon status

Ikon dalam bar status di bahagian atas skrin memberikan maklumat mengenai iPhone:

	Isyarat Sel*	Menunjukkan sama ada anda berada dalam liputan rangkaian selular dan boleh membuat dan menerima panggilan. Lebih banyak bar, lebih kuat isyarat. Jika tiada isyarat, bar akan digantikan dengan “Tiada perkhidmatan.”
	Mod Pesawat	Menunjukkan bahawa mod pesawat adalah aktif—anda tidak boleh menggunakan telefon, mengakses Internet, atau menggunakan peranti Bluetooth®. Ciri tanpa wayarles tersedia. Lihat “Mod Pesawat” pada halaman 172.
	UMTS	Menunjukkan bahawa rangkaian 4G UMTS (GSM) pembawa anda tersedia, dan iPhone boleh bersambung kepada Internet melalui rangkaian tersebut. (iPhone 4S sahaja. Tidak tersedia di semua kawasan.) Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.
	UMTS/EV-DO	Menunjukkan bahawa rangkaian 3G UMTS (GSM) atau EV-DO (CDMA) pembawa anda tersedia, dan iPhone boleh bersambung kepada Internet melalui rangkaian tersebut. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.
	EDGE	Menunjukkan bahawa rangkaian EDGE (GSM) pembawa anda tersedia, dan iPhone boleh bersambung kepada Internet melalui rangkaian tersebut. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.
	GPRS/1xRTT	Menunjukkan bahawa rangkaian GPRS (GSM) atau 1xRTT (CDMA) pembawa anda tersedia, dan iPhone boleh bersambung kepada Internet melalui rangkaian tersebut. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.
	Wi-Fi*	Menunjukkan bahawa iPhone disambungkan kepada Internet melalui rangkaian Wi-Fi. Lebih banyak bar, lebih kuat sambungannya. Lihat “Wi-Fi” pada halaman 172.
	Hotspot Peribadi	Menunjukkan bahawa iPhone disambungkan kepada iPhone lain yang menyediakan Hotspot Peribadi. Lihat “Hotspot Peribadi” pada halaman 175.
	Penyelarasan	Menunjukkan bahawa iPhone sedang menyelaras dengan iTunes.
	Aktiviti rangkaian	Menunjukkan aktiviti rangkaian. Beberapa aplikasi pihak ketiga juga mungkin menggunakan ikon untuk menunjukkan proses aktif.
	Memajukan Panggilan	Menunjukkan bahawa Pemajuan Panggilan disediakan pada iPhone. Lihat “Memajukan panggilan” pada halaman 66.



	VPN	Menunjukkan bahawa anda bersambung kepada rangkaian menggunakan VPN. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.
	Mangga	Menunjukkan bahawa iPhone dikunci. Lihat “Butang Hidup/Mati” pada halaman 10.
	TTY	Menunjukkan bahawa iPhone disetkan untuk berfungsi dengan mesin TTY. Lihat “Sokongan TTY” pada halaman 170.
	Main	Menunjukkan bahawa lagu, buku audio, atau podcast sedang bermain. Lihat “Memainkan lagu dan audio lain” pada halaman 81.
	Kunci orientasi potret	Menunjukkan bahawa skrin iPhone dikunci dalam orientasi potret. Lihat “Memaparkan dalam orientasi potret atau landskap” pada halaman 22.
	Penggera	Menunjukkan bahawa penggera diset. Lihat “Mengeset penggera” pada halaman 114.
	Perkhidmatan Lokasi	Menunjukkan bahawa sesuatu item sedang menggunakan Perkhidmatan Lokasi. Lihat “Perkhidmatan Lokasi” pada halaman 174.
	Bluetooth*	<i>Ikon biru atau putih:</i> Bluetooth aktif dan dipasangkan dengan peranti. <i>Ikon kelabu:</i> Bluetooth aktif dan dipasangkan dengan peranti, tetapi peranti di luar julat liputan atau dimatikan. <i>Tiada ikon:</i> Bluetooth tidak aktif dan tidak dipasangkan dengan peranti. Lihat “Peranti Bluetooth” pada halaman 35.
	Bateri Bluetooth	Menunjukkan paras bateri bagi peranti Bluetooth berpasangan yang disokong.
	Bateri	Menunjukkan paras bateri atau status pengecasan. Lihat “Bateri” pada halaman 36.


\* Penggunaan aksesori tertentu dengan iPhone mungkin menjejaskan prestasi wayarles.




**AMARAN:** Untuk mengelakkan kecederaan, baca semua arahan pengendalian dalam panduan ini dan maklumat keselamatan dalam *Panduan Maklumat Produk Penting iPhone* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone) sebelum menggunakan iPhone.

## Melihat panduan pengguna ini di iPhone

*iPhone User Guide* boleh dilihat pada iPhone dalam Safari dan dalam aplikasi iBooks percuma.

**Lihat panduan pengguna dalam Safari:** Sentuh , kemudian sentuh penanda buku Panduan Pengguna iPhone.

Untuk menambah ikon untuk panduan pengguna pada skrin Utama, sentuh , kemudian sentuh "Tambah pada Skrin Utama." Untuk melihatnya dalam bahasa berlainan, sentuh "Tukar Bahasa" pada halaman kandungan utama.

**Lihat panduan pengguna dalam iBooks:** Jika anda belum memasang iBooks, buka App Store, kemudian cari dan pasang "iBooks." Buka iBooks dan sentuh Store. Cari "Panduan Pengguna iPhone," kemudian muat turun panduan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai iBooks, lihat Bab 30, "iBooks," pada halaman 149.

## Apa yang anda perlukan

Untuk menggunakan iPhone, anda memerlukan:


- Pelan perkhidmatan wayarles dengan pembawa yang menyediakan perkhidmatan iPhone di kawasan anda
- Apple ID (untuk beberapa ciri), yang boleh dibuat semasa persediaan
- Mac atau PC dengan port USB 2.0 dan salah satu daripada sistem pengendalian berikut:
  - Mac OS X v10.5.8 atau lebih baru
  - Windows 7, Windows Vista atau Windows XP Home atau Professional (SP3)
- Sambungan Internet dari komputer anda (jalur lebar disyorkan)
- iTunes 10.5 atau lebih baru (untuk sesetengah ciri), tersedia di [www.apple.com/asia/itunes/download/](http://www.apple.com/asia/itunes/download/)

## Memasang kad SIM

Jika anda diberikan kad SIM untuk dipasang, pasangkannya sebelum menyediakan iPhone.

**Penting:** Kad SIM diperlukan untuk menggunakan perkhidmatan selular apabila bersambung kepada rangkaian GSM dan sesetengah rangkaian CDMA. iPhone 4S yang telah diaktifkan pada rangkaian wayarles CDMA juga boleh menggunakan kad SIM untuk bersambung kepada rangkaian GSM, terutamanya untuk perayauan antarabangsa. iPhone anda tertakluk kepada dasar pembekal khidmat wayarles anda, yang mungkin termasuk pengehadan terhadap menukar pembekal khidmat dan perayauan, walaupun selepas menamatkan sebarang kontrak perkhidmatan minimum. Hubungi pembekal khidmat wayarles anda bagi mendapatkan butiran lanjut. Sebarang keupayaan selular bergantung pada rangkaian wayarles.

### Memasang Kad SIM dalam iPhone 4S



**Pasang kad SIM:** Masukkan hujung klip kertas kecil atau alat mengeluarkan SIM ke dalam lubang pada dulang kad SIM. Tarik keluar dulang kad SIM dan letakkan kad SIM ke dalam dulang seperti yang ditunjukkan. Dengan dulang dijajarkan dan kad SIM di atas, masukkan semula dulang dengan cermat.

### Persediaan dan pengaktifan

Untuk menyediakan dan mengaktifkan iPhone, hidupkan iPhone dan ikuti Pembantu Persediaan. Pembantu Persediaan membimbing anda menerusi proses persediaan, termasuk bersambung kepada rangkaian Wi-Fi, mendaftar masuk dengan atau membuat Apple ID percuma, menyediakan iCloud, mengaktifkan ciri-ciri yang disyorkan seperti Perkhidmatan Lokasi dan Cari iPhone Saya dan mengaktifkan iPhone dengan pembawa anda. Anda juga boleh memulihkan daripada sandaran iCloud dan iTunes semasa persediaan.

Pengaktifan boleh dilakukan melalui rangkaian Wi-Fi, atau dengan iPhone 4S, melalui rangkaian selular pembawa anda (tidak tersedia di semua kawasan). Jika kedua-dua pilihan tidak tersedia, anda perlu menyambungkan iPhone ke komputer anda untuk diaktifkan.

### Menyambungkan iPhone ke komputer anda

Jika anda tidak mempunyai akses Wi-Fi atau selular, anda mungkin perlu menyambungkan iPhone ke komputer anda untuk menyelesaikan pengaktifan. Menyambungkan iPhone ke komputer anda juga membolehkan anda menyelaraskan maklumat, muzik dan kandungan lain dengan iTunes. Lihat "Menyelaras dengan iTunes" pada halaman 18.

**Menyambungkan iPhone ke komputer anda:** Gunakan Kabel Penyambung Dok ke USB yang disediakan bersama iPhone.



## Bersambung kepada Internet

iPhone bersambung kepada Internet bila perlu, menggunakan sambungan Wi-Fi (jika tersedia) atau rangkaian selular pembawa anda. Untuk maklumat lanjut mengenai bersambung kepada rangkaian Wi-Fi, lihat “Wi-Fi” pada halaman 172.

**Nota:** Jika sambungan Wi-Fi kepada Internet tidak tersedia, ciri dan perkhidmatan iPhone tertentu mungkin memindahkan data menerusi rangkaian selular pembawa anda, yang mungkin membawa bayaran tambahan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat mengenai kadar pelan data selular anda. Untuk mengurus penggunaan data selular, lihat “Rangkaian” pada halaman 177.

## Menyediakan mel dan akaun lain

iPhone berfungsi dengan iCloud, Microsoft Exchange dan banyak pembekal khidmat mel, kenalan dan kalendar berasaskan Internet yang paling popular.

Jika anda belum lagi mempunyai akaun mel, anda boleh menyediakan akaun iCloud percuma apabila anda mula-mula menyediakan iPhone, atau lebih baru dalam **Seting > iCloud**. Lihat “iCloud” pada halaman 17.

**Sediakan akaun iCloud:** Pergi ke **Seting > iCloud**.

**Sediakan akaun lain:** Pergi ke **Seting > Mail, Kenalan, Kalendar**.

Anda boleh menambah kenalan dengan menggunakan akaun LDAP atau CardDAV jika syarikat atau organisasi anda menyokongnya. Lihat “Menyelaras kenalan” pada halaman 132.

Anda boleh menambah akaun kalendar CalDAV dan anda boleh melanggan kepada kalendar iCal (.ics) atau mengimportnya daripada Mel. Lihat “Langgan kalendar” pada halaman 93.

## Mengurus kandungan lain pada peranti iOS anda

Anda boleh memindahkan maklumat dan fail antara peranti iOS dan komputer anda menggunakan sama ada iCloud atau iTunes.

- *iCloud* menyimpan kandungan seperti muzik, foto dan banyak lagi dan menolaknya secara wayarles ke peranti iOS lain anda dan komputer, memastikan semuanya dikemas kini secara automatik. Lihat “iCloud” di bawah.

- *iTunes* menyelaraskan muzik, video, foto dan banyak lagi antara komputer anda dan iPhone. Perubahan yang anda buat pada satu peranti disalin ke yang satu lagi apabila anda menyelaraskan. Anda juga boleh menggunakan *iTunes* untuk menyalin fail ke iPhone untuk digunakan dengan aplikasi atau untuk menyalin dokumen yang telah anda buat pada iPhone ke komputer anda. Lihat “Menyelaraskan dengan *iTunes*” pada halaman 18.

Anda boleh menggunakan iCloud atau *iTunes* atau kedua-duanya bergantung pada keperluan anda. Contohnya, anda boleh menggunakan Strim Foto iCloud untuk menghantar foto yang anda ambil pada iPhone ke peranti lain anda secara automatik dan menggunakan *iTunes* untuk menyelaraskan foto album dari komputer anda ke iPhone.

**Nota:** Anda tidak boleh menyelaraskan item pada anak tetingkap Info pada *iTunes* (seperti kenalan, kalendar dan nota) dan juga menggunakan iCloud untuk memastikan maklumat tersebut dikemas kini pada peranti anda. Jika tidak, data duplikasi mungkin berlaku.

## iCloud

iCloud menyimpan kandungan anda, termasuk muzik, foto, kenalan, kalendar dan dokumen yang disokong. Kandungan yang disimpan dalam iCloud ditolak secara wayarles ke peranti iOS anda yang lain dan komputer yang disediakan dengan akaun iCloud yang sama.

iCloud tersedia pada peranti iOS 5, pada Macs yang menjalankan OS X Lion v10.7.2 atau lebih baru dan pada PC dengan iCloud Control Panel untuk Windows (Windows Vista Service Pack 2 atau Windows 7 diperlukan).

Ciri-ciri iCloud adalah termasuk:

- *iTunes dalam Awan*—Muat turun pembelian muzik dan rancangan TV *iTunes* terdahulu ke iPhone secara percuma, pada bila-bila masa anda inginkan.
- *Apps and Books*—Muat turun pembelian App Store dan iBookstore terdahulu ke iPhone secara percuma, pada bila-bila masa anda inginkan.
- *Photo Stream*—Foto yang anda ambil pada satu peranti muncul secara automatik pada semua peranti anda. Lihat “Strim Foto” pada halaman 101.
- *Dokumen dalam Awan*—Untuk aplikasi yang didayakan iCloud, pastikan dokumen dan data aplikasi dikemas kini merentasi semua peranti anda.
- *Mail, Kenalan, Kalendar*—Pastikan semua kenalan mel, kalendar, nota dan peringatan anda dikemas kini merentasi semua peranti anda.
- *Sandaran*—Sandarkan iPhone ke iCloud secara automatik apabila disambungkan ke kuasa dan Wi-Fi. Lihat “Menyandarkan iPhone” pada halaman 188.
- *Cari iPhone Saya*—Cari iPhone anda pada peta, mainkan bunyi, kunci skrin, atau padam data dari jauh. Lihat “Cari iPhone Saya” pada halaman 38.
- *Cari Rakan Saya*—Kongsi lokasi anda dengan orang yang penting kepada anda. Muat turun aplikasi percuma daripada App Store.
- *iTunes Match*—Dengan langganan *iTunes Match*, semua muzik anda, termasuk muzik yang anda import dari CD atau beli di tempat lain selain daripada *iTunes*, muncul pada semua peranti anda dan boleh dimuat turun dan dimainkan atas permintaan. Lihat “*iTunes Match*” pada halaman 85.

Dengan iCloud, anda mendapat akaun e-mel percuma dan storan 5 GB untuk mel, dokumen dan sandaran anda. Muzik, aplikasi, rancangan TV dan buku yang anda beli dan juga Strim Foto anda tidak dikira terhadap ruang kosong anda.

Jika anda mempunyai langganan MobileMe, anda boleh memindahkannya ke iCloud dari Mac atau PC di [www.me.com/move](http://www.me.com/move) sehingga Jun 30 2012.

**Nota:** iCloud tidak tersedia di semua kawasan dan ciri-ciri iCloud mungkin berbeza mengikut kawasan.

**Daftar masuk atau buat akaun iCloud:** Dalam Seting, sentuh iCloud.

Dayakan atau nyahdayakan perkhidmatan iCloud	Pergi ke Seting > iCloud.
Dayakan sandaran iCloud	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran.
Cari iPhone anda	Lawati <a href="http://www.icloud.com">www.icloud.com</a> , daftar masuk dengan Apple ID anda, kemudian pilih Cari iPhone Saya. <b>Penting:</b> Pada iPhone anda, Cari iPhone Saya mesti diaktifkan dalam Seting > iCloud untuk iPhone dicari.
Beli storan iCloud tambahan	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran, kemudian sentuh Urus Storan. Untuk mendapatkan maklumat mengenai pembelian storan iCloud, pergi ke <a href="http://help.apple.com/icloud">help.apple.com/icloud</a> .
Lihat dan muat turun pembelian iTunes Store yang terdahulu	Pergi ke iTunes, kemudian sentuh Dibeli.
Lihat dan muat turun pembelian App Store yang terdahulu	Pergi ke App Store, sentuh Updates kemudian sentuh Purchased.
Lihat dan muat turun pembelian iBookstore yang terdahulu	Pergi ke iBooks, sentuh Store kemudian sentuh Purchased.
Aktifkan Muat Turun Automatik untuk muzik, aplikasi atau buku	Pergi ke Seting > Store.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai iCloud, pergi ke [www.apple.com/icloud](http://www.apple.com/icloud). Untuk mendapatkan maklumat sokongan, pergi ke [www.apple.com/asia/support/icloud](http://www.apple.com/asia/support/icloud).

## Menyelaras dengan iTunes


Menyelaras dengan iTunes menyalin maklumat dari komputer anda ke iPhone dan sebaliknya. Anda boleh menyelaras dengan menyambungkan iPhone anda ke komputer anda menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB, atau anda boleh menyediakan iTunes untuk menyelaras secara wayarles menggunakan Wi-Fi. Anda boleh setkan iTunes untuk menyelaras muzik, foto, video, podcast, aplikasi dan banyak lagi. Untuk maklumat mengenai penyelarasan iPhone dengan komputer, buka iTunes kemudian pilih iTunes Help daripada menu Help.

**Sediakan penyelarasan iTunes wayarles:** Sambungkan iPhone ke komputer anda menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB. Dalam iTunes, aktifkan "Sync over Wi-Fi connection" dalam anak tetingkap Summary peranti.

Apabila penyelarasan Wi-Fi diaktifkan, iPhone menyelaras secara automatik pada setiap hari. iPhone mesti disambungkan kepada sumber kuasa, iPhone dan juga komputer anda mesti berada pada rangkaian wayarles yang sama dan iTunes mesti terbuka pada komputer. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat "Penyelarasan Wi-Fi iTunes" pada halaman 179.

### Petua untuk menyelaras dengan iTunes

- Jika anda menggunakan iCloud untuk menyimpan kenalan, kalendar, penanda buku dan nota, jangan turut menyelarasnya ke peranti anda menggunakan iTunes.

- Pembelian yang anda buat daripada iTunes Store atau App Store pada iPhone diselaraskan kembali ke pustaka iTunes anda. Anda juga boleh membeli atau memuat turun kandungan dan aplikasi dari iTunes Store ke komputer anda dan kemudian menyelaraskannya ke iPhone.
- Dalam anak tetingkap Summary peranti, anda boleh setkan iTunes untuk menyelaraskan peranti anda secara automatik apabila ia disambung ke komputer anda. Untuk menulis ganti seting ini buat sementara waktu, tahan Command dan Option (Mac) atau Shift dan Control (PC) sehingga anda melihat iPhone anda muncul dalam bar sisi.
- Dalam anak tetingkap Summary peranti, pilih “Encrypt iPhone backup” jika anda mahu mengenkripsikan maklumat yang disimpan pada komputer anda apabila iTunes membuat sandaran. Sandaran yang dienkripsikan ditunjukkan oleh ikon kunci  dan kod laluan diperlukan untuk memulihkan sandaran. Jika anda tidak memilih pilihan ini, kata laluan (seperti untuk akaun mel) tidak termasuk dalam sandaran dan perlu dimasukkan semula jika anda menggunakan sandaran untuk memulihkan peranti.
- Dalam anak tetingkap Info peranti, apabila anda menyelaraskan akaun mel, hanya seting dipindahkan dari komputer anda ke iPhone. Perubahan yang anda buat kepada akaun e-mel pada iPhone tidak menjejaskan akaun pada komputer anda.
- Dalam anak tetingkap Info peranti, klik Advanced untuk memilih pilihan untuk membenarkan anda *menggantikan* maklumat pada iPhone dengan maklumat dari komputer anda semasa penyelarasan seterusnya.
- Jika anda mendengar sebahagian daripada podcast atau buku audio, kedudukan anda di dalam cerita disertakan jika anda menyelaraskan kandungan dengan iTunes. Jika anda mula mendengar cerita pada iPhone, anda boleh meneruskan dari mana anda berhenti dengan menggunakan iTunes pada komputer anda—atau sebaliknya.
- Dalam anak tetingkap Photo peranti, anda boleh menyelaraskan foto dan video dari folder pada komputer anda.

## Menggunakan aplikasi


Skrin Berbilang Sentuh resolusi tinggi dan gerak isyarat jari yang ringkas menjadikannya mudah untuk menggunakan aplikasi iPhone.

## Membuka dan menukar aplikasi


Tekan butang Utama  untuk pergi ke skrin Utama dan melihat aplikasi anda.

**Buka aplikasi:** Sentuhnya.



Untuk kembali ke skrin Utama, tekan butang Utama  sekali lagi. Kuis kiri atau kanan untuk melihat skrin Utama lain.




Dwiklik butang Utama  untuk mendedahkan bar berbilang tugas, yang menunjukkan aplikasi terbaru digunakan anda. Sentuh aplikasi untuk membukanya semula, atau kuis untuk melihat lebih banyak aplikasi.






Keluarkan aplikasi daripada bar  
berbilang tugas

Sentuh dan tahan ikon aplikasi sehingga ia mula bergoyang, kemudian  
sentuh . Mengeluarkan aplikasi daripada berbilang tugas turut  
memaksanya untuk berhenti.


## Menskrol

Seret ke atas atau bawah untuk menskrol. Pada sesetengah skrin seperti halaman web, anda juga  
boleh menskrol dari sisi ke sisi.




Menyeret jari anda untuk menskrol tidak akan memilih atau mengaktifkan apa-apa pada skrin.

Kuis untuk menskrol cepat.



Anda boleh menunggu sehingga penskrolan berhenti, atau menyentuh skrin untuk  
menghentikannya serta merta. Menyentuh skrin untuk menghentikan penskrolan tidak akan  
memilih atau mengaktifkan apa-apa.

Untuk menskrol ke bahagian atas senarai, sentuh bar status di bahagian atas skrin.



Seret jari anda sepanjang  
indeks untuk menskrol lebih  
cepat. Sentuh huruf untuk  
melompat ke seksyen.

Sentuh item dalam senarai untuk memilihnya. Bergantung pada senarai, menyentuh item boleh melakukan perkara yang berbeza—contohnya, ia mungkin membuka senarai baru, memainkan lagu, membuka e-mel, atau menunjukkan maklumat hubungan seseorang agar anda dapat memanggilnya.

### Zum masuk atau keluar

Apabila melihat foto, halaman web, e-mel, atau peta, anda boleh zum masuk dan keluar. Cubit jari anda mendekati atau menjauhi satu sama lain. Untuk foto dan halaman web, anda boleh dwisentuh (sentuh dua kali dengan cepat) bagi zum masuk, kemudian dwisentuh sekali lagi bagi zum keluar. Untuk peta, dwisentuh bagi zum masuk dan sentuh sekali dengan dua jari bagi zum keluar.



Zum juga adalah ciri kebolehcapaian yang membolehkan anda membesarkan skrin bagi sebarang aplikasi yang anda gunakan, bagi membantu anda melihat apa yang ada pada paparan. Lihat “Zum” pada halaman 166.



### Memaparkan dalam orientasi potret atau landskap

Banyak aplikasi iPhone membolehkan anda melihat skrin dalam sama ada orientasi potret atau landskap. Pusing iPhone dan paparan turut berpusing, melaras secara automatik untuk muat pada orientasi skrin baru.




Anda mungkin lebih suka orientasi landskap bagi melihat halaman web dalam Safari, atau contohnya, semasa memasukkan teks. Halaman web diskalakan ke skrin yang lebih lebar semasa dalam orientasi landskap, menjadikan teks dan imej lebih besar. Papan kekunci atas skrin juga lebih besar.

Filem yang ditonton dalam Video dan YouTube hanya muncul dalam orientasi landskap. Pandangan jalan dalam Peta turut muncul dalam landskap sahaja.

**Kunci skrin dalam orientasi potret:** Dwiklik butang Utama , kemudian kuis bahagian bawah skrin dari kiri ke kanan, kemudian sentuh .




Ikon kunci orientasi potret  muncul dalam bar status apabila orientasi skrin dikunci.


## Memperibadikan Skrin Utama

### Menyusun semula aplikasi

Anda boleh memperibadikan reka letak ikon aplikasi pada skrin Utama—termasuk ikon dalam Dok sepanjang bahagian bawah skrin. Jika anda inginkan, susun ikon dalam berbilang skrin Utama. Anda juga boleh menyusun aplikasi dengan mengumpulkannya dalam folder.

#### Susun semula ikon:

- 1 Sentuh dan tahan sebarang ikon pada skrin Utama sehingga ia mula bergoyang.
- 2 Susun ikon dengan menyeretnya.
- 3 Tekan butang Utama  untuk menyimpan aturan anda.



<b>Pindahkan ikon ke skrin lain</b>	Semasa menyusun ikon, seret aplikasi ke sisi skrin.
<b>Buat skrin Utama tambahan</b>	Semasa menyusun ikon, kuis skrin Utama paling kanan, kemudian seret ikon ke pinggir kanan skrin. Anda boleh membuat sehingga 11 skrin Utama.
<b>Reset skrin Utama anda ke reka letak lalai</b>	Pergi ke Seting > Umum > Reset, kemudian sentuh Reset Reka Letak Skrin Utama. Merest skrin Utama mengeluarkan sebarang folder yang telah anda buat dan menggunakan hias latar lalai ke skrin Utama anda.

Anda boleh menambah ikon pada skrin utama untuk membuka halaman web kegemaran anda. Lihat “Klip web” pada halaman 80.

Apabila iPhone disambungkan secara fizikal ke komputer anda (dengan Kabel Penyambung Dok ke USB), anda boleh memperibadikan skrin Utama anda menggunakan iTunes. Dalam iTunes, pilih iPhone dalam senarai Devices, kemudian klik Apps di bahagian atas skrin.

## Menyusun dengan folder

Folder membolehkan anda menyusun aplikasi anda pada skrin Utama. Anda boleh meletakkan sehingga 12 aplikasi dalam folder. iPhone menamakan folder secara automatik apabila anda membuatnya, berdasarkan kategori aplikasi yang anda gunakan untuk membuat folder. Anda boleh menukar nama apa-apa sahaja yang anda inginkan. Seperti aplikasi, folder boleh disusun semula dengan menyeretnya ke skrin utama, atau ke Dok.

**Buat folder:** Sentuh aplikasi sehingga ikon skrin Utama mula bergoyang, kemudian seret aplikasi ke atas aplikasi lain.



iPhone membuat folder baru yang termasuk dua aplikasi dan menunjukkan nama folder. Anda boleh menyentuh medan nama dan memasukkan nama lain.



Sentuh folder untuk membukanya, kemudian anda boleh menyentuh untuk membuka aplikasi di dalam. Untuk menutup folder, sentuh di luar folder, atau tekan butang Utama  $\square$ .

Semasa menyusun semula aplikasi:

<b>Tambah aplikasi ke folder</b>	Seret aplikasi ke folder.
<b>Keluarkan aplikasi daripada folder</b>	Sentuh untuk membuka folder, kemudian seret aplikasi keluar daripada folder.
<b>Padam folder</b>	Alih keluar semua aplikasi daripada folder. Folder dipadamkan secara automatik.
<b>Namakan semula folder</b>	Sentuh untuk membuka folder, kemudian sentuh nama di atas dan gunakan papan kekunci bagi memasukkan nama baru.

Apabila anda selesai menyusun skrin Utama anda, tekan butang Utama  $\square$  untuk menyimpan perubahan anda.

## Menambah hias latar

Anda boleh setkan imej atau foto sebagai hias latar untuk Skrin Kunci. Anda juga boleh mengeset hias latar untuk skrin Utama anda. Anda boleh memilih imej yang datang dengan iPhone, foto daripada Jalur Filem anda atau album lain pada iPhone.

### Setkan hias latar:

- 1 Dalam Seting, pilih Hias Latar, sentuh imej Kunci dan skrin Utama, kemudian sentuh Hias Latar atau album.
- 2 Sentuh untuk memilih imej atau foto. Jika anda memilih foto, seret untuk menempatkannya dan cubit bagi zum masuk atau keluar, sehingga ia terpapar seperti yang anda inginkan.
- 3 Sentuh Set, kemudian pilih sama ada anda mahu menggunakan foto sebagai hias latar bagi Skrin Kunci anda, skrin Utama, atau kedua-duanya.

## Menaip

Papan kekunci atas skrin muncul pada bila-bila masa anda perlu menaip.

### Memasukkan teks

Gunakan papan kekunci untuk memasukkan teks. Papan kekunci membetulkan kesalahan ejaan, meramalkan perkataan yang anda sedang taip, dan mempelajarinya sambil anda menggunakannya. Bergantung pada aplikasi yang anda gunakan, papan kekunci pintar mungkin mencadangkan pembetulan semasa anda menaip, untuk membantu mengelakkan perkataan yang ditaip salah.

**Taipkan teks:** Sentuh medan teks untuk memaparkan papan kekunci, kemudian sentuh papan kekunci.

Semasa anda menaip, setiap huruf muncul di atas ibu jari atau jari anda. Jika anda menyentuh kekunci yang salah, anda boleh meluncurkan jari anda ke kekunci yang betul. Huruf tidak dimasukkan sehingga anda mengangkat jari anda daripada kekunci.



Padam aksara sebelumnya	Sentuh <b>X</b> .
Taip dalam huruf besar	Sentuh kekunci Shift ⇧ sebelum menyentuh huruf. Atau sentuh dan tahan kekunci Shift, kemudian luncur ke huruf.
Taip noktah dan ruang dengan cepat	Dwisentuh space bar. Anda boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri ini, pergi ke Seting > Umum > Papan kekunci.
Gunakan pembetulan auto untuk memasukkan "ll"	Taipkan "lll." Contohnya, taip "youlll" untuk mendapatkan "you'll."

<b>Aktifkan caps lock</b>	Dwisentuh kekunci Shift ⇧. Sentuh kekunci Shift sekali lagi untuk menyahaktifkan caps lock. Anda boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri ini dalam Seting > Umum > Papan kekunci.
<b>Masukkan nombor, tanda baca, atau simbol</b>	Sentuh kekunci Nombor 123. Sentuh kekunci Simbol #+= untuk melihat tanda baca dan simbol tambahan.
<b>Setkan pilihan untuk menaip</b>	Pergi ke Seting > Umum > Papan Kekunci.



Untuk menaip aksara alternatif, sentuh dan tahan kekunci, kemudian luncurkan untuk memilih salah satu pilihan.

## Pembetulan auto dan semakan ejaan

Untuk banyak bahasa, iPhone memperbetulkan kesilapan ejaan secara automatik atau membuat cadangan sambil anda menaip. Apabila iPhone mencadangkan perkataan, anda boleh menerima cadangan tanpa mengganggu penaipan anda.

**Nota:** Untuk senarai bahasa yang disokong, lihat [www.apple.com/asia/iphone/specs.html](http://www.apple.com/asia/iphone/specs.html).



Perkataan yang dicadangkan

**Terima cadangan:** Taipkan ruang, tanda baca atau aksara return.

**Tolak cadangan:** Sentuh “x”.

Pada setiap kali anda menolak cadangan untuk perkataan yang sama, iPhone menjadi lebih mungkin untuk menerima perkataan tersebut.

iPhone juga mungkin menggaris bawah perkataan yang telah anda taip yang dieja salah.



<b>Gantikan perkataan yang dieja salah</b>	Sentuh perkataan, kemudian sentuh salah satu ejaan alternatif. Jika perkataan yang anda inginkan tidak muncul, cuma taipnya semula.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan pembetulan auto atau semakan ejaan</b>	Pergi ke Seting > Umum > Papan Kekunci.

## Pintasan dan kamus peribadi anda

Pintasan membolehkan anda menaip hanya beberapa aksara berbanding perkataan atau frasa yang lebih panjang. Teks yang dikembangkan muncul pada bila-bila masa anda menaip pintasan. Contohnya, pintasan “omw” dikembangkan menjadi “On my way!”

**Buat pintasan:** Pergi ke Seting > Umum > Papan kekunci, kemudian sentuh Tambah Pintasan Baru.

Tambah perkataan atau fasa kepada kamus peribadi anda supaya iPhone tidak cuba memperbetulkan atau menggantikannya: Buat pintasan, tetapi biarkan medan Pintasan kosong.


Edit pintasan

Pergi ke Seting > Papan kekunci dan sentuh pintasan.

## Mengedit teks

Skrin sentuh menjadikannya mudah untuk mengubah teks yang anda telah masukkan. Kanta pembesar atas skrin membantu anda menempatkan titik pemasukan betul-betul di mana anda perlukannya. Titik cekup membolehkan anda dengan cepat memilih lebih banyak atau kurang teks. Anda juga boleh memotong, menyalin dan menampal teks dan foto di dalam aplikasi, atau merentasi aplikasi.

**Tempatkan titik pemasukan:** Sentuh dan tahan untuk memaparkan kanta pembesar, kemudian seret bagi menempatkan titik pemasukan.



**Pilih teks:** Sentuh titik pemasukan untuk memaparkan butang pilihan.



Anda juga boleh dwisentuh untuk memilih perkataan. Dalam dokumen baca sahaja, seperti halaman web atau mesej e-mel yang anda terima, sentuh dan tahan untuk memilih perkataan. Seret titik cekup untuk memilih lebih banyak atau kurang teks.



Potong atau salin teks

Pilih teks, kemudian sentuh Potong atau Salin.

Tampal teks

Sentuh titik pemasukan dan sentuh Tampil. Teks terakhir yang anda potong atau salin dimasukkan. Atau pilih seterusnya dan sentuh Tampil untuk menggantikan teks.

Batalkan pengeditan terakhir

Goncang iPhone dan sentuh Batalkan.

Jadikan teks tebal, italik atau bergaris bawah

Bila tersedia, sentuh **B**, kemudian sentuh B/I/U.

Dapatkan definisi perkataan

Bila tersedia, sentuh ►, kemudian sentuh takrifkan.

Dapatkan perkataan alternatif

Bila tersedia, sentuh Cadangkan, kemudian sentuh satu perkataan.

## Reka letak papan kekunci

Anda boleh menggunakan Seting untuk mengeset reka letak papan kekunci bagi papan kekunci perisian dan perkakasan. Reka letak yang tersedia bergantung pada bahasa papan kekunci.

**Pilih reka letak papan kekunci:** Pergi ke Seting > Umum > Papan Kekunci > Papan Kekunci Antarabangsa, kemudian pilih papan kekunci.


Untuk setiap bahasa, anda boleh membuat pemilihan berbeza untuk papan kekunci perisian atas skrin dan papan kekunci perkakasan luaran. Reka letak papan kekunci perisian menentukan reka letak papan kekunci atas skrin iPhone. Reka letak papan kekunci perkakasan menentukan reka letak Papan Kekunci Wayarles Apple yang disambungkan ke iPhone.

## Menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple

Anda boleh menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple (tersedia secara berasingan) untuk menaip pada iPhone. Papan Kekunci Wayarles Apple disambungkan melalui Bluetooth. Lihat “Memasangkan peranti Bluetooth dengan iPhone” pada halaman 35.


Apabila papan kekunci dipasangkan dengan iPhone, ia disambungkan pada bila-bila masa papan kekunci berada dalam julat liputan (sehingga 30 kaki). Anda boleh mengetahui sama ada papan kekunci bersambung jika papan kekunci atas skrin tidak muncul apabila anda menyentuh dalam medan teks. Untuk menjimatkan bateri, matikan atau nyahpasang papan kekunci apabila ia tidak digunakan.

## Rencana

Dengan perencanaan, anda mencipta dan mengedit teks dengan bercakap berbanding menaip. Contohnya, anda boleh merencanakan mesej e-mel, mesej teks dan nota. Perencanaan berfungsi dengan aplikasi pihak ketiga juga, jadi anda boleh melakukan perkara seperti mengemas kini status Facebook anda, menyiarkan Tweet atau menulis dan menghantar Instagrams. Anda boleh merencanakan pada bila-bila masa papan kekunci atas skrin muncul dengan kekunci .



**Nota:** Aktifkan Siri dalam Seting > Umum > Siri. Perencanaan hanya tersedia pada iPhone 4S, dan memerlukan akses Internet melalui sambungan selular atau Wi-Fi. Perencanaan mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa atau di semua kawasan dan cirinya mungkin berbeza mengikut kawasan. Caj data selular mungkin dikenakan.


**Rencanakan teks:** Sentuh  pada papan kekunci. Sentuh Selesai apabila anda selesai.





Untuk menambah teks, sentuh  sekali lagi dan teruskan perencanaan.

Anda boleh menggunakan perencanaan untuk memasukkan perkataan atau menggantikan perkataan yang dipilih. Letakkan titik pemasukan di mana anda inginkan lebih teks, atau pilih teks untuk digantikan, kemudian sentuh  dan rencanakan. Untuk menukar perkataan, dwisentuh perkataan untuk memilihnya, sentuh , kemudian sebutkan perkataan yang anda inginkan.

Anda boleh membawa iPhone ke telinga anda untuk memulakan perencanaan, berbanding menyentuh  pada papan kekunci. Untuk selesai, turunkan iPhone kembali ke bawah di hadapan anda.

**Tambah tanda baca:** Sebutkan tanda baca.

Contohnya, “Dear Mary comma the check is in the mail exclamation mark” menghasilkan “Dear Mary, the check is in the mail!”

## Mencetak

### AirPrint

AirPrint membolehkan anda mencetak secara wayarles ke pencetak yang diupayakan AirPrint. Anda boleh mencetak daripada:




- Mail—mesej dan lampiran e-mel yang boleh dilihat dalam Quick Look
- Foto dan Kamera—foto
- Safari—halaman web, PDF, dan lampiran lain yang boleh dilihat dalam Quick Look
- iBooks—PDF
- Peta—paparan peta yang menunjukkan skrin
- Nota—nota yang dipaparkan sekarang

Aplikasi lain yang tersedia daripada App Store juga mungkin menyokong AirPrint.

Pencetak yang didayakan AirPrint tidak memerlukan persediaan—hanya sambungkan kepada rangkaian Wi-Fi sebagai iPhone. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [support.apple.com/kb/HT4356](http://support.apple.com/kb/HT4356).

### Mencetak dokumen

AirPrint menggunakan rangkaian Wi-Fi anda untuk menghantar kerja cetakan secara wayarles ke pencetak anda. iPhone dan pencetak mesti berada pada rangkaian Wi-Fi yang sama.

**Cetak dokumen:** Sentuh , , atau  (bergantung pada aplikasi yang anda gunakan), kemudian sentuh Cetak. Pilih pencetakan dan pilihan mencetak, kemudian sentuh Cetak.

---

Lihat status kerja cetakan

Dwiklik butang Utama , kemudian sentuh Pusat Cetakan.

---




Aplikasi Pusat Cetakan muncul sebagai aplikasi terbaru apabila dokumen dicetak. Lencana pada aplikasi menunjukkan bilangan dokumen yang dibariskan untuk dicetak.

Jika anda mencetak lebih daripada satu dokumen, pilih tugas cetakan untuk melihat ringkasan statusnya.

---

**Batalkan tugas cetakan**


Dwiklik butang Utama , sentuh Pusat Cetak, pilih tugas cetakan (jika anda mencetak lebih daripada satu dokumen), kemudian sentuh Batal Cetak.

---

## Mencari

Anda boleh mencari banyak aplikasi iPhone, termasuk Kenalan, Mail, Kalendar, Muzik, Mesej, Nota dan Peringatan. Anda boleh mencari aplikasi individu, atau semua aplikasi pada satu masa.



**Cari iPhone:** Pergi ke skrin Carian. (Dari skrin Utama pertama, kuis kanan atau tekan butang Utama ) Masukkan teks dalam medan Carian.

Hasil carian muncul semasa anda menaip. Sentuh item dalam senarai hasil untuk membukanya. Sentuh Cari untuk menyembunyikan papan kekunci dan melihat lebih banyak hasil.

Ikon bersebelahan hasil carian menunjukkan aplikasi daripada mana hasil carian berasal.

iPhone mungkin memaparkan hasil teratas untuk anda, berdasarkan carian terdahulu anda. Hasil carian Safari termasuk pilihan untuk mencari di web atau mencari Wikipedia.

---

<b>Kenalan</b>	Nama pertama, akhir, dan nama syarikat
<b>Mail</b>	Medan Kepada, Daripada dan Subjek dan mesej bagi semua akaun
<b>Kalendar</b>	Tajuk peristiwa, jemputan, lokasi dan nota
<b>Muzik</b>	Muzik (nama lagu, artis, dan album) dan tajuk podcast, video, dan buku audio
<b>Mesej</b>	Nama dan teks mesej
<b>Nota</b>	Teks nota
<b>Peringatan</b>	Tajuk

---

Carian turut mencari nama aplikasi asli dan yang dipasang pada iPhone, jadi jika anda mempunyai banyak aplikasi, anda mungkin mahu menggunakan Carian untuk mencari dan membuka aplikasi.

---

**Buka aplikasi daripada Carian** Masukkan nama aplikasi, kemudian sentuh bagi membuka aplikasi terus daripada hasil carian.

---

Gunakan seting Carian Spotlight untuk menentukan kandungan yang dicari dan urutan hasil dipaparkan. Lihat "Carian Spotlight" pada halaman 179.

## Kawalan Suara

Kawalan Suara membenarkan anda membuat panggilan telefon dan mengawal main balik muzik menggunakan arahan suara. Pada iPhone 4S, anda juga boleh menggunakan Siri untuk mengawal iPhone melalui suara. Lihat Bab 4, "Siri," pada halaman 40.

**Nota:** Kawalan Suara mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa. Kawalan Suara tidak tersedia pada iPhone 4S apabila Siri diaktifkan.



**Gunakan Kawalan Suara:** Tekan dan tahan butang Utama  sehingga skrin Kawalan Suara muncul dan anda mendengar bunyi bip. Anda juga boleh menekan dan menahan butang tengah pada fon kepala iPhone.

Untuk mendapatkan hasil terbaik:

- Bercakap ke mikrofon iPhone sama seperti anda membuat panggilan telefon. Anda juga boleh menggunakan mikrofon pada headset Bluetooth anda atau kit kereta Bluetooth yang serasi.
- Bercakaplah dengan jelas dan secara semula jadi.
- Hanya sebutkan arahan dan nama iPhone dan nombor. Berhenti seketika di antara arahan.
- Gunakan nama penuh.

Untuk maklumat lanjut mengenai menggunakan Kawalan Suara, termasuk maklumat mengenai menggunakan Kawalan Suara dalam bahasa berlainan, pergi ke [support.apple.com/kb/HT3597](http://support.apple.com/kb/HT3597).

Kawalan Suara biasanya mengharapkan anda bercakap arahan suara dalam bahasa yang disetkan untuk iPhone (pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Bahasa). Seting Kawalan Suara membolehkan anda menukar bahasa yang digunakan bagi menyebut arahan suara. Sesetengah bahasa tersedia dalam dialek dan aksen berbeza.

**Tukar bahasa atau negara:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Kawalan Suara dan sentuh bahasa atau negara.

Kawalan Suara untuk aplikasi Muzik adalah sentiasa aktif, tetapi untuk keselamatan lebih baik anda boleh mengelakkan dailan suara apabila iPhone dikunci.

**Elakkan dailan suara apabila iPhone dikunci:** Dalam Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan nyahaktifkan Dail Suara. Buka kunci iPhone untuk menggunakan dailan suara.

Lihat "Pendailan Suara" pada halaman 60 dan "Menggunakan Siri atau Kawalan Suara dengan Muzik" pada halaman 84.

## Pemberitahuan

Pusat Pemberitahuan memaparkan semua isyarat anda di satu tempat, termasuk isyarat mengenai:

- Panggilan telefon dan mesej suara yang tidak dijawab
- E-mel baru
- Mesej teks baru
- Peringatan
- Peristiwa kalendar
- Permintaan rakan (Game Center)
- Cuaca
- Saham


**Tunjukkan Pusat Pemberitahuan:** Seret ke bawah dari atas skrin. Skrol senarai untuk melihat isyarat tambahan.



Isyarat juga muncul pada skrin kunci, atau seketika di atas skrin apabila anda menggunakan iPhone. Anda boleh melihat semua isyarat semasa dalam Pusat Pemberitahuan.

Banyak aplikasi, seperti Telefon, Mesej, Mel dan App Store boleh memaparkan lencana pada ikon skrin Utamanya dengan nombor (untuk menunjukkan item masuk) atau tanda seruan (bagi menunjukkan masalah). Jika aplikasi ini disimpan di dalam folder, lencana muncul di atas folder. Lencana bernombor menunjukkan jumlah item yang anda belum beri perhatian, seperti panggilan telefon, mesej e-mel, mesej teks dan aplikasi yang dikemas kini untuk dimuat turun. Lencana dengan tanda seruan menunjukkan masalah dengan aplikasi.



Balas kepada isyarat dalam Pusat Pemberitahuan	Sentuh isyarat.
Balas kepada isyarat pada skrin kunci	Letret ikon yang dipaparkan dalam isyarat ke kanan.
Keluarkan isyarat daripada Pusat Pemberitahuan	Sentuh  , kemudian sentuh Kosongkan.
Setkan pilihan untuk pemberitahuan	Pergi ke Seting > Pemberitahuan.

## Twitter

Daftar masuk ke akaun Twitter anda (atau buat akaun baru) dalam Seting untuk mendayakan Tweet dengan lampiran daripada aplikasi berikut:

- Kamera atau Foto—dengan foto
- Safari—dengan halaman web
- Peta—dengan lokasi
- YouTube—dengan video

**Daftar masuk atau buat akaun Twitter:** Pergi ke Seting > Twitter. Masukkan nama pengguna atau kata laluan untuk akaun sedia ada, atau sentuh Buat Akaun Baru.





Dalam Kamera atau Foto, sentuh butang Tindakan untuk tweet foto.

Tweet foto.

---


**Tweet foto, video atau halaman web**

Lihat item, sentuh , kemudian sentuh Tweet. Jika  tidak dipaparkan, sentuh skrin.

Untuk memasukkan lokasi anda, sentuh Tambah Lokasi. Perkhidmatan Lokasi mesti diaktifkan dalam Seting > Perkhidmatan Lokasi.


---

**Tweet suatu lokasi dalam Peta**

Sentuh pin lokasi, sentuh , sentuh Kongsi Lokasi, kemudian sentuh Tweet.

---

**Tambah lokasi semasa anda ke Tweet**

Sentuh . Perkhidmatan Lokasi mesti diaktifkan dalam Seting > Perkhidmatan Lokasi.

---

**Tambah nama pengguna dan foto Twitter kepada kenalan anda**

Pergi ke Seting > Twitter, kemudian sentuh Kemas Kini Kenalan.

---

**Aktifkan atau nyahaktifkan Twitter untuk Foto atau Safari**

Pergi ke Seting > Twitter.

---

Apabila anda menulis Tweet, nombor pada penjuru kanan bawah skrin Tweet menunjukkan baki aksara yang boleh anda masukkan. Lampiran menggunakan beberapa daripada 140 aksara pada Tweet.

Anda juga boleh memasang dan menggunakan aplikasi Twitter untuk menyiarkan Tweet, melihat garis masa anda, mencari topik yang semakin popular dan banyak lagi.

**Pasang aplikasi Twitter:** Pergi ke Seting > Twitter, kemudian sentuh Pasang.

Untuk mengetahui cara menggunakan aplikasi Twitter, buka aplikasi, sentuh butang Lagi (...), sentuh Akaun & Seting, sentuh Seting, kemudian sentuh Manual.

## Fon Telinga Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon

Fon Kepala Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon yang disertakan bersama iPhone menampilkan mikrofon, butang kelantangan dan butang bersepadu yang membenarkan anda menjawab dan menamatkan panggilan dengan mudah dan mengawal main balik audio dan video.




Pasang fon telinga untuk mendengar muzik atau membuat panggilan telefon. Tekan butang tengah untuk mengawal main balik muzik dan menjawab atau menamatkan panggilan, walaupun apabila iPhone dikunci.

Jeda lagu atau video	Tekan butang tengah. Tekan sekali lagi untuk meneruskan main balik.
Langkau ke lagu seterusnya	Tekan butang tengah dua kali dengan cepat.
Kembali ke lagu sebelumnya	Tekan butang tengah tiga kali dengan cepat.
Maju pantas	Tekan butang tengah dua kali dengan cepat dan tahan.
Putar balik	Tekan butang tengah tiga kali dengan cepat dan tahan.
Laraskan kelantangan	Tekan butang + atau -.
Jawab panggilan masuk	Tekan butang tengah.
Tamatkan panggilan semasa	Tekan butang tengah.
Tolak panggilan masuk	Tekan dan tahan butang tengah untuk lebih kurang dua saat, kemudian lepaskan. Dua bunyi bip rendah mengesahkan bahawa anda telah menolak panggilan.
Beralih ke panggilan masuk atau menunggu dan tahan panggilan semasa	Tekan butang tengah. Tekan sekali lagi untuk beralih semula ke panggilan pertama.
Beralih ke panggilan masuk atau panggilan menunggu dan tamatkan panggilan semasa	Tekan dan tahan butang tengah untuk lebih kurang dua saat, kemudian lepaskan. Dua bunyi bip rendah mengesahkan bahawa anda telah menamatkan panggilan pertama.
Gunakan Siri atau Kawalan Suara	Tekan dan tahan butang tengah. Lihat Bab 4, "Siri," pada halaman 40 atau "Kawalan Suara" pada halaman 31.



Jika anda mendapat panggilan semasa fon telinga dipasang, anda boleh mendengar nada dering menerusi speaker serta fon telinga iPhone.

## AirPlay


Anda boleh menstrim muzik, foto dan video secara wayarles ke HDTV anda menggunakan AirPlay dan Apple TV. Anda juga boleh menggunakan AirPlay untuk menstrim audio ke stesen pangkalan Airport Express. Penerima didayakan AirPlay yang lain tersedia daripada pihak ketiga. Lawati Apple Store dalam talian untuk mendapatkan butiran.

**Strim kandungan ke peranti didayakan AirPlay:** Mulakan video, pertunjukan slaid, atau muzik, kemudian sentuh  dan pilih peranti AirPlay. Apabila strim bermula, anda boleh keluar daripada aplikasi yang memainkan kandungan.

iPhone dan peranti didayakan AirPlay mesti berada pada rangkaian Wi-Fi yang sama.

Dapatkan akses pantas kepada kawalan AirPlay	Apabila skrin aktif, dwiklik butang Utama  dan skrol ke hujung kiri pada bar berbilang tugas.
Tukar output daripada AirPlay kembali ke iPhone	Sentuh  dan pilih iPhone.

Pada iPhone 4S, anda boleh mencerminkan skrin iPhone pada TV dengan Apple TV. Segalanya pada skrin iPhone muncul di TV.

**Cerminkan skrin iPhone pada TV:** Sentuh  pada hujung kiri bar berbilang tugas, pilih Apple TV dan sentuh butang Pencerminan yang muncul.

Bar biru muncul di bahagian atas skrin iPhone 4S semasa pencerminan AirPlay diaktifkan. Anda juga boleh mencerminkan skrin iPhone pada TV menggunakan kabel. Lihat “Menonton video pada TV” pada halaman 137.

## Peranti Bluetooth

Anda boleh menggunakan iPhone dengan papan Kekunci Wayarles Apple dan peranti Bluetooth lain, seperti headset Bluetooth, kit kereta dan fon kepala stereo. Fon kepala Bluetooth pihak ketiga mungkin menyokong kawalan kelantangan dan main balik. Lihat dokumentasi yang disertakan dengan peranti Bluetooth anda. Untuk profil Bluetooth yang disokong, pergi ke [support.apple.com/kb/HT3647](http://support.apple.com/kb/HT3647).

## Memasangkan peranti Bluetooth dengan iPhone

**AMARAN:** Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengelakkan kehilangan pendengaran dan mengenai pemanduan selamat, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone/](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone/).

Sebelum anda boleh menggunakan peranti Bluetooth dengan iPhone, anda mesti memasangkannya dahulu.

### Pasangkan headset Bluetooth, kit kereta atau peranti lain dengan iPhone:

- 1 Ikut arahan yang disertakan dengan peranti untuk menjadikannya boleh ditemui atau untuk mengesetnya bagi mencari peranti Bluetooth yang lain.
- 2 Pergi ke *Seting* > *Umum* > *Bluetooth* dan aktifkan Bluetooth.
- 3 Pilih peranti pada iPhone dan masukkan kunci laluan atau nombor PIN. Lihat arahan mengenai kunci laluan atau PIN yang disertakan dengan peranti.

Selepas anda memasangkan peranti Bluetooth untuk berfungsi dengan iPhone, anda mesti membuat sambungan supaya iPhone menggunakan peranti untuk panggilan anda. Lihat dokumentasi yang disertakan dengan peranti ini.

Apabila iPhone disambungkan ke headset atau kit kereta Bluetooth, panggilan keluar dihalakan menerusi peranti. Panggilan masuk dihalakan menerusi peranti jika anda jawab menggunakan peranti dan menerusi iPhone jika anda menjawab menggunakan iPhone.

### Pasangkan Papan Kekunci Wayarles Apple dengan iPhone:




- 1 Pergi ke *Seting* > *Umum* > *Bluetooth* dan aktifkan Bluetooth.
- 2 Tekan butang kuasa pada Papan Kekunci Wayarles Apple untuk mengaktifkannya.
- 3 Pada iPhone, pilih papan kekunci yang disenaraikan di bawah *Peranti*.
- 4 Taipkan kunci laluan pada papan kekunci seperti yang diarahkan, kemudian tekan *Return*.

**Nota:** Anda hanya boleh memasang Papan Kekunci Wayarles Apple dengan iPhone pada satu-satu masa. Untuk memasang papan kekunci berlainan, anda mesti membatalkan pasangan papan kekunci semasa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat “Menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple” pada halaman 28.

## Status Bluetooth


Ikon Bluetooth muncul dalam bar status iPhone di bahagian atas skrin:

-  atau : Bluetooth aktif dan dipasangkan dengan peranti. (Warna bergantung pada warna semasa bar status.)
- : Bluetooth aktif dan dipasangkan dengan peranti, tetapi peranti di uar julat liputan atau dimatikan.
- *Tiada ikon Bluetooth*: Bluetooth tidak aktif dan tidak dipasangkan dengan peranti.

## Menyahpasang peranti Bluetooth dengan iPhone

Anda boleh menyahpasang peranti Bluetooth jika anda tidak mahu menggunakannya dengan iPhone dan banyak lagi.

### Batalkan pasangan peranti Bluetooth:

- 1 Pergi ke **Seting > Umum > Bluetooth** dan aktifkan Bluetooth.
- 2 Sentuh  bersebelahan nama peranti, kemudian sentuh “Lupakan Peranti Ini.”

## Bateri

iPhone mempunyai bateri boleh dicas semula dalaman.


## Mengecas bateri

**AMARAN:** Untuk mendapatkan maklumat keselamatan penting mengenai pengecasan iPhone, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone/](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone/).

Ikon bateri di penjuru kanan atas menunjukkan paras bateri atau status pengecasan. Anda juga boleh memaparkan peratusan pengecasan bateri. Pergi ke **Seting > Umum > Penggunaan dan aktifkan seting** di bawah **Penggunaan Bateri**.



**Cas bateri:** Sambungkan iPhone ke saluran kuasa menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB dan penyesuai kuasa USB.





**Nota:** Menyambungkan iPhone ke saluran keluar kuasa boleh memulakan sandaran iCloud atau penyelarasan wayarles iTunes. Lihat “Menyandarkan iPhone” pada halaman 188 dan “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18.

**Cas bateri dan selaraskan iPhone:** Sambungkan iPhone ke komputer anda menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB. Atau sambungkan iPhone ke komputer anda menggunakan kabel dan Dok yang disertakan, tersedia secara berasingan.


Melainkan papan kekunci anda mempunyai port USB 2.0 berkuasa tinggi, anda mesti sambungkan iPhone ke port USB 2.0 pada komputer anda.



**Penting:** Bateri iPhone mungkin kehilangan kuasa berbanding di cas jika iPhone disambungkan ke komputer yang dimatikan atau dalam mod tidur atau bersedia.

Jika anda mengecas bateri semasa menyelaras atau menggunakan iPhone, ia mungkin mengambil masa lebih lama untuk dicas.

**Penting:** Jika iPhone mempunyai kuasa yang rendah, ia mungkin memaparkan salah satu imej berikut, menunjukkan bahawa iPhone perlu dicas sehingga sepuluh minit sebelum anda boleh menggunakannya. Jika iPhone amat rendah kuasanya, paparan mungkin menjadi kosong sehingga selama dua minit sebelum salah satu imej bateri rendah muncul.



## Memaksimumkan hayat bateri

iPhone menggunakan bateri litium-ion. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai cara memaksimumkan hayat bateri iPhone, pergi ke [www.apple.com/my/batteries](http://www.apple.com/my/batteries).

## Menggantikan bateri

Bateri yang boleh dicas semula mempunyai bilangan kitar pengecasan yang terhad dan mungkin akhirnya perlu digantikan. Bateri iPhone tidak boleh digantikan pengguna; ia boleh digantikan hanya oleh pembekal khidmat yang dibenarkan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke [www.apple.com/my/batteries/replacements.html](http://www.apple.com/my/batteries/replacements.html).

## Ciri-ciri keselamatan

Ciri-ciri keselamatan membantu melindungi maklumat pada iPhone daripada diakses oleh orang lain.

## Kod laluan dan perlindungan data

Anda boleh mengeset kod laluan yang anda mesti masukkan setiap kali anda hidupkan atau bangunkan iPhone.

**Setkan kod laluan:** Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan masukkan kod laluan 4 digit, kemudian masukkan kod laluan sekali lagi untuk mengesahkannya. iPhone kemudiannya memerlukan anda memasukkan kod laluan bagi membuka kuncinya atau bagi memaparkan seting kunci kod laluan.

Mengeset kod laluan mengaktifkan perlindungan data. Perlindungan data menggunakan kod laluan anda sebagai kunci untuk mengenkripsikan mesej mel dan lampiran yang disimpan pada iPhone. (Perlindungan data juga mungkin digunakan oleh beberapa aplikasi yang tersedia dari App Store.) Notis di bahagian bawah skrin Kunci Kod Laluan dalam Seting menunjukkan sama ada perlindungan data didayakan.

Untuk meningkatkan keselamatan iPhone, nyahaktifkan Kod Laluan Mudah dan gunakan kod laluan yang lebih panjang dengan kombinasi nombor, huruf, tanda baca dan aksara khas. Lihat “Kunci Kod Laluan” pada halaman 179.

**Penting:** Pada iPhone 3GS yang tidak dihantar dengan iOS 4 atau lebih baru, anda juga mesti memulihkan perisian iOS untuk mendayakan perlindungan data. Lihat “Mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone” pada halaman 190.

**Elakkan dailan suara apabila iPhone dikunci:** Dalam Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan nyahaktifkan Dail Suara. Buka kunci iPhone untuk menggunakan dailan suara.

## Cari iPhone Saya

Cari iPhone Saya membantu anda mencari dan melindungi iPhone anda menggunakan aplikasi Cari iPhone Saya percuma pada iPhone, iPad atau iPod touch atau menggunakan Mac atau penyemak imbas PC yang didaftar masuk ke [www.icloud.com](http://www.icloud.com) atau [www.me.com](http://www.me.com).

Cari iPhone Saya termasuk:

- **Cari pada peta:** Lihat lokasi anggaran iPhone anda pada peta skrin penuh.
- **Hantar Mesej atau Mainkan Bunyi:** Membenarkan anda menulis mesej yang akan muncul pada skrin iPhone anda, atau memainkan bunyi pada kelantangan penuh selama dua minit, walaupun jika suis Dering/Senyap disetkan ke senyap.
- **Kunci Kod Laluan Jauh:** Membenarkan anda mengunci iPhone anda dan membuat kod laluan 4-digit, jika anda tidak mengesetnya sebelumnya.
- **Padam Jauh:** Membenarkan anda melindungi privasi anda dengan memadam semua media dan data pada iPhone, memulihkannya ke seting kilang.

**Penting:** Sebelum anda boleh menggunakan cirinya, Cari iPhone Saya mesti diaktifkan dalam sama ada seting iCloud atau MobileMe pada iPhone anda. Cari iPhone Saya boleh diaktifkan pada satu akaun sahaja.

Aktifkan Cari iPhone Saya menggunakan iCloud	Pergi ke Seting > iCloud dan aktifkan Cari iPhone Saya.
Aktifkan Cari iPhone Saya menggunakan MobileMe	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, sentuh akaun MobileMe, kemudian aktifkan Cari iPhone Saya.

Lihat “iCloud” pada halaman 17 atau “Menyediakan mel dan akaun lain” pada halaman 16.

## Membersihkan iPhone

Bersihkan iPhone dengan segera jika terkena sebarang bahan cemar yang boleh menyebabkan kesan kotoran, seperti dakwat, pewarna, solekan, kotoran, makanan, minyak, atau losen. Untuk membersihkan iPhone, tanggalkan semua kabel dan matikan iPhone (tekan dan tahan butang Hidup/Mati, kemudian luncurkan gelang sar atas skrin). Kemudian gunakan kain lembut bebas lin yang lembap sedikit. Elakkan daripada mendedahkan bukaan terhadap lembapan. Jangan gunakan pembersih tingkap, pembersih rumah, udara termampat, semburan aerosol, pelarut, alkohol, ammonia atau bahan pelelas untuk membersihkan iPhone. Penutup depan iPhone 3GS dan penutup depan dan belakang iPhone 4S dan iPhone 4 diperbuat daripada kaca mempunyai lapisan oleofobik. Untuk membersihkan permukaan ini, hanya sapu dengan kain lembut bebas lin. Keupayaan salutan ini untuk mencegah minyak akan berkurangan sepanjang penggunaan biasa dan menggosok skrin dengan bahan pelelas akan mengurangkan lagi kesannya dan mungkin mencalarakan skrin anda.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai pengendalian iPhone, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting iPhone* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).

## Memulakan semula atau mereset iPhone

Jika sesuatu tidak berfungsi dengan betul, cuba mulakan semula iPhone, menghenti paksa aplikasi, atau mereset iPhone.

**Mulakan semula iPhone:** Tekan dan tahan butang Hidup/Mati sehingga gelang sar merah muncul. Luncurkan jari anda merentasi gelang sar untuk mematikan iPhone. Untuk menghidupkan semula iPhone, tekan dan tahan butang Hidup/Mati sehingga logo Apple muncul.

Jika anda tidak dapat mematikan iPhone atau jika masalah berterusan, anda mungkin perlu mereset iPhone. Reset hanya perlu dilakukan jika mematikan dan menghidupkan iPhone tidak menyelesaikan masalah.

**Henti paksa aplikasi untuk menutup:** Tekan dan tahan butang Hidup/Mati selama beberapa saat sehingga gelang sar merah muncul, kemudian tekan dan tahan butang Utama  $\square$  sehingga aplikasi ditutup.

Anda juga boleh memaksa aplikasi untuk berhenti dengan mengeluarkannya daripada baru berbilang tugas. Lihat "Membuka dan menukar aplikasi" pada halaman 20.

**Reset iPhone:** Tekan dan tahan kedua-dua butang Hidup/Mati dan butang Utama  $\square$  selama sekurang-kurangnya sepuluh saat, sehingga logo Apple muncul.

Untuk lebih banyak cadangan menyelesaikan masalah, lihat Lampiran B, "Sokongan dan Maklumat Lain," pada halaman 188.

## Apakah Siri?

Siri adalah pembantu peribadi pintar yang membantu anda menyelesaikan tugas dengan hanya bercakap. Siri memahami perkataan semula jadi, agar anda tidak perlu mempelajari arahan khusus atau mengingati kata kunci. Anda boleh bertanya perkara dalam cara yang berbeza-beza. Contohnya, anda boleh menyebut "Set the alarm for 6:30 a.m." atau "Wake me at 6:30 in the morning." Walau apa pun, Siri memahaminya.

Siri membolehkan anda menulis dan menghantar mesej, menjadualkan mesyuarat, membuat panggilan telefon, mendapatkan arah, menetapkan peringatan, mencari di web—dan banyak lagi!—hanya dengan bercakap seperti biasa. Siri memahami apa yang anda sebut dan tahu apa yang anda maksudkan. Siri bercakap kembali kepada anda untuk memberitahu anda apa yang didengarinya anda berkata dan bertanya soalan jika ia memerlukan penjelasan atau maklumat lanjut. Pengalaman ini adalah sama seperti mengadakan perbualan dengan orang sebenar.

Contohnya, tanya "Any good burger joints around here?" dan Siri mungkin membalas "I found a number of burger restaurants near you." Jika anda berkata "Hmm. How about tacos," Siri mengingati bahawa anda baru sahaja bertanya mengenai restoran dan kemudian mencari restoran Mexico berhampiran tempat tinggal anda

Selain daripada kuasa pemprosesan dalaman iPhone, Siri menggunakan pusat data Apple untuk memahami apa yang anda sebutkan dan membalas dengan cepat. Siri juga menggunakan maklumat daripada kenalan, pustaka muzik, kalendar, peringatan dan seterusnya untuk mengetahui apa yang anda bercakap.

Siri berfungsi dengan kebanyakan aplikasi terbina dalam pada iPhone 4S dan ia cukup pintar untuk mengetahui aplikasi yang mana perlu digunakan untuk permintaan. Siri turut menggunakan Carian dan Perkhidmatan Lokasi untuk membantu anda dengan permintaan anda.

Terdapat banyak perkara yang anda boleh berkata kepada Siri! Berikut adalah beberapa contoh:

- Call Joe
- Set the timer for 30 minutes
- How far to the nearest Apple store?
- Is it going to rain tomorrow?

**Nota:** Siri hanya tersedia pada iPhone 4S, dan ia memerlukan akses Internet melalui sambungan selular atau Wi-Fi. Siri mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa atau di semua kawasan dan cirinya mungkin berbeza mengikut kawasan. Caj data selular mungkin dikenakan.


## Menggunakan Siri

### Memulakan Siri

Siri muncul hidup dengan satu tekanan butang.

**Mulakan Siri:** Tekan butang Utama  sehingga Siri muncul.

Anda akan mendengar dua bip cepat dan melihat “Bagaimana saya dapat membantu anda?” pada skrin.



Anda hanya perlu bercakap. Ikon mikrofon bernyala untuk menunjukkan kepada anda Siri mendengar apa yang anda bercakap. Setelah anda memulakan dialog dengan Siri, sentuh ikon mikrofon untuk bercakap dengannya sekali lagi.

Siri menunggu sehingga anda berhenti bercakap, tetapi anda juga boleh menyentuh ikon mikrofon untuk memberitahu Siri bahawa anda telah selesai. Ini berguna apabila terdapat banyak hingar di latar belakang. Ia juga boleh mempercepatkan perbualan anda dengan Siri, memandangkan Siri tidak perlu menunggu untuk anda berhenti.


Apabila anda selesai bercakap, Siri memaparkan apa yang didengarinya dan memberikan respons. Siri seringkali menyertakan maklumat tambahan yang berkaitan yang mungkin berguna. Jika maklumat berkaitan dengan aplikasi—contohnya, mesej teks yang anda telah karang, atau lokasi yang anda tanya—hanya sentuh paparan untuk membuka aplikasi untuk butiran dan tindakan lanjutan.



Siri mungkin bertanya anda jika ia memerlukan maklumat lanjut untuk melengkapkan permintaan. Contohnya, beritahu Siri untuk “Remind me to call mom,” dan Siri mungkin bertanya “What time would you like me to remind you?” Jangan risau jika anda memberitahu Siri semuanya sekaligus. Siri menggesa anda untuk butiran yang ia perlukan.

Anda boleh mula bercakap dengan Siri dengan hanya membawa iPhone ke telinga anda, seperti membuat panggilan telefon. Jika skrin tidak hidup—tekan dahulu Hidup/Mati atau butang Utama. Anda akan mendengar dua bip pantas untuk menunjukkan Siri sedang mendengar. Kemudian mula bercakap.

Jika Siri tidak memberi respons apabila anda membawa iPhone ke telinga anda, mula dengan skrin menghadap anda, agar tangan anda berpusing semasa ke atas.




---

**Batalkan permintaan**

Sebutkan "cancel," sentuh , atau tekan butang Utama .

---

**Tamatkan panggilan telefon yang anda mulakan dengan Siri**

Sebelum Telefon terbuka, tekan butang Utama . Jika Telefon sudah terbuka, sentuh Tamat.

---

### Memberitahu Siri mengenai diri anda

Lebih banya Siri mengenali anda, lebih banyak lagi maklumat yang boleh digunakannya untuk membantu anda. Siri mendapat maklumat anda daripada kad maklumat peribadi ("Maklumat Saya") dalam Kenalan.

**Beritahu Siri siapa anda:** Pergi ke Seting > Siri > Maklumat Saya, kemudian sentuh nama anda.

Masukkan alamat rumah dan alamat kerja anda pada kad anda, agar anda boleh berkata perkara seperti "How do I get home?" dan "Remind me to call Bob when I get to work."

Siri juga ingin mengetahui mengenai orang penting dalam hidup anda, jadi nyatakan perhubungan tersebut pada kad maklumat peribadi anda. Siri boleh menetapkannya untuk anda. Contohnya, kali pertama anda memberitahu Siri untuk memanggil adik perempuan anda, Siri bertanya anda siapa adik perempuan anda (jika anda belum lagi mempunyai maklumat tersebut pada kad anda). Siri menambah perhubungan tersebut pada kad maklumat peribadi anda agar ia tidak perlu bertanya pada kali seterusnya.

Cipta kad dalam Kenalan untuk semua perhubungan penting anda dan masukkan maklumat seperti nombor telefon, alamat e-mel, alamat rumah dan kerja dan nama samaran yang anda suka gunakan.

## Panduan atas skrin

Siri memberikan anda contoh perkara yang anda boleh sebutkan, terus pada skrin. Tanya Siri “what can you do” atau sentuh ⓘ bila Siri mula-mula muncul.



## Siri Bebas Tangan

Anda boleh menggunakan Siri dengan Fon Kepala Apple dengan Kawalan Jauh dan Mikrofon yang datang dengan iPhone anda atau dengan fon kepala lain yang disokong dan alat dengar Bluetooth.

**Bercakap kepada Siri menggunakan fon kepala:** Tekan dan tahan butang tengah.

**Bercakap dengan Siri menggunakan alat dengar Bluetooth:** Tekan dan tahan butang panggilan.

Untuk meneruskan perbualan dengan Siri, tekan dan tahan butang setiap kali anda ingin bercakap.

Apabila anda menggunakan fon kepala atau alat dengar, Siri menyebut responsnya kepada anda. Siri membaca kembali mesej teks dan mesej e-mel yang anda telah nyatakan sebelum menghantarnya. Ini memberikan anda peluang untuk menukar mesej jika anda inginkan. Siri turut membaca kembali subjek peringatan sebelum menciptanya.

## Konteks

Siri memberi perhatian kepada di mana anda berada dan apa yang anda sedang lakukan, jadi ia memahami konteksnya. Jika anda baru sahaja menerima mesej teks daripada Bob, cuma sebutkan “Reply” dan Siri tahu ia perlu menghantar mesej teks kepada Bob. Sebutkan “Call him” dan Siri tahu ia perlu memanggil Bob. Siri sentiasa memberitahu anda apa yang ia bakal lakukan.

## Mengeset pilihan untuk Siri

**Aktifkan atau nyahaktifkan Siri:** Pergi ke Seting > Umum > Siri.

**Nota:** Menyahaktifkan Siri akan mereset Siri dan Siri terlupa apa yang dipelajarinya mengenai suara anda.

**Setkan pilihan untuk Siri:** Pergi ke Seting > Umum > Siri.

**Bahasa:** Pilih bahasa yang anda ingin gunakan untuk dengan Siri.

**Maklum Balas Suara:** Secara lalai, Siri menyebut responsnya hanya apabila anda memegang iPhone ke telinga anda atau menggunakan Siri dengan fon telinga atau alat dengar. Jika anda ingin Siri untuk sentiasa mendengar responsnya, setkan pilihan ini ke Sentiasa.

**Maklumat Saya:** Beritahu Siri kad yang mada dalam Kenalan mengandungi maklumat peribadi anda. Lihat “Memberitahu Siri mengenai diri anda” pada halaman 42.

*Angkat untuk Bercakap:* Bercakap kepada Siri dengan membawa iPhone ke telinga anda apabila skrin hidup.

**Benarkan atau halang akses kepada Siri apabila iPhone dikunci dengan kod laluan:** Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan.

Anda juga boleh menyahdayakan Siri dengan mengaktifkan pengehadan. Lihat “Sekatan” pada halaman 180.

## Perkhidmatan Lokasi

Oleh sebab Siri tahu lokasi seperti “current,” “home,” dan “work,” ia boleh mengingatkan anda untuk melakukan tugas tertentu apabila anda meninggalkan lokasi atau tiba di lokasi tersebut. Beritahu Siri “Remind me to call my wife when I leave the office,” dan Siri akan melakukannya.

Maklumat lokasi tidak dijejak atau disimpan di luar telefon. Anda masih boleh menggunakan Siri jika anda menyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi, tetapi Siri tidak akan melakukan apa-apa yang memerlukan maklumat lokasi.

**Nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi untuk Siri:** Pergi ke Seting > Perkhidmatan Lokasi.

## Kebolehcapaian

Siri dapat diakses oleh pengguna buta dan yang mengalami kerosakan penglihatan menerusi VoiceOver, pembaca skrin yang dibina dalam iOS. VoiceOver menerangkan dengan kuat apa yang ada pada skrin—termasuk sebarang teks dalam respons Siri—agar anda boleh menggunakan iPhone tanpa melihatnya.

**Aktifkan VoiceOver:** Pergi ke Seting > Kebolehcapaian.


Mengaktifkan VoiceOver menyebabkan pemberitahuan anda untuk dibaca kepada anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat “VoiceOver” pada halaman 154.

## Memperbetulkan Siri

### Jika Siri menghadapi masalah


Kadangkala Siri mungkin menghadapi masalah memahami anda. Persekitaran yang bising, contohnya, boleh menyukarkan Siri untuk mendengar apa yang anda sebutkan. Jika anda bercakap dengan akses, Siri boleh mengambil sedikit masa untuk biasa dengan suara anda. Jika Siri tidak mendengar anda dengan betul, anda boleh membuat pembetulan.

Siri menunjukkan apa yang didengarinya anda berkata, bersama-sama dengan responsnya.

**Betulan apa yang Siri dengar anda berkata:** Sentuh gelembung yang menunjukkan apa yang Siri dengar anda berkata. Edit permintaan anda dengan menaip, atau sentuh  pada papan kekunci untuk merencanakan.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan perencanaan, lihat “Rencana” pada halaman 57.

Jika beberapa teks digaris bawah dalam warna biru, sentuhnya dan ciri mencadangkan beberapa alternatif. Sentuh salah satu cadangan, atau gantikan teks dengan menaip atau merencanakan.

**Perbetulkan Siri melalui suara:** Sentuh , kemudian nyatakan semula atau jelaskan permintaan anda. Contohnya, “I meant Boston.”

Apabila memperbetulkan Siri, jangan sebut apa yang anda *tidak* mahu—hanya beritahu Siri apa yang anda *inginkan*.

**Perbetulkan mel atau mesej teks:** Jika Siri bertanya sama ada anda ingin menghantar mesej, anda boleh menyatakan sesuatu seperti:



“Change it to: Call me tomorrow.”

“Add: See you there question mark.”

“No, send it to Bob.”

“No.” (untuk menyimpan mesej tanpa menghantarnya)

“Cancel.”


Untuk membolehkan Siri membaca mesej kepada anda, sebutkan “Read it back to me” atau “Read me the message.” Jika ia betul, sebutkan sesuatu seperti “Yes, send it.”

Lihat “Mel” pada halaman 51 dan “Mesej” pada halaman 47.

## Cara Siri belajar

Siri berfungsi dari permulaan tanpa persediaan dan menjadi lebih bagus sepanjang masa. Siri mempelajari akses anda dan ciri-ciri lain pada suara anda dan mengkategorikan suara anda ke dalam salah satu dialeknya atau akses yang ia fahami. Apabila lebih banyak orang menggunakan Siri dan sambil ia didedahkan kepada lebih banyak variasi bahasa, pengecaman akan bertambah baik dan Siri akan berfungsi dengan lebih bagus.

## Persekitaran bising

Dalam persekitaran bising, pegang iPhone anda dekat dengan mulut anda tetapi jangan bercakap terus ke hujung bawah. Teruskan bercakaplah dengan jelas dan secara semula jadi. Sentuh  apabila anda selesai bercakap.

Anda juga boleh mencuba memegang iPhone ke telinga anda untuk bercakap dengan Siri.

## Sambungan rangkaian

Siri mungkin memberitahu anda bahawa ia sedang menghadapi masalah bersambung ke rangkaian. Disebabkan Siri bergantung pada pelayan Apple untuk pengecaman suara dan perkhidmatan lain, anda perlu mempunyai sambungan selular 3G atau 4G atau Wi-Fi ke Internet.

## Siri dan aplikasi

Siri berfungsi dengan kebanyakan aplikasi terbina dalam pada iPhone 4S dan menggunakan aplikasi yang diperlukannya untuk membantu dengan permintaan anda. Siri tahu bila anda menggunakan aplikasi, agar anda boleh merujuk kepada unsur pada skrin anda. Contohnya, semasa membaca mesej dalam Mail, anda boleh menyatakan “Reply, I like it.”

## Telefon

Gunakan Siri untuk membuat panggilan telefon atau memulakan panggilan FaceTime. Anda boleh merujuk kepada keluarga, rakan dan sekutu anda dalam Kenalan, atau sebutkan nombor telefon mana untuk digunakan.

Contohnya:

- Call Jennifer Wright mobile
- Call Susan on her work phone
- Call 408 555 1212
- Call home

- FaceTime Lisa



Menyebut nama pertama dan nama akhir biasanya menjelaskan lagi siapa yang anda ingin panggil, tetapi anda boleh menyebut salah satu sahaja dan membiarkan Siri menentukannya. Siri menyemak Kegemaran anda terlebih dahulu dan jika padanan ditemui, memanggil nombor tersebut. Seterusnya, Siri menyemak semua kenalan anda. Jika terdapat lebih daripada seorang dengan nama yang sama, Siri bertanya anda siapa yang anda ingin panggil. Siri turut bertanya nombor telefon yang mana untuk digunakan jika terdapat lebih daripada satu nombor disenaraikan.

Anda juga boleh meminta Siri untuk memanggil perniagaan dalam kenalan anda.

Pastikan anda memperkenalkan diri anda kepada Siri agar Siri tahu kepada siapa anda merujuk apabila anda meminta untuk membuat panggilan. Lihat "Memberitahu Siri mengenai diri anda" pada halaman 42.

---

**Tamatkan panggilan telefon yang anda mulakan dengan Siri**

Sebelum Telefon terbuka, tekan butang Utama . Jika panggilan telefon sedang berlangsung, sentuh Tamat.

---

## Muzik

Minta Siri untuk memainkan lagu, album atau senarai main. Jeda main balik, kemudian teruskan. Setkan suasana dengan meminta jenis muzik tertentu.

Atau cuma berkata "Play" dan biarkan Siri memilih untuk anda. Jika anda tidak mengenali lagu, tanya Siri "What's playing?"

Berikut adalah beberapa cara anda boleh memainkan muzik dengan Siri:

- Play The Light of the Sun
- Play Trouble
- Play Taking Back Sunday shuffled
- Play Alicia Keys
- Play some blues
- Play my party mix
- Shuffle my roadtrip playlist
- Play
- Pause
- Resume

- Skip

Untuk mendengar lagu yang serupa dengan yang anda sedang dengar, sebutkan "Genius." (Siri mencipta senarai main Genius sementara, tetapi ia tidak disimpan.)

## Mesej

Anda boleh menghantar mesej teks, meminta Siri membaca mesej baru kepada anda dan memberi respons kepada mesej yang anda terima.

Masukkan nama orang untuk dihantar teks, atau tunggu untuk Siri meminta anda kepada siapa anda ingin menghantarnya. Anda boleh menghantar teks ke nombor telefon dan anda boleh menghantar teks kepada lebih daripada seorang pada satu masa.

Untuk menghantar teks, sebutkan perkara seperti:

- Tell Susan I'll be right there
- Send a message to Jason Russell
- Send a message to Lisa saying how about tomorrow?
- Send a message to Susan on her mobile saying I'll be late
- Send a message to 408 555 1212
- Text Jason and Lisa where are you?



Untuk melihat atau mendengar mesej yang anda terima, anda boleh berkata:

- Read me my messages
- Show my new texts
- Read it again

Jika anda baru sahaja menerima mesej tsk atau jika anda membaca mesej yang diterima awal tadi, anda hanya perlu berkata:

- Reply that's great news
- Tell him I'll be there in 10 minutes
- Call her

Siri memahami konteks dan tahu siapa untuk mengalamat jawapan balas.

Sebelum menghantar mesej yang anda karang, Siri memaparkannya atau membacanya kepada anda untuk memastikannya betul. Apabila Siri bertanya sama ada anda ingin menghantar mesej, anda boleh menyatakan sesuatu seperti:

- Change it to: Call me tomorrow

- Add: See you there question mark
- No, send it to Bob
- No (untuk menyipan mesej tanpa menghantarnya)
- Cancel

Ingin mengetag mesej anda dengan muka senyuman? Sebutkan sahaja “smiley face.” :-)

### Mengedit mesej

Jika anda mencipta mesej teks dengan Siri tetapi ia bukan sesuatu yang anda ingin nyatakan dengan tepat, anda boleh meminta Siri menukarnya. Jika ia betul-betul hampir, anda mungkin perlu mengeditnya sahaja. Apabila Siri memaparkan mesej untuk semakan anda, sentuh gelembung mesej untuk membukanya dalam aplikasi Mesej. Kemudian anda boleh mengedit mesej dengan menaip atau merencanakannya. Lihat “Rencana” pada halaman 57.

### Kalendar

Tambah acara baru ke kalendar anda, tukar acara sedia ada atau ketahui apa dalam jadual anda. Apabila anda mencipta acara, anda boleh menentukan masa, tempat, tajuk dan orang yang anda ingin jemput.

Untuk mencipta acara:

- Set up a meeting at 9
- Set up a meeting with Michael at 9
- Meet with Lisa at noon
- Set up a meeting about hiring tomorrow at 9 a.m.
- New appointment with Susan Park Friday at 3
- Schedule a planning meeting at 8:30 today in the boardroom



Untuk menukar atau membatalkan acara:

- Move my 3 p.m. meeting to 4:30
- Reschedule my appointment with Dr. Manning to next Monday at 9 a.m.
- Add Lisa to my meeting with Jason
- Cancel the budget review meeting

Untuk bertanya Siri mengenai acara:

- What does the rest of my day look like?
- What’s on my calendar for Friday?
- When is my next appointment?

- When am I meeting with Michael?
- Where is my next event?

Apabila anda mencipta, menukar atau bertanya mengenai acara, Siri memaparkan maklumat mengenai acara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sentuh acara.

## Peringatan

Siri merupakan cara yang hebat untuk menyediakan peringatan pantas.

Untuk membuat peringatan, sebutkan sesuatu seperti:

- Remind me to call mom
- Remember to take an umbrella
- Remind me take my medicine at 6 a.m. tomorrow
- Remind me when I leave to call Jason
- Remind me to finish the report by 6

Siri bertanya maklumat yang diperlukannya untuk mencipta peringatan, termasuk tarikh, masa dan lokasi.

Memasukkan maklumat lokasi membolehkan Siri mengingatkan anda mengenai item apabila anda mendekati atau meninggalkan lokasi. Lokasi boleh jadi lokasi semasa anda ("here"), atau alamat dalam Kenalan. Untuk memberitahu Siri mengenai lokasi rumah dan pejabat anda, lihat "Memberitahu Siri mengenai diri anda" pada halaman 42.

- Remind me to call my mom when I get home
- Remind me when I get to the office to call my wife
- Remind me to pick up flowers when I leave here
- Remind me to check the time when I get back here

Peringatan ditambah pada senarai peringatan lalai.

**Setkan senarai lalai untuk Peringatan:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Senarai Lalai.

Untuk menyimpan senarai tanpa mengeset masa atau lokasi khusus untuk diingatkan:

- Remember to buy milk
- Add eggs to my groceries list

Jika Siri bertanya bila anda perlu diingatkan, anda boleh menyebut "never."

Jika anda mempunyai senarai yang boleh dilihat dalam Peringatan, anda boleh menambah padanya dengan hanya berkata "Add":

- Add eggs

Apabila anda mencipta peringatan dengan Siri, Siri memaparkannya untuk anda mengesahkan.



Anda boleh mengesahkan, membatalkan atau memberitahu Siri anda ingin menukar sesuatu:

- Change the time to 7
- Make it Tuesday instead
- Change that to: Get the car washed and waxed
- Move it to my Work list
- Move it to my Personal list

Setelah anda mengesahkan peringatan, anda boleh menyentuhnya untuk membuka aplikasi Peringatan dan melihat peringatan dan butirannya.

## Peta

Gunakan Siri untuk mencari lokasi, mendapatkan arah dan melihat keadaan trafik. Contohnya:

- How do I get home?
- Show 1 Infinite Loop Cupertino California
- Directions to my dad's work
- What's the traffic like getting home?
- Find coffee near me
- Find some burger joints in Baltimore
- Find a gas station within walking distance
- Good Mexican restaurants around here

Jika anda bertanya mengenai lokasi, Siri memaparkannya pada peta. Kadangkala Siri pergi terus ke Peta, tetapi anda boleh menyentuh peta untuk membuka aplikasi peta jika Siri tidak membukanya.



Siri mungkin membalas dengan senarai pilihan. Contohnya, jika anda bertanya mengenai restoran burger, Siri mencari restoran burger yang berhampiran dan mengisih senarai mengikut kedudukan. Jika anda bertanya untuk restoran burger terbaik, Siri mengisih mengikut kedudukan. Untuk mengisih senarai dalam cara lain, cuma tanya "which is the best?" atau "which is the closest?"



## Mel

Dengan Siri, anda boleh menghantar mel, menyemak mel anda dan menjawab mel yang anda terima.

Mesej mel memerlukan sekurang-kurangnya seorang penerima, baris subjek (sebutkan "about"), dan teks mesej. Tetapi jangan risau mengenai menyebutkan semuanya pada masa yang sama—Siri akan meminta untuk apa yang diperlukan untuk melengkapkan e-mel.

Untuk menge-mel seseorang:

- Email Lisa about the trip
- New email to Susan Park
- Mail Dad about the rent check
- Email Dr. Manning and say I got the forms, thanks

- Mail Lisa and Jason about the party and say I had a great time



Untuk menyemak mel anda:

- Check email
- Any new email from Michael today?
- Show new mail about the lease
- Show the email from Lisa yesterday

Untuk membalas e-mel:

- Reply Dear Susan sorry about the late payment
- Call him at work

Sebelum menghantar e-mel, Siri memaparkannya atau membacanya kepada anda untuk memastikannya betul. Apabila Siri bertanya sama ada anda ingin menghantar e-mel, anda boleh menyatakan:

- Change it to say: Check's in the mail
- Add John (to include another recipient)
- Change subject to: This weekend

### Mengedit e-mel

Jika anda mencipta e-mel dengan Siri tetapi ia bukan sesuatu yang anda ingin nyatakan dengan tepat, anda boleh meminta Siri menukarnya. Jika ia betul-betul hampir, anda boleh mengeditnya sahaja. Sentuh mesej untuk membukanya dalam aplikasi Mel, kemudian edit dengan menaip atau merencanakannya. Lihat "Rencana" pada halaman 57.

## Cuaca

Gunakan Siri untuk mendapatkan maklumat cuaca. Jika anda tidak memberikan lokasi, Siri menganggap anda inginkan lokasi semasa anda. Jika anda tidak menyatakan masa, Siri menunjukkan ramalan hari ini, tetapi anda boleh bertanya mengenai cuaca pada bila-bila masa dalam minggu akan datang.

- What's the weather for today?
- What's the weather for tomorrow?
- Will it rain in Cupertino this week?
- What's the forecast for this evening?
- How's the weather in Tampa right now?
- How hot will it be in Palm Springs this weekend?



- What's the high for Anchorage on Thursday?
- What's the temperature outside?
- How windy is it out there?
- When is sunrise in Paris?



## Saham

Gunakan Siri untuk mendapatkan petikan dengan cepat untuk saham kegemaran anda. Dapatkan modal pasaran, atau kadar P/E. Tanya mengenai indeks khusus dan situasi umum. Contohnya:

- What's Apple's stock price?
- What's Apple's P/E ratio?
- What did Yahoo close at today?
- How's the Nikkei doing?
- How are the markets doing?
- What's the Dow at?



## Jam

Gunakan Siri untuk mengeset penggera pagi dengan cepat, pemasa untuk kek dalam ketuhar, atau mengetahui masa di destinasi luar negara anda.

Untuk mengeset atau menukar penggera:

- Wake me up tomorrow at 7 a.m.
- Set an alarm for 6:30 a.m.

- Wake me up in 8 hours
- Change my 6:30 alarm to 6:45
- Turn off my 6:30 alarm
- Delete my 7:30 alarm

Apabila anda mengeset penggera, Siri memaparkan penggera agar anda boleh melihat sama ada ia betul. Anda boleh menyentuh suis untuk menghidupkan atau mematikan penggera. Sentuh penggera untuk membukanya dalam aplikasi Jam.



Untuk bertanya mengenai tarikh dan masa:

- What time is it?
- What time is it in Berlin?
- What is today's date?
- What's the date this Saturday?

Siri memaparkan jam untuk anda. Sentuhnya untuk membuka aplikasi Jam.



Untuk menggunakan pemasa:

- Set the timer for ten minutes
- Show the timer
- Pause the timer
- Resume
- Reset the timer

- Stop it

Siri memaparkan pemasa. Sentuhnya untuk membuka aplikasi Jam.



## Kenalan

Siri menggunakan entri anda dalam Kenalan untuk mencari alamat, mencari nombor telefon dan maklumat lain atau memberitahu anda mengenai hari lahir seseorang. Siri turut mengetahui siapa saudara mara anda dengan melihat kad kenalan peribadi anda. Lihat "Memberitahu Siri mengenai diri anda" pada halaman 42.


Untuk bertanya mengenai Kenalan, anda boleh nyatakan:

- What's Michael's address?
- What is Susan Park's phone number?
- When is my wife's birthday?
- Show Jennifer's home email address
- What's my brother's work address?

Untuk mencari kenalan:

- Show Jason Russell
- Find people named Park
- Who is Michael Manning?

Jika anda tidak pasti nombor telefon yang mana untuk digunakan bagi kenalan, tanya Siri untuk menunjukkan maklumat hubungan individu tersebut. Untuk memanggil, hanya sentuh nombor. Item lain turut aktif—sentuh alamat e-mel untuk memulakan mesej e-mel baru, atau sentuh butang FaceTime untuk bercakap secara semuka. “Find John” mungkin membantu anda memperkecilkan senarai kemungkinan, jika anda tahu ia John tetapi tidak dapat mengingati nama akhir.



## Nota

Gunakan Siri secara lisan untuk menulis nota, atau mencari nota yang anda telah cipta. Sebutkan perkara seperti:

- Note that I spent \$12 on lunch
- Note: check out that new Alicia Keys album
- Find my restaurant note
- Create a reading list note
- Add Tom Sawyer to my reading list note

Siri memaparkan nota untuk disemak anda. Untuk mengedit nota, sentuh padanya. Siri membuka aplikasi Nota untuk anda dan anda boleh mengedit nota tersebut dengan menaip atau perencanaan. Lihat “Rencana” pada halaman 57.

## Safari

Anda boleh melakukan carian web dengan Siri—tentukan enjin carian untuk digunakan atau cari tapak seperti Wikipedia. Contohnya:

- Search the web for Bora Bora
- Search for vegetarian pasta recipes
- Search the web for best cable plans
- Google the war of 1812
- Search Wikipedia for Abraham Lincoln
- Search for news about the World Cup
- Bing Alicia Keys

Siri membuka Safari dan menjalankan permintaan carian anda. Jika anda tidak menentukan enjin carian, Siri menggunakan enjin carian yang ditentukan dalam seting Safari. Pergi ke Seting > Safari.

## WolframAlpha

Minta Siri untuk memberikan sedikit maklumat atau menjalankan kiraan, dan Siri mungkin merujuk kepada WolframAlpha ([www.wolframalpha.com](http://www.wolframalpha.com)). Respons seringkali termasuk maklumat berkaitan.



Beberapa sampel soalan dan permintaan:

- How many calories in a bagel?
- What is an 18% tip on \$86.74 for four people?
- Who's buried in Grant's tomb?
- How long do dogs live?
- What is the Gossamer Condor?
- What's the square root of 28?
- How many dollars is 45 euros?
- What was the Best Picture of 1983?
- How many days until Christmas?
- How far away is the sun?
- When is the next solar eclipse?
- Show me the Orion constellation
- What's the population of Jamaica?
- How high is Mt. Everest?
- How deep is the Atlantic Ocean?
- What's the price of gasoline in Chicago?

## Rencana

Apabila Siri diaktifkan, anda juga boleh merencanakan teks. Lihat "Rencana" pada halaman 28.

Walaupun anda boleh mengarang e-mel, mesej teks adan teks lain dengan bercakap terus kepada Siri, anda mungkin lebih menyukai perencanaan. Perencanaan membenarkan anda mengedit mesej berbanding menggantikan keseluruhan teks. Perencanaan turut memberikan anda masa untuk berfikir semasa mengarang.

Siri memahami jeda yang bermaksud anda telah selesai bercakap untuk ketika ini dan mengambil peluang untuk memberi respons. Walaupun ini membolehkan anda berbual secara semula jadi dengan Siri, Siri mungkin mengganggu anda sebelum anda selesai, kerana anda menjeda seketika untuk berfikir. Dengan perencanaan, anda boleh menjeda sekerap yang anda inginkan dan meneruskan percakapan apabila anda sedia.

Anda juga boleh mula mengarang teks menggunakan Siri, kemudian teruskan menggunakan perencanaan. Contohnya, anda boleh mencipta e-mel dengan Siri, kemudian menyentuh draf untuk membuka mesej dalam Mel. Dalam Mail, anda boleh melengkapkan atau mengedit mesej dan membuat perubahan lain, seperti menambah atau mengeluarkan penerima, menyemak semula subjek, atau menukar akaun yang anda gunakan untuk menghantar e-mel.

# Telefon

# 5




## Panggilan telefon

### Membuat panggilan

Membuat panggilan pada iPhone adalah semudah menyentuh nama atau nombor dalam kenalan anda, menggunakan Siri untuk berkata "call bob" (iPhone 4S), menyentuh salah satu kegemaran anda, atau menyentuh panggilan terbaru untuk mengembalikan panggilan. Butang di bawah skrin Telefon memberikan anda akses pantas ke kegemaran anda, panggilan terbaru, kenalan anda dan pad kekunci numerik kerana mendail secara manual.

**AMARAN:** Untuk maklumat penting mengenai pemanduan selamat, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).



### Balas panggilan terlepas

Buat salah satu daripada yang berikut:

- *Telefon:* Sentuh Terbaru, kemudian sentuh nama atau nombor.
- *Skrin dikunci:* Leret ikon yang dipaparkan dalam isyarat ke kanan.
- *Pusat Pemberitahuan:* Sentuh panggilan terlepas.

### Mendail secara manual

Anda boleh menggunakan pad kekunci untuk mendail nombor telefon secara manual.


**Dail nombor:** Sentuh Pad Kekunci, memasukkan nombor, kemudian sentuh Panggilan.


Tampal nombor pada pad kekunci	Sentuh skrin di atas pad kekunci, kemudian sentuh Tampal.
Masukkan jeda lembut (2 saat)	Sentuh kekunci "*" sehingga koma muncul.
Masukkan jeda keras (untuk menjedakan panggilan sehingga anda menyentuh butang Dail)	Sentuh kekunci "#" sehingga koma bernoktah muncul.
Dail semula nombor terakhir	Sentuh Pad Kekunci, sentuh Panggil, kemudian sentuh Panggil sekali lagi.

## Pendailan Suara

Anda boleh menggunakan Siri (iPhone 4S) atau Kawalan Suara untuk memanggil seseorang dalam kenalan anda atau untuk mendail nombor tertentu. Lihat Bab 4, "Siri," pada halaman 40 dan "Kawalan Suara" pada halaman 31.

**Buat panggilan telefon melalui suara:** Aktifkan Siri atau Kawalan Suara, sebutkan "call" atau "dial," kemudian sebutkan nama atau nombor.

*Siri:* Jika skrin tidak aktif, tekan butang Hidup/Mati atau Utama , kemudian pegang iPhone ke telinga anda.

*Kawalan Suara atau Siri:* Tekan dan tahan butang Utama  sehingga anda mendengar nada. Anda juga boleh menekan dan menahan butang tengah pada fon kepala iPhone.

Contohnya:

- Call John Appleseed
- Call John Appleseed at home
- Call John Appleseed, mobile

Untuk hasil terbaik, sebutkan nama penuh orang yang anda panggil. Apabila mendail suara nombor, sebutkan setiap digit secara berasingan—contohnya, sebutkan "four one five, five five five, one two one two."

**Nota:** Untuk kod kawasan "800" dalam A.S., anda boleh menyebut "eight hundred."

## Menerima panggilan

Apabila anda menerima panggilan, sentuh Jawab. Jika iPhone dikunci, seret gelangsar. Anda juga boleh menekan dan menahan butang tengah pada fon kepala iPhone.

Senyapkan panggilan	Tekan butang Hidup/Mati atau mana-mana satu butang kelantangan. Anda masih boleh menjawab panggilan selepas menyenyapkannya, sehingga ia masuk ke mel suara.
Tolak panggilan dan hantarnya terus ke mel suara	Buat salah satu daripada yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tekan butang Hidup/Mati dua kali dengan cepat.</li> <li>• Tekan dan tahan butang tengah pada fon kepala iPhone selama dua saat. Dua bunyi bip rendah mengesahkan bahawa panggilan telah ditolak.</li> <li>• Sentuh Tolak (jika iPhone aktif apabila panggilan masuk).</li> </ul>
Sekat panggilan dan kekalkan akses Wi-Fi kepada Internet	Pergi ke Seting dan pusing Mod Pesawat, kemudian sentuh Wi-Fi untuk mengaktifkannya.

Jika iPhone dimatikan atau dalam Mod Pesawat, panggilan masuk pergi terus ke mel suara.




## Semasa dalam panggilan

Apabila anda dalam panggilan, skrin menunjukkan pilihan panggilan.



Pilihan panggilan mungkin berbeza-beza, bergantung pada iPhone yang anda gunakan.

Gunakan aplikasi lain semasa panggilan	Tekan butang Utama  , kemudian sentuh ikon aplikasi. Untuk membalas panggilan, sentuh bar hijau di bahagian atas skrin.
Tamatkan panggilan	Sentuh Tamatkan Panggilan. Atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone anda.

## Panggilan kedua

Semasa panggilan, anda boleh membuat atau menerima panggilan lain. Jika anda menerima panggilan kedua, iPhone berbunyi bip dan menunjukkan maklumat panggilan dan senarai pilihan.

**Nota:** Membuat dan menerima panggilan kedua mungkin adalah perkhidmatan pilihan di sesetengah kawasan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

### Balas kepada panggilan masuk kedua:

- Untuk mengabaikan panggilan dan menghantarnya ke mel suara: Sentuh Abai.
- Untuk menahan panggilan pertama dan menjawab panggilan baru: Sentuh Pegang Panggilan + Jawab.
- Untuk menahan panggilan pertama dan menjawab panggilan baru: Apabila menggunakan rangkaian GSM, sentuh Tamatkan Panggilan + Jawab. Pada rangkaian CDMA, sentuh Tamatkan Panggilan dan apabila panggilan kedua berdering kembali, sentuh Jawab, atau seret gelangar jika telefon dikunci.

Jika anda dalam panggilan video FaceTime, anda boleh sama ada menamatkan panggilan video dan menjawab panggilan masuk, atau menolak panggilan masuk.

<b>Buat panggilan kedua</b>	Sentuh Tambah Panggilan. Panggilan pertama ditahan.
<b>Bertukar antara panggilan</b>	Sentuh Tukar. Panggilan aktif ditahan. Dengan CDMA, anda tidak boleh bertukar antara panggilan jika panggilan kedua adalah panggilan keluar, tetapi anda boleh menggabungkan panggilan. Jika anda menamatkan panggilan kedua atau panggilan yang digabungkan, kedua-dua panggilan akan ditamatkan.
<b>Gabung panggilan</b>	Sentuh Gabung Panggilan. Dengan CDMA, anda tidak boleh menggabungkan panggilan jika panggilan kedua adalah panggilan masuk.


## Panggilan sidang

Dengan GSM, anda boleh menyediakan panggilan sidang untuk bercakap dengan sehingga lima orang pada satu masa, bergantung pada pembawa anda.

**Nota:** Panggilan persidangan mungkin merupakan perkhidmatan pilihan di sesetengah kawasan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat.

### Mulakan panggilan sidang:

- 1 Buat panggilan.
- 2 Sentuh Tambah Panggilan dan buat panggilan lain. Panggilan pertama ditahan.
- 3 Sentuh Gabung Panggilan. Panggilan digabungkan ke dalam satu talian dan setiap orang boleh mendengar satu sama lain.
- 4 Ulangi langkah kedua dan ketiga untuk menambah panggilan tambahan.

<b>Tamatkan satu panggilan</b>	Sentuh Sidang dan sentuh  bersebelahan panggilan. Kemudian sentuh Tamatkan Panggilan.
<b>Cakap secara peribadi dengan salah satu panggilan</b>	Sentuh Sidang, kemudian sentuh Peribadi bersebelahan salah satu panggilan. Sentuh Gabung Panggilan untuk meneruskan panggilan sidang.
<b>Tambah panggilan masuk</b>	Sentuh Tahan Panggilan + Jawab, kemudian sentuh Gabung Panggilan.

Jika perkhidmatan anda termasuk panggilan sidang, iPhone sentiasa mempunyai talian kedua yang tersedia selain daripada panggilan sidang.

**Nota:** Anda tidak boleh membuat panggilan video FaceTime apabila anda dalam panggilan sidang.

## Menggunakan peranti Bluetooth untuk panggilan

Anda juga boleh membuat dan menerima panggilan menggunakan peranti Bluetooth yang dipasangkan dengan iPhone. Lihat "Memasangkan peranti Bluetooth dengan iPhone" pada halaman 35.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan peranti Bluetooth, lihat dokumentasi yang disertakan dengan mesin tersebut.

### Langkau peranti Bluetooth anda:

- Jawab panggilan dengan menyentuh skrin iPhone.
- Semasa panggilan, sentuh Audio dan pilih iPhone atau Telefon Speaker.
- Nyahaktifkan Bluetooth dalam Seting > Umum > Bluetooth.
- Nyahaktifkan peranti Bluetooth, atau bergerak ke luar liputan. Anda mesti berada dalam lingkungan 30 kaki peranti Bluetooth untuknya disambungkan ke iPhone.

## Panggilan kecemasan

Jika iPhone dikunci dengan kod laluan, anda mungkin masih dapat membuat panggilan kecemasan.

**Buat panggilan telefon apabila iPhone dikunci:** Pada skrin Masukkan Kod Laluan, sentuh Panggilan Kecemasan, kemudian masukkan nombor kecemasan dan sentuh butang hijau.

Dalam A.S., maklumat lokasi (jika tersedia) diberikan kepada pembekal khidmat kecemasan apabila anda mendail 911.

Dengan CDMA, apabila panggilan kecemasan tamat, iPhone memasuki *mod Panggilan kecemasan* untuk membenarkan panggilan kembali daripada perkhidmatan kecemasan. Semasa dalam mod ini, transmisi data dan mesej teks disekat.

**Keluar daripada mod panggilan kecemasan (CDMA):** Buat salah satu daripada yang berikut:

- Sentuh butang balik.
- Tekan butang Hidup/Mati atau butang Utama  $\square$ .
- Gunakan pad kekunci untuk mendail nombor bukan kecemasan.

Mod panggilan kecemasan tamat secara automatik selepas beberapa minit, seperti yang ditentukan oleh pembawa anda.

**Penting:** Anda tidak boleh bergantung pada peranti wayarles untuk komunikasi penting, seperti kecemasan perubatan. Gunakan iPhone untuk memanggil perkhidmatan kecemasan mungkin tidak berfungsi dalam semua kawasan atau semua keadaan operasi. Nombor dan perkhidmatan kecemasan mungkin berbeza mengikut rantau dan kadangkala sesetengah panggilan kecemasan tidak boleh dibuat akibat ketersediaan rangkaian atau gangguan alam sekitar. Sesetengah rangkaian selular mungkin tidak menerima panggilan kecemasan daripada iPhone jika iPhone tidak diaktifkan, jika iPhone tidak serasi dengan atau dikonfigurasi untuk beroperasi pada rangkaian selular yang khusus, atau (bila perlu) jika iPhone tidak mempunyai SIM atau jika SIM dikunci PIN. Jika anda dalam panggilan video FaceTime, anda mesti menamatkan panggilan tersebut sebelum anda boleh memanggil panggilan kecemasan.

## FaceTime


Panggilan video FaceTime (iPhone 4 atau lebih baru) membolehkan anda melihat serta mendengar orang yang anda sedang bercakap. Anda boleh membuat panggilan video kepada seseorang dengan Mac atau peranti iOS yang menyokong FaceTime. Tiada persediaan diperlukan, tetapi anda mesti mempunyai sambungan Wi-Fi kepada Internet. Secara lalai, FaceTime menggunakan kamera depan agar orang yang anda panggil melihat muka anda; bertukar ke kamera belakang untuk berkongsi apa yang anda lihat di sekeliling anda.

**Nota:** FaceTime mungkin tidak tersedia dalam semua kawasan.

**Buat panggilan FaceTime:** Dalam Kenalan, pilih nama, sentuh FaceTime, kemudian sentuh alamat e-mel atau nombor telefon yang digunakan individu tersebut untuk FaceTime.

Untuk memanggil seseorang yang mempunyai iPhone 4 atau lebih baru, anda boleh mula membuka panggilan suara, kemudian sentuh FaceTime.

Apabila panggilan suara diwujudkan, imej orang lain muncul atas skrin anda. Sisipan menunjukkan apa yang dilihat orang lain. Pusing iPhone untuk menggunakan FaceTime dalam orientasi landskap.



Jika rangkaian Wi-Fi anda tidak tersedia (contohnya, jika anda di luar liputan), anda mendapat pilihan untuk mendail semula nombor untuk panggilan suara.

**Nota:** Apabila anda membuat panggilan video FaceTime, nombor telefon anda dipaparkan walaupun jika ID pemanggil disekat atau dimatikan.

Buat panggilan FaceTime menggunakan Siri atau Kawalan Suara	Tekan dan tahan butang Utama sehingga anda mendengar nada. Dengan Siri (iPhone 4S), anda juga boleh memegang iPhone ke telinga anda semasa skrin aktif. Sebutkan "FaceTime," diikuti nama orang untuk dipanggil.
Sekat panggilan FaceTime	Pergi ke Seting > FaceTime dan nyahaktifkan FaceTime. Anda juga boleh menyahdayakan FaceTime dalam Sekatan. Lihat "Sekatan" pada halaman 180.
Gunakan Apple ID atau alamat e-mel anda untuk FaceTime	Pergi ke Seting > FaceTime, kemudian sentuh "Gunakan Apple ID anda untuk FaceTime" atau Tambah E-mel. Lihat "FaceTime" pada halaman 63.

## Mel suara visual

### Menyediakan mel suara

Pada iPhone, mel suara visual membolehkan anda melihat mesej anda dan memilih yang mana untuk didengari atau dipadam, tanpa perlu mendengar kepada arahan atau mesej terdahulu.

**Nota:** Mel suara visual mungkin tidak tersedia di semua kawasan, atau mungkin merupakan perkhidmatan pilihan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat lanjut. Jika mel suara visual tidak tersedia, sentuh Mel suara dan ikut arahan suara untuk mengambil mesej anda.



Bilangan panggilan tidak dijawab dan mesej mel suara yang belum didengari.

Kali pertama anda menyentuh Mel Suara, iPhone menggesa anda untuk membuat kata laluan mel suara dan merakamkan ucapan mel suara anda.

**Tukar ucapan anda:** Sentuh Mel Suara, sentuh Ucapan, kemudian sentuh Tersuai. Sentuh Rakam dan sebutkan ucapan anda. Apabila anda selesai, sentuh Henti.

Untuk mendengar semula, sentuh Main. Untuk merakam semula, sentuh Rakam sekali lagi. Sentuh Simpan apabila anda berpuas hati.

---


Gunakan ucapan lalai pembawa anda	Sentuh Mel Suara, sentuh Ucapan, kemudian sentuh Lalai.
Setkan bunyi isyarat untuk mel suara baru	Pergi ke Seting > Bunyi, kemudian aktifkan Mel Suara Baru. Isyarat berbunyi sekali untuk setiap mel suara baru. Jika suis Dering/Senyap dimatikan, iPhone tidak akan membunyikan isyarat.
Tukar kata laluan mel suara	Pergi ke Seting > Telefon > Tukar Kata laluan Mel Suara.

---

## Menyemak mel suara

Apabila anda menyentuh Telefon, iPhone menunjukkan panggilan suara yang terlepas dan mesej mel suara yang belum didengari.

Sentuh Mel suara untuk melihat senarai mesej anda.



**Dengar mesej mel suara:** Sentuh Mel Suara, kemudian sentuh mesej.

Jika anda sudah mendengar mesej, sentuh mesej sekali lagi untuk memaikkannya semula.

Gunakan || dan ► untuk menjeda dan meneruskan main balik.

Selepas anda mendengar mesej, ia disimpan sehingga pembawa anda memadamnya.

---

Semak mel suara dari telefon lain	Dail nombor anda sendiri atau nombor akses jauh pembawa anda.
-----------------------------------	---

---

## Memadam mesej

**Padam mesej:** Leret atau sentuh mesej, kemudian sentuh Padam.

**Nota:** Di beberapa kawasan, mesej mel suara visual yang dipadam mungkin dipadam secara kekal oleh pembawa anda.

Dengar mesej yang dipadam	Sentuh Mesej Dipadam (pada penghujung senarai), kemudian sentuh mesej.
Nyahpadam mesej	Sentuh Mesej yang telah Dipadam (pada penghujung senarai), kemudian sentuh mesej dan sentuh Nyahpadam.
Padam mesej secara kekal	Sentuh Mesej Dipadam (pada penghujung senarai), kemudian sentuh Kosongkan Semua.


## Kenalan




Dari skrin Maklumat kenalan, satu sentuhan cepat membolehkan anda membuat panggilan telefon, membuat mesej e-mel baru, mencari lokasi mereka dan banyak lagi. Lihat "Mencari kenalan" pada halaman 133.

## Kegemaran

Kegemaran memberikan anda akses pantas kepada nombor telefon yang kerap digunakan anda.

**Tambah nombor telefon kenalan ke senarai kegemaran anda:** Sentuh Kenalan, kemudian pilih kenalan. Sentuh "Tambah ke Kegemaran." Pilih nombor telefon atau alamat e-mel (untuk panggilan FaceTime). Pada iPhone 4 atau kemudian, pilih sama ada untuk menyimpan sebagai panggilan suara atau FaceTime.

Untuk memanggil kegemaran, sentuh Kegemaran dan pilih kenalan. Jika  muncul bersebelahan nama, iPhone membuat panggilan FaceTime.

Tambah kenalan ke kegemaran daripada senarai terbaru	Sentuh Terbaru dan sentuh  bersebelahan nama kenalan, kemudian sentuh "Tambah ke Kegemaran."
Padam kenalan daripada kegemaran anda	Sentuh Kegemaran dan sentuh Edit. Kemudian sentuh  bersebelahan kenalan atau nombor dan sentuh Keluarkan.
Susun semula senarai kegemaran anda	Sentuh Kegemaran dan sentuh Edit. Kemudian seret  bersebelahan kenalan ke tempat baru dalam senarai.

## Pemajuan panggilan, panggilan menunggu dan ID pemanggil

### Memajukan panggilan


Anda boleh setkan iPhone untuk memajukan panggilan telefon masuk ke nombor lain.

**Nota:** Panggilan FaceTime tidak akan dimajukan.

**Aktifkan pemajuan panggilan (GSM):** Pergi ke Seting > Telefon > Pemajuan Panggilan dan aktifkan Pemajuan Panggilan. Pada skrin "Majukan ke", masukkan nombor telefon yang anda mahu panggilan dimajukan.

**Aktifkan pemajuan panggilan (CDMA):** Masukkan \*72, diikuti dengan nombor ke mana anda majukan panggilan, kemudian sentuh Panggil.

Untuk menyahaktifkan pemajuan panggilan (CDMA), masukkan \*73, kemudian sentuh Panggilan.

Dengan GSM, ikon Pemajuan Panggilan  muncul dalam bar status apabila pemajuan panggilan aktif. Anda mesti berada dalam julat rangkaian selular apabila anda setkan iPhone untuk memajukan panggilan, atau panggilan tidak akan dimajukan.

## Panggilan menunggu

Panggilan menunggu memberikan anda pilihan untuk mengambil panggilan masuk apabila anda sudah dalam panggilan. Anda boleh:

- Mengabaikan panggilan masuk
- Pegang panggilan semasa dan jawab panggilan masuk
- Tamatkan panggilan semasa dan jawab panggilan masuk

Jika anda dalam panggilan dan panggilan menunggu dinyahaktifkan, panggilan masuk akan masuk terus ke mel suara. Lihat “Panggilan kedua” pada halaman 61.

**Aktifkan panggilan menunggu (GSM):** Pergi ke Seting > Telefon > Panggilan Menunggu.

Dengan CDMA, panggilan menunggu aktif secara lalai, tetapi boleh dinyahdayakan untuk panggilan tunggal.

**Nyahdayakan panggilan menunggu untuk panggilan (CDMA):** Masukkan \*70, kemudian dail nombor.

## ID Pemanggil

ID pemanggil memaparkan nama atau nombor telefon anda kepada orang yang anda panggil—jika kelengkapan penerima mempunyai keupayaan tersebut dan anda tidak menyahaktifkan atau menyekat ciri tersebut.

**Nota:** Untuk panggilan FaceTime, nombor telefon anda dipaparkan walaupun jika ID pemanggil disekat atau dinyahaktifkan.

**Aktifkan atau nyahaktifkan ID pemanggil (GSM):** Pergi ke Seting > Telefon > Tunjukkan ID Pemanggil Saya.

Dengan CDMA, ID pemanggil aktif secara lalai, tetapi boleh dinyahdayakan untuk panggilan tunggal.

**Sekat ID pemanggil untuk panggilan (CDMA):** Masukkan \*67, kemudian dail nombor.

## Nada dering, suis Dering/Senyap dan getar

iPhone datang dengan nada dering yang berbunyi untuk panggilan masuk, penggera Jam dan pemasa Jam. Anda juga boleh membeli nada dering dari lagu dalam iTunes. Gunakan suis Dering/Senyap untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan pendering dan seting Bunyi untuk mengeset pilihan getaran. Secara lalai, iPhone bergetar sama ada ia dalam mod dering atau mod senyap.

**Set nada dering lalai:** Pergi ke Seting > Bunyi > Nada Dering.

**Hidupkan atau matikan pendering:** Petik suis di sebelah iPhone. Lihat “Suis Dering/Senyap” pada halaman 11.

**Penting:** Penggera jam masih berbunyi jika anda memetik suis Dering/Senyap ke senyap.

**Setkan iPhone untuk bergetar:** Pergi ke Seting > Bunyi. Kawalan berasingan membolehkan anda mengeset getaran untuk kedua-dua mod dering dan senyap.

---

**Berikan nada dering berlainan kepada kenalan**

Dalam Kenalan, pilih kenalan, sentuh edit, kemudian sentuh Nada Dering dan pilih nada dering.

---

**Beli nada dering daripada iTunes Store**

Lihat “Membeli muzik, buku audio dan nada” pada halaman 124.

---

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat “Bunyi dan suis Dering/Senyap” pada halaman 175.

## Panggilan antarabangsa

### Membuat panggilan antarabangsa dari kawasan rumah anda

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara membuat panggilan dari kawasan rumah anda, termasuk kadar dan caj lain yang mungkin dikenakan, hubungi pembawa anda atau pergi ke laman web pembawa anda.

### Menggunakan iPhone di luar negara

Apabila dalam perjalanan di luar negara, anda mungkin dapat menggunakan iPhone untuk membuat panggilan, hantar dan terima mesej teks dan gunakan aplikasi yang mengakses Internet, bergantung pada rangkaian tersedia.

**Dayakan perayauan antarabangsa:** Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat mengenai ketersediaan dan bayaran.

**Penting:** Cas perayauan suara, mesej teks dan data mungkin dikenakan. Untuk mengelakkan cas untuk panggilan telefon dan data yang dihantar melalui rangkaian selular (termasuk mel suara visual) apabila dalam perayauan di luar rangkaian pembawa anda, nyahaktifkan Perayauan Suara dan Perayauan Data.

Jika anda memiliki iPhone 4S yang telah diaktifkan untuk berfungsi pada rangkaian CDMA, anda mungkin dapat merayau pada rangkaian GSM jika telefon mempunyai pemasangan kad SIM. Lihat "Memasang kad SIM" pada halaman 14. Apabila merayau dalam rangkaian GSM, iPhone mempunyai akses kepada ciri-ciri rangkaian GSM. Caj mungkin dikenakan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

<b>Nyahaktifkan Perayauan Suara pada rangkaian CDMA</b>	Pergi ke Seting > Umum > Rangkaian. Menyahaktifkan Perayauan Suara menyahdayakan panggilan telefon apabila anda di luar rangkaian pembawa anda.
<b>Nyahaktifkan Perayauan Data</b>	Pergi ke Seting > Umum > Rangkaian. Menyahaktifkan Perayauan Data menyahdayakan transmisi data melalui rangkaian selular. Aplikasi yang bergantung pada akses Internet dinyahdayakan melainkan iPhone mempunyai akses kepada Internet melalui sambungan Wi-Fi. Penghantaran mel suara visual digantung apabila dalam perayauan melainkan pembawa anda tidak mengenakan cas untuknya.
<b>Setkan iPhone untuk menambah awalan yang betul apabila mendail dari negara lain</b>	Pergi ke Seting > Telefon, kemudian aktifkan Bantuan Antarabangsa (tidak tersedia dalam semua kawasan). Ini membolehkan anda menggunakan kenalan dan kegemaran untuk membuat panggilan A.S. tanpa perlu menambah awalan atau kod negara.
<b>Setkan pembawa untuk digunakan</b>	Pergi ke Seting > Pembawa. Pilihan ini tersedia hanya apabila anda dalam perjalanan di luar rangkaian pembawa anda dan dengan pembawa yang mempunyai perjanjian perayauan dengan pembekal khidmat anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat "Pembawa" pada halaman 175.
<b>Gunakan rangkaian GSM di luar negara dengan iPhone yang diaktifkan CDMA.</b>	Pergi ke Seting > Rangkaian > Perayauan, kemudian nyahaktifkan CDMA Antarabangsa.
<b>Dapatkan mel suara apabila mel suara visual tidak tersedia</b>	Dail nombor anda sendiri (dengan CDMA, dail nombor anda diikuti dengan #), atau sentuh dan tahan "1" pada pad kekunci numerik.
<b>Nyahaktifkan data selular</b>	Pergi ke Seting > Umum > Rangkaian.



---

<b>Nyahaktifkan perkhidmatan selular</b>	Pergi ke Seting, sentuh Mod Pesawat bagi mengaktifkannya, kemudian sentuh Wi-Fi dan aktifkan Wi-Fi. Panggilan telefon masuk dihantar terus ke mel suara. Untuk membuat dan menerima panggilan sekali lagi dan mendapatkan mesej mel suara anda, nyahaktifkan mod pesawat.
--	--

---

## Pilihan seting untuk Telefon

Dalam Seting, pergi ke Telefon untuk:

- Lihat nombor telefon untuk iPhone anda
- Aktifkan atau nyahaktifkan pemajuan panggilan, panggilan menunggu dan ID pemanggil (GSM)
- Aktifkan atau nyahaktifkan TTY
- Tukar kata laluan mel suara anda (GSM)
- Nyahaktifkan atau aktifkan bantuan antarabangsa—apabila memanggil dari luar negara, bantuan antarabangsa membenarkan anda untuk memanggil kenalan dan kegemaran dalam A.S. tanpa perlu menambah awalan atau kod negara (GSM)
- Kunci SIM ada untuk memerlukan PIN apabila anda menghidupkan iPhone (diperlukan oleh sesetengah pembawa)

Dalam Seting, pergi ke FaceTime untuk:

- Aktifkan atau nyahaktifkan FaceTime
- Gunakan Apple ID anda untuk FaceTime
- Tambah alamat e-mel untuk FaceTime

Untuk mengeset nada dering, pilihan getaran dan bunyi untuk mel suara baru, pergi ke Seting > Bunyi. Lihat juga “Bunyi dan suis Dering/Senyap” pada halaman 175.



Mail berfungsi dengan iCloud, Microsoft Exchange dan kebanyakan sistem mel paling popular—termasuk Yahoo!, Google, dan AOL—dan juga kebanyakan sistem mel POP3 dan IMAP yang menjadi standard industri. Anda boleh menghantar dan menerima foto, video dan grafik, dan melihat PDF dan lampiran lain. Anda boleh mencetak mesej dan lampiran yang dibuka dalam Quick Look.

## Menyemak dan membaca e-mel

Dalam Mail, skrin Peti Mel memberikan anda akses cepat ke semua peti masuk anda dan peti mel yang lain.

Apabila anda membuka peti mel, Mail mengambil dan memaparkan mesej terbaru. Anda boleh mengeset bilangan mesej yang diambil dalam seting Mail anda. Lihat “Akaun dan seting Mail” pada halaman 74.



### Susun mesej mengikut jalaran

Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan Susun Mengikut Jalaran.

Jika anda menyusun mesej mengikut jalaran, mesej yang berkaitan akan muncul sebagai entri tunggal dalam peti mel. Lihat “Akaun dan seting Mail” pada halaman 74.

### Semak untuk mesej baru

Pilih peti mel, atau sentuh  pada bila-bila masa.

### Muat mesej tambahan

Tatal ke bahagian bawah senarai mesej dan sentuh Muat Lagi Mesej.

Zum masuk pada sebahagian daripada mesej	Dwisentuh kawasan untuk mengezum masuk padanya. Dwisentuh sekali lagi untuk zum keluar. Atau cubit buka atau tutup untuk zum masuk atau keluar.
Saizkan semula sebarang lajur teks untuk muat pada skrin	Dwisentuh teks.
Lihat semua penerima mesej	Sentuh Butiran. Sentuh nama atau alamat e-mel untuk melihat maklumat hubungan penerima, kemudian sentuh nombor telefon atau alamat e-mel untuk menghubungi orang.
Tambah penerima e-mel pada senarai kenalan anda	Sentuh mesej dan, jika perlu, sentuh Butiran untuk melihat penerima. Kemudian sentuh nama atau alamat e-mel dan sentuh Buat Kenalan Baru atau "Tambah ke Kenalan Sedia ada."
Benderakan atau tandakan mesej sebagai belum dibaca	Buka mesej dan jika perlu, sentuh Butiran. Kemudian sentuh Tanda. Untuk menandakan berbilang mesej sebagai belum di baca, lihat "Menyusun mel" pada halaman 73.
Buka jemputan mesyuarat	Sentuh jemputan. Lihat "Membalas jemputan" pada halaman 92.

## Bekerja dengan berbilang akaun





Jika anda menyediakan lebih daripada satu akaun, seksyen Akaun pada skrin Peti Mel membolehkan anda mengakses akaun anda. Anda juga boleh menyentuh Semua Peti Masuk untuk melihat semua mesej masuk anda dalam satu senarai. Untuk maklumat mengenai menyediakan akaun mel tambahan, lihat "Akaun dan seting Mail" pada halaman 74.






Apabila menulis mesej baru, sentuh medan Daripada untuk memilih akaun dari mana untuk menghantar mesej.

## Menghantar mel

Anda boleh menghantar mesej e-mel kepada sesiapa sahaja yang mempunyai alamat e-mel.

**Karang mesej:** Sentuh 

Tambah penerima daripada Kenalan	Taipkan nama atau alamat e-mel dalam medan Kepada, atau sentuh  .
Susun semula penerima	Untuk memindahkan penerima dari satu medan ke medan yang lain, seperti dari Kepada ke Sk, seret nama penerima ke lokasi baru.
Jadikan teks tebal, italik atau bergaris bawah	Sentuh titik pemasukan untuk memaparkan butang pilihan, kemudian sentuh Pilih. Seret titik untuk memilih teks yang anda mahu tambah gaya. Sentuh  , kemudian sentuh B/I/U. Sentuh Tebal, Italik atau Garis Bawah untuk menggunakan gaya.
Hantar foto atau video dalam mesej e-mel	Dalam Foto, pilih foto atau video, sentuh  , kemudian sentuh E-mel Foto atau E-mel Video. Anda juga boleh menyalin dan menampal foto dan video. Untuk menghantar berbilang foto atau video, sentuh  sambil melihat imej kecil dalam album. Sentuh untuk memilih foto dan video, sentuh Kongsi, kemudian sentuh E-mel.

<b>Simpan draf mesej untuk dilengkapkan kemudian</b>	Sentuh Batal, kemudian sentuh Simpan. Mesej di simpan dalam peti mel Draf. Sentuh dan tahan  untuk mengaksessnya dengan cepat.
<b>Balas kepada mesej</b>	Sentuh  , kemudian sentuh Balas. Fail atau imej yang dilampirkan pada mesej asal tidak akan dihantar balik. Untuk memasukkan lampiran, majukan mesej daripada membalasnya.
<b>Petik sebahagian daripada mesej yang anda balas atau majukan</b>	Sentuh dan tahan untuk memilih teks. Seret titik cekup untuk memilih teks yang anda mahu masukkan dalam balasan anda, kemudian sentuh  . Untuk menukar indentasi teks yang dipetik, sentuh dan tahan teks yang dipilih, kemudian sentuh  . Sentuh paras petikan, kemudian sentuh Tingkatkan atau Kurangkan.
<b>Majukan mesej</b>	Buka mesej dan sentuh  , kemudian sentuh Majukan.
<b>Kongsi maklumat kenalan</b>	Dalam Kenalan, pilih kenalan, sentuh Kongsi Kenalan di bahagian bawah skrin Maklumat.

## Menggunakan pautan dan data yang dikesan

iPhone mengesan pautan web, nombor telefon, alamat e-mel, dan jenis maklumat lain yang anda boleh gunakan untuk membuka halaman web, membuat mesej e-mel yang telah dialamatkan, membuat atau menambah maklumat bagi kenalan, atau menjalankan aktiviti berguna yang lain. Data yang dikesan muncul sebagai teks biru bergaris bawah.

Sentuh data untuk menggunakan tindakan lalainya, atau sentuh dan tahan bagi melihat tindakan lain. Contohnya, untuk alamat, anda boleh menunjukkan lokasinya dalam Peta atau menambahnya kepada Kenalan.

## Melihat lampiran

iPhone memaparkan lampiran imej dalam banyak format yang biasa digunakan (JPEG, GIF dan TIFF) dalam baris dengan teks dalam mesej e-mel. iPhone boleh memainkan banyak jenis lampiran audio, seperti MP3, AAC, WAV dan AIFF. Anda boleh memuat turun dan melihat fail (seperti PDF, halaman web, teks, Pages, Keynote, Numbers dan dokumen Microsoft Word, Excel dan PowerPoint) yang dilampirkan pada mesej yang anda terima.

**Lihat fail yang dilampirkan:** Sentuh lampiran untuk membukanya dalam Quick Look. (Anda mungkin perlu menunggu sehingga fail memuat turun sebelum melihatnya.)

<b>Buka fail yang dilampirkan</b>	Sentuh dan tahan lampiran, kemudian pilih aplikasi untuk membukanya. Jika tiada daripada aplikasi anda menyokong fail dan ia bukan yang disokong Quick Look, anda boleh melihat nama fail tetapi tidak dapat membukanya.
<b>Simpan foto atau video yang dilampirkan</b>	Sentuh dan tahan foto atau video, kemudian sentuh Simpan Imej atau Video. Item disimpan kepada album Jalur Filem anda dalam aplikasi Foto.

Quick Look menyokong jenis dokumen berikut:


<b>.doc, .docx</b>	Microsoft Word
<b>.htm, .html</b>	halaman web
<b>.key</b>	Keynote

.numbers	Numbers
.pages	Pages
.pdf	Preview, Adobe Acrobat
.ppt, .pptx	Microsoft PowerPoint
.rtf	Rich Text Format
.txt	teks
.vcf	maklumat hubungan
.xls, .xlsx	Microsoft Excel

## Mencetak mesej dan lampiran

Anda boleh mencetak mesej dan lampiran e-mel yang boleh dilihat dalam Quick Look


**Mencetak mesej e-mel:** Sentuh , kemudian sentuh Cetak.

Cetak imej dalam baris	Sentuh dan tahan imej, kemudian sentuh Simpan Imej. Kemudian buka Foto dan cetak imej dari album Jalur Filem anda.
Cetak lampiran	Sentuh lampiran untuk melihatnya dalam Quick Look, kemudian sentuh  dan sentuh Cetak.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mencetak dan pilihan pencetak, lihat “Mencetak” pada halaman 29.


## Menyusun mel

Anda boleh menyusun mesej dalam sebarang peti mel, folder, atau tettingkap hasil carian. Anda boleh padam atau menandakan mesej sebagai dibaca. Anda juga boleh memindahkan mesej daripada satu peti mel atau folder ke yang satu lagi dalam akaun yang sama atau di antara akaun berlainan. Anda boleh menambah, memadam atau menamakan semula peti mel dan folder.

**Padam mesej:** Buka mesej dan sentuh .

Anda juga boleh memadam mesej terus daripada senarai mesej peti mel dengan meleret ke kiri atau kanan di atas tajuk mesej, kemudian menyentuh Padam.

Beberapa akaun mel menyokong pengarkiban mesej daripada memadamnya. Apabila anda mengarkibkan mesej, ia berpindah dari Peti Masuk anda ke Semua Mel. Aktifkan atau nyahaktifkan pengarkiban dalam Seting > Mail, Kenalan, Kalendar.

Pulihkan mesej	Mesej yang dipadam dipindahkan ke peti mel Sampah. Untuk menukar tempoh mesej kekal dalam Sampah sebelum dipadam secara kekal, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar. Kemudian sentuh Lanjutan.
Padam atau pindahkan berbilang mesej	Apabila melihat senarai mesej, sentuh Edit, pilih mesej yang anda mahu padam, kemudian sentuh Pindah atau Padam.
Pindahkan mesej ke peti mel atau folder yang lain	Semasa melihat mesej, sentuh  , kemudian pilih peti mel atau folder.
Tambah peti mel	Pergi ke senarai peti mel, sentuh Edit, kemudian sentuh Peti Mel Baru.

---

<b>Padam atau namakan semula peti mel</b>	Pergi ke senarai peti mel, sentuh Edit, kemudian sentuh peti mel. Masukkan nama baru atau lokasi untuk peti mel. Sentuh Padam Peti Mel untuk memadamnya atau semua kandungannya.
<b>Benderakan dan tandakan berbilang mesej sebagai dibaca</b>	Apabila melihat senarai mesej, sentuh Edit, pilih mesej yang anda mahu, kemudian sentuh Tanda. Pilih sama ada Benderakan atau Tandakan sebagai Dibaca.

---

## Mencari mel

Anda boleh mencari medan Kepada, Daripada, Subjek dan teks isi bagi mesej e-mel. Mail mencari mesej yang dimuat turun di dalam peti mel semasa. Untuk iCloud, Exchange dan beberapa akaun mel IMAP, anda juga boleh mencari pada pelayan.

**Cari mesej e-mel:** Buka peti mel, tatal ke atas, masukkan teks dalam medan Cari. Sentuh Daripada, Kepada, Subjek, atau Semua untuk memilih medan yang ingin anda cari. Jika akaun mel anda menyokongnya, mesej pada pelayan juga dicari.

Mesej Mail juga boleh disertakan dalam carian daripada skrin Utama. Lihat "Mencari" pada halaman 30.

## Akaun dan seting Mail

### Akaun

Untuk Mail dan akaun mel, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar. Anda boleh menyediakan:

- Microsoft Exchange
- iCloud
- MobileMe
- Google
- Yahoo!
- AOL
- Microsoft Hotmail
- Sistem mel POP dan IMAP lain

Seting mungkin berbeza-beza, bergantung pada jenis akaun yang anda sediakan. Pembekal khidmat anda atau pentadbir sistem boleh memberikan maklumat yang anda perlukan.

**Tukar seting akaun:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian buat perubahan yang anda inginkan.

Perubahan yang anda buat kepada seting akaun pada iPhone tidak diselaraskan ke komputer anda, jadi anda boleh mengkonfigurasi akaun anda untuk berfungsi dengan iPhone tanpa menjejaskan seting akaun pada komputer anda.

<b>Berhenti menggunakan akaun</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian nyahaktifkan perkhidmatan akaun (seperti Mail, Kalendar, atau Nota). Jika perkhidmatan akaun tidak aktif, iPhone tidak memaparkan atau menyelaraskan maklumat dengan perkhidmatan akaun tersebut sehingga anda mengaktifkannya kembali. Ini adalah cara yang baik untuk berhenti menerima e-mel kerja semasa bercuti, contohnya.
<b>Simpan draf, mesej dihantar dan mesej dipadam pada iPhone</b>	Untuk akaun IMAP, anda boleh menukar lokasi peti mel <b>Draf, Dihantar dan Dipadam</b> . Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian sentuh <b>Lanjutan</b> .
<b>Setkan tempoh masa sebelum mesej dikeluarkan secara kekal daripada Mail</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian sentuh <b>Lanjutan</b> . Sentuh <b>Kenalan</b> , kemudian pilih masa: <b>Jangan</b> , atau selepas satu hari, satu minggu, atau satu bulan.
<b>Laraskan seting pelayan mel</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, kemudian pilih akaun. Tanya pentadbir akaun anda atau pembekal khidmat Internet untuk seting yang betul.
<b>Laraskan SSL dan seting kata laluan</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian sentuh <b>Lanjutan</b> . Tanya pentadbir akaun anda atau pembekal khidmat Internet untuk seting yang betul.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Arkib Mesej</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun anda, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan <b>Arkib Mesej</b> . Lihat "Menyusun mel" pada halaman 73.
<b>Padam akaun</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian tatal ke bawah dan sentuh <b>Padam Akaun</b> . Semua e-mel dan kenalan, kalendar dan maklumat penanda buku diselaraskan dengan akaun tersebut akan dikeluarkan daripada iPhone.
<b>Hantar mesej yang ditandatangani dan dienkrapsikan</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, pilih akaun, kemudian sentuh <b>Lanjutan</b> . Aktifkan <b>S/MIME</b> , kemudian pilih sijil untuk menandatangani dan mengenkripsikan mesej keluar. Untuk memasang sijil, dapatkan profil konfigurasi daripada pentadbir sistem anda, muat turun sijil daripada tapak web pengeluar menggunakan Safari atau terimanya dalam lampiran Mail.
<b>Setkan seting Push</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > <b>Ambil Data Baru</b> . Push menghantar maklumat baru apabila iPhone disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi. Anda mungkin ingin menyahaktifkan Push untuk menggantung penghantaran e-mel dan maklumat lain, atau untuk menjimatkan hanya bateri. Apabila Push tidak aktif, gunakan seting <b>Ambil Data Baru</b> untuk menentukan kekerapan data diminta. Untuk hayat bateri yang optimum, jangan ambil terlalu kerap.
<b>Setkan pilihan lain untuk Mail</b>	Untuk seting yang digunakan untuk semua akaun anda, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar.

## Seting Mail

Untuk menukar seting yang digunakan untuk semua akaun anda, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar.

**Tukar nada yang dimainkan apabila mel dihantar atau diterima, pergi:** Pergi ke Seting > Bunyi.

## Ambil Data Baru

Seting ini membenarkan anda aktifkan atau nyahaktifkan Push bagi iCloud, Microsoft Exchange, Yahoo! dan sebarang akaun push yang lain pada iPhone. Akaun Push menghantar maklumat baru ke iPhone pada bila-bila masa maklumat baru muncul di pelayan (sedikit kelewatan mungkin berlaku) dan apabila terdapat sambungan Internet. Anda mungkin ingin menyahaktifkan Push untuk menggantung penghantaran e-mel dan maklumat lain, atau untuk menjimatkan hanya bateri.

Apabila Push dinyahaktifkan dan dengan akaun yang tidak menyokong push, data masih boleh diambil—iaitu, iPhone boleh menyemak pelayan untuk melihat sama ada terdapat maklumat baru. Gunakan seting Ambil Data Baru untuk menentukan kekerapan data diminta. Untuk hayat bateri yang optimum, jangan ambil terlalu kerap. Mengeset Push ke TIDAK AKTIF (atau mengeset Fetch ke Manual pada skrin Ambil Data Baru) menulis ganti seting akaun individu.

**Setkan seting Push:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Ambil Data Baru.



# Safari

# 7



Safari membolehkan anda melayari web dan melihat halaman web. Buat penanda buku pada iPhone dan selaraskannya dengan komputer anda. Tambah klip web ke skrin Utama untuk akses cepat ke tapak kegemaran anda. Cetak halaman Web, PDF dan dokumen lain. Gunakan Senarai Membaca untuk mengumpulkan tapak bagi di baca nanti.

## Memaparkan halaman web

Masukkan alamat web (URL).

Sentuh bar status untuk menskrol ke atas dengan cepat.

Cari di web dan halaman semasa.

Dwisentuh item atau cubit untuk zum masuk atau keluar.

Kuis menerusi halaman web terbuka atau buka halaman baru.

Lihat penanda buku anda atau Senarai Bacaan.








Tambah penanda buku, tambah Senarai Bacaan, tambah ikon pada skrin Utama, atau kongsi atau cetak halaman.

**Lihat halaman web:** Sentuh medan alamat (dalam bar tajuk) untuk memaparkan papan kekunci. Taipkan alamat web, kemudian sentuh Pergi.

Jika medan alamat tidak kelihatan, sentuh bar status untuk menskrol cepat ke atas.

Anda boleh melihat halaman web dalam orientasi potret atau landskap.

Padam teks dalam medan alamat	Sentuh ✕.
Tatal halaman web	Seret ke atas, ke bawah atau ke sisi.
Tatal di dalam bingkai pada halaman web	Tatal dengan dua jari dalam bingkai.

Buka halaman baru	Sentuh  , kemudian sentuh Halaman Baru. Anda boleh membuka sehingga lapan halaman pada satu-satu masa. Nombor di dalam  menunjukkan bilangan halaman terbuka.
Pergi ke halaman lain	Sentuh  , kuis ke kiri atau kanan, kemudian sentuh halaman.
Hentikan halaman web daripada memuat	Sentuh  .
Muat semula halaman web	Sentuh  dalam medan alamat.
Tutup halaman	Sentuh  , kemudian sentuh  mengikut halaman.
Lindungi maklumat peribadi dan sekat beberapa tapak web daripada menjejak kelakuan anda	Pergi ke Seting > Safari dan aktifkan Semak Imbas Peribadi.
Setkan pilihan untuk Safari	Pergi ke Seting > Safari.

## Pautan


**Ikut pautan pada halaman web:** Sentuh pautan.

Lihat alamat destinasi pautan	Sentuh dan tahan pautan.
-------------------------------	--------------------------


Data dikesan—seperti nombor telefon dan alamat e-mel—mungkin juga muncul sebagai pautan dalam halaman web. Sentuh dan tahan pautan untuk melihat pilihan yang tersedia. Lihat “Menggunakan pautan dan data yang dikesan” pada halaman 72.

## Senarai Bacaan

Senarai Bacaan membolehkan anda mengumpul pautan ke halaman web untuk di baca kemudiannya.

**Tambah pautan ke halaman semasa pada Senarai Bacaan anda:** Sentuh , kemudian sentuh “Tambah ke Senarai Bacaan.”



**Tambah pautan ke Senarai Bacaan anda:** Sentuh dan tahan pautan, kemudian pilih “Tambah ke Senarai Bacaan.”

Lihat Senarai Bacaan anda	Sentuh  , kemudian sentuh Senarai Bacaan.
Gunakan iCloud untuk memastikan Senarai Bacaan anda dikemas kini pada peranti iOS dan komputer anda	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian aktifkan Penanda Buku. Lihat “iCloud” pada halaman 17.

## Pembaca

Pembaca memaparkan artikel web tanpa iklan atau berselerak supaya anda boleh membaca tanpa gangguan. Pada halaman web dengan artikel, anda boleh menggunakan Pembaca untuk melihat artikel sahaja.

**Lihat artikel dalam Pembaca:** Sentuh butang Pembaca, jika ia muncul dalam medan alamat.

Laraskan saiz fon	Sentuh  .
Penanda Buku, tambah ke Senarai Bacaan atau Skrin Utama, kongsi atau cetak artikel	Sentuh  .
Kembali ke paparan biasa	Sentuh Selesai.

## Memasukkan teks dan mengisi borang

**Masukkan teks:** Pilih medan teks untuk memaparkan papan kekunci.

Bergerak ke medan teks yang lain	Sentuh medan teks, atau sentuh Seterusnya atau Sebelumnya.
Hantar borang	Sentuh Pergi atau Cari, atau pautan pada halaman untuk menghantar borang, jika tersedia.

Untuk mendayakan Isi Auto untuk membantu mengisi borang, pergi ke Seting > Safari > Isi Auto.

## Mencari

Medan carian di penjuru kanan atas membolehkan anda mencari di web dan halaman web semasa atau PDF.


**Cari di web dan halaman semasa atau PDF yang boleh dicari:** Masukkan teks dalam medan carian.

- *Untuk mencari di web:* Sentuh salah satu cadangan yang muncul, atau sentuh Carian.
- *Untuk mencari teks carian pada halaman semasa atau PDF:* Tatal ke bahagian bawah skrin, kemudian sentuh entri di bawah Pada Halaman Ini.


Tika pertama diserlahkan. Untuk mencari perulangan berikutnya, sentuh ►.



Tukar enjin carian	Pergi ke Seting > Safari > Enjin Carian.
--------------------	--

## Penanda buku dan sejarah

**Letakkan penanda buku pada halaman web:** Buka halaman, sentuh , kemudian sentuh Tambah Penanda Buku.

Apabila anda menyimpan penanda buku, anda boleh mengedit tajuknya. Secara lalai, penanda buku disimpan di bahagian paling atas Penanda Buku. Sentuh Penanda Buku untuk memilih folder lain.

**Lihat halaman web sebelumnya (sejarah):** Sentuh , kemudian sentuh Sejarah. Untuk mengosongkan sejarah, sentuh Kosongkan.

Buka halaman web yang ditambah penanda buku	Sentuh  .
Edit penanda buku atau folder penanda buku	Sentuh  , pilih folder yang mempunyai penanda buku atau folder yang anda mahu edit, kemudian sentuh Edit.
Gunakan iCloud untuk memastikan penanda buku dikemas kini pada peranti iOS dan komputer	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian aktifkan Penanda Buku. Lihat "iCloud" pada halaman 17.
Selaraskan penanda buku dengan penyemak imbas web pada komputer anda	Lihat "Menyelaras dengan iTunes" pada halaman 18.


## Mencetak halaman web, PDF dan dokumen lain

Cetak halaman web, PDF, atau dokumen Quick Look: Sentuh , kemudian sentuh Cetak.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat “Mencetak” pada halaman 29.

## Klip web

Anda boleh membuat klip web, yang muncul sebagai ikon pada skrin Utama.

**Tambah klip web:** Buka halaman web dan sentuh . Kemudian sentuh “Tambah ke Skrin Utama.”

Apabila anda membuka klip web, Safari secara automatik mengezum ke bahagian halaman web yang menunjukkan bila anda menyimpan klip web. Melainkan halaman web mempunyai ikon tersuai, imej tersebut juga digunakan untuk ikon klip web pada skrin Utama.

Klip web disandarkan oleh iCloud dan oleh iTunes, tetapi ia tidak diselaraskan oleh iTunes atau MobileMe. Ia juga tidak ditolak ke peranti lain oleh iCloud.



## Menambah muzik dan audio

Untuk mendapatkan muzik dan kandungan audio lain ke iPhone:

- Beli dan muat turun kandungan daripada iTunes Store pada iPhone. Lihat Bab 21, "iTunes Store," pada halaman 123. (Anda juga boleh pergi ke iTunes Store dari Muzik dengan menyentuh butang Store semasa menyemak imbas.)
- Gunakan Muat Turun Automatik untuk memuat turun muzik baru yang dibeli pada peranti iOS dan komputer lain anda secara automatik. Lihat "iCloud" pada halaman 17.
- Selaraskan dengan iTunes pada komputer anda. Anda boleh menyelaras kesemua media anda, atau anda boleh memilih lagu khusus dan item lain. Lihat "Menyelaras dengan iTunes" pada halaman 18.
- Gunakan iTunes Match untuk menyimpan pustaka muzik anda dalam iCloud dan mengaksesnya pada semua peranti dan komputer iOS anda. Lihat "iTunes Match" pada halaman 85.

## Memainkan lagu dan audio lain

**AMARAN:** Untuk maklumat penting mengenai mengelakkan kehilangan pendengaran, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).


Butang sepanjang bahagian bawah skrin membolehkan anda menyemak imbas kandungan pada iPhone mengikut senarai main, artis, lagu dan kategori lain.


**Mainkan lagu atau item lain:** Sentuh item.

Gunakan kawalan atas skrin untuk mengawal main balik. Anda juga boleh menggunakan butang pada fon kepala. Lihat "Fon Telinga Apple dengan Alat Kawalan Jauh dan Mikrofon" pada halaman 34.

Kembali ke skrin Kini Dimainkan: Sentuh Kini Dimainkan.




Sesuaikan butang semak imbas	Sentuh Lagi, sentuh Edit, kemudian seret ikon ke atas butang yang anda mahu gantikan.
Dapatkan lebih banyak episod podcast	Sentuh Podcast (sentuh More dahulu, jika Podcasts tidak kelihatan), kemudian sentuh podcast bagi melihat episod yang tersedia.
Goncang untuk kocok	Goncang iPhone untuk mengaktifkan kocok dan menukar lagu. Sentuh sekali lagi untuk bertukar ke lagu lain. Untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan Goncang untuk Kocok, pergi ke Seting > Muzik.
Mainkan muzik pada speaker AirPlay atau Apple TV	Sentuh  . Lihat "AirPlay" pada halaman 34.
Paparkan lirik lagu	Sentuh seni album semasa memainkan lagu. (Lirik muncul jika anda telah menambahnya ke lagu menggunakan tettingkap Info dalam iTunes dan anda telah menyelaraskan iPhone dengan iTunes.)
Setkan pilihan untuk Muzik	Pergi ke Seting > Muzik.

Apabila menggunakan aplikasi lain, anda boleh memaparkan kawalan main balik audio dari mendwiklik butang Utama , kemudian menguis dari kiri ke kanan sepanjang bahagian bawah skrin.




Kawalan mengendalikan aplikasi yang bermain sekarang, atau—jika muzik dijeda—aplikasi yang terbaru dimainkan. Ikon untuk aplikasi yang muncul di sebelah kanan. Sentuhnya untuk membuka aplikasi. Kuis kanan sekali lagi untuk memaparkan kawalan kelantangan dan butang AirPlay (apabila dalam julat liputan speaker Apple TV atau AirPlay).

Mendwiklik butang Utama  turut memaparkan kawalan main balik audio apabila skrin dikunci.

## Kawalan audio tambahan

Untuk memaparkan kawalan tambahan, sentuh seni album pada skrin Kini Dimainkan. Anda boleh melihat masa yang telah berlalu, masa yang tinggal, dan nombor lagu. Lirik lagu turut muncul, jika anda telah menambahnya ke lagu dalam iTunes.



### Ulang lagu

Sentuh

= ulang semua lagu dalam album atau senarai

= ulang lagu semasa sahaja

= tiada ulangan

### Kocok lagu

Sentuh

= kocok lagu

= memainkan lagu mengikut urutan

### Langkau ke sebarang ketika pada lagu

Seret kepala main sepanjang bar leret. Luncurkan jari anda ke bawah untuk mengurangkan kadar leret.

### Buat senarai main Genius

Sentuh . Lihat "Genius" pada halaman 85.

### Gunakan Ping

Lihat "Mengikuti artis dan rakan" pada halaman 125.

## Kawalan podcast dan buku audio

Kawalan dan maklumat podcast dan buku audio muncul pada skrin Kini Dimainkan apabila anda mulakan main balik.



### Setkan kelajuan main balik

Sentuh . Sentuh sekali lagi untuk menukar kelajuan.

= Main pada dua kali ganda kelajuan.

= Main pada separuh kelajuan.

= Main pada separuh normal.

### Langkau ke sebarang ketika pada garis masa

Seret kepala main sepanjang bar leret. Luncurkan jari anda ke bawah untuk mengurangkan kadar leret.

### Tunjukkan atau sembunyikan kawalan

Sentuh bahagian tengah skrin.

### Sembunyikan maklumat podcast

Pergi ke Seting > Muzik.

## Menggunakan Siri atau Kawalan Suara dengan Muzik

Anda boleh menggunakan Siri (iPhone 4S) atau Kawalan Suara untuk mengawal main balik muzik pada iPhone. Lihat Bab 4, "Siri," pada halaman 40 dan "Kawalan Suara" pada halaman 31.

Kawal main balik muzik	Sebutkan "play" atau "play music." Untuk menjeda, sebutkan "pause" atau "pause music." Anda juga boleh menyebut "next song" atau "previous song."
Mainkan album, artis, atau senarai main	Sebutkan "play," kemudian sebutkan "album," "artist," atau "playlist" dan nama.
Kocok senarai main semasa	Sebut "shuffle."
Ketahui lebih lanjut mengenai lagu yang sedang dimainkan sekarang	Sebutkan "what's playing," "what song is this," "who sings this song," atau "who is this song by."
Gunakan Genius untuk memainkan lagu yang serupa	Sebutkan "Genius," "play more like this," atau "play more songs like this."
Batalkan Kawalan Suara	Sebutkan "cancel" atau "stop."

## Menyemak imbas seni album dalam Cover Flow

Apabila anda menyemak imbas muzik, pusing iPhone untuk melihat kandungan iTunes anda dalam Cover Flow dan semak imbas muzik anda mengikut seni album.




**Semak imbas seni album:** Seret ke kiri dan ke kanan.

Lihat semua trek pada album	Sentuh seni album untuk ⓘ. Seret ke atas atau ke bawah untuk menskrol; sentuh trek untuk memainkannya.
Kembali ke seni album	Sentuh bar tajuk. Atau sentuh ⓘ sekali lagi.

## Melihat semua trek pada album

**Lihat semua trek pada album yang mengandungi lagu semasa:** Pada skrin Kini Dimainkan, sentuh ☰. Sentuh trek untuk memainkannya. Sentuh imej kecil untuk kembali ke skrin Kini Dimainkan.



Dalam paparan senarai trek, anda boleh memperuntukkan rating untuk lagu. Anda boleh menggunakan rating apabila membuat senarai main pintar dalam iTunes.



## Mencari kandungan audio

Anda boleh mencari tajuk, artis, album dan komposer lagu, podcast dan kandungan audio lain pada iPhone.

**Cari muzik:** Masukkan teks dalam medan carian pada bahagian atas senarai lagu, senarai main, senarai artis, atau paparan lain kandungan Muzik anda.

Anda juga boleh mencari kandungan audio daripada skrin Utama. Lihat “Mencari” pada halaman 30.

## iTunes Match

iTunes Match menyimpan pustaka muzik anda dalam iCloud—termasuk lagu yang diimport dari CD—dan membolehkan anda menikmati koleksi anda di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa pada iPhone anda dan peranti iOS dan komputer lain. iTunes Match tersedia sebagai langganan berbayar.

**Nota:** iTunes Match tidak tersedia di semula kawasan. Caj data selular mungkin dikenakan jika Seting > Muzik > Gunakan Data Selular diaktifkan.

**Langgan kepada iTunes Match:** Dalam iTunes pada komputer anda, pilih Store > Aktifkan iTunes Match, kemudian klik butang Langgan.

Setelah anda melanggan, iTunes menambah muzik, senarai main dan Genius Mixes anda ke iCloud. Lagu anda yang sepadan dengan muzik yang sudah berada dalam iTunes Store tersedia secara automatik dalam iCloud. Sebarang lagu yang kekal dimuat naik. Anda boleh memuat turun dan memainkan lagu yang dipadankan pada kualiti iTunes Plus (256 kbps AAC bebas DRM), walaupun jika lagu asal anda dalam kualiti yang lebih rendah. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat [www.apple.com/asia/icloud/features](http://www.apple.com/asia/icloud/features).

---

### Aktifkan iTunes Match

Pergi ke Seting > Muzik.

Mengaktifkan iTunes Match mengeluarkan muzik yang diselaraskan daripada iPhone, dan menyahdayakan Genius Mixes dan Senarai Main Genius.

---

## Genius

Senarai main Genius adalah koleksi lagu dari pustaka anda yang menarik jika dimainkan bersama. Anda boleh membuat senarai main Genius dalam iTunes dan menyelarasnya ke iPhone. Anda juga boleh membuat dan menyimpan senarai main Genius terus pada iPhone.


Genius Mix adalah pilihan lagu dengan jenis muzik yang sama, dibuat semula daripada pustaka anda pada setiap kali anda mendengar kepada campuran.

Untuk menggunakan Genius pada iPhone, aktifkan dahulu Genius dalam iTunes, kemudian selaraskan iPhone dengan iTunes. Genius Mixes diselaraskan secara automatik, melainkan anda mengurus muzik anda secara manual dan memilih gabungan yang ingin anda selaraskan dalam iTunes. Genius adalah perkhidmatan percuma, tetapi ia memerlukan Apple ID.

Apabila anda menyelaraskan Genius Mix, iTunes mungkin memilih dan menyelaras lagu daripada pustaka anda yang anda tidak pilih secara khusus untuk diselaraskan.

**Layari Genius Mixes:** Sentuh Genius (sentuh More dahulu, jika Genius tidak kelihatan). Kuis ke kiri atau kanan untuk mengakses gabungan anda yang lain. Untuk memainkan campuran, sentuh ►.

**Buat senarai main Genius:** Lihat Senarai Main, kemudian sentuh Senarai Main Genius dan pilih lagu dalam senarai.

Untuk membuat senarai main Genius dari skrin Kini Dimainkan, sentuh untuk memaparkan kawalan, kemudian sentuh .


<b>Simpan senarai main Genius</b>	Dalam senarai main, sentuh Simpan. Senarai main disimpan dalam Senarai Main dengan tajuk lagu yang anda pilih.
<b>Segar semula senarai main Genius</b>	Dalam senarai main, sentuh Segar semula.
<b>Buat senarai main Genius menggunakan lagu yang berbeza</b>	Sentuh Senarai Main Genius, kemudian sentuh Baru dan pilih lagu.
<b>Padam senarai main Genius yang disimpan</b>	Sentuh senarai main Genius, kemudian sentuh Padam.

Senarai main Genius dibuat pada iPhone disalin ke komputer anda apabila anda menyelaras dengan iTunes.

**Nota:** Setelah senarai main Genius diselaraskan dengan iTunes, anda tidak boleh memadamnya terus daripada iPhone. Gunakan iTunes untuk mengedit nama senarai main, berhenti menyelaras, atau memadam senarai main.




## Senarai main

Anda boleh membuat dan mengedit senarai main anda sendiri pada iPhone, atau mengedit senarai main diselaraskan dari iTunes pada komputer.

**Buat senarai main:** Lihat Senarai Main, kemudian sentuh "Tambah Senarai Main" berhampiran atas senarai. Masukkan tajuk, sentuh  untuk memilih lagu dan video yang anda mahu sertakan, kemudian sentuh Selesai.

Apabila anda membuat senarai main dan kemudian selaraskan iPhone ke komputer anda, senarai main diselaraskan ke pustaka iTunes anda.

**Edit senarai main:** Lihat Senarai Main dan pilih senarai main untuk diedit. Sentuh Edit, kemudian:

- *Untuk menambah lagi lagu:* Sentuh .
- *Untuk memadam lagu:* Sentuh . Memadamkan lagu daripada senarai main tidak memadamnya daripada iPhone.
- *Untuk menggerakkan lagi lebih tinggi atau rendah dalam senarai:* Seret .

Pengeditan anda disalin ke senarai main dalam pustaka iTunes anda, sama ada pada kali seterusnya anda menyelaras iPhone dengan komputer anda, atau secara wayarles melalui iCloud jika anda telah melanggan ke iTunes Match.

<b>Padam senarai main</b>	Dalam Senarai main, sentuh senarai main yang anda mahu padam, kemudian sentuh Padam.
<b>Kosongkan senarai main</b>	Dalam Senarai main, sentuh senarai main yang anda mahu kosongkan, kemudian sentuh Kosongkan.
<b>Padam lagu daripada iPhone</b>	Dalam Lagu, leret lagut, kemudian sentuh Padam. Lagu dipadam daripada iPhone, tetapi bukan daripada pustaka iTunes anda pada Mac atau PC anda.

## Perkongsian Rumah

Perkongsian Rumah membolehkan anda bermain muzik, filem dan rancangan TV pada iPhone dari pustaka iTunes pada Mac atau PC anda. iPhone dan komputer anda mesti berada dalam rangkaian Wi-Fi yang sama. Pada komputer anda, iTunes mesti dibuka, dengan Perkongsian Rumah diaktifkan dan dilog masuk menggunakan Apple ID yang sama seperti Perkongsian Rumah pada iPhone.

**Nota:** Perkongsian Rumah memerlukan iTunes 10.2 atau lebih baru, tersedia di [www.apple.com/asia/itunes/download/](http://www.apple.com/asia/itunes/download/). Kandungan bonus, seperti risalah digital dan iTunes Extras, tidak boleh dikongsi.

### Mainkan muzik dari pustaka iTunes anda pada iPhone:

- 1 Dalam iTunes pada komputer anda, pilih Advanced > Turn On Home Sharing.
- 2 Log masuk, kemudian klik Create Home Share.
- 3 Pada iPhone, pergi ke Seting > Muzik, kemudian log masuk ke Perkongsian Rumah menggunakan Apple ID dan kata laluan yang sama.
- 4 Dalam Muzik, sentuh Lagi, kemudian sentuh Dikongsi dan pilih pustaka komputer anda.

---

Kembalikan kandungan pada iPhone

Sentuh Dikongsi dan pilih iPhone Saya.

---





## Menghantar dan menerima mesej


**AMARAN:** Untuk maklumat penting mengenai pemanduan selamat, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).

Mesej menyokong mesej teks dengan peranti SMS dan MMS lain dan dengan peranti iOS lain menggunakan iMessage. Dengan MMS dan iMessage, anda juga boleh menyertakan foto, video dan maklumat lain


Gunakan iMessage untuk menghantar mesej melalui sambungan Wi-Fi atau data selular ke pengguna iOS 5 yang lain. Anda boleh melihat bila pihak satu lagi menaip dan membolehkan penghantar dimaklumkan apabila anda telah membaca mesej mereka. Oleh kerana iMessages dipaparkan pada semua peranti iOS 5 anda yang dilog masuk ke akaun yang sama, anda boleh memulakan perbualan pada salah satu peranti anda, kemudian meneruskannya ke peranti lain. iMessages juga dienkripsikan.

**Nota:** SMS dan MMS memerlukan sambungan selular dan mungkin tidak tersedia di semua kawasan. Caj data selular atau bayaran tambahan mungkin dikenakan.

**Hantar mesej teks:** Sentuh , kemudian sentuh  dan pilih kenalan, cari kenalan anda dengan memasukkan nama, atau masukkan nombor telefon atau alamat e-mel secara manual. Masukkan mesej, kemudian sentuh Hantar.

**Nota:** Lencana isyarat  muncul jika mesej tidak boleh dihantar. Sentuh isyarat dalam perbualan untuk cuba menghantar mesej sekali lagi.

Perbualan disimpan dalam senarai Mesej. Titik biru ● menunjukkan mesej yang belum di baca. Sentuh perbualan untuk melihat atau meneruskannya. Dalam perbualan iMessage, mesej keluar anda muncul dalam warna biru.



Sentuh untuk melampirkan butang media untuk memasukkan foto atau video.

Sentuh untuk memasukkan teks.

<b>Gunakan aksara emoji</b>	Pergi ke Seting > Umum > Papan Kekunci > Papan Kekunci Antarabangsa > Tambah Papan Kekunci Baru, kemudian sentuh Emoji untuk menjadikan papan kunci tersedia. Untuk memasukkan aksara Emoji semasa menaip mesej, sentuh 🌐 untuk memaparkan papan kekunci Emoji. Lihat "Bertukar papan kekunci" pada halaman 184.
<b>Teruskan perbualan sebelumnya</b>	Sentuh perbualan dalam senarai Mesej, kemudian masukkan mesej dan sentuh Hantar.
<b>Paparkan mesej terdahulu dalam perbualan</b>	Tatal ke atas (sentuh bar status) dan sentuh Muatkan Mesej Terdahulu.
<b>Terima iMessages menggunakan alamat e-mel lain</b>	Pergi ke Seting > Mesej > Diterima Di > Tambah E-mel Lain.
<b>Tentukan nombor telefon atau alamat e-mel Apple ID yang muncul dalam medan "daripada" apabila anda memulakan perbualan baru.</b>	Pergi ke Seting > Mesej > Diterima Di > ID Pemanggil. Perbualan sedia ada tidak dipengaruhi apabila anda menukar seting ini.
<b>Ikut pautan dalam mesej</b>	Sentuh pautan. Pautan mungkin membuka halaman web dalam Safari, atau mendail nombor telefon, contohnya.
<b>Majukan perbualan</b>	Pilih perbualan, kemudian sentuh Edit. Pilih bahagian untuk disertakan, kemudian sentuh Majukan.
<b>Tambah seseorang ke senarai kenalan anda</b>	Sentuh nombor telefon dalam senarai Mesej, kemudian sentuh "Tambah ke Kenalan."
<b>Maklumkan orang lain apabila anda membaca mesej mereka</b>	Pergi ke Seting > Mesej dan aktifkan Hantar Resit Dibaca.
<b>Setkan pilihan lain untuk Mesej</b>	Pergi ke Seting > Mesej.
<b>Urus pemberitahuan untuk mesej</b>	Lihat "Pemberitahuan" pada halaman 173.
<b>Setkan bunyi isyarat untuk mesej teks masuk</b>	Lihat "Bunyi dan suis Dering/Senyap" pada halaman 175.

## Menghantar mesej kepada kumpulan


Permesejan berkumpulan membolehkan anda menghantar mesej kepada berbilang penerima. Permesejan berkumpulan berfungsi dengan iMessage dan MMS (tidak tersedia di semua kawasan).

**Hantar mesej kepada kumpulan:** Sentuh , kemudian masukkan berbilang penerima.




**Nota:** Dengan MMS, pemesejan berkumpulan mesti turut diaktifkan dalam Seting > Mesej dan balasan dihantar kepada anda sahaja—ia tidak disalin kepada orang lain dalam kumpulan.

## Mencari muzik, video dan banyak lagi

Dengan iMessage atau MMS, anda boleh menghantar foto, video, lokasi, maklumat kenalan dan memo suara.

**Hantar foto atau video:** Sentuh .

Had saiz bagi lampiran ditentukan oleh pembekal khidmat anda. iPhone mungkin memampatkan lampiran foto dan video, jika perlu.

Hantar lokasi	Dalam Peta, sentuh  untuk lokasi, sentuh Kongsi Lokasi (bahagian bawah skrin), kemudian sentuh Mesej.
Hantar maklumat kenalan	Dalam Kenalan, pilih kenalan, sentuh Kongsi Kenalan (bahagian bawah skrin), kemudian sentuh Mesej.
Hantar memo suara	Dalam Memo Suara, sentuh  , sentuh memo suara, sentuh Kongsi, kemudian sentuh Mesej.
Simpan foto atau video yang anda terima ke album Jalur Filem anda	Sentuh foto atau video, kemudian sentuh  .
Salin foto atau video	Sentuh dan tahan lampiran, kemudian sentuh Salin.
Simpan maklumat kenalan yang anda diterima	Sentuh gelembung kenalan, kemudian sentuh Buat Kenalan Baru atau "Tambah ke Kenalan Sedia ada."

## Mengedit perbualan

Jika anda ingin menyimpan hanya sebahagian daripada perbualan, anda boleh memadam bahagian yang anda tidak inginkan. Anda juga boleh memadamkan keseluruhan perbualan daripada senarai Mesej

**Edit perbualan:** Sentuh Edit, pilih bahagian untuk dipadam, kemudian sentuh Padam.

Kosongkan semua teks dan lampiran, tanpa memadam perbualan	Sentuh Edit, kemudian sentuh Kosongkan Semua.
Padam perbualan	Leret perbualan, kemudian sentuh Padam.

## Mencari mesej

Anda boleh mencari kandungan perbualan dalam senarai Mesej.

**Padam perbualan** Sentuh bahagian atas skrin untuk memaparkan medan carian, kemudian masukkan teks yang anda cari.

Anda juga boleh mencari perbualan dari skrin Utama. Lihat "Mencari" pada halaman 30.



## Perihal Kalendar

kalendar menjadikannya mudah untuk mematuhi jadual. Anda boleh melihat kalendar individu, atau beberapa kalendar pada satu masa. Anda boleh melihat peristiwa anda mengikut hari, mengikut bulan atau dalam senarai. Anda boleh mencari tajuk, jemputan, lokasi dan nota peristiwa. Jika anda memasukkan hari jadi untuk kenalan anda, anda boleh melihat hari jadi mereka dalam Kalendar.

Anda juga boleh membuat, mengedit, atau membatalkan peristiwa pada iPhone dan selaraskannya kembali ke komputer anda. Anda boleh melanggan ke kalendar Google, Yahoo!, atau iCal. Jika anda mempunyai akaun Microsoft Exchange atau iCloud, anda boleh menerima dan membalas jemputan mesyuarat.

## Melihat kalendar anda

Anda boleh melihat kalendar secara individu, atau sebagai kalendar digabungkan. Ini menjadikannya mudah untuk mengurus kalendar kerja dan keluarga pada masa yang sama.



**Tukar paparan:** Sentuh Senarai, Hari, atau Bulan. Untuk melihat mengikut hari, pusing iPhone ke sisi.

Dalam paparan Hari, leret ke kiri atau kanan untuk bergerak antara tarikh.

Lihat kalendar Hari Jadi	Sentuh Kalendar, kemudian sentuh Hari Jadi untuk memasukkan hari jadi dari Kenalan anda dengan peristiwa anda.
Lihat butiran peristiwa	Sentuh peristiwa. Anda boleh menyentuh maklumat mengenai peristiwa untuk mendapatkan butiran lanjutan. Jika alamat untuk lokasi di tentukan, sentuh untuk membuka Peta.
Edit atau padam kalendar	Sentuh Kalendar, kemudian sentuh Edit.
Pilih kalendar untuk dilihat	Sentuh Kalendar, kemudian sentuh kalendar yang anda mahu lihat. Peristiwa untuk kalendar yang dipilih muncul dalam kalendar tunggal pada iPhone.

## Menambah peristiwa


Anda boleh membuat dan mengemas kini peristiwa kalendar terus pada iPhone.


**Tambah peristiwa:** Sentuh **+** dan masukkan maklumat peristiwa, kemudian sentuh Selesai.

Anda juga boleh menyentuh dan menahan slot tempat kosong pada kalendar untuk membuat peristiwa baru. Seret titik cekup untuk melaraskan tempoh peristiwa.

Setkan isyarat	Sentuh Isyarat, kemudian setkan isyarat dari 5 minit hingga ke dua hari sebelum peristiwa tersebut.
Setkan isyarat lalai untuk peristiwa	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Masa Isyarat Lalai
Kemas kini peristiwa	Sentuh Edit dan tukar maklumat peristiwa. Untuk melaraskan masa atau tempoh peristiwa dengan cepat, sentuh dan tahan peristiwa untuk memilihnya, kemudian seretnya ke masa aru atau gunakan titik sambar untuk menukar tempohnya.
Padam peristiwa	Sentuh peristiwa, sentuh Edit, kemudian skrol ke bawah dan sentuh Padam Peristiwa.
Jemput orang lain ke peristiwa	Sentuh Peserta untuk memilih orang dari Kenalan. Ini memerlukan akaun iCloud, Microsoft Exchange, atau CalDAV.

## Membalas jemputan

Jika anda mempunyai akaun iCloud, Microsoft Exchange atau akaun CalDAV yang disokong, anda boleh menerima dan membalas jemputan mesyuarat daripada individu dalam organisasi anda. Apabila anda menerima jemputan, mesyuarat muncul dalam kalendar anda dengan garisan titik di sekelilingnya.  muncul dalam penjuru kanan bawah skrin.

**Balas jemputan:** Sentuh jemputan dalam kalendar. Atau sentuh  untuk memaparkan skrin peristiwa dan kemudian sentuh jemputan.

Lihat maklumat mengenai penganjur	Sentuh "jemputan daripada."
Lihat jemputan lain	Sentuh Jemputan. Sentuh nama untuk melihat maklumat hubungan individu tersebut.
Tambah komen dalam balasan	Sentuh Tambah Komen. Komen anda akan dapat dilihat oleh penganjur, tetapi bukan peserta lain. Komen mungkin tidak tersedia, bergantung pada perkhidmatan kalendar yang anda gunakan.
Setkan ketersediaan anda	Sentuh Ketersediaan dan pilih "sibuk" atau "lapang."



## Mencari kalendar

Dalam paparan Senarai, anda boleh mencari medan Tajuk, Peserta, Lokasi dan Nota bagi peristiwa dalam kalendar anda. Kalendar hanya mencari dalam peristiwa untuk kalendar yang sedang anda lihat.

**Cari peristiwa:** Sentuh Senarai, kemudian masukkan teks dalam medan carian.

Peristiwa kalendar juga boleh disertakan dalam carian daripada skrin Utama. Lihat “Mencari” pada halaman 30.

## Langgan kalendar

Anda boleh melanggan kalendar yang menggunakan format iCalendar (.ics). Kebanyakan perkhidmatan berasaskan kalendar menyokong langganan kalendar, termasuk iCloud, Yahoo!, Google dan aplikasi iCal dalam OS X.

Kalendar yang dilanggan adalah bersifat baca sahaja. Anda boleh membaca daripada kalendar yang dilanggan pada iPhone, tetapi anda tidak boleh mengedit atau membuat yang baru.

**Langgan kalendar:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, kemudian sentuh Tambah Akaun. Pilih Lain, kemudian sentuh Tambah Kalendar Dilanggan.

Anda juga boleh melanggan kepada kalendar iCal (atau .ics lain) yang diterbitkan di web, dengan menyentuh pautan ke kalendar

## Mengimport peristiwa kalendar daripada Mail

Anda boleh menambah peristiwa ke kalendar dengan mengimport fail kalendar daripada mesej e-mel. Anda boleh mengimport sebarang fail kalendar standard .ics.

**Import peristiwa daripada fail kalendar:** Dalam Mail, buka mesej dan sentuh fail kalendar.

## Akaun dan seting kalendar

Terdapat beberapa seting dalam Seting > Mail, Kenalan, Kalendar yang mempengaruhi Kalendar dan akaun kalendar anda.

Akaun kalendar turut digunakan untuk menyelaraskan item tugas untuk Peringatan.

**Tambah akaun CalDAV:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, sentuh Tambah Akaun, kemudian sentuh Lain. Di bawah Kalendar, sentuh Tambah Akaun CalDAV.

Pilihan ini digunakan pada semua kalendar anda:

Setkan nada isyarat kalendar	Pergi ke Seting > Bunyi > Isyarat Kalendar.
Selaraskan peristiwa lama	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Selaraskan, kemudian pilih tempoh masa. Peristiwa masa hadapan sentiasa diselaraskan.
Setkan isyarat untuk berbunyi apabila anda menerima jemputan mesyuarat	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar dan nyahaktifkan Isyarat Jemputan Baru.
Aktifkan sokongan zon waktu Kalendar	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Sokongan Zon Waktu.
Setkan kalendar lalai	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Kalendar Lalai.
Gunakan iCloud untuk memastikan Kalendar dikemas kini pada peranti iOS dan komputer anda	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian aktifkan Kalendar. Lihat “iCloud” pada halaman 17.


**Penting:** Apabila Sokongan Zon Waktu aktif, Kalendar memaparkan tarikh dan masa peristiwa dalam zon waktu bagi bandar yang anda pilih. Apabila Sokongan Zon Waktu tidak aktif, Kalendar memaparkan peristiwa dalam zon waktu lokasi semasa anda seperti yang ditentukan oleh masa rangkaian. Sesetengah pembawa tidak menyokong masa rangkaian di semua kawasan. Apabila anda dalam perjalanan, iPhone mungkin tidak memaparkan peristiwa atau membunyikan isyarat pada masa tempatan yang betul. Untuk mengeset masa yang betul secara manual, lihat “Tarikh & Masa” pada halaman 181.



## Melihat foto dan video

Foto membolehkan anda melihat foto dan video pada iPhone, dalam:

- Album Jalur Filem—gambar dan video yang anda ambil dengan kamera terbina dalam, atau menyimpan dari e-mel, mesej teks atau halaman web
- Album Strim Foto—foto yang distrim daripada iCloud (lihat “Strim Foto” pada halaman 101)
- Pustaka Foto dan album lain yang diselaraskan dari komputer anda (lihat “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18)



**Lihat foto dan video:** Sentuh album, kemudian sentuh imej kecil untuk melihat foto atau video dalam skrin penuh.

Album yang anda selaraskan dengan iPhoto 8.0 (iLife '09) atau lebih baru, atau Aperture v3.0.2 atau lebih baru, boleh dilihat mengikut peristiwa atau mengikut muka. Anda juga boleh melihat foto mengikut lokasi, jika ia diambil dengan kamera yang menyokong geotag.

Tunjukkan atau sembunyikan kawalan	Sentuh foto atau video skrin penuh.
------------------------------------	-------------------------------------

Lihat foto atau video seterusnya atau sebelumnya	Kuis ke kiri dan ke kanan.
--	----------------------------

Zum masuk atau keluar	Dwisentuh atau cubit.
-----------------------	-----------------------

Sorot foto	Seret foto.
Mainkan video	Sentuh ► pada bahagian tengah skrin.
Tonton video dalam skrin penuh, atau muatkan pada skrin	Dwisentuh video.
Strim video ke HDTV	Lihat "AirPlay" pada halaman 34.
Edit foto atau potong trim video	Lihat "Mengedit foto" atau "Memotong video" pada halaman 100.

## Melihat pertunjukan slaid

**Lihat pertunjukan slaid:** Sentuh album untuk membukanya, kemudian sentuh foto dan sentuh ►. Pilih pilihan pertunjukan slaid, kemudian sentuh Mulakan Pertunjukan Slaid.


Strim pertunjukan slaid ke HDTV	Lihat "AirPlay" pada halaman 34.
Hentikan pertunjukan slaid	Sentuh skrin.
Setkan pilihan tambahan	Pergi ke Seting > Foto.

## Menyusun foto dan video



Anda boleh membuat, menamakan semula dan memadam album pada iPhone untuk membantu anda menyusun foto dan video anda.

**Buat album:** Apabila melihat album, sentuh Edit, kemudian sentuh Tambah. Pilih foto untuk menambah album baru, kemudian sentuh Selesai.

**Nota:** Album dibuat pada iPhone tidak diselaraskan kembali ke komputer anda.



Namakan semula album	Sentuh Edit, kemudian pilih album.
Susun semula album	Sentuh Edit, kemudian seret ≡ ke atas atau ke bawah.
Padam album	Sentuh Edit, kemudian sentuh  .

## Berkongsi foto dan video

**Hantar foto atau video dalam e-mel, mesej teks (iMessage atau MMS), atau Tweet:** Pilih foto atau video, kemudian sentuh . Jika anda tidak melihat , sentuh skrin untuk menunjukkan kawalan.

**Nota:** Untuk menyiarkan Tweet, anda mesti telah melog masuk ke akaun Twitter anda. Pergi ke Seting > Twitter.

Had saiz bagi lampiran ditentukan oleh pembekal khidmat anda. iPhone mungkin memampatkan lampiran foto dan video, jika perlu.

Hantar berbilang foto atau video	Semasa melihat imej kecil, sentuh  , pilih foto atau video, kemudian sentuh Kongsi.
Salin foto atau video	Sentuh dan tahan foto atau video, kemudian sentuh Salin.
Salin berbilang foto atau video	Sentuh  di penjuru kanan atas skrin. Pilih foto dan video, kemudian sentuh Salin.
Tampal foto atau video dalam e-mel atau mesej teks (iMessage atau MMS)	Sentuh dan tahan di mana anda mahu meletakkan foto atau video, kemudian sentuh Tampal.




Hantar foto atau video dari mesej e-mel	Sentuh untuk memuat turun jika perlu, sentuh foto atau sentuh dan tahan video, kemudian sentuh Simpan.
Hantar foto atau video dari mesej teks	Sentuh imej dalam perbualan, sentuh  , kemudian sentuh Simpan.
Simpan foto dari halaman web	Sentuh dan tahan foto, kemudian sentuh Simpan Imej.
Kongsi video di YouTube	Semasa menonton video, sentuh  , kemudian sentuh "Hantar ke YouTube."

Foto dan video yang anda terima, atau yang anda simpan dari halaman web, disimpan ke album Jalur Filem anda.

## Mencetak foto

**Cetak foto:** Sentuh , kemudian sentuh Cetak.


**Cetak berbilang foto:** Semasa melihat album foto, sentuh . Pilih foto yang anda mahu cetak, kemudian sentuh Cetak.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat "Mencetak" pada halaman 29.



## Perihal Kamera



Kamera terbina dalam membolehkan anda mengambil foto dan merakam video. iPhone 4 dan iPhone 4S mempunyai kamera depan untuk FaceTime dan potret diri (tambahan kepada kamera di bahagian belakang) dan denyar LED.






Jika Perkhidmatan Lokasi diaktifkan, foto dan video ditag dengan data lokasi yang boleh digunakan oleh beberapa aplikasi dan tapak web perkongsian foto. Lihat "Perkhidmatan Lokasi" pada halaman 174.


**Nota:** Jika perkhidmatan lokasi dinyahaktifkan apabila anda membuka Kamera, anda mungkin digesa untuk mengaktifkannya. Anda boleh menggunakan Kamera tanpa Perkhidmatan Lokasi.

## Mengambil foto dan video

Untuk membuka Kamera dengan cepat apabila iPhone dikunci, tekan butang Utama  atau butang Hidup/Mati, kemudian seret  ke atas.




**Ambil foto:** Pastikan suis Kamera/Video disetkan ke , kemudian sasarkan iPhone dan sentuh . Anda juga boleh mengambil foto dengan menekan butang kelantangan naik.

**Rakam video:** Luncurkan suis Kamera/Video ke , kemudian sentuh  untuk memulakan atau menghentikan rakaman, atau tekan butang kelantangan atas.

Apabila anda mengambil foto atau mula merakam video, iPhone membuat bunyi pengatup. Anda boleh mengawal kelantangan dengan butang kelantangan atau suis Dering/Senyap.

**Nota:** Dalam sesetengah kawasan, bunyi pengatup tidak disediakan oleh suis Dering/Senyap.


Segi empat tepat muncul seketika di titik kamera difokus dan mengeset pendedahan. Apabila anda menangkap gambar orang, iPhone 4S menggunakan pengecaman muka untuk memfokus muka dan mengimbangkan pendedahan untuk sehingga 10 muka secara automatik. Segi empat tepat muncul untuk setiap muka yang dikesan.

Zum masuk atau keluar	Cubit skrin (kamera belakang, dalam mod kamera sahaja).
Aktifkan grid	Sentuh Pilihan.
Setkan fokus dan pendedahan	Sentuh orang atau objek atas skrin. (Pengecaman muka dinyahaktifkan baut sementara.)
Kunci fokus dan pendedahan	Sentuh dan tahan skrin sehingga segi empat tempat berdenyut. Kunci AE/AF muncul atas skrin dan fokus dan pendedahan kekal terkunci sehingga anda menyentuh skrin sekali lagi.
Ambil tangkapan skrin	Tekan dan lepaskan dengan cepat butang Hidup/Mati Tidur/Bangun dan butang Utama  secara serentak. Tangkapan skrin ditambah ke album Jalur Filem anda.

## Foto HDR

HDR (iPhone 4 atau lebih baru) menggabungkan bahagian terbaik daripada tiga dedahan berasingan ke dalam satu foto "julat dinamik tinggi". Untuk keputusan terbaik, iPhone dan subjek mestilah pegun.

**Aktifkan HDR:** Sentuh Pilihan, kemudian setkan HDR. Apabila HDR aktif, denyar matikan.

Untuk menyimpan versi normal selain daripada versi HDR, pergi ke Seting > Foto. Apabila anda menyimpan kedua-dua versi,  HDR muncul di penjuru kiri atas foto HDR (apabila dilihat dalam album Jalur Filem dengan kawalan kelihatan).

## Melihat, berkongsi dan mencetak





Foto dan video yang anda ambil dengan Kamera disimpan dalam album Jalur Filem anda.

**Lihat album Jalur Filem anda:** Kuis kiri ke kanan, atau sentuh imej kecil di penjuru kiri bawah skrin. Anda juga boleh melihat album Jalur Filem anda dalam aplikasi Foto.

Untuk mengambil lebih foto dan video, sentuh .

Jika anda telah mengaktifkan Strim Foto iCloud dalam Seting > iCloud, foto baru turut muncul dalam album Strim Foto dan distrim ke peranti iOS dan komputer lain anda. Lihat “iCloud” pada halaman 17.


Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai melihat dan berkongsi foto dan video, lihat “Berkongsi foto dan video” pada halaman 96 dan “Muat naik foto dan video ke komputer anda” pada halaman 101.

Tunjukkan atau sembunyikan kawalan semasa melihat foto atau video skrin penuh	Sentuh skrin.
E-mel atau hantar mesej foto atau video	Sentuh  .
Tweet foto	Lihat foto dalam skrin penuh, sentuh  , kemudian sentuh Tweet. Anda mesti telah melog masuk ke akaun Twitter anda. Pergi ke Seting > Twitter. Untuk memasukkan lokasi anda, sentuh Tambah Lokasi.
Cetak foto	Sentuh  . Lihat “Mencetak” pada halaman 29.
Padam foto atau video	Sentuh  .

## Mengedit foto

Anda boleh memusing, meningkatkan, mengeluarkan mata merah dan memangkas foto.

Meningkatkan menambah baik kegelapan atau kecerahan, ketepuan warna dan kualiti lain foto secara keseluruhannya.



**Edit foto:** Semasa melihat foto dalam skrin penuh, sentuh Edit, kemudian pilih alat.

Dengan alat mata merah, sentuh setiap mata untuk memperbetulkannya. Untuk memangkas, menyeret penjuru grid, seret foto untuk menempatkannya semula, kemudian seret Pangkas. Anda juga boleh menyentuh Kekang apabila memangkas, untuk mengeset nisbah khusus.

## Memotong video

Anda boleh memangkas bingkai dari permulaan dan penghujung video yang anda baru rakam, atau sebarang video lain dalam album Jalur Filem anda. Anda boleh menggantikan video asal atau menyimpan versi yang dipangkas sebagai klip video baru.

**Potong video:** Semasa menonton video, sentuh skrin untuk memaparkan kawalan. Seret kedua-dua hujung pemapar bingkai pada bahagian atas video, kemudian sentuh Potong.

**Penting:** Jika anda memilih untuk Potong Asal, bingkai yang dipotong dipadam secara kekal daripada video asal. Jika anda memilih “Simpan sebagai Klip Baru,” klip video baru yang dipangkas disimpan dalam album Jalur Filem dan video asal tidak terjejas.



## Muat naik foto dan video ke komputer anda

Anda boleh memuat naik foto dan video yang anda ambil dengan Kamera ke aplikasi foto pada komputer anda, seperti iPhoto pada Mac.

**Muat naik foto dan video ke komputer anda:** Sambungkan iPhone ke komputer anda menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB.

- *Mac:* Pilih foto dan video yang anda inginkan dan klik butang Import atau Download dalam iPhoto atau aplikasi foto lain yang disokong pada komputer anda.
- *PC:* Ikuti arahan yang disertakan dengan aplikasi foto anda.




Jika anda padamkan foto dan video dari iPhone apabila anda memuat naiknya ke komputer anda, ia dikeluarkan daripada album Jalur Filem anda. Anda boleh menggunakan anak tetingkap seting Photos dalam iTunes untuk menyelaras foto dan video untuk aplikasi Foto pada iPhone (video boleh diselaraskan hanya dengan Mac). Lihat “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18.

## Strim Foto

Dengan Strim Foto—suatu ciri dalam iCloud—foto yang anda ambil pada iPhone dimuat naik secara automatik ke iCloud dan ditolak ke semua peranti lain anda yang mempunyai Strim Foto didayakan. Foto yang dimuat naik ke iCloud dari peranti anda yang lain dan komputer ditolak ke album Strim Foto pada iPhone. Lihat “iCloud” pada halaman 17.

**Aktifkan Strim Foto:** Pergi ke Seting > iCloud > Strim Foto.

Foto baru yang anda ambil dimuat naik ke Strim Foto anda apabila anda meninggalkan aplikasi Kamera dan iPhone disambungkan ke Internet melalui Wi-Fi. Sebarang foto lain yang ditambah ke Jalur Filem anda—termasuk foto yang dimuat turun daripada e-mel dan mesej teks, imej yang disimpan daripada halaman web dan tangkapan skrin—turut dimuat naik ke Strim Foto anda dan ditolak ke peranti anda yang lain. Strim Foto boleh berkongsi sehingga 1000 foto terbaru anda merentasi peranti iOS anda. Komputer anda boleh menyimpan semua foto Strim Foto anda secara kekal.

<b>Simpan foto ke iPhone dari Strim Foto</b>	Dalam album Strim Foto anda, sentuh  , pilih foto yang anda ingin simpan, kemudian sentuh Simpan.
<b>Padam foto daripada iCloud</b>	Dalam album Strim Foto anda, pilih foto, kemudian sentuh  .
<b>Padam berbilang foto daripada iCloud</b>	Dalam album Strim Foto anda, sentuh  , pilih foto yang anda ingin padam, kemudian sentuh Padam.

**Nota:** Untuk memadam foto daripada Strim Foto, anda memerlukan iOS 5.1 atau lebih baru pada iPhone dan semua peranti iOS anda yang lain. Lihat [support.apple.com/kb/HT4486](http://support.apple.com/kb/HT4486).

Walaupun foto yang dipadam dikeluarkan daripada Strim Foto pada peranti anda, foto asal kekal dalam album Jalur Filem pada peranti dari mana foto berasal.




## Perihal YouTube

YouTube membolehkan anda menonton video pendek yang dihantar oleh pengguna dari seluruh dunia. Berapa ciri YouTube memerlukan akaun YouTube. Untuk menyediakan akaun, pergi ke [www.youtube.com](http://www.youtube.com).

**Nota:** YouTube mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa atau kawasan.

## Menyemak imbas dan mencari video


**Layari video:** Sentuh sebarang butang semak imbas di bahagian bawah skrin, atau sentuh Lagi untuk melihat butang semak imbas tambahan. Jika anda menonton video, sentuh Selesai untuk melihat butang semak imbas.



Tukar butang semak imbas	Sentuh Lagi, kemudian sentuh Edit. Seret butang ke bahagian bawah skrin, ke atas butang yang anda mahu gantikan. Seret butang ke kiri atau kanan untuk memindahkannya. Apabila anda selesai, sentuh Selesai.
Semak imbas video berkaitan	Sentuh  di tepi sebarang video dalam senarai.
Cari video	Sentuh Cari di bahagian bawah skrin, kemudian sentuh medan carian.
Lihat lagi video yang dihantar oleh akaun yang sama	Sentuh  bersebelahan video semasa pada skrin maklumat video, kemudian sentuh Lagi Video.

## Memainkan video

**Tonton video:** Sentuh sebarang video semasa anda menyemak imbas. Main balik bermula apabila cukup video telah dimuat turun ke iPhone. Bahagian yang dikongsi pada bar leret menunjukkan kemajuan muat turun.





<b>Jeda atau teruskan main balik</b>	Sentuh <b>  </b> atau <b>▶</b> . Anda juga boleh menekan dan menahan butang tengah pada fon kepala iPhone anda.
<b>Mula semula dari permulaan</b>	Sentuh <b>◀◀</b> semasa video bermain. Jika anda menonton kurang daripada lima saat video, anda akan melangkau ke video sebelumnya dalam senarai.
<b>Imbas ke belakang atau ke hadapan</b>	Sentuh dan tahan <b>◀◀</b> atau <b>▶▶</b> .
<b>Langkau ke mana-mana titik</b>	Seret kepala main sepanjang bar leret.
<b>Langkau ke video seterusnya atau sebelumnya dalam senarai</b>	Sentuh <b>▶▶</b> untuk melangkau ke video seterusnya. Sentuh <b>◀◀</b> untuk melangkau ke video sebelumnya. Jika anda menonton kurang daripada lima saat video, sentuh hanya sekali.
<b>Bertukar antara isi skrin dan muat pada skrin</b>	Dwisentuh video. Anda juga boleh menyentuh <b>⌘</b> untuk membuatkan video mengisi skrin, atau sentuh <b>⌘</b> untuk menjadikannya muat pada skrin.
<b>Tonton YouTube pada TV</b>	Sambungkan iPhone ke TV anda atau penerima AV menggunakan AirPlay atau kabel. Lihat "Menonton video pada TV" pada halaman 137.
<b>Berhenti menonton video</b>	Sentuh Selesai.


## Menjejak video yang anda suka




**Tambah video ke senarai kegemaran anda atau senarai main:** Sentuh **👍** bersebelahan video untuk melihat butang untuk menambah video ke senarai.

<b>Tambah video ke Kegemaran</b>	Sentuh "Tambah ke Kegemaran." Jika anda menonton video, sentuh <b>👍</b> .
<b>Tambah video ke senarai main</b>	Sentuh "Tambah ke Senarai Main" pada skrin maklumat video, kemudian sentuh senarai main sedia ada atau sentuh <b>+</b> untuk membuat senarai main baru.
<b>Padam kegemaran</b>	Sentuh Kegemaran, sentuh Edit dan kemudian sentuh <b>👎</b> bersebelahan video.
<b>Padam video daripada senarai main</b>	Sentuh Senarai main, sentuh senarai main, sentuh Edit, kemudian sentuh <b>👎</b> .


Padam senarai main	Sentuh Senarai Main, sentuh Edit, kemudian sentuh  .
Langgan kepada akaun	Sentuh  bersebelahan video semasa (di atas senarai Video Berkaitan). Sentuh lagi Video, skrol ke dasar senarai dan sentuh "Langgan <i>akaun</i> ."
Nyahlanggan daripada akaun	Sentuh Langganan (sentuh Lagi dahulu jika anda tidak dapat melihatnya), sentuh akaun dalam senarai, kemudian sentuh Henti Langgan.

## Berkongsi video, komen dan rating

Paparkan kawalan untuk berkongsi, memberi komen dan rating: Sentuh  bersebelahan video.

E-mel pautan untuk video	Sentuh  bersebelahan video dan sentuh Kongsi Video. Atau, Jika anda menonton video, hanya sentuh  .
Kadar atau komen pada video	Pada skrin Maklumat Lanjut, sentuh "Nilai, Komen, atau Bendera," kemudian pilih "Nilai atau Komen."
Hantar video ke YouTube	Buka aplikasi Foto, pilih video, kemudian Sentuh  .

## Mendapatkan maklumat mengenai video

Lihat perihalan dan komen penonton: Sentuh  bersebelahan video dalam senarai, kemudian sentuh  sekali lagi apabila ia muncul di bahagian atas senarai.

## Menghantar video ke YouTube

Jika anda mempunyai akaun YouTube, anda boleh menghantar video terus ke YouTube. Lihat "Berkongsi foto dan video" pada halaman 96.



## Melihat harga saham

Saham membolehkan anda melihat sebut harga terbaru yang tersedia untuk saham, dana, dan indeks pilihan anda.

Sebut harga mungkin lewat sehingga 20 minit atau lebih, bergantung pada perkhidmatan pelaporan.

**Tambah saham, dana, atau indeks kepada pembaca saham:** Sentuh ⓘ, kemudian sentuh +. Masukkan simbol, nama syarikat, nama dana, atau indeks, kemudian sentuh Cari.

**Tunjukkan perubahan dalam nilai saham, dana, atau indeks untuk satu jangka masa:** Sentuh saham, dana, atau indeks dalam senarai anda, kemudian sentuh 1h, 1m, 1b, 3b, 6b, 1t, atau 2t.





Apabila anda melihat carta dalam orientasi landskap, anda boleh menyentuh carta untuk memaparkan nilai bagi satu titik masa tertentu.



Gunakan dua jari untuk melihat perubahan nilai bagi satu jangka masa tertentu.




Anda juga boleh melihat pita saham anda dalam Pusat Pemberitahuan. Lihat "Pemberitahuan" pada halaman 32.

Padam saham	Sentuh  dan sentuh  bersebelahan saham, kemudian sentuh Padam.
Tukar susunan senarai	Sentuh  . Kemudian seret  bersebelahan saham atau indeks ke tempat baru dalam senarai.
Tukar paparan ke perubahan peratusan, perubahan harga, atau permodalan pasaran	Sentuh sebarang daripada nilai sepanjang bahagian kanan skrin. Sentuh sekali lagi untuk bertukar ke paparan lain.
Gunakan iCloud untuk memastikan senarai saham anda dikemas kini pada peranti iOS anda	Pergi ke Seting > iCloud > Dokumen & Data, kemudian aktifkan Dokumen & Data (ia aktif secara lalai). Lihat "iCloud" pada halaman 17.

## Mendapatkan maklumat lanjut

**Lihat ringkasan, carta, atau halaman berita mengenai saham, dana, atau indeks:** Pilih saham, dana, atau indeks dalam senarai anda, kemudian kuis halaman di bawah pembaca saham untuk melihat ringkasan, carta, atau halaman berita terbaru.

Pada halaman berita, anda boleh menskrol ke atas dan ke bawah untuk membaca tajuk berita, atau sentuh tajuk berita bagi melihat artikel dalam Safari.

**Lihat maklumat lanjut saham di Yahoo.com:** Pilih saham, dana, atau indeks dalam senarai anda, kemudian sentuh .



## Mencari lokasi

**AMARAN:** Untuk maklumat penting mengenai pemanduan dan navigasi selamat, lihat *Panduan Maklumat Produk Penting iPhone* di [support.apple.com/ms\\_MY/manuals/iphone](http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone).







**Cari lokasi:** Sentuh medan carian untuk memaparkan papan kekunci. Taipkan alamat atau maklumat lain, kemudian sentuh Cari.

Anda boleh mencari maklumat seperti:

- Persimpangan (“8th and market”)
- Kawasan (“greenwich village”)
- Tanda tempat (“guggenheim”)
- Poskod
- Perniagaan (“movies,” “restaurants san francisco ca,” “apple inc new york”)

Anda juga boleh menyentuh  untuk mencari lokasi kenalan.

Lihat nama atau perihalan bagi lokasi	Sentuh pin.
Lihat senarai perniagaan yang ditemui dalam carian	Sentuh  , kemudian sentuh Senarai. Sentuh perniagaan untuk melihat lokasinya.
Cari lokasi semasa anda	Sentuh  . Lokasi semasa anda ditunjukkan oleh penanda biru. Jika lokasi anda tidak dapat ditentukan dengan tepat, bulatan biru muncul di sekeliling penanda. Lebih kecil bulatan, lebih tinggi ketepatan.
Tunjukkan arah anda sedang menghala	Sentuh  sekali lagi. Ikon berubah ke  dan peta berpusing untuk menunjukkan hala anda.
Tanda lokasi	Sentuh dan tahan peta sehingga pin jatuh muncul.








**Penting:** Peta, arah, dan aplikasi berdasarkan lokasi bergantung pada perkhidmatan data. Perkhidmatan data tertakluk kepada perubahan dan mungkin tidak tersedia di semua kawasan, yang menghasilkan peta, bacaan kompas, arah, atau maklumat berasaskan lokasi yang mungkin tidak tersedia, tidak tepat, atau tidak lengkap. Bandingkan maklumat yang disediakan pada iPhone kepada persekitaran anda dan rujuk pada tanda jalan untuk menyelesaikan sebarang kemusykilan.

Jika Perkhidmatan Lokasi dinyahaktifkan apabila anda membuka Peta, anda mungkin digesa untuk mengaktifkannya. Anda boleh menggunakan Peta tanpa Perkhidmatan Lokasi. Lihat “Perkhidmatan Lokasi” pada halaman 174.


## Mendapatkan arah




### Dapatkan arahan:

- 1 Sentuh Arah.
- 2 Masukkan lokasi permulaan dan penamatan.  
Sentuh  dalam mana-mana medan untuk memilih lokasi dalam Penanda Buku (termasuk lokasi semasa adan atau pin yang dijatuhkan) lokasi terbaru, atau kenalan. Jika  tidak kelihatan, sentuh  untuk memadamkan kandungan medan.
- 3 Sentuh Laluan, kemudian pilih arah untuk memandu () transit awam () atau berjalan ().
- 4 Buat salah satu daripada yang berikut:
  - Untuk melihat arah langkah demi langkah, sentuh Mula, kemudian sentuh  untuk melihat pusingan perjalanan yang seterusnya.



- Untuk melihat semua arah dalam senarai, sentuh , kemudian sentuh Senarai. Sentuh sebarang item dalam senarai untuk melihat peta yang menunjukkan pusingan perjalanan tersebut. Sentuh Gambaran Keseluruhan Laluan untuk kembali ke skrin gambaran keseluruhan.

5 Jika berbilang laluan muncul, sentuh yang mana satu anda ingin gunakan.

Jika anda menggunakan transit awam, sentuh  untuk mengesetkan masa bertolak dan ketibaan anda dan untuk memilih jadual untuk perjalanan tersebut. Sentuh ikon di bahagian atas untuk melihat masa bertolak bagi bas atau kereta api tersebut, dan bagi mendapatkan pautan ke laman web atau maklumat hubungan pengendali transit.

---


Dapatkan arah daripada lokasi pada peta      Sentuh pin, sentuh , kemudian sentuh Arah Ke Sini atau Arah Dari Sini

---

Tambah penanda buku pada lokasi      Sentuh "Tambah ke Penanda buku."

---

## Mendapatkan dan berkongsi maklumat mengenai lokasi



Mendapatkan dan berkongsi maklumat mengenai lokasi: Sentuh pin, kemudian sentuh .

---

Tambah perniagaan ke kenalan anda      Sentuh "Tambah ke Kenalan."


---

Tweet, teks atau e-melkan lokasi anda      Sentuh Kongsi Lokasi.  
*Nota:* Untuk menyiarkan Tweet, anda mesti telah melog masuk ke akaun Twitter anda. Pergi ke Seting > Twitter.

---

## Menunjukkan keadaan trafik

Anda boleh menunjukkan keadaan trafik jalan-jalan utama dan lebuh raya pada peta.

**Tunjukkan atau sembunyikan keadaan trafik:** Sentuh , kemudian sentuh Tunjukkan Trafik atau Sembunyikan Trafik.


Jalan dan lebuh raya diletakkan kod warna untuk menunjukkan aliran trafik:


- Kelabu—tiada data tersedia
- Hijau—had kelajuan yang disiarkan
- Kuning—lebih perlahan daripada had laju yang disiarkan
- Merah—berhenti dan jalan


*Nota:* Keadaan trafik tidak tersedia di semua kawasan.

## Paparan Peta



Lihat paparan satelit atau paparan hibrid: Sentuh , kemudian pilih paparan yang anda inginkan.

Lihat Google Street View untuk lokasi: Sentuh . Kuis kiri atau kanan untuk menyorot menerusi paparan panorama 360° (sisipan menunjukkan paparan semasa anda). Sentuh anak panah untuk bergerak atas jalan. Untuk kembali ke paparan peta, sentuh sisipan peta di penjuru kanan bawah.



Sentuh untuk kembali ke paparan peta

**Nota:** Street View mungkin tidak tersedia di semua kawasan.



## Mendapatkan maklumat cuaca

Sentuh Cuaca pada skrin Utama untuk mendapatkan suhu semasa dan ramalan enam hari bagi satu atau lebih bandar di seluruh dunia.



Jika papan cuaca berwarna biru muda, hari adalah siang di bandar tersebut. Jika papan berwarna ungu gelap, hari adalah malam.


**Tambah bandar:** Sentuh ⓘ, kemudian sentuh +. Masukkan poskod, kemudian sentuh Cari.

Bertukar ke bandar lain	Kuis ke kiri dan ke kanan.
Susun semula bandar	Sentuh ⓘ, kemudian seret ≡ ke atas atau ke bawah.
Padam bandar	Sentuh ⓘ dan sentuh ⓧ, kemudian sentuh Padam.
Paparkan suhu dalam Fahrenheit atau Celsius	Sentuh ⓘ, kemudian sentuh °F atau °C.
Gunakan iCloud untuk menolak senarai bandar anda ke peranti iOS anda yang lain	Pergi ke Seting > iCloud > Dokumen & Data, kemudian aktifkan Dokumen & Data (ia aktif secara lalai). Lihat “iCloud” pada halaman 17.
Lihat maklumat mengenai bandar di Yahoo.com	Sentuh ⓧ!.



## Perihal Nota

Taipkan nota pada iPhone, dan iCloud menjadikannya tersedia pada peranti iOS dan komputer Mac. Anda juga boleh membaca dan membuat nota dalam akaun lain, seperti Gmail atau Yahoo.



## Menulis nota

**Tambah nota:** Sentuh **+**, kemudian taipkan nota anda dan sentuh Selesai.

**Gunakan iCloud untuk memastikan nota anda dikemas kini pada peranti iOS anda dan komputer Mac**

Jika anda menggunakan alamat e-mel me.com atau mac.com untuk iCloud, pergi ke Seting > iCloud dan aktifkan Nota.

Jika anda menggunakan Gmail atau akaun IMAP lain untuk iCloud, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar dan aktifkan Nota untuk akaun.

Lihat "iCloud" pada halaman 17.

**Buat nota dalam akaun khusus**

Sentuh Akaun dan pilih akaun, sebelum anda menyentuh **+** untuk membuat nota.


**Setkan akaun lalai untuk nota baru**

Jika anda menyentuh **+** semasa melihat Semua Nota, nota dibuat dalam akaun lalai yang anda pilih dalam Seting > Nota.

## Membaca dan mengedit nota

Nota disenaraikan dengan yang paling baru di atas. Jika anda menggunakan lebih daripada satu peranti iOS atau komputer dengan akaun iCloud anda, nota daripada semua peranti disenaraikan. Jika anda membuat nota dengan aplikasi pada komputer anda atau dengan akaun dalam talian yang lain seperti Yahoo atau Gmail, nota tersebut disusun mengikut akaun.

**Baca nota:** Sentuh nota dalam senarai. Untuk melihat nota seterusnya atau sebelumnya, sentuh ➡ atau ⬅.

Tukar fon	Pergi ke Seting > Nota.
Lihat nota untuk akaun tertentu	Sentuh Akaun dan pilih akaun.
Lihat nota dalam semua akaun	Sentuh Akaun dan pilih Semua Nota.
Edit nota	Sentuh di mana-mana pada nota untuk memaparkan papan kekunci.
Padam nota	Semasa melihat senarai nota, leret ke kiri atau kanan merentasi nota. Semasa membaca nota, sentuh  .

## Mencari nota

Anda boleh mencari teks bagi semua nota anda.

**Cari nota:** Semasa melihat senarai nota, kuis ke bawah untuk menskrol ke atas senarai dan dedahkan medan carian, kemudian sentuh medan dan taipkan apa yang anda cari.

Anda juga boleh mencari nota daripada skrin Utama iPhone. Lihat “Mencari” pada halaman 30.

## Mencetak atau e-mel nota

Untuk e-mel nota, iPhone mesti disediakan untuk e-mel. Lihat “Menyediakan mel dan akaun lain” pada halaman 16.

**Mencetak atau e-mel nota:** Semasa membaca nota, sentuh .



## Perihal Jam

Anda boleh menggunakan Jam untuk menyemak masa di mana-mana sahaja di dunia, mengeset penggera, mengambil masa peristiwa, atau mengeset pemasa.



## Mengeset jam dunia

Anda boleh menambah jam untuk menunjukkan masa di bandar-bandar utama yang lain dan zon waktu di seluruh dunia.

**Tambah jam:** Sentuh **+**, kemudian taipkan nama bandar. Jika anda tidak dapat melihat bandar yang sedang anda cari, cuba bandar utama dalam zon waktu yang sama.



Susun semula jam	Sentuh Edit, kemudian seret
Padam jam	Sentuh Edit, kemudian sentuh

## Mengeset penggera


Anda boleh mengeset berbilang penggera. Setkan setiap penggera untuk berulang pada tarikh yang anda tentukan, atau untuk berbunyi hanya sekali.

**Set penggera:** Sentuh Penggera dan sentuh **+**.

---

Tukar seting untuk penggera	Sentuh Edit, kemudian sentuh  .
Padam penggera	Sentuh Edit, kemudian sentuh  .

---

Jika sekurang-kurangnya satu penggera disetkan dan diaktifkan,  muncul dalam bar status iPhone di bahagian atas skrin. Jika penggera ditetapkan untuk berbunyi hanya sekali, ia nyahaktifkan secara automatik selepas ia berbunyi. Anda boleh mengaktifkannya sekali lagi untuk mendayakannya semula.

**Penting:** Seseengah pembawa tidak menyokong masa rangkaian di semua lokasi. Jika anda dalam perjalanan, isyarat iPhone mungkin tidak berbunyi pada masa tempatan yang betul. Lihat “Tarikh & Masa” pada halaman 181.

## Menggunakan jam randik

**Mengambil masa peristiwa:** Sentuh Jam Randik, kemudian sentuh Mula.

Jam randik meneruskan mengambil masa jika anda bertukar ke aplikasi lain.

## Mengeset pemasa

Anda boleh mengeset pemasa yang terus berjalan walaupun apabila anda menggunakan aplikasi lain.

**Setkan pemasa:** Sentuh Pemasa, kuis untuk mengeset tempoh dan sentuh Mula.

---


Pilih bunyi isyarat	Sentuh Bila Pemasa Tamat.
Setkan pemasa tidur untuk iPhone	Setkan tempoh, sentuh Bila Pemasa Tamat dan pilih Henti Bermain. iPhone berhenti memainkan muzik atau video apabila pemasa tamat.

---



## Perihal Peringatan

Peringatan membolehkan anda mengatur hidup anda dengan senarai—lengkap dengan tarikh akhir dan lokasi. Anda boleh diingatkan mengenai item pada hari dan tarikh yang khusus, atau apabila anda menghampiri dan atau meninggalkan lokasi, seperti rumah atau pejabat anda. Peringatan berfungsi dengan akaun kalendar anda, jadi perubahan yang anda buat dikemas kini secara automatik pada peranti iOS dan komputer anda yang lain.



**Tukar antara paparan Senarai dan paparan Tarikh.** Pada bahagian atas skrin, sentuh Senarai atau Tarikh.

## Mengeset peringatan

Anda boleh mengeset peringatan untuk tarikh dan masa, untuk lokasi dan untuk kedua-duanya.

**Tambah peringatan:** Dalam Peringatan, sentuh **+**, kemudian masukkan perihalan dan sentuh Selesai.

Selepas anda menambah peringatan, anda boleh melaraskan setingnya.









<b>Setkan lokasi untuk peringatan</b>	Sentuh peringatan, kemudian sentuh Ingatkan Saya. Aktifkan “Di Lokasi” dan pilih Bila Saya Beredar atau Bila Saya Tiba, atau kedua-duanya. Untuk menukar lokasi ke suatu tempat selain daripada di mana anda berada sekarang, sentuh Lokasi Semasa, kemudian sentuh Pilih Alamat dan pilih lokasi daripada Kenalan. Lihat “Mengenai peringatan lokasi” pada halaman 118.
<b>Setkan tarikh jangka untuk peringatan</b>	Sentuh peringatan, kemudian sentuh Ingatkan Saya. Aktifkan “Pada Hari,” kemudian setkan tarikh dan masa bila anda ingin diingatkan. Peringatan yang telah genap masa dan belum diselesaikan dipaparkan dalam Pusat Pemberitahuan.
<b>Tambah nota pada peringatan</b>	Sentuh peringatan, kemudian sentuh Tunjukkan Lagi. Sentuh Nota.
<b>Pindahkan peringatan ke senarai lain</b>	Sentuh peringatan, kemudian sentuh Tunjukkan Lagi. Sentuh Senarai dan pilih senarai baru. Untuk membuat atau mengedit senarai, lihat “Mengurus peringatan dalam paparan Senarai” pada halaman 117.
<b>Memadamkan peringatan</b>	Sentuh peringatan, sentuh Tunjukkan Lagi, kemudian sentuh Padam.
<b>Mengedit peringatan</b>	Sentuh peringatan, kemudian sentuh namanya.
<b>Tandakan peringatan sebagai diselesaikan</b>	Sentuh kotak bersebelahan item, agar tanda semak muncul. Item yang telah diselesaikan dipaparkan dalam senarai Diselesaikan. Lihat “Mengurus peringatan yang telah diselesaikan” pada halaman 118.
<b>Setkan nada yang dimainkan untuk peringatan</b>	Pergi ke Seting > Bunyi.
<b>Gunakan iCloud untuk memastikan Peringatan dikemas kini pada peranti dan komputer iOS anda</b>	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian aktifkan Peringatan. Lihat “iCloud” pada halaman 17.

## Mengurus peringatan dalam paparan Senarai

Menyusun peringatan dalam senarai menjadikannya mudah untuk memastikan tugas kerja, peribadi dan yang lain berasingan daripada satu sama lain. Peringatan datang dalam satu senarai untuk peringatan aktif dan senarai terbina dalam bagi item yang telah diselesaikan. Anda boleh menambah senarai lain pada senarai anda sendiri.

**Buat senarai:** Pada bahagian atas skrin, sentuh Senarai, kemudian sentuh . Sentuh Edit.

<b>Bertukar antara senarai dengan cepat</b>	Leret ke kiri atau kanan merentasi skrin. Anda juga boleh melompat ke senarai khusus. Sentuh  , kemudian sentuh nama senarai.
<b>Lihat item yang telah diselesaikan</b>	Leret kiri merentasi skrin sehingga anda sampai ke senarai Dilengkapkan.
<b>Untuk menukar susunan senarai</b>	Dalam paparan Senarai, sentuh  , kemudian sentuh Edit. Seret  bersebelahan senarai untuk menukar susunan. Anda tidak boleh memindahkan senarai ke akaun berlainan dan anda tidak boleh menukar susunan peringatan dalam senarai.
<b>Padamkan senarai</b>	Dalam paparan Senarai, sentuh  , kemudian sentuh Edit. Sentuh  untuk setiap senarai yang anda mahu padam. Apabila anda memadam senarai, semua item dalam senarai turut dipadamkan.
<b>Tukar nama senarai</b>	Dalam paparan Senarai, sentuh  , kemudian sentuh Edit. Sentuh nama yang anda mahu tukar, kemudian taipkan nama baru. Sentuh Selesai.
<b>Setkan senarai lalai untuk peringatan baru</b>	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, kemudian di bawah pengepala Peringatan, sentuh Senarai Lalai.


Anda juga boleh membuat peringatan dengan bercakap. Lihat Bab 4, “Siri,” pada halaman 40.

## Mengurus peringatan dalam paparan Tarikh

Anda menggunakan paparan Tarikh untuk mengurus peringatan yang mempunyai tarikh jangka.

**Lihat peringatan untuk tarikh:** Di bahagian atas skrin, sentuh Tarikh untuk melihat peringatan hari ini, dan juga item yang belum selesai dari hari-hari sebelumnya.

---

Lihat tarikh terbaru	Seret gelangsar masa yang terletak di bawah senarai, ke hari baru.
Lihat hari tertentu	Sentuh  , kemudian pilih tarikh untuk dipaparkan.

---

## Mengenai peringatan lokasi

Peringatan lokasi hanya tersedia pada iPhone 4 dan iPhone 4S dan mungkin tidak tersedia di semua kawasan. Anda tidak boleh mengeset lokasi untuk peringatan dalam akaun Microsoft Exchange dan Outlook.

Anda boleh mengeset peringatan lokasi untuk membolehkan Peringatan mengisyaratkan anda apabila anda menghampiri lokasi dan sekali lagi apabila anda tidak lagi berhampiran kawasan itu. Untuk keputusan terbaik, nyatakan lokasi yang ditentukan dengan baik—seperti alamat berbanding bandar—dan ingat bahawa ketepatannya boleh berbeza-beza. iPhone mungkin menyemak sama lokasinya secara kurang kerap bergantung pada model iPhone anda dan sama ada ia dikunci, jadi mungkin terdapat kelewatan sebelum peringatan dicituskan.

Apabila anda membuat peringatan, anda boleh menggunakan lokasi semasa anda atau lokasi daripada senarai kenalan anda. Tambah lokasi yang akan anda gunakan dengan Peringatan, seperti kedai runcit atau sekolah, kepada Kenalan. Anda juga harus menambah lokasi peribadi, seperti alamat rumah dan kerja anda, kepada kad kenalan anda dalam Kenalan. Peringatan menunjukkan lokasi dari kad kenalan anda. Untuk mendapatkan maklumat mengenai mengeset kad kenalan anda dalam Kenalan, lihat “Akaun dan seting kenalan” pada halaman 134.

## Mengurus peringatan yang telah diselesaikan

Peringatan menjejak item yang anda tandakan sebagai selesai. Anda boleh melihatnya dalam paparan Senarai atau Tarikh, atau anda boleh menggunakan senarai Diselesaikan.

**Lihat item yang telah diselesaikan:** Sentuh butang Senarai di bahagian atas skrin, kemudian leret dari kiri ke kanan sehingga senarai Diselesaikan muncul.


---


Lihat bilangan item yang dilengkapkan	Dalam paparan Senarai atau Tarikh, tatal ke atas senarai peringatan, kemudian tarikh turut senarai sehingga Diselesaikan muncul. Sentuh Diselesaikan untuk melihat semua item yang diselesaikan.
Tandakan item yang telah selesai sebagai belum selesai	Sentuh untuk mengeluarkan tanda semak. Item dipindahkan kembali ke senarai asalnya secara automatik.
Selaraskan peringatan sebelumnya	Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, dan di bawah Peringatan, sentuh Selaraskan. Seting ini digunakan pada semua akaun peringatan anda. Untuk prestasi terbaik, jangan selaraskan lebih item terdahulu daripada yang anda perlukan.

---

## Mencari peringatan

Anda boleh mencari peringatan yang belum selesai atau telah selesai dengan cepat. Peringatan dicari mengikut nama.

**Cari Peringatan dalam paparan Tarikh:** Sentuh , kemudian sentuh Cari Peringatan dan masukkan frasa carian.

**Cari Peringatan dalam paparan Senarai:** Sentuh , kemudian sentuh Cari Peringatan dan masukkan frasa carian.

Anda juga boleh mencari Peringatan dari skrin Utama. Lihat “Carian Spotlight” pada halaman 179. Anda boleh meminta Siri untuk mencari peringatan mengikut tajuk. Lihat Bab 4, “Siri,” pada halaman 40.



## Perihal Game Center

Terokai permainan baru dan kongsi pengalaman permainan anda dengan rakan dari seluruh dunia dalam Game Center. Jemput rakan untuk bermain, atau gunakan padanan auto bagi mencari lawan setara yang lain. Dapatkan bonus dengan mencapai pencapaian khusus dalam permainan, lihat apa yang dicapai rakan anda dan semak papan juara untuk melihat pemain terbaik.

**Nota:** Game Center mungkin tidak tersedia di semua kawasan dan ketersediaan permainan mungkin berbeza-beza.

Untuk menggunakan Game Center, anda memerlukan sambungan Internet dan Apple ID. Jika anda tidak mempunyai Apple ID, anda boleh membuat yang baru dalam Game Center, seperti yang diterangkan di bawah.



## Mendaftar masuk ke Game Center

**Daftar masuk:** Buka Game Center. Jika anda melihat nama samaran dan foto anda di bahagian atas skrin, ini bermakna anda sudah mendaftar masuk. Jika tidak, masukkan Apple ID dan kata laluan anda, kemudian sentuh Daftar Masuk. Atau, sentuh Buat Akaun Baru untuk membuat Apple ID baru.

<b>Tambah foto</b>	Sentuh foto bersebelahan nama anda.
<b>Umumkan status anda</b>	Sentuh Saya, sentuh bar status dan kemudian masukkan status anda.
<b>Lihat seting akaun anda</b>	Sentuh Saya, sentuh sepanduk akaun, kemudian pilih Lihat Akaun.
<b>Daftar keluar</b>	Sentuh Saya, sentuh Sepanduk akaun, kemudian sentuh Daftar Keluar. Anda tidak perlu mendaftar setiap kali anda keluar daripada Game Center.

## Membeli dan memuat turun permainan

Permainan untuk Game Center disediakan pada App Store.

**Beli dan muat turun permainan:** Sentuh Permainan, kemudian sentuh permainan yang disyorkan atau sentuh Cari Permainan Game Center.

<b>Beli permainan yang dibeli rakan anda</b>	Sentuh Rakan, kemudian sentuh nama rakan anda. Sentuh permainan dalam senarai permainan rakan anda, kemudian sentuh harga permainan di bawah namanya di bahagian atas skrin.
--	--

## Bermain permainan

**Main permainan:** Sentuh Permainan, pilih permainan, kemudian sentuh Main.

<b>Lihat senarai pemilik markah tinggi</b>	Sentuh Permainan, kemudian pilih permainan sentuh Papan Juara.
<b>Lihat pencapaian yang anda boleh cuba dapatkan</b>	Sentuh Permainan, pilih permainan, kemudian sentuh Pencapaian.
<b>Kembali ke Game Center selepas bermain</b>	Tekan butang Utama, kemudian sentuh Game Center pada skrin Utama.

## Bermain bersama rakan

Game Center boleh menghubungkan anda dengan pemain dari seluruh dunia. Anda boleh menambah rakan ke Game Center dengan membuat permintaan, atau dengan menerima permintaan daripada pemain lain.

**Jemput rakan untuk bermain permainan berbilang pemain:** Sentuh Rakan, pilih rakan, pilih permainan dan sentuh Main. Jika permainan membenarkan atau memerlukan pemain tambahan, pilih pemain tambahan untuk dijemput, kemudian sentuh Seterusnya. Hantar jemputan anda, kemudian tunggu untuk orang lain menerimanya. Apabila semua orang telah bersedia, mulakan permainan.

Jika rakan tidak tersedia atau tidak membalas jemputan anda, anda boleh menyentuh Padan Auto supaya Game Center mencari pemain lain untuk anda, atau sentuh Jemput Rakan bagi mencuba menjemput rakan lain.

<b>Hantar permintaan rakan</b>	Sentuh Rakan atau Permintaan, sentuh <b>+</b> , kemudian masukkan alamat e-mel rakan atau nama samaran Game Center. Sentuh <b>+</b> untuk menyemak imbas kenalan anda. Untuk menambah beberapa rakan dalam satu permintaan, tekan Return selepas setiap alamat.
<b>Balas kepada permintaan rakan</b>	Sentuh Permintaan, sentuh permintaan, kemudian sentuh Terima atau Abaikan. Untuk melaporkan masalah dengan permintaan, kuis ke atas dan sentuh "Laporkan Masalah."
<b>Lihat permainan yang dimainkan rakan dan semak skor rakan anda</b>	Sentuh Rakan, sentuh nama rakan anda, kemudian sentuh Permainan atau Mata.

<b>Cari seseorang dalam senarai rakan anda</b>	Sentuh bar status untuk menskrol ke bahagian atas skrin, kemudian sentuh medan carian dan mula menaip.
<b>Halang jemputan permainan daripada orang lain</b>	Nyahaktifkan Jemputan Permainan dalam seting akaun Game Center anda. Lihat "Seting Game Center" pada halaman 122.
<b>Pastikan alamat e-mel anda adalah peribadi</b>	Nyahaktifkan Cari Saya Melalui E-mel dalam seting akaun Game Center anda. Lihat "Seting Game Center" pada halaman 122.
<b>Nyahdayakan aktiviti berbilang pemain</b>	Pergi ke Seting > Umum > Sekatan > Game Center dan nyahaktifkan Permainan Berbilang Pemain.
<b>Tak benarkan permintaan rakan</b>	Pergi ke Seting > Umum > Sekatan > Game Center dan nyahaktifkan Menambah Rakan.
<b>Lihat senarai rakan kepada rakan</b>	Sentuh Rakan, sentuh nama rakan, kemudian sentuh rakan betul-betul di bawah gambar mereka.
<b>Keluarkan rakan</b>	Sentuh Rakan, sentuh nama, kemudian sentuh Batal Rakan.
<b>Laporkan kelakuan yang menjelikkan atau tidak sesuai</b>	Sentuh Rakan, sentuh nama rakan, kemudian sentuh "Laporkan Masalah."

## Seting Game Center

Beberapa seting Game Center dikaitkan dengan Apple ID yang anda gunakan untuk mendaftar masuk. Seting yang lain terletak dalam aplikasi Seting pada iPhone.

**Tukar seting Game Center untuk Apple ID anda:** Daftar masuk Apple ID anda, sentuh Saya, sentuh sepanduk Akaun, kemudian pilih Lihat Akaun.

**Tentukan pemberitahuan yang anda inginkan untuk Game Center:** Pergi ke Seting > Pemberitahuan > Game Center. Jika Game Center tidak muncul, aktifkan Pemberitahuan.

**Tukar sekatan yang menjejaskan Game Center:** Pergi ke Seting > Umum > Pemberitahuan > Game Center.



## Perihal iTunes Store

Gunakan iTunes Store untuk menambah kandungan ke iPhone anda. Anda boleh menyemak imbas dan membeli muzik, rancangan TV, buku audio, nada isyarat dan nada dering. Anda juga boleh membeli atau menyewa filem, atau memuat turun dan memainkan podcast atau koleksi iTunes U. Anda memerlukan Apple ID untuk membeli kandungan. Lihat “Seting Store” pada halaman 131.

**Nota:** iTunes Store tidak tersedia di semua kawasan dan kandungan iTunes Store mungkin berbeza mengikut kawasan. Ciri-ciri tertakluk pada perubahan.

Untuk mengakses iTunes Store, iPhone mesti mempunyai sambungan Internet. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177.

## Mencari muzik, video dan banyak lagi



**Semak imbas kandungan:** Sentuh salah satu jenis kandungan, seperti Muzik atau Video. Atau sentuh Lagi untuk menyemak imbas kandungan lain.

<b>Cari kandungan</b>	Sentuh Cari (sentuh More terlebih dahulu, jika Search tidak kelihatan), sentuh medan carian dan masukkan satu atau lebih perkataan, kemudian sentuh Search.
<b>Beli, ulas atau beritahu rakan mengenai item</b>	Sentuh item dalam senarai untuk melihat lebih banyak butiran pada skrin Maklumatnya.
<b>Jelajahi artis dan syor rakan</b>	Sentuh Ping (sentuh More dahulu, jika Ping tidak kelihatan) untuk mengetahui apa yang baru daripada artis kegemaran anda atau muzik yang rakan-rakan anda syorkan. Untuk mendapatkan maklumat, lihat "Mengikuti artis dan rakan" pada halaman 125.

## Membeli muzik, buku audio dan nada

Apabila anda menemui lagu, album, nada isyarat, nada dering atau buku audio yang anda suka dalam iTunes Store, anda boleh membeli dan memuat turunnya. Anda boleh pratonton item sebelum anda membelinya, untuk memastikan anda mahukannya.

**Pradengar lagu, nada dering atau buku audio:** Sentuh item dan ikuti arahan atas skrin.


<b>Tebus kad hadiah atau kod</b>	Sentuh Muzik (sentuh More dahulu, jika Music tidak kelihatan), kemudian sentuh Redeem berdekatan di bawah skrin dan kemudian ikut arahan pada skrin. Apabila anda telah mendaftar masuk ke akaun anda, baki kredit store anda muncul bersama maklumat Apple ID anda di bahagian bawah kebanyakan skrin iTunes Store.
<b>Lengkapkan album</b>	Semasa melihat album, sentuh pada harga berdiskaun untuk lagu yang tinggal di bawah Complete My Album (tidak tersedia dalam semua kawasan). Untuk melihat tawaran untuk melengkapkan album lain, sentuh Music, kemudian sentuh Complete My Album Offers.
<b>Muat turun pembelian sebelumnya</b>	Sentuh Dibeli. Anda juga boleh memuat turun item semasa menyemak imbas. Hanya sentuh Download di mana anda biasanya melihat harga.
<b>Muat turun pembelian yang dibuat pada peranti iOS dan komputer lain secara automatik</b>	Pergi ke Seting > Store, kemudian aktifkan jenis pembelian yang anda mahu dimuat turun secara automatik.

## Membeli atau menyewa video

iTunes Store (mungkin tidak tersedia di semua kawasan) membolehkan anda membeli dan memuat turun filem, rancangan TV dan video muzik. Beberapa filem juga boleh disewa untuk masa yang terhad. Kandungan video mungkin tersedia dalam format definisi standard (SD atau 480p) format, format definisi tinggi (HD atau 720p), atau kedua-duanya.

**Beli atau sewa video:** Sentuh Beli atau Sewa.

Setelah anda membeli item ia mula dimuat turun dan muncul dalam skrin Downloads. Lihat "Menyemak status muat turun" pada halaman 126.

<b>Pratonton video</b>	Sentuh Preview.
<b>Tonton pratonton pada TV menggunakan AirPlay dan Apple TV</b>	Apabila pratonton bermula, sentuh  dan pilih Apple TV. Lihat "AirPlay" pada halaman 34.

**Nota:** Jika anda membeli video HD pada iPhone 3GS, video dimuat turun dalam format SD.



## Mengikuti artis dan rakan

Gunakan Ping untuk berhubung dengan peminat muzik paling bersemangat di dunia. Ikuti artis kesukaan untuk mengetahui mengenai keluaran terbaru dan konsert serta konsert jelajah akan datang, dapatkan pandangan orang dalam menerusi foto dan video mereka, dan ketahui mengenai pengaruh muzik mereka. Baca komen rakan mengenai muzik yang mereka dengar, dan lihat apa yang mereka beli serta konsert yang mereka bercadang untuk hadiri. Luahkan kesukaan muzik anda dan catatkan komen untuk pengikut anda sendiri juga.

Untuk mencipta dan meneroka hubungan muzikal, anda perlu mencipta profil dahulu.

**Cipta profil Ping anda:** Buka aplikasi iTunes pada Mac atau PC anda, klik Ping, dan ikuti arahan atas skrin.

Sentuh Ping (jika Ping tidak kelihatan, sentuh More dahulu), kemudian terokai Ping. Anda boleh membuat yang berikut:

<b>Ikuti artis</b>	Sentuh Follow pada halaman profil mereka.
<b>Ikuti rakan</b>	Apabila anda mengikuti seseorang, mereka tidak mengikuti anda secara automatik. Dalam profil anda, anda boleh memilih untuk membenarkan atau menolak permintaan untuk diikuti apabila ia sampai, atau hanya terima semua pengikut baru tanpa menyemak.
<b>Kongsi pendapat anda</b>	Sambil anda menyemak imbas album dan lagu, sentuh Post untuk memberi komen mengenai sesuatu muzik, atau sentuh Like untuk menyatakan anda menyukainya. Rakan anda akan melihat komen anda dalam suapan Ping Activity.
<b>Kongsi rancangan konsert</b>	Sentuh Concerts pada halaman profil anda untuk melihat konsert akan datang daripada artis yang anda ikuti dan untuk melihat siapa di antara rakan anda akan menghadiri sesuatu konsert. Sentuh Tickets untuk membeli tiket anda sendiri, atau sentuh I'm Going bagi memaklumkan orang lain bahawa anda juga akan berada di sana. (Tidak tersedia di semua kawasan.)

## Menstrim atau memuat turun podcast

Anda boleh mendengar podcast audio atau menonton podcast video yang distrim menerusi Internet daripada iTunes Store. Anda juga boleh memuat turun podcast audio dan video.

**Strim podcast:** Sentuh Podcast (sentuh More dahulu, jika Podcasts tidak kelihatan) untuk menyemak imbas podcast dalam iTunes Store.

Podcast video ditandakan dengan ikon video .

<b>Muat turun podcast</b>	Sentuh butang Free, kemudian sentuh Download. Podcast yang dimuat turun muncul dalam senarai Podcasts.
<b>Dengar atau tonton podcast yang telah anda muat turun</b>	Dalam Music, sentuh Podcast (sentuh More dahulu, jika Podcasts tidak kelihatan), kemudian sentuh podcast. Podcast video turut muncul dalam senarai video anda.
<b>Dapatkan lebih banyak episod podcast yang telah anda muat turun</b>	Dalam senarai Podcasts dalam Music, sentuh podcast, kemudian sentuh Get More Episodes.
<b>Padam podcast</b>	Dalam senarai Podcast dalam Music, leret ke kiri atau kanan pada podcast, kemudian sentuh Padam.

## Menyemak status muat turun

Anda boleh menyemak skrin Downloads untuk melihat status muat turun yang sedang berjalan atau yang dijadualkan, termasuk pembelian yang anda pra-pesan.

**Lihat status item yang sedang dimuat turun:** Sentuh Downloads (sentuh More dahulu, jika Downloads tidak kelihatan).

Item yang pra-pesan tidak memuat turun secara automatik apabila ia dikeluarkan. Kembali ke skrin Downloads untuk memulakan muat turun.

---

**Muat turun item yang dimuat turun** Sentuh item, kemudian sentuh .

---

Jika muat turun terganggu, muat turun diteruskan apabila terdapat sambungan Internet. Atau, jika anda membuka iTunes pada komputer anda, iTunes melengkapkan muat turun ke pustaka iTunes anda (jika komputer anda disambungkan kepada Internet dan didaftar masuk menggunakan Apple ID yang sama).

## Menukar butang semak imbas

Anda boleh menggantikan butang Muzik, Podcast, Video, dan Carian di dasar skrin dengan yang anda paling kerap gunakan. Sebagai contoh, jika anda kerap memuat turun buku audio tetapi tidak menonton banyak video, anda boleh menggantikan Videos dengan Audiobooks.

**Tukar butang semak imbas:** Sentuh More, sentuh Edit, kemudian seret butang ke bahagian bawah skrin, ke atas butang yang anda mahu gantikan.

Anda boleh menyeret butang pada dasar skrin ke kiri atau ke kanan untuk menyusunnya semula. Apabila anda selesai, sentuh Selesai.

Semasa menyemak imbas, sentuh Lagi untuk mengakses butang semak imbas yang tidak kelihatan.

## Melihat maklumat akaun

Untuk melihat maklumat iTunes Store untuk Apple ID anda pada iPhone, sentuh Apple ID anda (di bahagian bawah kebanyakan skrin iTunes Store). Atau pergi ke Seting > Store dan sentuh Lihat Apple ID. Anda mesti telah mendaftar masuk untuk melihat maklumat akaun anda. Lihat "Seting Store" pada halaman 131.

## Mengesahkan muat turun

Anda boleh menggunakan iTunes pada komputer anda untuk mengesahkan semua muzik, video, aplikasi, dan item lain yang anda beli daripada iTunes Store atau App Store ada pada pustaka iTunes anda. Anda mungkin mahu melakukan ini jika muat turun telah terganggu.

**Mengesahkan pembelian anda:** Dalam iTunes pada komputer anda, pilih Store > Check for Available Downloads.

Untuk melihat semua pembelian anda, daftar masuk ke menggunakan Apple ID anda, pilih Store > View My Account, dan klik Purchase History.



## Perihal Newsstand

Newsstand menyusun langganan majalah dan suratkhabar anda dengan rak yang membolehkan anda mengakses penerbitan anda dengan cepat dan mudah. Aplikasi Newsstand muncul pada rak dan apabila keluaran baru tersedia, lencana memaklumkan anda ia sedia untuk dibaca. Ia dihantar ke iPhone secara automatik.



— Sentuh dan tahan penerbitan untuk disusun semula.

**Cari aplikasi Newsstand:** Sentuh Newsstand untuk mendedahkan rak, kemudian sentuh Store.

Apabila anda membeli aplikasi newsstand, ia ditambah ke rak anda untuk akses mudah. Selepas aplikasi di muat turun, bukanya untuk melihat keluarannya dan pilihan langganan.

Langganan adalah pembelian Dalam Aplikasi, yang dibilkan ke akaun kedai anda. Lihat “Seting Store” pada halaman 131.

Harga berbeza-beza dan aplikasi Newsstand mungkin tidak tersedia di semua kawasan.

## Membaca keluaran terbaru

Apabila suratkhabar atau majalah mempunyai keluaran baru, Newsstand memuat turunnya apabila disambungkan kepada Wi-Fi dan memaklumkan anda dengan memaparkan lencana pada ikon aplikasi. Untuk mula membaca, buka Newsstand, kemudian cari aplikasi dengan sepanduk “Baru”.

Setiap aplikasi mempunyai caranya yang tersendiri untuk mengurus keluaran. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara memadam, mencari atau bekerja dengan keluaran individu, lihat maklumat bantuan aplikasi atau penyenaian App Store. Anda boleh mengeluarkan aplikasi Newsstand daripada rak, atau meletakkan jenis aplikasi yang lain pada rak.

**Nyahaktifkan muat turun automatik:** Pergi ke Seting > Store dan nyahaktifkan muat turun automatik bagi penerbitan.



## Perihal App Store

Anda boleh mencari, menyemak imbas, mengulas, membeli dan memuat turun aplikasi dari App Store terus ke iPhone.

Untuk menyemak imbas App Store, iPhone mesti disambungkan kepada Internet. Lihat “Rangkaian” pada halaman 177. Untuk memuat turun aplikasi, anda juga memerlukan Apple ID (mungkin tidak tersedia di semua kawasan). Lihat “Seting Store” pada halaman 131.

**Nota:** App Store tidak tersedia di semua kawasan dan kandungan App Store mungkin berbeza mengikut kawasan. Ciri-ciri tertakluk pada perubahan.



## Mencari dan memuat turun aplikasi



Semak imbas pilihan yang ditampilkan untuk melihat aplikasi baru, terkenal, atau yang disyorkan, atau semak imbas Top 25 bagi melihat aplikasi yang paling popular. Untuk mencari aplikasi khusus, gunakan Search

**Semak imbas App Store:** Sentuh Dicitrakan, Kategori, atau Top 25.

<b>Semak imbas menggunakan Genius</b>	Sentuh Genius untuk melihat senarai aplikasi yang disyorkan, berdasarkan apa yang anda sudah miliki dalam koleksi aplikasi anda. Untuk mengaktifkan Genius, ikuti arahan atas skrin. Genius adalah perkhidmatan percuma, tetapi ia memerlukan Apple ID.
<b>Cari aplikasi</b>	Sentuh Cari, sentuh medan carian dan masukkan satu atau lebih perkataan, kemudian sentuh Cari.
<b>Dapatkan rating dan baca ulasan</b>	Sentuh Ratings berdekatan bahagian bawah skrin Info aplikasi. Anda boleh menarafkan dan mengulas aplikasi yang telah anda dimuat turun.
<b>E-mel pautan ke halaman Info aplikasi dalam iTunes</b>	Sentuh "Tell a Friend" berdekatan bahagian bawah skrin Info aplikasi.
<b>Hantar aplikasi kepada seseorang sebagai hadiah</b>	Sentuh "Gift This App" berdekatan bahagian bawah skrin Info aplikasi, kemudian ikut arahan pada skrin.
<b>Laporkan masalah</b>	Sentuh "Report Problem" berdekatan bahagian bawah skrin Info aplikasi. Pilih masalah daripada senarai atau taipkan komen pilihan, kemudian sentuh Report.
<b>Beli dan muat turun aplikasi</b>	Sentuh harga (atau sentuh Free), kemudian sentuh Buy Now. Jika anda telah membeli aplikasi, "Install" muncul pada skrin Info berbanding harga. Anda tidak akan dicaj semua jika anda memuat turunnya lagi.
<b>Tebus kad hadiah atau kod</b>	Sentuh Redeem berdekatan bahagian bawah skrin Dicerikan, kemudian ikut arahan pada skrin.
<b>Lihat status muat turun</b>	Apabila aplikasi memuat turun, ikonnya muncul pada skrin Utama dan memaparkan penunjuk kemajuan.
<b>Muat turun pembelian sebelumnya</b>	Sentuh Dibeli. Anda juga boleh memuat turun item semasa menyemak imbas; hanya sentuh Muat Turun di mana anda biasanya melihat harga.
<b>Muat turun pembelian yang dibuat pada peranti lain secara automatik</b>	Pergi ke Seting > Store, kemudian aktifkan jenis pembelian yang anda mahu dimuat turun secara automatik.
<b>Kemas kini aplikasi</b>	Di bahagian bawah skrin Info aplikasi, sentuh Updates dan ikuti arahan atas skrin.

## Memadam aplikasi

Anda boleh memadam aplikasi yang anda pasang daripada App Store. Jika anda memadam aplikasi, data yang dikaitkan dengan aplikasi turut dipadam.

**Padam aplikasi App Store:** Sentuh dan tahan sebarang ikon pada skrin Utama sehingga ikon mula bergoyang, kemudian sentuh . Tekan butang Utama  apabila anda selesai memadam aplikasi.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai memadam setiap aplikasi dan semua data dan seting anda, lihat "Padam Semua Kandungan dan Seting" pada halaman 182.

Anda boleh memuat turun sebarang aplikasi yang telah dipadam yang anda beli daripada App Store, secara percuma.

<b>Muat turun aplikasi yang telah dipadam</b>	Pergi ke App Store, sentuh Updates kemudian sentuh Purchased. Sentuh aplikasi, kemudian sentuh Install.
---	---

## Seting Store

Gunakan seting Store untuk mendaftar masuk ke Apple ID, buat Apple ID baru atau edit yang sedia ada. Jika anda mempunyai lebih daripada satu Apple ID, anda boleh menggunakan seting Store untuk mendaftar keluar daripada satu akaun ke akaun yang lagi satu. Secara lalai, Apple ID yang muncul dalam seting Store adalah yang telah anda daftar masuk apabila anda menyelaras iPhone dengan komputer anda.

Untuk terma dan syarat iTunes Store, pergi ke [www.apple.com/legal/itunes/ww/](http://www.apple.com/legal/itunes/ww/).

**Daftar masuk ke Apple ID:** Pergi ke Seting > Store, sentuh Daftar Masuk, kemudian sentuh Gunakan Apple ID Sedia Ada dan masukkan Apple ID dan kata laluan anda.

<b>Lihat dan edit maklumat akaun anda</b>	Pergi ke Seting > Store, sentuh Apple ID, kemudian sentuh Lihat Apple ID. Sentuh item untuk mengeditnya. Untuk menukar kata laluan akaun anda, sentuh medan Apple ID.
<b>Daftar masuk menggunakan Apple ID berlainan</b>	Pergi ke Seting > Store, sentuh nama akaun anda, kemudian sentuh Daftar Keluar.
<b>Buat Apple ID baru</b>	Pergi ke Seting > Store, sentuh Daftar Masuk, kemudian sentuh Buat Apple ID Baru dan ikuti arahan atas skrin.
<b>Muat turun pembelian secara automatik</b>	Pergi ke Seting > Store, kemudian aktifkan jenis pembelian, seperti Muzik atau Buku, yang anda mahu dimuat turun secara automatik ke iPhone. Anda juga boleh menyahaktifkan pengemas kinian automatik bagi aplikasi Newsstand.
<b>Muat turun pembelian menggunakan rangkaian selular</b>	Pergi ke Seting > Store, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan Gunakan Data Selular. Memuat turun pembelian melalui rangkaian selular mungkin mengenakan caj daripada pembawa anda. Aplikasi Newsstand hanya mengemas kini iPhone disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi. Lihat Bab 22, "Newsstand," pada halaman 127.



## Perihal Kenalan

Kenalan membenarkan anda untuk mengakses dan mengedit senarai kenalan anda dengan mudah dari akaun peribadi, perniagaan dan organisasi. Anda boleh mencari merentasi semua kumpulan anda, dan maklumat dalam Kenalan diakses secara automatik untuk membolehkan e-mel dialamatkan dengan cepat dan mudah.



## Menyelaras kenalan

Anda boleh menambah kenalan melalui cara berikut:

- Dalam iTunes, selaraskan kenalan dari Google atau Yahoo!, atau selaraskan dengan aplikasi pada komputer anda. Lihat “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18.
- Gunakan kenalan iCloud anda. Lihat “iCloud” pada halaman 17.
- Sediakan akaun Microsoft Exchange pada iPhone, dengan Kenalan didayakan. Lihat “Akaun dan seting kenalan” pada halaman 134.
- Sediakan akaun LDAP atau CardDAV untuk mengakses direktori perniagaan atau sekolah. Lihat “Akaun dan seting kenalan” pada halaman 134.
- Masukkan kenalan terus pada iPhone. Lihat “Menambah dan mengedit kenalan” pada halaman 133.
- Import kenalan dari kad SIM (GSM). Lihat “Akaun dan seting kenalan” pada halaman 134.



## Mencari kenalan

Anda boleh mencari jawatan dan nama pertama, akhir dan nama syarikat dalam kenalan anda di iPhone. Jika anda mempunyai akaun Microsoft Exchange, akaun LDAP atau akaun CardDAV, anda juga boleh mencari kenalan tersebut.

**Cari kenalan:** Dalam Kenalan, sentuh medan carian pada bahagian atas sebarang senarai kenalan dan masukkan carian anda.

Cari GAL	Sentuh Kumpulan, sentuh Direktori pada bahagian bawah senarai, kemudian masukkan carian anda.
Cari pelayan LDAP	Sentuh Kumpulan, sentuh nama pelayan LDAP, kemudian masukkan carian anda.
Cari pelayan CardDAV	Sentuh Kumpulan, sentuh kumpulan CardDAV yang boleh dicari pada bahagian bawah senarai, kemudian masukkan carian anda.
Simpan maklumat kenalan dari pelayan GAL, LDAP atau CardDAV	Cari untuk kenalan yang anda mahu tambah, kemudian sentuh Tambah Kenalan.

Kenalan juga boleh ditemui menerusi carian daripada skrin Utama. Lihat “Mencari” pada halaman 30.


## Menambah dan mengedit kenalan

**Tambah kenalan iPhone:** Sentuh Kenalan dan sentuh **+**. Jika **+** tidak kelihatan, pastikan anda tidak melihat senarai kenalan LDAP, CalDAV atau GAL.

Padam kenalan	Dalam Kenalan, pilih kenalan, kemudian sentuh Edit. Skrol ke bawah dan sentuh Padam Kenalan.
Tambah kenalan dari pad kekunci numerik	Sentuh Pad Kekunci, memasukkan nombor, kemudian sentuh <b>+👤</b> . Sentuh Buat Kenalan Baru atau sentuh “Tambah ke Kenalan Sedia Ada” dan pilih kenalan.
Masukkan jeda lembut (dua saat) dalam nombor	Sentuh <b>+**</b> , kemudian sentuh Jeda. Sebagai contoh, satu atau lebih ruang jeda mungkin diperlukan oleh sistem telefon sebelum mendail sambungan. Jeda kuat muncul sebagai koma apabila nombor disimpan.
Masukkan jeda kuat dalam nombor	Sentuh <b>+***</b> , kemudian sentuh Tunggu. Jeda kuat muncul sebagai koma bernoktah apabila nombor disimpan. Apabila mendail, iPhone menjeda apabila ia mencapai koma bernoktah dan menunggu sehingga anda menyentuh Dail untuk meneruskan.
Tambah nombor telefon pemanggil terbaru pada kenalan anda	Sentuh Terbaru dan sentuh <b>📞</b> bersebelahan nombor. Kemudian sentuh Buat Kenalan Baru, atau sentuh “Tambah ke Kenalan Sedia ada” dan pilih kenalan.


**Edit maklumat kenalan:** Pilih kenalan, kemudian sentuh Edit.

Tambah medan baru	Sentuh <b>+</b> Tambah Medan.
Tambah nama pengguna Twitter	Sentuh <b>+</b> Tambah Medan, kemudian sentuh Twitter.
Tukar label medan	Sentuh label dan pilih yang berlainan. Untuk membuat label baru, skrol ke bawah senarai dan sentuh Tambah Label Tersuai.
Tukar nada dering atau nota teks untuk kenalan	Sentuh nada dering atau medan nada teks, kemudian pilih bunyi baru. Nada lalai disetkan dalam Seting > Bunyi.


Padam item	Sentuh  , kemudian sentuh Padam.
Tambah foto ke kenalan	Sentuh Tambah Foto, atau sentuh foto sedia ada. Anda boleh mengambil foto dengan kamera atau menggunakan foto sedia ada. Untuk mengimport foto dari profil Twitter kenalan anda, pergi ke Seting > Twitter. Daftar masuk ke akaun Twitter anda, kemudian sentuh Kemas Kini Kenalan.

## Kenalan bersepadu

Apabila anda menyelaras kenalan dengan berbilang akaun, anda mungkin mempunyai entri untuk orang yang sama dalam lebih daripada satu akaun. Untuk memastikan kenalan tidak muncul dalam senarai Semua Kenalan, kenalan dari akaun berlainan yang mempunyai nama yang sama dipautkan dan dipaparkan sebagai *kenalan bersepadu* tunggal. Apabila anda melihat kenalan bersepadu, tajuk Info Bersepadu muncul pada bahagian atas skrin.

**Pautkan kenalan:** Sentuh Edit, kemudian sentuh  dan pilih kenalan.

Jika anda memautkan kenalan dengan nama pertama atau akhir yang berbeza, nama kenalan individu tidak akan berubah, tetapi hanya satu nama akan muncul pada kad bersepadu. Untuk memilih nama yang muncul apabila anda melihat kad bersepadu, sentuh kad bersepadu dengan nama yang anda inginkan, kemudian sentuh Gunakan Nama Ini Untuk Kad Bersepadu.

Lihat maklumat kenalan daripada akaun sumber	Sentuh salah satu daripada akaun sumber.
Nyahpaut kenalan	Sentuh Edit, sentuh  , kemudian sentuh Nyahpaut.

Kenalan yang dipautkan tidak digabungkan. Jika anda menukar atau menambah maklumat dalam kenalan bersepadu, perubahan disalin ke setiap akaun sumber dalam yang mana maklumat tersebut sudah wujud.

## Akaun dan seting kenalan

Anda boleh menambah akaun Kenalan dan melaraskan cara nama kenalan diisihkan dan dipaparkan.

**Tambah akaun Kenalan:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar, kemudian sentuh Tambah Akaun.

Untuk menukar seting Kenalan, pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar dan setkan pilihan ini:

Setkan bagaimana kenalan diisih	Sentuh Urutan Isihan untuk mengisih menurut nama pertama dan akhir.
Setkan bagaimana kenalan dipaparkan	Sentuh Urutan Isihan dan pilih untuk memaparkan mengikut nama pertama dan akhir.
Import kenalan daripada kad SIM	Sentuh Import Kenalan SIM.
Setkan kad Maklumat Saya anda	Sentuh Maklumat Saya dan pilih kad kenalan dengan nama anda dan maklumat daripada senarai. Kad Maklumat Saya digunakan oleh Siri dan aplikasi lain. Gunakan medan orang berkaitan untuk menentukan perhubungan yang anda mahu Siri kenali, supaya anda boleh berkata perkara seperti "call my sister."

---

<b>Setkan akaun Kenalan lalai</b>	Sentuh Akaun Lalai, kemudian pilih akaun. Kenalan baru yang anda buat tanpa menentukan akaun lain disimpan di sini.
<b>Gunakan iCloud untuk memastikan Kenalan dikemas kini pada peranti iOS dan komputer anda.</b>	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian aktifkan Kenalan. Lihat "iCloud" pada halaman 17.

---



## Perihal Video

Dengan iPhone, anda boleh menonton kandungan video seperti filem, video muzik dan podcast video dari iTunes dan rancangan TV, jika ia tersedia di kawasan anda.

## Memainkan video

**Mainkan video:** Sentuh video.



Cars 2 tersedia pada iTunes. Cars 2 © Disney/Pixar.

<b>Tunjukkan atau sembunyikan kawalan main balik</b>	Semasa video dimainkan, sentuh skrin.
<b>Laraskan kelantangan</b>	Seret gelangsar kelantangan, atau gunakan butang kelantangan di sisi iPhone atau butang kelantangan pada fon kepala iPhone.
<b>Skalakan video untuk memenuhi skrin atau muat pada skrin</b>	Sentuh  atau . Atau, dwisentuh video.
<b>Jeda atau teruskan main balik</b>	Sentuh  atau , atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone.
<b>Mula semula dari awal</b>	Jika video mengandungi bab, seret kepala main sepanjang bar leret terus ke bahagian kiri. Jika tiada bab, sentuh . Jika anda kurang daripada 5 saat dalam video, video sebelumnya dalam pustaka anda terbuka.
<b>Langkau ke bab tertentu (jika tersedia)</b>	Sentuh , kemudian pilih bab.
<b>Langkau ke bab seterusnya (jika tersedia)</b>	Sentuh , atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone dua kali dengan cepat.

Langkau ke bab sebelumnya (jika tersedia)	Sentuh <b>⏮</b> , atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone tiga kali dengan cepat. Jika anda kurang daripada 5 saat dalam video, video sebelumnya dalam pustaka anda terbuka.
Putar balik atau maju pantas	Sentuh dan tahan <b>⏮</b> atau <b>⏭</b>
Berhenti menonton video	Sentuh Selesai.
Pilih bahasa audio berlainan (jika tersedia)	Sentuh <b>🗣</b> , kemudian pilih bahasa daripada senarai Audio.
Tunjukkan atau sembunyikan sari kata (jika tersedia)	Sentuh <b>🗣</b> , kemudian pilih bahasa, atau Nyahaktifkan, daripada senarai Sari kata.
Tunjukkan atau sembunyikan kapsyen tertutup (jika tersedia)	Pergi ke Seting > Video.

## Mencari video

Anda boleh mencari tajuk filem, rancangan TV dan podcast video pada iPhone.

**Cari video anda:** Sentuh bar status di bahagian atas skrin untuk mendedahkan medan carian, sentuh medan, kemudian masukkan teks.

Anda juga boleh mencari video daripada skrin Utama. Lihat “Mencari” pada halaman 30.

## Menonton filem yang disewa

Anda boleh menyewa filem dari iTunes Store dan menontonnya pada iPhone. Anda boleh memuat turun filem yang disewa terus pada iPhone, atau pindahkan filem dari iTunes pada komputer anda ke iPhone. (Filem yang disewa mungkin tidak tersedia di semua kawasan.)

Filem yang disewa tamat tempoh dan setelah anda mula menonton, anda mempunyai jumlah masa yang terhad untuk diselesaikan. Masa yang tinggal muncul berdekatan tajuk. Item yang disewa dipadam apabila ia tamat tempoh. Sebelum menyewa filem, semak iTunes Store bagi tempoh sewaan. Untuk mendapatkan maklumat, lihat “Membeli atau menyewa video” pada halaman 124.

**Tonton filem yang disewa:** Sentuh video yang anda mahu tonton. Jika anda tidak melihat video dalam senarai anda, ia mungkin masih sedang dimuat turun.

**Pindahkan filem yang disewa ke iPhone:** Menyambungkan iPhone ke komputer anda. Kemudian pilih iPhone dalam bar sisi iTunes, klik Movies dan pilih filem yang disewa yang anda mahu pindahkan. Komputer anda mesti disambung kepada Internet. Filem yang disewa pada iPhone tidak boleh dipindahkan ke komputer.



Pada iPhone 3GS, anda boleh memindahkan filem yang disewa antara iPhone dan komputer anda. Pada iPhone 4, anda boleh memindahkan filem yang disewa antara iPhone dan komputer anda hanya jika ia disewa dalam iTunes pada komputer.


## Menonton video pada TV

Anda boleh strim video secara wayarles ke TV anda menggunakan AirPlay dan Apple TV, atau menyambungkan iPhone ke TV anda menggunakan salah satu daripada kabel berikut:

- Penyesuai AV Digital Apple dan kabel HDMI (iPhone 4 atau lebih baru)
- Kabel AV Komponen Apple
- Kabel AV Komposit Apple
- Penyesuai VGA Apple dan kabel VGA

Kabel, penyesuai dan dok Apple tersedia untuk dibeli secara berasingan di banyak kawasan. Pergi ke [www.apple.com/my/store](http://www.apple.com/my/store) atau semak dengan penjual Apple tempatan anda.

**Strim video menggunakan AirPlay:** Mulakan main balik video, kemudian sentuh  dan pilih Apple TV anda dari senarai peranti AirPlay. Jika  tidak muncul atau jika anda tidak melihat Apple TV dalam senarai peranti AirPlay, pastikan ia berada pada rangkaian wayarles yang sama seperti iPhone. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat "AirPlay" pada halaman 34.

Semasa video sedang bermain, anda boleh keluar daripada Video dan menggunakan aplikasi lain. Untuk mengembackkan main balik ke iPhone, sentuh  dan pilih iPhone.

**Strim video menggunakan kabel:** Gunakan kabel untuk menyambungkan iPhone ke TV anda atau penerima AV dan pilih input yang sepadan.

<b>Sambungkan menggunakan kabel AV</b>	Gunakan Kabel AV Komponen Apple, Kabel AV Komposit Apple atau kabel serasi dengan iPhone lain yang dibenarkan. Anda juga boleh menggunakan kabel ini dengan Dok Universal Apple untuk menyambungkan iPhone ke TV anda. Anda boleh menggunakan kawalan jauh dok untuk mengawal main balik.
<b>Sambungkan menggunakan Penyesuai AV Digital Apple (iPhone 4 atau lebih baru)</b>	Pasang Penyesuai AV Digital Apple ke penyambung Dok iPhone. Gunakan kabel HDMI untuk menyambung port HDMI pada penyesuai ke TV atau penerima anda. Untuk memastikan iPhone dicaj semasa menonton video, gunakan Kabel Penyambung Dok ke USB Apple untuk menyambung port 30-pin pada penyesuai ke komputer anda, atau gunakan Penyesuai Kuasa USB yang dipasang ke saluran keluar kuasa.
<b>Sambung menggunakan Penyesuai VGA</b>	Pasang Penyesuai VGA ke penyambung Dok iPhone. Sambung Penyesuai VGA dengan kabel VGA ke TV, projektor atau paparan VGA yang serasi.

Penyesuai AV Digital menyokong video definisi tinggi sehingga 720p dengan audio.

Apabila anda menyambungkan iPhone 4S ke TV atau projektor menggunakan Penyesuai AV Digital Apple atau Penyesuai VGA, skrin iPhone dicerminkan secara automatik ke paparan luaran pada resolusi sehingga 1080p dan video dimainkan pada resolusi maksimum 720p.

Dengan iPhone 4S anda juga boleh mencerminkan skrin pada TV secara wayarles menggunakan Pencerminan AirPlay dan Apple TV. Lihat "AirPlay" pada halaman 34.

## Memadam video daripada iPhone

Anda boleh memadam video daripada iPhone untuk menjimatkan ruang. Memadam video daripada iPhone (selain daripada filem yang disewa) tidak memadam video daripada pustaka iTunes anda. Ia mungkin muncul semula pada iPhone jika video dalam iTunes masih disetkan untuk menyelaraskan.

**Penting:** Jika anda memadam filem yang disewa daripada iPhone, ia dipadam secara kekal dan tidak boleh dipindahkan semula ke komputer anda.

**Padam video:** Dalam senarai video, leret ke kiri atau kanan pada video, kemudian sentuh Padam.

## Menggunakan Perkongsian Rumah

Perkongsian Rumah membenarkan anda memainkan muzik, filem dan rancangan TV pada iPhone dari pustaka iTunes pada Mac atau PC anda. Lihat "Perkongsian Rumah" pada halaman 87.

## Mengeset pemasa tidur

Anda boleh setkan iPhone untuk berhenti bermain muzik atau video selepas satu tempoh masa.

**Setkan pemasa tidur:** Sentuh Pemasa, kemudian kuis untuk setkan bilangan jam dan minit. Sentuh Bila Pemasa Tamat dan pilih Tidurkan iPod, sentuh Set, kemudian sentuh Mula untuk memulakan pemasa.

Apabila pemasa tamat, iPhone berhenti bermain muzik atau video, menutup sebarang aplikasi terbuka yang lain dan kemudian mengunci.

## Menukar video untuk iPhone

Anda boleh menambah video selain daripada yang dibeli dari iTunes Store ke iPhone, seperti video yang anda buat dalam iMovie pada Mac, atau video yang anda muat turun dari Internet dan kemudian tambah ke iTunes. Jika anda cuba menambah video dari iTunes ke iPhone dan mesej menyatakan video tidak dapat bermain pada iPhone, anda boleh menukar video tersebut.

**Tukar video untuk berfungsi dengan iPhone:** Pilih video dalam pustaka iTunes dan pilih Advanced > "Create iPod or iPhone Version." Kemudian tambah video yang ditukar ke iPhone.



## Menggunakan kalkulator

Sentuh nombor dan fungsi di dalam Kalkulator sama seperti yang anda lakukan dengan kalkulator standard. Apabila anda sentuh butang tambah, tolak, darab, atau bahagi, gelang putih muncul di sekeliling butang tersebut untuk memberitahu anda mengenai operasi yang akan dilakukan.



## Kalkulator Saintifik

Pusing iPhone ke orientasi landscape untuk memaparkan kalkulator saintifik.





## Perihal Kompas

Kompas terbina dalam menunjukkan arah hala iPhone anda dan koordinat geografi bagi lokasi semasa anda. Anda boleh mendayakan kompas untuk menunjukkan utara magnetik atau utara sebenar.

**Penting:** Ketepatan kompas boleh terjejas daripada gangguan magnetik atau alam sekitar; malahan magnet dalam alat cuping telinga iPhone boleh menyebabkan pemesongan. Gunakan kompas digital hanya untuk bantuan navigasi asas dan jangan bergantung padanya untuk menentukan lokasi, kehampiran, jarak atau arah yang tepat.

Jika Perkhidmatan Lokasi dinyahaktifkan apabila anda membuka Kompas, anda mungkin digesa untuk mengaktifkannya. Anda boleh menggunakan Kompas tanpa mengaktifkan Perkhidmatan Lokasi. Lihat “Perkhidmatan Lokasi” pada halaman 174.



## Menentukur kompas

Anda perlu menentukur kompas pada kali pertama anda menggunakannya dan dari semasa ke semasa selepas itu. iPhone akan mengisyaratkan anda jika penentukuran diperlukan.

**Tentukur kompas dalaman:** Lambai iPhone dan bentuk angka lapan.

## Mencari arah

**Cari arah iPhone anda sedang menghala:** Pegang iPhone rata di tangan anda, separas dengan tanah. Arah muncul di bahagian atas skrin dan lokasi dipaparkan di bawah.


---

Bertukar antara utara sebenar dan utara magnetik    Sentuh ⓘ.

---



## Menggunakan Kompas dengan Peta

Aplikasi Kompas juga boleh memaparkan lokasi semasa anda dan arah pada Peta. Untuk mendapatkan maklumat, lihat “Mencari lokasi” pada halaman 107.

**Lihat lokasi semasa anda dalam Peta:** Sentuh  di bahagian bawah skrin Kompas. Peta terbuka dan memaparkan lokasi semasa anda dengan penanda biru.

---

Paparkan arah anda sedang menghala

Dalam Peta, sentuh  dua kali. Ikon berubah ke . Sudut menunjukkan ketepatan bacaan kompas—lebih kecil sudut, lebih tinggi ketepatannya.

---



## Perihal Memo Suara

Memo Suara membenarkan anda menggunakan iPhone sebagai peranti rakaman mudah alih menggunakan mikrofon terbina dalam, iPhone atau mikrofon headset Bluetooth, atau mikrofon luaran yang disokong. Rakaman menggunakan mikrofon terbina dalam adalah mono, tetapi anda boleh merakam stereo menggunakan mikrofon stereo luaran.

**Nota:** Mikrofon luaran mesti direka bentuk untuk berfungsi dengan bicu headset iPhone atau Penyambung Dok. Ini termasuk alat cuping telinga berjenama Apple dan aksesori pihak ketiga yang dibenarkan yang ditandakan dengan logo "Made for iPhone" atau "Works with iPhone" Apple.







## Merakam

**Buat rakaman:** Sentuh **●** atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone. Sentuh **||** untuk menjerada **■** untuk menghentikan rakaman, atau tekan butang tengah pada fon kepala iPhone.

Laraskan paras rakaman	Gerakkan mikrofon lebih dekat atau lebih jauh daripada apa yang anda sedang rakam. Untuk kualiti rakaman yang lebih baik, paras paling kuat pada meter paras hendaklah antara $-3$ dB dan $0$ dB.
Main atau senyapkan nada mula/henti	Gunakan suis Dering/Senyap iPhone. (Dalam sesetengah kawasan, kesan bunyi bagi Memo Suara dimainkan walaupun suis Dering/Senyap disetkan ke senyap.)
Gunakan aplikasi lain semasa merakam	Tekan butang Utama <b>□</b> , kemudian buka aplikasi. Untuk kembali ke Memo Suara, sentuh bar merah di bahagian atas skrin.

## Mendengar kepada rakaman

Mainkan rakaman: Sentuh , sentuh memo, kemudian sentuh . Sentuh  untuk menjeda.





Langkau ke sebarang tika pada rakaman

Seret kepala main sepanjang bar leret.

Dengar menerusi speaker terbina dalam iPhone berbanding penerima



Sentuh Speaker.

Potong rakaman

Sentuh  bersebelahan rakaman, kemudian sentuh Potong Memo. Seret hujung kawasan audio, kemudian sentuh  untuk pratonton. Laraskan jika perlu, kemudian sentuh Potong Memo Suara untuk menyimpan. Bahagian yang anda potong tidak boleh dipulihkan.

## Mengurus dan berkongsi rakaman

Rakaman dilabelkan dengan masa ia dirakam.

**Labelkan rakaman:** Sentuh  bersebelahan rakaman, sentuh  pada skrin Maklumat, kemudian pilih label atau pilih Tersuai.

Padam rakaman

Sentuh rakaman dalam senarai, kemudian sentuh Padam.

Lihat butiran rakaman

Sentuh  bersebelahan rakaman.

E-mel rakaman atau hantarnya dalam mesej

Sentuh rakaman dalam senarai, kemudian sentuh Kongsi.

## Berkongsi memo suara dengan komputer anda

iTunes boleh menyelaraskan memo suara dengan pustaka iTunes anda apabila anda menyambungkan iPhone ke komputer anda.

Apabila anda menyelaraskan memo suara ke iTunes, ia kekal dalam aplikasi Memo Suara sehingga anda memadamnya. Jika anda memadam memo suara pada iPhone, ia tidak dipadam daripada senarai main Memo Suara dalam iTunes. Walau bagaimanapun, jika anda memadam memo suara daripada iTunes, ia dipadam daripada iPhone pada kali seterusnya anda menyelaraskan dengan iTunes.

**Selaraskan memo suara dengan iTunes:** Sambungkan iPhone ke komputer anda dan pilih iPhone dalam senarai peranti iTunes. Pilih Muzik di atas skrin (antara Aplikasi dan Filem), pilih Selaraskan Muzik, pilih "Sertakan memo suara," dan klik Guna.

Memo suara daripada iPhone muncul dalam senarai main Memo Suara dalam iTunes.



## Perihal Nike + iPod

Bersama-sama Sensor Nike + iPod (dijual berasingan), aplikasi Nike + iPod memberi maklum balas boleh didengar mengenai kelajuan, jarak, masa yang berlalu, dan kalori yang dibakar anda semasa berlari atau berjalan. Anda boleh menghantar maklumat senaman anda kepada [nikeplus.com](http://nikeplus.com), di mana anda boleh menjejak kemajuan anda, menetapkan matlamat dan menyertai cabaran.



## Mengaktifkan Nike + iPod

Aplikasi Nike + iPod tidak muncul pada skrin utama sehingga anda mengaktifkannya.

Untuk bantuan bagi menyediakan Nike + iPod, lihat dokumentasi Nike + iPod.

**Aktifkan Nike + iPod:** Pergi ke **Seting > Nike + iPod**.

## Menghubungkan sensor

Nike + iPod mendasarkan data senamannya pada isyarat daripada sensor (dijual secara berasingan) yang anda lampirkan pada kasut anda. Pada kali pertama anda memulakan senaman, anda digesa untuk mengaktifkan sensor anda, yang menghubungkan sensor secara automatik ke iPhone. Anda juga boleh menggunakan seting Nike + iPod untuk menghubungkan sensor ke iPhone.

Nike + iPod hanya boleh dihubungkan ke satu sensor pada satu masa. Untuk menggunakan sensor berlainan, gunakan seting Nike + iPod bagi menghubungkan ke sensor baru.

**Pautkan sensor anda ke iPhone:** Lampirkan sensor ke kasut anda, kemudian pergi ke Seting > Nike + iPod > Sensor.

---

**Hubungkan sensor lain ke iPhone** Pergi ke Seting > Nike + iPod > Sensor dan sentuh Paut Baru.

---

## Bersenaman dengan Nike + iPod

Selepas mengaktifkan Nike + iPod dan memasukkan Sensor Nike + iPod dalam kasut dilengkapi Nike+ anda, anda sedia untuk mengumpul data.

**Penting:** Sebelum memulakan sebarang program senaman, anda hendaklah merujuk kepada doktor dan melakukan pemeriksaan fizikal yang lengkap. Lakukan latihan pemanasan diri atau meregangkan diri sebelum memulakan sebarang senaman. Berhati-hati dan berikan perhatian semasa berlatih. Perlahankan diri, jika perlu, sebelum melaraskan peranti anda semasa berlari. Hentikan senaman dengan serta merta jika anda terasa kesakitan, atau terasa ingin pengsan, pening, letih atau sesak nafas. Dengan berlatih, anda bertanggungjawab terhadap risiko yang wujud dalam latihan fizikal, termasuk sebarang kecederaan yang terjadi daripada aktiviti sedemikian.

**Bersenaman menggunakan Nike + iPod:** Buka Nike + iPod, sentuh Senaman dan pilih senaman. Pengumpulan data berterusan semasa iPhone tidur.

---

<b>Jeda atau teruskan senaman anda</b>	Jika senaman anda diganggu, bangunkan iPhone dan sentuh <b>  </b> pada skrin kunci. Sentuh <b>▶</b> apabila anda siap sedia untuk bermula.
<b>Tamatkan senaman anda</b>	Bangunkan iPhone, sentuh <b>  </b> , kemudian sentuh Tamatkan Senaman.
<b>Tukar seting senaman</b>	Pergi ke Seting > Nike + iPod.

---

## Menentukan Nike + iPod

Untuk memastikan data senaman yang tepat, anda boleh menentukan Nike + iPod kepada panjang langkah berjalan atau berlari anda.

**Tentukan Nike + iPod:** Rekodkan senaman berlari atau berjalan sepanjang jarak yang diketahui sekurang-kurangnya suku batu (400 meter). Kemudian, selepas anda menyentuh Tamatkan Senaman, sentuh Tentukur pada skrin ringkasan senaman dan masukkan jarak sebenar yang anda liputi.

---

**Reset Nike + iPod ke penentuan lalai** Pergi ke Seting > Nike + iPod.

---

## Menghantar data senaman ke nikeplus.com

Di nikeplus.com anda boleh menjejak kemajuan anda bagi satu tempoh masa, melihat rekod semua senaman lama anda, mengeset dan memantau matlamat dan membandingkan hasil anda dengan orang lain. Anda juga boleh bersaing dengan pengguna Nike + iPod lain dalam cabaran senaman dalam talian.

**Hantar data senaman secara wayarles ke nikeplus.com dari iPhone:** Dengan iPhone disambungkan kepada Internet, buka Nike + iPod, sentuh Sejarah, kemudian sentuh "Send to Nike+."

---

**Lihat latihan anda di [nikeplus.com](https://nikeplus.com)** Dalam Safari, pergi ke [nikeplus.com](https://nikeplus.com), log masuk ke akaun anda dan ikut arahan atas skrin.

---





## Perihal iBooks

iBooks adalah cara yang hebat untuk membaca dan membeli buku. Muat turun aplikasi iBooks percuma daripada App Store, kemudian dapatkan segala-galanya dari terbitan klasik ke yang terlaris daripada iBookstore terbina dalam. Setelah anda memuat turun buku, ia pameran pada rak buku anda.

Untuk membuat turun aplikasi iBooks dan menggunakan iBookstore, anda memerlukan sambungan Internet dan Apple ID. Jika anda tidak mempunyai Apple ID, atau jika anda ingin membuat pembelian menggunakan Apple ID yang lain, pergi ke Settings > Store. Lihat “Seting Store” pada halaman 131.

**Nota:** Aplikasi iBooks dan iBookstore mungkin tidak tersedia dalam semua bahasa atau kawasan.

## Menggunakan iBookstore

Dalam aplikasi iBooks, sentuh Store untuk membuka iBookstore. Dari situ, anda boleh menyemak imbas buku yang ditampilkan atau buku terlaris, dan menyemak imbas buku mengikut pengarang atau topik. Apabila anda menemui buku yang anda sukai, anda boleh membeli dan memuat turunnya.

**Nota:** Beberapa ciri iBookstore mungkin tidak tersedia di semua kawasan.

**Beli buku:** Cari buku yang anda inginkan, sentuh harga, kemudian sentuh Beli Buku, atau Dapatkan Buku, jika ia percuma.

Dapatkan maklumat mengenai buku	Anda boleh membaca ringkasan buku, membaca ulasan dan muat turun sampel buku sebelum membelinya. Selepas membeli buku, anda boleh menulis ulasan anda sendiri.
Muat turun pembelian sebelumnya	Sentuh Dibeli. Anda juga boleh memuat turun item semasa menyemak imbas; hanya sentuh Muat Turun di mana anda biasanya melihat harga.
Muat turun pembelian yang dibuat pada peranti iOS dan komputer lain secara automatik	Dalam Seting, pilih Store, kemudian aktifkan jenis pembelian yang anda mahu dimuat turun secara automatik.

## Menyelaraskan buku dan PDF


Gunakan iTunes untuk menyelaras buku dan PDF anda antara iPhone dan komputer anda dan untuk membeli buku dari iTunes Store. Apabila iPhone disambungkan ke komputer anda, anak tetingkap Books membenarkan anda memilih item untuk diselaraskan. Anda juga boleh menambah buku ePub yang bebas daripada DRM dan PDF ke pustaka iTunes anda. Buku dalam format PDF dan ePub tersedia di web.

**Selaraskan buku ePub atau PDF ke iPhone:** Dalam iTunes pada komputer anda, pilih Fail > Add to Library dan pilih fail. Pilih buku atau PDF dalam anak tetingkap Books dalam iTunes dan kemudian selaraskan.

Untuk menambah buku atau PDF ke iBooks tanpa menyelaras, e-melkan PDF kepada diri anda sendiri dari komputer anda. Buka mesej e-mel pada iPhone, kemudian sentuh dan tahan lampiran dan pilih "Buka dalam iBooks" dari menu yang muncul.

## Membaca buku











Membaca buku adalah mudah. Pergi ke rak buku dan sentuh buku yang anda mahu baca. Jika anda tidak menemui buku yang anda cari, sentuh nama koleksi semasa di bahagian atas skrin untuk pergi ke koleksi lain.



**Baca buku sambil berbaring:** Gunakan kunci orientasi potret untuk mengelakkan iPhone daripada memusing skrin apabila anda memusing iPhone. Lihat "Memaparkan dalam orientasi potret atau landskap" pada halaman 22.

Setiap buku mempunyai set ciri yang khusus, berdasarkan pada kandungan dan formatnya. Beberapa keupayaan yang diperihalkan di bawah mungkin tidak tersedia dalam buku yang anda baca. Contohnya, mencetak hanya tersedia untuk PDF dan jika buku tidak termasuk pemerihalan yang dirakamkan, anda tidak akan dapat melihat ikon baca dengan kuat.

Tunjukkan kawalan	Sentuh bahagian tengah halaman.
Pusing halaman	Sentuh berdekatan margin kanan atau kiri halaman, atau kuis ke kiri atau kanan. Untuk menukar arah halaman dipusing apabila anda menyentuh margin kiri, pergi ke Seting > iBooks > Sentuh Margin Kiri.
Lihat jadual kandungan	Sentuh . Dengan beberapa buku, anda juga boleh mencubit untuk melihat jadual kandungan.
Tambah atau keluarkan penanda buku	Sentuh . Anda boleh memiliki berbilang penanda buku. Untuk mengeluarkan penanda buku, sentuh padanya. Anda tidak perlu menambah penanda buku apabila anda menutup buku, kerana iBooks mengingati di mana anda tinggalkan.

<b>Tambah atau keluarkan serlahan</b>	Dwisentuh perkataan, gunakan titik sambar untuk melaraskan pilihan, kemudian sentuh Serlahan dan pilih warna. <i>Untuk mengeluarkan serlahan</i> , sentuh teks yang diserlahkan, kemudian sentuh  . <i>Untuk menggaris bawah perkataan</i> , sentuh  . <i>Untuk menukar warna</i> , sentuh teks yang diserlahkan, sentuh warna semasa, kemudian pilih warna baru daripada menu.
<b>Tambah, keluarkan, atau edit nota</b>	Dwisentuh perkataan, sentuh Serlahan, kemudian pilih  daripada menu yang muncul. <i>Untuk melihat nota</i> , sentuh penunjuk dalam margin berdekatan teks yang diserlahkan. <i>Untuk mengeluarkan nota</i> , padam teksnya. Untuk mengeluarkan nota dan serlahannya, sentuh teks yang diserlahkan, kemudian sentuh  . <i>Untuk menukar warna</i> , sentuh teks yang diserlahkan, kemudian pilih warna daripada menu. <i>Untuk menambah nota pada serlahan</i> , sentuh teks yang diserlahkan, kemudian sentuh  .
<b>Lihat semua penanda buku anda</b>	Sentuh  kemudian sentuh Penanda Buku.
<b>Lihat semua nota anda</b>	Sentuh  kemudian sentuh Nota.
<b>Besarkan imej</b>	Dwisentuh imej untuk zum masuk.
<b>Pergi ke halaman tertentu</b>	Gunakan kawalan navigasi halaman di bahagian bawah skrin. Atau sentuh  dan masukkan nombor halaman, kemudian sentuh nombor halaman dalam hasil carian.
<b>Cari dalam buku</b>	Sentuh  . <i>Untuk mencari di web</i> , sentuh Cari di Web atau Cari di Wikipedia. Safari terbuka dan memaparkan hasil.
<b>Cari perulangan lain perkataan atau frasa</b>	Dwisentuh perkataan, gunakan titik sambar untuk melaraskan pilihan, kemudian sentuh Cari dalam menu yang muncul.
<b>Cari perkataan</b>	Dwisentuh perkataan, gunakan titik sambar untuk melaraskan pilihan, kemudian sentuh Takrifkan dalam menu yang muncul. Takrifan mungkin tidak tersedia untuk semua bahasa.
<b>Dengar buku dibaca</b>	Sentuh  . Ciri ini tidak tersedia untuk semua buku. Jika anda mengalami kerosakan penglihatan, anda juga boleh menggunakan VoiceOver untuk membolehkan teks sebarang buku dibaca. Lihat "VoiceOver" pada halaman 154.

iBooks menyimpan koleksi, penanda buku, nota dan maklumat halaman semasa anda menggunakan Apple ID anda, agar anda boleh membaca buku dengan lancar merentasi semua peranti iOS anda. iBooks menyimpan maklumat untuk semua buku anda apabila anda membuka atau menghentikan aplikasi. Maklumat untuk buku individu turut disimpan apabila anda membuka atau menutup buku.

**Aktifkan atau nyahaktifkan penyelarasan:** Pergi ke Seting > iBooks.

Setengah buku mungkin mengakses video atau audio yang disimpan di web

**Aktifkan atau nyahaktifkan akses video dan audio dalam talian:** Pergi ke Seting > iBooks > Audio & Video Dalam Talian.

**Nota:** Jika iPhone mempunyai sambungan data selular, memainkan fail ini mungkin dikenakan caj pembawa.

## Mengubah rupa buku

Sesetengah buku membolehkan anda menukar saiz, fon dan warna halaman.

**Ubah kecerahan:** Sentuh berdekatan bahagian tengah halaman untuk memaparkan kawalan, kemudian sentuh ☀️. Jika anda tidak melihat ☀️, sentuh AA dahulu.

<b>Tukar fon atau saiz taip</b>	Sentuh berdekatan bahagian tengah halaman untuk memaparkan kawalan, kemudian sentuh AA. Sentuh Fon untuk memilih muka taip: Bukan semua buku menyokong penukaran fon. Beberapa buku membenarkan anda menukar saiz jenis hanya apabila iPhone berada dalam orientasi potret.
<b>Tukar warna halaman dan teks</b>	Sentuh berdekatan bahagian tengah halaman untuk memaparkan kawalan, sentuh AA, kemudian sentuh Tema. Seting ini digunakan pada semua buku yang menyokongnya.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan penajaran dan penggunaan tanda sempang:</b>	Pergi ke Seting > iBooks. Sesetengah buku dan PDF tidak boleh dijajarkan atau disempang.

## Mencetak atau e-mel PDF

Anda boleh menggunakan iBooks untuk menghantar salinan PDF melalui e-mel, atau mencetak keseluruhan atau sebahagian PDF ke pencetak yang disokong.

Anda boleh e-melkan atau mencetak PDF, tetapi bukan buku.

**E-melkan PDF:** Buka PDF, kemudian sentuh 📧 dan pilih E-mel Dokumen. Mesej baru muncul dengan PDF dilampirkan. Apabila anda selesai memasukkan alamat dan menulis mesej anda, sentuh Hantar.

<b>Cetak PDF</b>	Buka PDF, kemudian sentuh 🖨️ dan pilih Cetak. Pilih pencetak, julat halaman dan bilangan salinan, kemudian sentuh Cetak. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat "Mencetak" pada halaman 29.
------------------	---



## Menyusun rak buku

Gunakan rak buku untuk melayari buku dan PDF anda. Anda hanya boleh menyusun item ke dalam koleksi.



**Pindahkan buku atau PDF ke koleksi:** Pergi ke rak buku dan sentuh Edit. Pilih item yang anda mahu pindahkan, kemudian sentuh Pindah dan pilih koleksi.

Apabila anda menambah buku atau PDF ke rak buku anda, ia muncul dalam koleksi Buku atau PDF anda. Dari situ, anda boleh memindahkannya ke koleksi yang berbeza. Anda mungkin mahu membuat koleksi untuk kerja dan sekolah, contohnya, atau untuk rujukan dan pembacaan santai.

<b>Lihat koleksi</b>	Sentuh nama koleksi semasa di bahagian atas skrin, kemudian pilih yang baru daripada senarai yang muncul.
<b>Urus koleksi</b>	Sentuh nama koleksi semasa yang sedang anda lihat, seperti Buku atau PDF, untuk memaparkan senarai koleksi. Anda tidak boleh mengedit atau mengeluarkan koleksi Buku dan PDF terbina dalam.
<b>Isih rak buku</b>	Sentuh bar status untuk menskrol ke bahagian atas skrin, kemudian sentuh  dan pilih kaedah isihan daripada pilihan di bahagian bawah skrin.
<b>Padam item daripada penanda buku</b>	Sentuh Edit, kemudian sentuh setiap buku atau PDF yang anda mahu padam supaya tanda semak muncul. Sentuh Padam. Apabila anda selesai, sentuh Selesai. Jika anda memadam buku yang telah anda beli, anda boleh memuat turunnya sekali lagi daripada Purchases dalam iBookstore.
<b>Cari buku</b>	Pergi ke rak buku. Sentuh bar status untuk menskrol ke bahagian atas skrin, kemudian sentuh  . Cari akan mencari tajuk dan nama pengarang.

## Ciri Akses Universal

iPhone mengandungi berbilang ciri kebolehcapaian, termasuk:

- VoiceOver
- Penghalaan audio panggilan
- Siri
- Zum
- Teks Besar
- Putih atas Hitam
- Sebut Pilihan
- Sebut Teks Auto
- Audio Mono danimbangan
- Mod Alat Bantuan Pendengaran (iPhone 4 GSM)
- Getaran Diperibadikan
- Denyar LED untuk Isyarat
- AssistiveTouch
- Sokongan untuk paparan Braille
- Main balik kandungan kapsyen tertutup

Kecuali VoiceOver, ciri kebolehcapaian ini berfungsi dengan kebanyakan aplikasi iPhone, termasuk aplikasi pihak ketiga yang anda muat turun dari App Store. VoiceOver berfungsi dengan semua aplikasi yang diprapasang pada iPhone dan dengan kebanyakan aplikasi pihak ketiga.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri kebolehcapaian iPhone, pergi ke [www.apple.com/accessibility](http://www.apple.com/accessibility).

Anda boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri individu dalam seting Kebolehcapaian iPhone. Anda juga boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan beberapa ciri dalam iTunes apabila iPhone disambungkan ke komputer anda.

**Aktifkan ciri kebolehcapaian menggunakan iPhone:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian.

**Aktifkan ciri kebolehcapaian menggunakan iTunes:** Sambungkan iPhone ke komputer anda dan pilih iPhone dalam senarai peranti iTunes. Klik Summary, kemudian klik Configure Universal Access di bahagian bawah skrin Summary.

Teks Besar hanya boleh diaktifkan atau dinyahaktifkan dalam seting iPhone. Lihat "Teks Besar" pada halaman 167.

## VoiceOver

VoiceOver memerihalkan dengan lantang apa yang muncul atas skrin, supaya anda boleh menggunakan iPhone tanpa melihatnya.

VoiceOver memberitahu anda mengenai setiap elemen pada skrin apabila anda memilihnya. Apabila anda memilih elemen, segi empat tepat hitam (kursor VoiceOver) merangkuminya dan VoiceOver menyebut nama atau memerihalkan item.

Sentuh skrin atau seret jari anda untuk mendengar item berlainan pada skrin. Apabila anda memilih teks, VoiceOver membaca teks. Jika anda mengaktifkan Sebut Petunjuk, VoiceOver mungkin memberitahu anda nama item tersebut dan memberikan arahan kepada anda—contohnya, “dwisentuh untuk membuka.” Untuk berinteraksi dengan item atas skrin, seperti butang dan pautan, gunakan gerak isyarat seperti yang diterangkan dalam “Mempelajari gerak isyarat VoiceOver” pada halaman 158.

Apabila anda pergi ke skrin baru, VoiceOver memainkan bunyi dan secara automatik memilih dan menuturkan elemen pertama pada skrin (biasanya, item pada penjuru kiri atas). VoiceOver turut memberitahu anda apabila paparan bertukar ke orientasi landskap atau potret, dan apabila skrin dikunci atau dibuka kunci.

**Nota:** VoiceOver bertutur dalam bahasa yang ditentukan dalam seting Antarabangsa, yang mungkin dipengaruhi oleh seting Format Rantau (Seting > umum > Antarabangsa > Format Rantau). VoiceOver tersedia dalam kebanyakan bahasa, tetapi bukan semua bahasa.



## Menyediakan VoiceOver

**Penting:** VoiceOver menukar gerak isyarat yang anda gunakan untuk mengawal iPhone. Apabila VoiceOver diaktifkan, anda mesti menggunakan gerak isyarat VoiceOver untuk mengendalikan iPhone—walaupun untuk menyahaktifkan VoiceOver sekali lagi untuk meneruskan operasi standard.

**Nota:** Anda tidak boleh menggunakan VoiceOver dan Zum pada masa yang sama.

**Aktifkan atau nyahaktifkan VoiceOver:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver. Anda juga boleh setkan Klik tiga kali butang Utama untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan VoiceOver. Lihat “Klik tiga kali Utama” pada halaman 166.

<b>Aktifkan atau nyahaktifkan sebutan petunjuk</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver. Jika Sebut Petua diaktifkan, VoiceOver mungkin memberitahu anda tindakan item tersebut atau memberikan arahan kepada anda—contohnya, “dwisentuh untuk membuka.” Anda juga boleh menambah Petunjuk kepada rotor, kemudian meleret ke atas atau bawah untuk melaraskannya. Lihat “Menggunakan kawalan rotor VoiceOver” pada halaman 159.
<b>Setkan kadar pertuturan VoiceOver</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver dan seret gelangar Kadar Pertuturan. Anda juga boleh menambah Kadar Pertuturan kepada rotor, kemudian meleret ke atas atau bawah untuk melaraskannya. Lihat “Menggunakan kawalan rotor VoiceOver” pada halaman 159.
<b>Tukar maklum balas menaip</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Maklum Balas Menaip.
<b>Gunakan fonetik dalam maklum balas menaip</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Gunakan Fonetik. Teks dibaca aksara demi aksara. Voiceover menyebut aksara dahulu, kemudian fonetik yang sepadan dengannya—contohnya, “f” dan kemudian “foxtrot.”

<b>Gunakan perubahan nada</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Gunakan Perubahan Pic. VoiceOver menggunakan nada yang lebih tinggi semasa memasukkan huruf, dan nada yang lebih rendah semasa memadam huruf. VoiceOver turut menggunakan nada yang lebih tinggi semasa menyebut item pertama dalam kumpulan (seperti senarai atau jadual) dan nada yang lebih rendah semasa menyebut item terakhir dalam kumpulan.
<b>Setkan pilihan rotor</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Rotor. Sentuh untuk memilih atau menyahpilih pilihan, atau seret  ke atas untuk menempatkan semula item.
<b>Tukar sebutan VoiceOver</b>	Setkan rotor ke bahasa dan kemudian leret ke atas atau ke bawah. Kedudukan Rotor Bahasa sentiasa tersedia apabila anda telah memilih lebih daripada satu sebutan.
<b>Pilih sebutan yang tersedia dalam rotor bahasa</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Bahasa Rotor. Untuk menukar kedudukan bahasa dalam senarai, seret  ke atas atau bawah.
<b>Tukar bahasa untuk iPhone</b>	Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Bahasa. Beberapa bahasa mungkin dipengaruhi oleh seting Format Rantau (Seting > Umum > Antarabangsa > Format Rantau).
<b>Langkau imej semasa menavigasi</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Navigasi Imej. Anda boleh memilih untuk melangkau semua imej atau hanya imej yang tiada perihalan.
<b>Sebutkan pemberitahuan apabila anda membuka kunci iPhone</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Pemberitahuan Pertuturan. Jika ini dinyahaktifkan, iPhone yang bertutur pada masa anda membuka kuncinya.

## Menggunakan VoiceOver



**Pilih item pada skrin:** Seret jari anda di atas skrin. VoiceOver mengenal pasti setiap elemen apabila anda menyentuhnya. Anda juga boleh bergerak secara sistematik dari satu elemen ke elemen berikutnya dengan menguis ke kiri atau ke kanan dengan satu jari. Elemen dipilih dari kiri ke kanan, atas ke bawah. Kuis kanan untuk pergi ke elemen seterusnya, atau kuis kiri untuk pergi ke elemen sebelumnya.

<b>Dayakan navigasi menegak</b>	Tambah Navigasi Menegak kepada rotor, gunakan rotor untuk memilihnya, kemudian leret ke atas atau ke bawah untuk beralih ke item di atas atau di bawah. Lihat "Menggunakan kawalan rotor VoiceOver" pada halaman 159.
<b>Pilih elemen pertama atau terakhir atas skrin</b>	Kuis ke atas atau ke bawah dengan empat jari.
<b>Buka Kunci iPhone</b>	Pilih butang Buka kunci, kemudian dwisentuh skrin.
<b>Pilih item ikut nama</b>	Sentuh tiga kali dengan dua jari di mana-mana atas skrin untuk membuka Pilih Item. Kemudian taipkan nama dalam medan carian, atau kuis ke kanan atau kiri untuk bergerak menerusi senarai mengikut abjad, atau sentuh indeks jadual di sebelah kanan senarai dan kuis ke atas atau ke bawah untuk bergerak dengan cepat menerusi senarai item.
<b>Tukar nama item skrin supaya ia mudah ditemui</b>	Sentuh dan tahan dengan dua jari di mana-mana atas skrin.

**Sebutkan teks bagi elemen yang dipilih:** Kuis ke atas atau ke bawah dengan satu jari untuk membaca perkataan atau aksara seterusnya atau sebelumnya (pusing kawalan rotor untuk memilih aksara atau perkataan). Anda boleh menyertakan ejaan fonetik. Lihat "Menyediakan VoiceOver" pada halaman 155.



<b>Berhenti menyebut item</b>	Sentuh sekali dengan dua jari. Sentuh sekali lagi dengan dua jari untuk meneruskan pertuturan. Pertuturan diteruskan secara automatik apabila anda memilih item lain.
<b>Tukar kelantangan pertuturan</b>	Gunakan butang kelantangan iPhone, atau tambah kelantangan kepada rotor dan leret ke atas atau ke bawah untuk melaraskannya. Lihat “Menggunakan kawalan rotor VoiceOver” pada halaman 159.
<b>Senyapkan VoiceOver</b>	Dwisentuh dengan tiga jari. Dwisentuh sekali lagi dengan tiga jari untuk mengaktifkan semula pertuturan. Untuk menyahaktifkan hanya bunyi VoiceOver, setkan suis Dering/Senyap ke Senyap. Jika papan kekunci luaran disambungkan, anda juga boleh menekan kekunci Control pada papan kekunci untuk menyenyapkan atau menyahsenyapkan VoiceOver.
<b>Tukar suara membaca</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Gunakan Suara Mampat.
<b>Tuturkan keseluruhan skrin dari atas</b>	Kuis ke atas dengan dua jari.
<b>Tuturkan dari item semasa ke bahagian bawah skrin</b>	Kuis ke bawah dengan dua jari.
<b>Sebutkan maklumat status iPhone</b>	Sentuh bahagian atas skrin untuk mendengar maklumat seperti masa, hayat bateri, kekuatan isyarat Wi-Fi dan banyak lagi.
<b>“Sentuh” item yang dipilih apabila VoiceOver aktif:</b> Dwisentuh pada mana-mana bahagian atas skrin.	
<b>“Dwisentuh” item yang dipilih apabila VoiceOver aktif:</b>	Sentuh tiga kali pada mana-mana bahagian di atas skrin.
<b>Laraskan gelangsar</b>	Dengan satu jari, kuis ke atas untuk meningkatkan seting atau ke bawah bagi mengurangkan seting. VoiceOver mengumumkan seting semasa anda mengubahnya.
<b>Tatal senarai atau satu bahagian pada skrin:</b>	Kuis ke atas atau ke bawah dengan tiga jari. Kuis ke bawah untuk ke halaman bawah menerusi senarai atau skrin, atau kuis ke atas untuk ke halaman atas. Apabila bergerak mengikut halaman menerusi senarai, VoiceOver menyebut rangkaian item yang dipaparkan (contohnya, “menunjukkan baris 5 hingga 10”). Anda juga boleh menskrol berterusan menerusi senarai, selain daripada bergerak mengikut halaman. Dwisentuh dan tahan. Apabila anda mendengar satu siri nada, anda boleh menggerakkan jari anda ke atas atau ke bawah untuk menskrol senarai. Penskrolan berterusan berhenti apabila anda mengangkat jari anda.
<b>Gunakan indeks senarai</b>	Sesetengah senarai mempunyai indeks mengikut abjad di sebelah kanan. Indeks tidak boleh dipilih dengan menguis antara elemen; anda mesti menyentuh indeks secara terus untuk memilihnya. Dengan indeks dipilih, kuis ke atas atau ke bawah untuk bergerak menerusi indeks. Anda juga boleh dwisentuh, kemudian luncurkan jari anda ke atas atau ke bawah.

<b>Susun semula senarai</b>	Sesetengah senarai, seperti Kegemaran dalam Telefon dan Rotor dan Rotor Bahasa dalam seting Kebolehcapaian boleh disusun semula. Pilih  di sebelah kanan item, dwisentuh dan tahan sehingga anda mendengar bunyi, kemudian seret ke atas atau bawah. VoiceOver menyebut item yang telah anda gerakkan ke atas atau ke bawah, bergantung pada arah anda menyeret.
<b>Susun semula skrin Utama</b>	Pada skrin Utama, pilih ikon yang anda mahu pindahkan. Dwisentuh dan tahan ikon, kemudian seretnya. VoiceOver menyebut kedudukan baris dan lajur apabila anda menyeret ikon. Lepaskan ikon apabila ia berada pada lokasi yang anda inginkan. Anda boleh menyeret ikon tambahan. Seret item ke pinggir kiri atau kanan skrin untuk memindahkannya ke halaman lain pada skrin Utama. Apabila anda selesai, tekan butang Utama  .
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan tirai skrin</b>	Sentuh tiga kali dengan tiga jari. Apabila tirai skrin aktif, kandungan skrin adalah aktif walaupun apabila paparan dimatikan.
<b>Buka Kunci iPhone</b>	Pilih suis Buka kunci, kemudian dwisentuh skrin.

## Mempelajari gerak isyarat VoiceOver

Apabila VoiceOver diaktifkan, gerak isyarat skrin sentuh standard mempunyai kesan berlainan. Ini dan gerak isyarat tambahan membolehkan anda bergerak di sekitar skrin dan untuk mengawal elemen individu apabila ia dipilih. Gerak isyarat VoiceOver termasuk menggunakan gerak isyarat dua dan tiga jari untuk menyentuh atau menguis. Untuk mendapatkan hasil terbaik semasa menggunakan gerak isyarat dua dan tiga jari, bertenang dan biarkan jari anda menyentuh skrin dengan sedikit ruang antara jari anda.

Anda boleh menggunakan gerak isyarat standard apabila VoiceOver diaktifkan, dengan dwisentuh dan menahan jari anda pada skrin. Satu siri nada menunjukkan gerak isyarat biasa sedang berlaku. Ia kekal berfungsi sehingga anda mengangkat jari anda. Kemudian gerak isyarat VoiceOver diteruskan.

Anda boleh menggunakan teknik berlainan untuk memasukkan gerak isyarat VoiceOver. Contohnya, anda boleh memasukkan sentuhan dua jari dengan menggunakan dua jari pada satu tangan, atau satu jari pada setiap tangan. Anda juga boleh menggunakan ibu jari anda. Ramai mendapati gerak isyarat "sentuhan terpisah" sangat efektif: daripada memilih item dan dwisentuh, anda boleh menyentuh dan menahan item dengan satu jari, kemudian sentuh skrin dengan jari lain. Cuba teknik berlainan untuk menentukan yang mana berfungsi terbaik bagi anda.

Jika gerak isyarat anda tidak berfungsi, cuba gerakkan yang lebih cepat, terutamanya untuk gerak isyarat dwisentuh dan menguis. Untuk menguis, cuba menyapu pada skrin dengan cepat dengan jari-jari anda. Apabila VoiceOver diaktifkan, butang Latihan VoiceOver muncul, yang memberi anda peluang untuk berlatih gerak isyarat VoiceOver sebelum meneruskan.

**Latih gerak isyarat:** Dalam Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver, kemudian sentuh Latihan VoiceOver. Apabila anda selesai berlatih, sentuh Selesai.

Jika anda tidak melihat butang Latihan VoiceOver, pastikan VoiceOver diaktifkan.

Berikut adalah ringkasan gerak isyarat VoiceOver yang utama:

### Navigasi dan baca

- *Sentuh:* Sebutkan item:
- *Kuis ke kanan atau kiri:* Pilih item seterusnya atau sebelumnya.
- *Kuis ke atas atau ke bawah:* Bergantung pada seting Kawalan Rotor. Lihat "Menggunakan kawalan rotor VoiceOver" pada halaman 159.
- *Sentuh dua jari:* Berhenti menyebut item semasa.

- *Kuis ke atas dua jari:* Baca semuanya dari bahagian atas skrin.
- *Kuis ke bawah dua jari:* Baca semua daru kedudukan semasa.
- *“Gosokan” dua jari:* Gerakkan dua jari ke belakang dan depan tiga kali dengan cepat (menulis “z”) untuk menolak isyarat atau kembali ke skrin sebelumnya.
- *Sentuh tiga kali dua jari:* Buka Pemilih Item.
- *Kuis tiga jari ke atas atau ke bawah:* skrol satu halaman pada satu masa.
- *Kuis tiga jari ke kanan atau kiri:* Pergi ke halaman seterusnya atau sebelumnya (seperti skrin Utama, Saham atau Safari).
- *Sentuh tiga jari:* Sebutkan maklumat tambahan, seperti kedudukan dalam senarai atau sama ada teks dipilih.
- *Sentuh empat jari di bahagian atas skrin:* Pilih item pertama pada halaman.
- *Sentuh empat jari di bahagian bawah skrin:* Pilih item terakhir pada halaman.

### Aktifkan

- *Dwisentuh:* Aktifkan item yang terpilih.
- *Sentuh tiga jari:* Dwisentuh item.
- *Sentuhan terpisah:* Alternatif kepada memilih item dan dwisentuh adalah dengan menyentuh item dengan satu jari, kemudian menyentuh skrin dengan jari lain bagi mengaktifkan item.
- *Sentuh item dengan satu jari, sentuh skrin dengan jari yang lain (“sentuhan terpisah”):* Aktifkan item.
- *Dwisentuh dan tahan (1 saat) + gerak isyarat standard:* Gunakan gerak isyarat standard. Gerak isyarat dwisentuh dan tahan memberitahu iPhone untuk menginterpretasi gerak isyarat seterusnya sebagai standard. Contohnya, anda boleh dwisentuh dan tahan, dan kemudian tanpa mengangkat jari anda, seret jari anda untuk meluncurkan suis.
- *Dwisentuh dua jari:* Jawab dan tamatkan panggilan. Main atau jeda dalam Muzik, Video, YouTube, Memo Suara atau Foto. Ambil foto (Kamera). Mula atau jeda rakaman dalam Kamera atau Memo Suara. Mula atau hentikan jam randik.
- *Dwisentuh dua jari dan tahan:* Buka pelabel elemen.
- *Sentuh tiga kali dua jari:* Buka Pemilih Item.
- *Dwisentuh tiga jari:* Senyapkan atau nyahsenyap VoiceOver.
- *Sentuh tiga kali tiga jari:* Aktifkan atau nyahaktifkan tirai skrin.

### Menggunakan kawalan rotor VoiceOver

Kawalan rotor adalah dail maya yang boleh anda gunakan untuk menukar hasil gerak isyarat menguis ke atas dan ke bawah apabila VoiceOver diaktifkan.

**Kendalikan rotor:** Pusing dua jari pada skrin iPhone di sekeliling satu titik antaranya.



**Tukar pilihan yang termasuk dalam rotor:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Rotor dan pilih pilihan yang anda mahu tersedia menggunakan rotor.

Kesan seting rotor bergantung pada apa yang anda sedang lakukan. Jika anda sedang membaca teks dalam e-mel yang anda terima, anda boleh menggunakan rotor untuk bertukar antara mendengar teks disebut perkataan demi perkataan atau aksara demi aksara apabila anda menguis ke atas atau ke bawah. Jika anda melayari halaman web, anda boleh menggunakan seting rotor untuk mendengar semua teks (sama ada perkataan demi perkataan atau aksara demi aksara), atau melompat dari satu elemen ke elemen lain dari jenis tertentu, seperti tajuk atau pautan.

### **Membaca teks**

Pilih dan dengar teks mengikut:

- Aksara, perkataan atau baris

### **Pertuturan**

Laraskan pertuturan VoiceOver mengikut:

- Kelantangan atau kadar
- Penggunaan gema menaip, perubahan pic atau fonetik (menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple)

Lihat “Mengawal VoiceOver menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple” pada halaman 163.

### **Menavigasi**

Pilih dan dengar item mengikut:

- Aksara, perkataan atau baris
- Tajuk
- Pautan, pautan telah dilawati, pautan tidak dilawati atau pautan dalam halaman
- Kawalan borang
- Jadual atau baris (semasa menavigasi jadual)
- Senarai
- Tanda tempat
- Imej
- Teks statik
- Item daripada jenis yang sama
- Butang
- Medan teks
- Medan carian
- Bekas (rantau skrin seperti dok)

Zum masuk atau keluar

### **Memasukkan teks**

Gerakkan titik pemasangan dan dengar teks mengikut:

- Aksara, perkataan atau baris

Pilih fungsi edit

Pilih bahasa

### **Menggunakan kawalan**

Pilih dan dengar nilai mengikut:

- Aksara, perkataan atau baris

Laraskan nilai bagi objek kawalan

## Memasukkan dan mengedit teks dengan VoiceOver

Apabila anda memilih medan teks dengan VoiceOver, anda boleh menggunakan papan kekunci atas skrin atau papan kekunci luaran yang disambung ke iPhone untuk memasukkan teks.

Terdapat dua cara untuk memasukkan teks dalam VoiceOver—penaipan *standard* dan penaipan *sentuh*. Dengan penaipan *standard*, anda memilih kekunci, kemudian dwisentuh skrin bagi memasukkan aksara. Dengan penaipan *sentuh*, anda sentuh untuk memilih kekunci dan aksara dimasukkan secara automatik apabila anda mengangkat jari. Penaipan *sentuh* boleh menjadi lebih cepat, tetapi mungkin memerlukan lebih banyak latihan berbanding penaipan *standard*.

VoiceOver juga membolehkan anda menggunakan ciri pengeditan iPhone untuk memotong, menyalin, atau menampal dalam medan teks.


**Masukkan teks:** Pilih medan teks yang boleh diedit, dwisentuh untuk memaparkan titik pemasukan dan papan kekunci atas skrin dan taipkan aksara.

- *Penaipan standard:* Pilih kunci pada papan kekunci dengan menyelak ke kiri atau ke kanan, kemudian dwisentuh bagi memasukkan aksara. Atau gerakkan jari anda pada papan kekunci untuk memilih kekunci dan dengan terus menahan kekunci dengan satu jari, sentuh skrin dengan jari yang lain. VoiceOver menyebut kekunci apabila ia dipilih, dan sekali lagi apabila aksara dimasukkan.
- *Penaipan sentuh:* Sentuh kekunci pada papan kekunci untuk memilihnya, kemudian angkat jari anda bagi memasukkan aksara. Jika anda menyentuh kekunci yang salah, gerakkan jari anda pada papan kekunci sehingga anda memilih kekunci yang anda inginkan. VoiceOver menyebut aksara untuk setiap kekunci apabila anda menyentuhnya, tetapi tidak memasukkan aksara sehingga anda mengangkat jari anda.

**Nota:** Penaipan *sentuh* berfungsi hanya untuk kekunci yang memasukkan teks. Gunakan penaipan *standard* untuk kekunci lain seperti Shift, Delete, dan Return.

**Gerakkan titik pemasukan:** Kuis ke atas atau ke bawah untuk menggerakkan titik pemasukan ke hadapan atau ke belakang dalam teks. Gunakan rotor untuk memilih sama ada anda ingin menggerakkan titik pemasukan mengikut aksara, perkataan atau mengikut baris. VoiceOver mengeluarkan bunyi apabila titik pemasukan bergerak dan menyebut aksara, perkataan atau baris yang digerakkan oleh titik pemasukan.

Apabila bergerak ke hadapan mengikut perkataan, titik pemasukan ditempatkan di penghujung setiap perkataan sebelum ruang atau tanda baca yang mengikutinya. Apabila bergerak ke hadapan, titik pemasukan ditempatkan di penghujung perkataan yang direntas, sebelum ruang atau tanda baca yang mengikutinya. Untuk menggerakkan titik pemasukan melepasi tanda baca di penghujung perkataan atau ayat, gunakan rotor bagi bertukar kembali ke mod aksara. Apabila menggerakkan titik pemasukan mengikut baris, VoiceOver menyebut setiap baris apabila anda bergerak merentasinya. Apabila bergerak ke hadapan, titik pemasukan ditempatkan di permulaan baris seterusnya (kecuali apabila anda mencapai baris terakhir dalam perenggan, dalam mana titik pemasukan digerakkan ke penghujung baris yang baru disebutkan). Apabila bergerak ke belakang, titik pemasukan ditempatkan di permulaan baris yang disebutkan.

<b>Pilih penaipan standard atau sentuh</b>	Dengan VoiceOver diaktifkan dan kekunci dipilih pada papan kekunci, gunakan rotor bagi memilih Mod Menaip, kemudian kuis ke atas atau ke bawah.
<b>Padam aksara</b>	Pilih  , kemudian dwisentuh atau sentuhan terpisah. Anda mesti melakukan yang ini walaupun semasa penaipan sentuh. Untuk memadam berbilang aksara, sentuh dan tahan kekunci Padam, kemudian sentuh skrin dengan jari lain sekali bagi setiap aksara yang anda mahu padam. VoiceOver menyebut aksara sambil ia dipadam. Jika Gunakan Perubahan Nada aktif, VoiceOver menyebut aksara yang dipadam dalam nada yang lebih rendah.
<b>Pilih teks</b>	Setkan rotor ke Edit, kuis ke atas atau ke bawah untuk memilih Pilih atau Pilih Semua, kemudian dwisentuh. Jika anda memilih Pilih, perkataan yang paling hampir dengan titik pemasangan dipilih apabila anda dwisentuh. Jika anda memilih Pilih Semua, keseluruhan teks dipilih. Cubit terbuka atau rapat untuk meningkatkan atau mengurangkan pilihan.
<b>Potong, salin atau tampal</b>	Pastikan rotor disetkan ke edit. Dengan teks dipilih, kuis ke atas atau ke bawah untuk memilih Potong, Salin, atau Tampal, kemudian dwisentuh.
<b>Batalkan</b>	Goncang iPhone, kuis ke kiri atau kanan untuk memilih tindakan untuk buat asal, kemudian dwisentuh.
<b>Masukkan aksara yang beraksen</b>	Dalam mod penaipan standard, pilih aksara yang biasa, kemudian dwisentuh dan tahan sehingga anda mendengar bunyi yang menunjukkan aksara berlainan telah muncul. Seret ke kiri atau kanan untuk memilih dan mendengar pilihan. Lepaskan jari anda untuk memasukkan pilihan semasa.
<b>Tukar bahasa yang sedang anda taip</b>	Setkan rotor ke Bahasa, kemudian kuis ke atas atau ke bawah. Pilih "bahasa lalai" untuk menggunakan bahasa yang ditentukan dalam seting Antarabangsa. Rotor Bahasa hanya muncul jika anda memilih lebih daripada satu bahasa dalam seting Rotor Bahasa VoiceOver. Lihat "Menyediakan VoiceOver" pada halaman 155.

## Membuat panggilan telefon dengan VoiceOver

Dwisentuh skrin dengan dua jari bagi menjawab atau menamatkan panggilan. Apabila panggilan telefon dibuat apabila VoiceOver aktif, skrin memaparkan pad kekunci nombor secara lalai, berbanding menunjukkan pilihan panggilan. Ini menjadikannya mudah untuk menggunakan pad kekunci bagi membalas kepada menu pilihan apabila anda mencapai sistem automatik.

**Paparkan pilihan panggilan:** Pilih butang Sembunyikan Pad Kekunci dalam penjuru kanan bawah dan dwisentuh.

**Paparkan pad kekunci angka sekali lagi:** Pilih butang Pad kekunci berhampiran bahagian tengah skrin dan dwisentuh.

## Menggunakan VoiceOver dengan Safari

Apabila anda mencari web dalam Safari dengan VoiceOver aktif, item rotor Hasil Carian membolehkan anda mendengar senarai frasa carian yang dicadangkan.

**Cari di web:** Pilih medan carian, masukkan carian anda, kemudian pilih Hasil Carian menggunakan rotor. Kuis ke kanan atau kiri untuk bergerak ke bawah atau atas senarai, kemudian dwisentuh skrin untuk mencari web menggunakan frasa carian semasa.

## Menggunakan VoiceOver dengan Peta

Gunakan VoiceOver untuk zum masuk atau keluar, pilih pin dan dapatkan maklumat mengenai lokasi.

**Zum masuk atau zum keluar:** Pilih peta, gunakan rotor untuk memilih mod zum, kemudian kuis ke atas atau ke bawah untuk zum masuk atau zum keluar.

**Pilih pin:** Sentuh pin, atau kuis ke kiri atau ke kanan untuk bergerak dari satu item ke item yang lain.

**Dapatkan maklumat mengenai lokasi:** Dengan pin dipilih, dwisentuh untuk memaparkan bendera maklumat. Kuis ke kiri atau ke kanan untuk butang Maklumat Lanjut, kemudian dwisentuh bagi memaparkan halaman maklumat.

### Mengedit video dan memo suara dengan VoiceOver

Anda boleh menggunakan gerak isyarat VoiceOver untuk memotong rakaman Video kamera dan Memo Suara.

**Memotong memo suara:** Pada skrin Memo Suara, pilih butang di sebelah kanan memo yang ingin anda potong, kemudian dwisentuh. Kemudian pilih Potong Memo dan dwisentuh. Pilih permulaan atau penghujung alat memotong. Kuis ke atas untuk menyeret ke kanan, atau kuis ke bawah bagi menyeret ke kiri. VoiceOver mengumumkan jumlah masa kedudukan semasa akan memotong daripada rakaman. Untuk menjalankan pemotongan, pilih Potong Memo Suara dan dwisentuh.

**Potong video:** Semasa melihat video dalam Foto, dwisentuh skrin untuk memaparkan kawalan video, kemudian pilih permulaan atau penamatan alat memotong. Kemudian kuis ke atas untuk menyeret ke kanan, atau kuis ke bawah bagi menyeret ke kiri. VoiceOver mengumumkan jumlah masa kedudukan semasa akan memotong daripada rakaman. Untuk menjalankan pemotongan, pilih Potong dan dwisentuh.

### Mengawal VoiceOver menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple

Anda boleh mengawal VoiceOver on iPhone menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple. Lihat “Menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple” pada halaman 28.

Anda boleh menggunakan arahan papan kekunci VoiceOver untuk menavigasi skrin, memilih item, membaca kandungan skrin, melaraskan rotor dan menjalankan tindakan VoiceOver lain. Semua arahan papan kekunci (kecuali satu) termasuk Control-Option, disingkatkan dalam jadual di bawah sebagai “VO.”

Bantuan VoiceOver menuturkan arahan kekunci atau papan kekunci semasa anda menaipnya. Anda boleh menggunakan Bantuan VoiceOver untuk mempelajari skroletak papan kekunci dan tindakan yang dikaitkan dengan kombinasi kekunci.

#### Arahan papan kekunci VoiceOver

VO = Control-Option

Baca semua, bermula daripada kedudukan semasa	VO-A
Baca dari atas	VO-B
Bergerak ke bar status	VO-M
Tekan butang Utama	VO-H
Pilih item seterusnya atau sebelumnya	VO-Anak Panah Kanan atau VO-Anak Panah Kiri
Sentuh item	VO-Space bar
Dwisentuh dengan dua jari	VO-“-”
Pilih item rotor seterusnya atau sebelumnya	VO-Anak Panah Atas atau VO-Anak Panah Bawah

Pilih item rotor seterusnya atau sebelumnya	VO–Command–Anak Panah Kiri atau VO–Command–Anak Panah Kanan
Laraskan item rotor pertuturan	VO–Command–Anak Panah Atas atau VO–Command–Anak Panah Bawah
Senyapkan atau nyahsenyap VoiceOver	VO–S
Aktifkan atau nyahaktifkan tirai skrin	VO–Shift–S
Aktifkan bantuan VoiceOver	VO–K
Kembali ke skrin sebelumnya, atau nyahaktifkan bantuan VoiceOver	Escape

### Navigasi Cepat

Aktifkan Navigasi Cepat untuk mengawal VoiceOver menggunakan kekunci anak panah. Navigasi Cepat tidak aktif secara lalai.

Aktifkan atau nyahaktifkan Navigasi Cepat	Anak Panah Kiri–Anak Panah Kanan
Pilih item seterusnya atau sebelumnya	Anak Panah Kanan atau Anak Panah Kiri
Pilih item seterusnya atau sebelumnya yang ditentukan oleh seting rotor	Anak Panah Atas atau Anak Panah Bawah
Pilih item pertama atau terakhir	Control–Anak Panah Atas atau Control–Anak Panah Bawah
"Sentuh" item	Anak Panah Atas–Anak Panah Bawah
Skrol ke atas, bawah, kiri, atau kanan	Option–Anak Panah Atas, Option–Anak Panah Bawah, Option–Anak Panah Kiri, atau Option–Anak Panah Kanan
Tukar rotor	Anak Panah Atas–Anak Panah Kiri atau Anak Panah Atas–Anak Panah Kanan

Anda juga boleh menggunakan kekunci nombor pada Papan Kekunci Wayarles Apple untuk mendail nombor telefon dalam Telefon atau memasukkan nombor dalam Kalkulator.

### Navigasi Pantas Satu Huruf untuk web

Apabila anda melihat halaman web dengan Navigasi Pantas didayakan, anda boleh menggunakan kekunci berikut pada papan kekunci untuk menavigasi halaman dengan cepat. Menaip kekunci bergerak ke item seterusnya bagi jenis yang ditunjukkan. Tahan kekunci Shift semasa anda menaip huruf untuk bergerak ke item sebelumnya.

H	Tajuk
L	Pautan
R	Medan teks
B	Butang
C	Kawalan borang
I	Imej
T	Jadual
S	Teks statik



W	Tanda tempat ARIA
X	Senarai
M	Elemen daripada jenis yang sama
1	Pengepala paras 1
2	Pengepala paras 2
3	Pengepala paras 3
4	Pengepala paras 4
5	Pengepala paras 5
6	Pengepala paras 6

## Menggunakan paparan Braille dengan VoiceOver

Anda boleh menggunakan paparan braille Bluetooth yang boleh disegar semula untuk membaca output VoiceOver dalam braille dan anda boleh menggunakan paparan braille dengan kekunci input dan kawalan lain untuk mengawal iPhone apabila VoiceOver diaktifkan. iPhone berfungsi dengan banyak paparan wayarles braille. Untuk senarai paparan yang disokong, pergi ke [www.apple.com/accessibility/iphone/braille-display.html](http://www.apple.com/accessibility/iphone/braille-display.html).

**Sediakan paparan Braille:** Hidupkan paparan, kemudian pergi ke Seting > Umum > Bluetooth dan aktifkan Bluetooth. Kemudian, pergi Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Braille dan pilih paparan.

<b>Aktifkan atau nyahaktifkan braille disingkatkan</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Braille.
--	--

<b>Aktifkan atau nyahaktifkan braille lapan titik</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Braille.
---	--

Untuk mendapatkan maklumat mengenai perintah umum braille untuk navigasi VoiceOver dan untuk maklumat yang khusus untuk paparan tertentu, pergi ke [support.apple.com/kb/HT4400](http://support.apple.com/kb/HT4400).

Paparan Braille menggunakan bahasa yang disetkan untuk Kawalan Suara. Ini biasanya adalah bahasa yang disetkan untuk iPhone dalam Seting > Antarabangsa > Bahasa. Anda boleh menggunakan seting bahasa VoiceOver untuk mengeset bahasa berlainan bagi paparan VoiceOver dan Braille.

**Setkan bahasa untuk VoiceOver:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Kawalan Suara, kemudian pilih bahasa.

Jika anda menukar bahasa untuk iPhone, anda mungkin perlu mereset bahasa untuk VoiceOver dan paparan braille anda.

Anda boleh setkan sel paling kiri atau paling kanan paparan Braille anda untuk menyediakan status sistem dan maklumat lain:

- Sejarah Pengumuman mengandungi mesej yang belum dibaca
- Mesej Sejarah Pengumuman semasa belum lagi dibaca
- Pertuturan VoiceOver disenyapkan
- Bateri iPhone adalah rendah (kurang daripada 20% cas)
- iPhone dalam orientasi landskap
- Paparan skrin dimatikan
- Baris semasa mengandungi teks tambahan di sebelah kiri

- Baris semasa mengandungi teks tambahan di sebelah kanan

**Setkan sel paling kiri atau paling kanan untuk memaparkan maklumat status:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > VoiceOver > Braille > Sel Status dan sentuh Kiri atau Kanan.

**Lihat penerangan sel status yang dikembangkan:** Pada paparan Braille anda, tekan butang penghalaan sel status.

## Penghalaan audio bagi panggilan masuk


Anda boleh menghala audio bagi panggilan masuk secara automatik ke headset atau telefon speaker berbanding penerima iPhone.

**Halakan semula audio panggilan:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Panggilan Masuk dan pilih di mana anda ingin mendengar panggilan anda.

## Siri

Dengan Siri, anda boleh melakukan perkara dengan iPhone anda dengan hanya bertanya dan VoiceOver boleh membaca respons Siri kepada anda. Untuk mendapatkan maklumat, lihat Bab 4, "Siri," pada halaman 40.

## Klik tiga kali Utama

Klik tiga kali Utama memberikan cara mudah untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan beberapa ciri Kebolehcapaian apabila anda menekan butang Utama  tiga kali dengan cepat. Anda boleh setkan Klik Tiga Kali Utama kepada:

- Mengaktifkan atau menyahaktifkan VoiceOver
- Mengaktifkan atau menyahaktifkan Putih atas Hitam
- Mengaktifkan atau menyahaktifkan Zum
- Aktifkan atau nyahaktifkan Sentuhan Bantuan (AssistiveTouch)

Anda juga boleh mengeset Klik Tiga Kali Utama untuk memberikan pilihan untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan VoiceOver, Putih atas Hitam atau Zum. Klik tiga kali butang Utama dinyahaktifkan secara lalai.

**Setkan fungsi Klik tiga kali butang Utama:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Klik Tiga Kali Utama.

## Zum

Banyak aplikasi iPhone membolehkan anda zum masuk atau keluar pada elemen tertentu. Contohnya, anda boleh dwisentuh atau gunakan gerak isyarat mencubit untuk membesarkan lajur halaman web dalam Safari.

Zum adalah ciri kebolehcapaian khas yang membolehkan anda membesarkan keseluruhan skrin bagi sebarang aplikasi yang anda gunakan, bagi membantu anda melihat apa yang ada pada paparan.

Apabila menggunakan Zum dengan Papan Kekunci Wayarles Apple (lihat "Menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple" pada halaman 28), imej skrin mengikut titik pemasangan, memastikannya di tengah-tengah paparan.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Zum:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Zum. Atau, gunakan Klik tiga kali Utama. Lihat "Klik tiga kali Utama" pada halaman 166.

**Nota:** Anda tidak boleh menggunakan VoiceOver dan Zum pada masa yang sama.

---

<b>Zum masuk atau keluar</b>	Dwisentuh skrin dengan tiga jari. Secara lalai, skrin diperbesarkan sebanyak 200 peratus. Jika anda menukar pembesaran secara manual (dengan menggunakan gerak isyarat sentuh dan seret, yang diterangkan di bawah), iPhone secara automatik akan kembali ke pembesaran tersebut apabila anda zum masuk dengan dwisentuh menggunakan tiga jari.
<b>Tingkatkan pembesaran</b>	Dengan tiga jari, sentuh dan seret ke bahagian atas skrin (untuk meningkatkan pembesaran) atau ke bahagian bawah skrin (untuk mengurangkan pembesaran). Gerak isyarat sentuh dan seret adalah serupa dengan dwisentuh, kecuali anda tidak perlu mengangkat jari anda pada sentuhan kedua—sebaliknya, seret jari anda pada skrin. Apabila anda mula menyeret, anda boleh menyeret dengan satu jari.
<b>Bergerak ke sekeliling skrin</b>	Apabila menzum masuk, seret atau kuis skrin dengan tiga jari. Apabila anda mula menyeret, anda boleh menyeret dengan satu jari supaya anda dapat melihat lebih banyak bahagian skrin. Tahan satu jari pada pinggir paparan untuk menyorot ke bahagian imej skrin tersebut. Gerakkan jari anda lebih hampir ke pinggir paparan untuk menyorot lebih cepat. Apabila anda membuka skrin baru, Zum sentiasa akan pergi ke bahagian atas tengah skrin.

---

## Teks Besar

Teks Besar membenarkan anda menjadikan teks lebih besar dalam isyarat, dan dalam Kalendar, Kenalan, Mail, Mesej serta Nota.

**Setkan saiz teks:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Teks Besar.

## Putih atas Hitam

Gunakan Putih atas Hitam untuk menterbalikkan warna pada skrin iPhone, yang mungkin menjadikannya mudah untuk membaca skrin. Apabila Putih atas Hitam diaktifkan, skrin kelihatan seperti negatif fotografi.

**Terbalikkan warna skrin:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Putih atas Hitam.

## Sebut Pilihan

Walaupun apabila VoiceOver dinyahaktifkan, iPhone boleh membaca sebarang teks yang anda boleh pilih.

**Aktifkan Sebut Pilihan dan laraskan kadar pertuturan:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Sebut Pilihan.

---

Biar teks dibacakan kepada anda    Pilih teks, kemudian sentuh Sebutkan

---

## Sebut Teks Auto

Sebut Teks Auto menuturkan pembetulan dan cadangan teks yang dibuat iPhone apabila anda menaip.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Sebut Teks Auto:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Sebut Teks Auto.

Sebut Teks Auto turut berfungsi dengan VoiceOver atau Zum.

## Audio Mono

Audio Mono menggabungkan saluran stereo kiri dan kanan ke dalam isyarat mono yang dimainkan menerusi kedua-dua saluran. Anda boleh melaraskan imbangan isyarat mono untuk kelantangan yang lebih tinggi di sebelah kanan atau kiri.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Audio Mono:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Audio Mono.

## Keserasian alat bantuan pendengaran

FCC telah menggunakan peraturan keserasian alat bantuan pendengaran (HAC) untuk telefon wayarles digital. Peraturan ini memerlukan telefon tertentu untuk diuji dan dinilai di bawah standard keserasian alat bantuan pendengaran C63.19-2007 oleh American National Standard Institute (ANSI). Standard ANSI untuk keserasian alat bantuan pendengaran mengandungi dua jenis rating: rating "M" untuk gangguan frekuensi radio yang dikurangkan untuk mendayakan berpasangan akustik dengan alat bantuan pendengaran yang tidak beroperasi dalam mod tele-gelung dan rating "T" untuk berpasangan secara induktif bagi alat bantuan pendengaran yang beroperasi dalam mod tele-gelung. Rating ini diberi pada skala satu hingga empat, di mana empat adalah paling serasi. Telefon dianggap serasi alat bantuan pendengaran di bawah peraturan FCC jika ia dikadarkan M3 atau M4 untuk berpasangan akustik dan T3 atau T4 untuk berpasangan induktif.

Untuk rating keserasian alat bantuan pendengaran iPhone semasa, pergi [www.apple.com/support/hac](http://www.apple.com/support/hac).

Rating keserasian alat bantuan pendengaran tidak menjamin bahawa alat bantuan pendengaran tertentu akan berfungsi dengan telefon tertentu. Sesetengah alat bantuan pendengaran mungkin berfungsi dengan baik dengan telefon yang tidak memenuhi rating tertentu. Untuk memastikan saling operasi antara alat bantuan pendengaran dan telefon, gunakannya bersama-sama sebelum pembelian.

### Mod Alat Bantuan Pendengaran

iPhone 4 GSM mempunyai Mod Alat Bantuan Pendengaran yang, apabila diaktifkan, mungkin mengurangkan gangguan dengan sesetengah model alat bantuan pendengaran. Mod Alat Bantuan Pendengaran mengurangkan kuasa transmisi bagi radio selular dalam jalur GSM 1900 MHz dan mungkin menyebabkan pengurangan dalam liputan seluar 2G.

**Aktifkan Alat Bantuan Pendengaran (iPhone 4 GSM):** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian.

## Getaran Diperibadikan

Anda boleh memperuntukkan corak getaran khas untuk panggilan telefon atau panggilan FaceTime daripada kenalan penting. Pilih daripada corak sedia ada atau buat yang baru.

**Aktifkan getaran diperibadikan:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Getaran Diperibadikan.

Pilih corak getaran untuk kenalan	Dalam Kenalan, pilih kenalan, kemudian sentuh "getaran." Jika anda tidak melihat getaran dalam maklumat kenalan, sentuh Edit dan tambahnya.
Buat corak getaran baru	Jika anda sudah mengedit kenalan, sentuh "getaran" dan kemudian sentuh Buat Getaran Baru. Anda juga boleh pergi ke Seting > Bunyi > Getaran > Buat Getaran Baru.
Setkan corak tersuai sebagai lalai	Pergi ke Seting > Bunyi > Getaran dan pilih corak.

## Denyar LED untuk Isyarat

Jika anda tidak dapat mendengar bunyi yang mengumumkan panggilan masuk atau isyarat lain, anda boleh mendayakan iPhone untuk mengelipkan LEDnya (bersebelahan lensa kamera di bahagian belakang iPhone). Ini hanya berfungsi apabila iPhone dikunci atau tidur. Tersedia untuk iPhone 4 atau lebih baru.

**Aktifkan Denyar LED untuk Isyarat:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Denyar LED untuk Isyarat.

## AssistiveTouch

AssistiveTouch membantu anda untuk menggunakan iPhone jika anda menghadapi kesukaran menyentuh skrin atau menekan butang. Anda boleh menggunakan aksesori penyesuaian yang serasi (seperti kayu bedik) bersama-sama dengan AssistiveTouch untuk mengawal iPhone. Anda juga boleh menggunakan AssistiveTouch tanpa aksesori untuk menjalankan gerak isyarat yang sukar untuk anda.

**Aktifkan AssistiveTouch:** Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > AssistiveTouch. Anda juga boleh setkan Klik tiga kali Utama untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan AssistiveTouch; pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > Klik tiga kali Utama.

Laraskan kelajuan menjejak	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > AssistiveTouch > Kelajuan sentuh.
Tunjukkan atau sembunyikan menu AssistiveTouch	Klik butang kedua pada aksesori anda.
Sembunyikan butang menu	Pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > AssistiveTouch > Sentiasa Tunjukkan Menu.
Jalankan kuis atau seret yang menggunakan 2, 3, 4, atau 5 jari	Sentuh butang menu, sentuh Gerak Isyarat dan kemudian sentuh bilangan digit yang diperlukan untuk gerak isyarat. Apabila bulatan sepadan muncul atas skrin, kuis atau seret dalam arah yang diperlukan oleh gerak isyarat. Apabila anda selesai, tekan butang menu.
Jalankan gerak isyarat Cubit	Sentuh butang menu, sentuh Kegemaran dan kemudian sentuh Cubit. Apabila bulatan cubit muncul, sentuh di mana-mana pada skrin untuk menggerakkan bulatan cubit, kemudian seret bulatan cubit ke dalam atau luar untuk menjalankan gerak isyarat cubit. Apabila anda selesai, tekan butang menu.
Buat gerak isyarat anda sendiri	Sentuh butang menu, sentuh Kegemaran dan kemudian sentuh ruang letak gerak isyarat kosong. Anda juga boleh pergi ke Seting > Umum > Kebolehcapaian > AssistiveTouch > "Buat gerak isyarat tersuai."
Kunci atau putar skrin, laraskan kelantangan, togol dering/senyap, atau simulasikan menggoncang iPhone	Sentuh butang menu, kemudian sentuh Peranti.
Simulasikan menekan butang Utama	Sentuh butang menu, kemudian sentuh Utama.
Sembunyikan butang menu	Seretnya ke sebarang lokasi atas skrin.
Keluar daripada menu tanpa menjalankan gerak isyarat	Sentuh mana-mana di luar menu.

## Akses Universal dalam OS X


Gunakan kelebihan ciri Akses Universal dalam OS X apabila anda menggunakan iTunes bagi menyelaraskan maklumat dan kandungan daripada pustaka iTunes anda ke iPhone. Dalam Finder, pilih Help > Help Center, kemudian cari "universal access."

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri kebolehcapaian iPhone dan OS X, pergi ke [www.apple.com/my/accessibility](http://www.apple.com/my/accessibility).

## Sokongan TTY

Anda boleh menggunakan kabel Penyesuai TTY iPhone (dijual secara berasingan di banyak tempat) untuk menyambungkan iPhone kepada mesin TTY. Pergi ke [www.apple.com/my/store](http://www.apple.com/my/store) (mungkin tidak tersedia di semua kawasan) atau semak dengan penjual Apple tempatan anda.

**Sambungkan iPhone ke mesin TTY:** Pergi ke Seting > Telefon dan aktifkan TTY dan kemudian sambungkan iPhone ke mesin TTY anda menggunakan Penyesuai TTY iPhone.

Apabila TTY didayakan pada iPhone, ikon TTY  muncul dalam bar status di bahagian atas skrin. Untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan mesin TTY tertentu, lihat dokumentasi yang disertakan dengan mesin tersebut.

## Saiz fon minimum bagi mesej mel

Untuk meningkatkan kebolehbacaan, setkan saiz fon minimum bagi teks mesej Mel ke Besar, Lebih Besar, atau Gergasi.

**Setkan saiz fon minimum bagi mesej mel:** Pergi ke Seting > Mail, Kenalan, Kalendar > Saiz Fon Minimum.

Seting Teks Besar menulis ganti saiz fon minimum ini.

## Nada dering boleh diperuntukkan

Anda boleh memperuntukkan nada dering tersendiri kepada individu di dalam senarai kenalan anda untuk ID pemanggil yang boleh dengar. Anda boleh membeli nada dering daripada iTunes Store pada iPhone. Lihat "Membeli muzik, buku audio dan nada" pada halaman 124.

## Mel suara visual

Kawalan main dan jeda dalam mel suara visual membolehkan anda mengawal main balik mesej. Seret kepala main pada bar leret untuk mengulangi bahagian mesej yang sukar difahami. Lihat "Menyemak mel suara" pada halaman 65.

## Papan kekunci skrin lebar

Banyak aplikasi, termasuk Mail, Safari, Mesej, Nota dan Kenalan, membenarkan anda memusing iPhone apabila anda menaip, supaya anda boleh menggunakan papan kekunci yang lebih besar.

## Pad kekunci telefon besar

Buat panggilan telefon hanya dengan menyentuh entri di dalam senarai kenalan dan kesukaan anda. Apabila anda perlu mendail nombor, pad kekunci numerik besar iPhone menjadikannya mudah. Lihat "Panggilan telefon" pada halaman 59.

## Kawalan suara

Kawalan Suara membenarkan anda membuat panggilan telefon dan mengawal main balik muzik menggunakan arahan suara. Lihat “Pendailan Suara” pada halaman 60, dan “Menggunakan Siri atau Kawalan Suara dengan Muzik” pada halaman 84.

## Kapsyen tertutup

**Aktifkan kapsyen tertutup untuk video:** Pergi ke Seting > Video > Kapsyen Tertutup.

Bukan semua kandungan video mempunyai kapsyen tertutup.



Seting membolehkan anda mengkonfigurasi iPhone, mengeset pilihan aplikasi, menambah akaun dan memasukkan keutamaan lain.

## Mod Pesawat

Mod pesawat menyahdayakan ciri wayarles untuk mengurangkan potensi gangguan terhadap operasi pesawat dan kelengkapan elektrik yang lain.

**Aktifkan mod pesawat:** Pergi ke Seting dan aktifkan mod pesawat.

Apabila mod pesawat aktif, ✈️ muncul dalam bar status pada bahagian atas skrin. Tiada isyarat telefon, Wi-Fi atau Bluetooth dipancarkan daripada iPhone dan penerimaan GPS dinyahaktifkan. Anda tidak akan dapat menggunakan aplikasi atau ciri-ciri yang bergantung pada isyarat ini, seperti bersambung kepada Internet, membuat atau menerima panggilan telefon atau mesej, mendapatkan mel suara visual dan seterusnya.

Jika dibenarkan oleh pengendali pesawat dan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda boleh terus mendengar muzik, menonton video, menyemak imbas e-mel, kalendar dan data lain yang anda terima sebelum ini dan menggunakan aplikasi yang tidak memerlukan sambungan Internet.

Jika Wi-Fi tersedia dan dibenarkan oleh pengendali pesawat dan undang-undang serta peraturan berkenaan, pergi ke Seting > Wi-Fi untuk mengaktifkannya. Anda boleh mengaktifkan BlueTooth dalam Seting > Umum > BlueTooth.

## Wi-Fi

### Menyertai rangkaian Wi-Fi



Seting Wi-Fi menentukan sama ada iPhone menggunakan rangkaian Wi-Fi tempatan untuk bersambung kepada Internet. Apabila iPhone disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi, ikon Wi-Fi 📶 dalam bar status di bahagian atas skrin menunjukkan kekuatan isyarat. Lebih banyak bar yang anda lihat, lebih kuat isyaratnya. Jika tiada rangkaian Wi-Fi tersedia, atau jika anda telah mematikan Wi-Fi, maka iPhone bersambung kepada Internet melalui rangkaian data selular anda bila tersedia

Setelah anda menyertai rangkaian Wi-Fi, iPhone bersambung kepadanya secara automatik pada bila-bila masa rangkaian dalam julat. Jika lebih daripada satu rangkaian yang digunakan sebelum ini berada dalam liputan, iPhone menyertai yang terakhir digunakan.

Anda juga boleh menggunakan iPhone untuk menyediakan stesen pangkalan AirPort yang baru yang menyediakan perkhidmatan Wi-Fi kepada rumah dan pejabat anda. Lihat "Mengeset stesen pangkalan AirPort" pada halaman 173.



**Aktifkan atau nyahaktifkan Wi-Fi:** Pergi ke Seting > Wi-Fi.

<b>Setkan iPhone untuk bertanya jika anda ingin menyertai rangkaian baru</b>	Pergi ke Seting > Wi-Fi dan aktifkan atau nyahaktifkan “Tanya untuk Menyertai Rangkaian.” Jika “Tanya untuk Menyertai Rangkaian” dinyahaktifkan, anda mesti menyertai rangkaian secara manual untuk bersambung kepada Internet apabila rangkaian yang digunakan sebelumnya tidak tersedia.
<b>Lupakan rangkaian, supaya iPhone tidak menyertainya</b>	Pergi ke Seting > Wi-Fi dan sentuh  bersebelahan rangkaian yang pernah anda sertai. Kemudian sentuh “Lupakan Rangkaian Ini.”
<b>Sertai rangkaian Wi-Fi tertutup</b>	Untuk menyertai rangkaian Wi-Fi yang tidak ditunjukkan dalam senarai rangkaian yang diimbis, pergi ke Seting > Wi-Fi > Lain, kemudian masukkan nama rangkaian. Anda seharusnya sudah tahu nama rangkaian, kata laluan, dan jenis keselamatan yang digunakan untuk menyambung kepada rangkaian tertutup.
<b>Laraskan seting untuk bersambung ke rangkaian Wi-Fi</b>	Pergi ke Seting > Wi-Fi dan sentuh  bersebelahan rangkaian. Anda boleh setkan proksi HTTP, tentukan seting rangkaian statik, aktifkan BootP, atau memperbaharui seting yang disediakan oleh pelayan DHCP.

## Mengeset stesen pangkalan AirPort

Stesen pangkalan AirPort menyediakan sambungan Wi-Fi kepada rangkaian rumah anda, sekolah atau perniagaan kecil. Anda boleh menggunakan iPhone untuk menyediakan stesen pangkalan AirPort Express, AirPort Extreme atau Time Capsule yang baru.

**Gunakan Pembantu Persediaan AirPort:** Pergi ke Seting > Wi-Fi. Di bawah “Sediakan stesen pangkalan AirPort,” sentuh nama stesen pangkalan yang anda mahu sediakan. Kemudian ikuti arahan atas skrin.

Beberapa stesen pangkalan AirPort yang lama tidak boleh disediakan menggunakan peranti iOS. Untuk arahan penyediaan, lihat dokumentasi yang datang dengan stesen pangkalan.

Jika stesen pangkalan yang anda mahu sediakan tidak disenaraikan, pastikan ia mempunyai kuasa, bahawa anda dalam liputan dan ia belum lagi dikonfigurasi. Anda hanya boleh menyediakan stesen pangkalan yang baru atau telah direset.

Jika stesen pangkalan AirPort anda telah dikonfigurasi, aplikasi AirPort Utility dari App Store membolehkan anda menukar setingnya dan memantau statusnya pada iPhone.

## Pemberitahuan

Pemberitahuan Push muncul dalam Pusat Pemberitahuan dan memaklumkan anda mengenai maklumat baru, walaupun apabila aplikasi tidak berjalan. Pemberitahuan berbeza bergantung pada aplikasi, tetapi mungkin termasuk teks atau isyarat bunyi, dan lencana bernombor pada ikon aplikasi tersebut pada skrin Utama.

Anda boleh menyahaktifkan pemberitahuan jika anda tidak mahu dimaklumkan dan anda boleh menukar susunan pemberitahuan muncul.

**Aktifkan atau nyahaktifkan pemberitahuan:** Pergi ke Seting > Pemberitahuan. Sentuh item dalam senarai, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan pemberitahuan untuk item tersebut.


Aplikasi yang telah dinyahaktifkan pemberituannya akan dipaparkan dalam senarai “Tiada Dalam Pusat Pemberitahuan”.

<b>Tukar bilangan pemberitahuan</b>	Sentuh Seting > Pemberitahuan, kemudian pilih item dalam senarai Dalam Pusat Pemberitahuan. Sentuh Tunjukkan untuk mengeset bilangan pemberitahuan jenis ini yang muncul dalam Pusat Pemberitahuan.
<b>Tukar gaya isyarat</b>	Sentuh Seting > Pemberitahuan, kemudian pilih item dalam senarai Dalam Pusat Pemberitahuan. Pilih gaya isyarat, atau pilih Tiada untuk menyahaktifkan isyarat dan sepanduk. Pemberitahuan masih akan muncul dalam Pusat Pemberitahuan.
<b>Tukar susunan pemberitahuan</b>	Pergi ke Seting > Pemberitahuan, kemudian sentuh Edit. Seret pemberitahuan ke dalam susunan yang anda inginkan. Untuk menyahaktifkan pemberitahuan, seretnya ke senarai Tiada Dalam Pusat Pemberitahuan.
<b>Paparkan lencana bernombor pada aplikasi dengan pemberitahuan</b>	Sentuh Seting > Pemberitahuan, kemudian pilih item dari senarai Dalam Pusat Pemberitahuan dan aktifkan Ikon Aplikasi Lencana.
<b>Sembunyikan isyarat apabila iPhone dikunci</b>	Sentuh Seting > Pemberitahuan, kemudian pilih aplikasi dalam senarai Dalam Pusat Pemberitahuan. Nyahaktifkan "Lihat dalam Skrin Kunci" untuk menyembunyikan isyarat daripada aplikasi apabila iPhone dikunci.

Beberapa aplikasi mempunyai pilihan tambahan. Contohnya, Mesej membolehkan anda menentukan bilangan kali bunyi isyarat berulang dan sama ada pratonton mesej muncul dalam pemberitahuan.

## Perkhidmatan Lokasi

Perkhidmatan Lokasi membenarkan aplikasi seperti Peringatan, Peta, Kamera dan aplikasi berdasarkan lokasi pihak ketiga untuk mengumpul dan menggunakan data yang menunjukkan lokasi anda. Data lokasi yang dikumpulkan oleh Apple tidak dikumpul dalam bentuk yang mengenal pasti anda secara peribadi. Perkhidmatan Lokasi menggunakan maklumat yang tersedia daripada rangkaian data selular, rangkaian Wi-Fi tempatan (jika anda telah mengaktifkan Wi-Fi) dan GPS (mungkin tidak tersedia di semua kawasan). Untuk menjimatkan hayat bateri, nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi apabila anda tidak menggunakannya.

Apabila aplikasi menggunakan Perkhidmatan Lokasi,  muncul dalam bar menu.

Setiap aplikasi dan perkhidmatan sistem yang menggunakan Perkhidmatan Lokasi muncul pada skrin seting Perkhidmatan Lokasi, menunjukkan sama ada Perkhidmatan Lokasi diaktifkan atau dinyahaktifkan untuk aplikasi atau perkhidmatan tersebut. Jika anda tidak ingin menggunakan Perkhidmatan Lokasi, anda boleh menyahaktifkannya untuk beberapa atau semua aplikasi dan perkhidmatan. Jika anda menyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi, anda akan digesa untuk mengaktifkannya semula pada kali seterusnya aplikasi cuba menggunakan ciri ini.

Jika anda mempunyai aplikasi pihak ketiga pada iPhone yang menggunakan Perkhidmatan Lokasi, semak terma dan dasar privasi untuk setiap aplikasi bagi memahami cara ia menggunakan data lokasi anda.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi:** Pergi ke Seting > Perkhidmatan Lokasi.

## VPN

VPN yang digunakan dalam organisasi membenarkan anda menghantar maklumat peribadi secara selamat melalui rangkaian bukan peribadi. Anda mungkin perlu mengkonfigurasi VPN, contohnya, untuk mengakses e-mel kerja anda. Seting ini muncul apabila anda mempunyai VPN yang dikonfigurasi pada iPhone, membenarkan anda untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan VPN. Lihat "Rangkaian" pada halaman 177.

## Hotspot Peribadi

Anda boleh menggunakan Hotspot Peribadi (iPhone 4 atau lebih baru) untuk berkongsi sambungan Internet dengan komputer atau peranti lain—seperti iPod touch, iPad atau iPhone lain—disambungkan ke iPhone anda melalui Wi-Fi. Anda juga boleh menggunakan Hotspot Peribadi untuk berkongsi sambungan Internet dengan komputer yang disambungkan ke iPhone melalui Bluetooth atau USB. Hotspot Peribadi berfungsi hanya jika iPhone disambungkan kepada Internet melalui rangkaian data selular.


**Nota:** Ciri ini mungkin tidak tersedia di semua kawasan. Bayaran tambahan mungkin dikenakan. Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**Kongsi sambungan Internet:** Pergi ke *Seting* > *Umum* > *Rangkaian* dan sentuh *Sediakan Hotspot Peribadi*—jika ia muncul—untuk menyediakan perkhidmatan dengan pembawa anda.

Selepas anda mengaktifkan Hotspot Peribadi, peranti lain boleh bersambung dalam cara berikut:

- *Wi-Fi:* Pada peranti, pilih iPhone anda daripada senarai rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
- *USB:* Sambungkan komputer anda ke iPhone menggunakan Kabel Penyambung Dok ke USB. Dalam keutamaan Rangkaian komputer anda, pilih iPhone dan konfigurasi seting rangkaian.
- *Bluetooth:* Pada iPhone, pergi ke *Seting* > *Umum* > *Bluetooth* dan aktifkan Bluetooth. Untuk memasang dan menyambungkan iPhone ke peranti anda, rujuk pada dokumentasi yang datang dengan komputer anda.

Apabila peranti disambungkan, jalur biru muncul pada bahagian atas skrin iPhone. Hotspot Peribadi kekal aktif apabila anda bersambung dengan USB, walaupun jika anda tidak menggunakan sambungan Internet secara aktif.

**Nota:** Ikon Hotspot Peribadi  muncul dalam bar status peranti iOS yang menggunakan Hotspot Peribadi.

---

<b>Tukar kata laluan Wi-Fi untuk iPhone</b>	Pergi ke <i>Seting</i> > <i>Hotspot Peribadi</i> > <i>Kata Laluan Wi-Fi</i> , kemudian masukkan kata laluan dengan sekurang-kurangnya 8 aksara.
<b>Pantau penggunaan rangkaian data selular anda</b>	Pergi ke <i>Seting</i> > <i>Umum</i> > <i>Penggunaan</i> > <i>Penggunaan Selular</i> .

---

## Pembawa

Seting ini muncul pada rangkaian GSM apabila anda di luar rangkaian pembawa anda dan rangkaian data pembawa tempatan yang lain tersedia untuk digunakan bagi panggilan telefon, mel suara visual dan sambungan Internet rangkaian selular anda. Anda hanya boleh membuat panggilan pada pembawa yang mempunyai perjanjian perayauan dengan pembawa anda. Bayaran tambahan mungkin dikenakan. Caj perayauan mungkin dibilkan kepada anda oleh pembawa lain, menerusi pembawa anda.

**Pilih pembawa:** Pergi ke *Seting* > *Pembawa* dan pilih rangkaian yang anda mahu gunakan.

Setelah anda memilih rangkaian, iPhone hanya menggunakan rangkaian tersebut. Jika rangkaian tidak tersedia, "Tiada perkhidmatan" muncul pada iPhone.

## Bunyi dan suis Dering/Senyap

Anda boleh setkan iPhone untuk memainkan bunyi pada bila-bila masa anda mendapat mesej, e-mel, panggilan, Tweet, mel suara atau peringatan baru. Bunyi juga boleh dimainkan untuk janji temu, menghantar e-mel, klik papan kekunci dan apabila anda mengunci iPhone.

Apabila disetkan ke senyap, iPhone tidak memainkan deringan, isyarat atau kesan bunyi. Walau bagaimanapun, ia akan memainkan penggera Jam dan bunyi lain.

**Bertukar antara mod dering dan senyap:** Petik suis Dering/Senyap di sisi iPhone.

**Nota:** Di sesetengah kawasan, kesan bunyi untuk Kamera dan Memo Suara dimainkan walaupun suis Dering/Senyap disetkan ke senyap.

---

Setkan sama ada iPhone bergetar apabila anda mendapat panggilan	Pergi ke Seting > Bunyi.
Laraskan kelantangan pendering dan isyarat	Pergi ke Seting > Bunyi dan seret gelangсар. Atau, jika "Tukar dengan Butang" diaktifkan, gunakan butang kelantangan di sisi iPhone.
Tukar kelantangan bunyi lain	Gunakan butang kelantangan di sisi iPhone.
Setkan nada dering	Pergi ke Seting > Bunyi > Nada Dering.
Setkan bunyi pendering dan isyarat	Pergi ke Seting > Bunyi dan pilih nada untuk item dalam senarai.

---

## Kecerahan

Kecerahan skrin mempengaruhi hayat bateri. Malapkan skrin untuk melanjutkan masa sebelum anda perlu mengecas iPhone, atau gunakan Kecerahan Auto.

**Laraskan kecerahan skrin:** Pergi ke Seting > Kecerahan dan seret gelangсар.

---

Setkan sama ada iPhone melaraskan skrin secara automatik	Pergi ke Seting > Kecerahan dan aktifkan atau nyahaktifkan Kecerahan Auto. Jika Kecerahan Auto aktif, iPhone melaraskan kecerahan skrin untuk keadaan cahaya semasa menggunakan sensor lampu ambien.
--	--

---

## Hias Latar

Seting Hias Latar membenarkan anda mengeset imej atau foto sebagai hias latar untuk skrin Kunci atau skrin Utama. Lihat "Menambah hias latar" pada halaman 24.

## Umum

Seting umum termasuk seting rangkaian, perkongsian, keselamatan, dan seting iOS lain. Anda juga boleh mencari maklumat mengenai iPhone anda dan mereset pelbagai seting iPhone.

## Perihal

Pergi ke Seting > Umum > Perihal untuk mendapatkan maklumat mengenai iPhone, termasuk ruang storan yang tersedia, nombor siri, alamat rangkaian, IMEI (Identiti Peralatan Mudah Alih Antarabangsa) dan ICCID (Pengenal pasti Kad Litar Bersepadu, atau Kad Pintar) (GSM), MEID (Pengenal pasti Kelengkapan Mudah Alih) (CDMA) dan maklumat undang-undang dan kawal selia.

**Tukar nama peranti:** Pergi ke Seting > Umum > Perihal, kemudian sentuh Nama.

Nama peranti muncul dalam bar sisi apabila ia disambungkan kepada iTunes dan ia digunakan oleh iCloud.

## Kemas Kini Perisian

Kemas Kini Perisian membolehkan anda memuat turun kemas kinian iOS daripada Apple.

**Kemas kini ke versi terkini iOS:** Pergi ke Seting > Umum > Kemas Kini Perisian.

Jika versi iOS yang lebih baru tersedia, ikuti arahan atas skrin untuk memuat turun dan memasang kemas kinian.

**Nota:** Pastikan iPhone disambungkan kepada sumber kuasa agar pemasangan, yang boleh mengambil masa beberapa minit, berjaya dilengkapkan.

## Penggunaan

Penggunaan membolehkan anda melihat penggunaan selular anda, status bateri dan storan yang tersedia. Anda juga boleh melihat dan mengurus storan iCloud.

**Lihat penggunaan selular anda, status bateri dan storan yang tersedia:** Pergi ke Seting > Umum > Penggunaan.

Lihat penggunaan selular anda	Pergi ke Seting > Umum > Penggunaan > Penggunaan Selular.
Urus storan iCloud	Pergi ke Seting > Umum > Penggunaan > Urus Storan. Anda boleh melihat dan memadam sandaran dan menyahaktifkan sandaran untuk Jalur Filem anda. Anda juga boleh membeli storan iCloud tambahan. Untuk mendapatkan maklumat, lihat “iCloud” pada halaman 17.
Lihat storan aplikasi	Pergi ke Seting > Umum > Penggunaan. Jumlah keseluruhan storan bagi setiap aplikasi yang dipasang ditunjukkan. Untuk mendapatkan butiran tambahan, sentuh nama aplikasi.
Reset statistik penggunaan anda	Sentuh Seting > Umum > Penggunaan > Penggunaan Selular, kemudian sentuh Reset Statistik untuk mengosongkan data dan statistik masa terkumpul.
Tunjukkan peratusan bateri	Pergi ke Seting > Umum > Penggunaan dan aktifkan Peratusan Bateri.

## Siri


**Dayakan Siri:** Pergi ke Seting > Umum > Siri.


Untuk mendapatkan maklumat mengenai menggunakan Siri dan menukar seting Siri, lihat “Mengeset pilihan untuk Siri” pada halaman 43.

## Rangkaian

Gunakan seting Rangkaian untuk mengkonfigurasi sambungan VPN (rangkaian peribadi maya), akses seting Wi-Fi, atau aktifkan atau nyahaktifkan Perayauan Data.

Apabila aplikasi perlu menggunakan Internet, iPhone melakukan yang berikut, mengikut urutan, sehingga disambung:

- Menyambung kepada rangkaian Wi-Fi tersedia yang terbaru digunakan .
- Menunjukkan senarai rangkaian Wi-Fi dalam julat liputan dan bersambung menggunakan yang anda pilih.
- Bersambung melalui rangkaian data selular, jika tersedia.

Jika iPhone disambungkan kepada Internet melalui rangkaian data selular, ikon **4G**, **3G**, **E**, atau  muncul dalam bar status.

Rangkaian selular 4G dan 3G GSM menyokong komunikasi suara dan data serentak. Untuk semua sambungan selular yang lain, anda tidak boleh menggunakan perkhidmatan Internet apabila anda bercakap telefon melainkan iPhone turut mempunyai sambungan Wi-Fi kepada Internet. Bergantung pada sambungan rangkaian, anda mungkin tidak dapat menerima panggilan semasa iPhone memindahkan data melalui rangkaian selular—contohnya, apabila memuat turun halaman web.

*Rangkaian GSM:* Pada sambungan EDGE atau GPRS, panggilan masuk mungkin akan masuk terus ke panggilan suara semasa pemindahan data. Untuk panggilan masuk yang anda jawab, pemindahan data dijeda.

*CDMA:* Pada sambungan EV-DO, pemindahan data dijeda apabila anda menjawab panggilan masuk. Pada sambungan 1xRTT, panggilan masuk mungkin akan masuk terus ke mel suara semasa pemindahan data. Untuk panggilan masuk yang anda jawab, pemindahan data dijeda.

Pemindahan data diteruskan apabila anda menamatkan panggilan.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Data Selular:** Pergi ke *Seting > Umum > Rangkaian*, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan Data Selular.

Jika Data Selular dinyahaktifkan, semua perkhidmatan data hanya akan menggunakan Wi-Fi—termasuk e-mel, semak imbas web, pemberitahuan push dan perkhidmatan lain. Jika Data Selular diaktifkan, caj pembawa mungkin dikenakan. Contohnya, ciri dan perkhidmatan tertentu seperti Siri dan Mesej memindahkan data dan penggunaan ciri dan perkhidmatan ini oleh anda boleh memberi kesan terhadap pelan data anda.

<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Perayauan Suara (CDMA)</b>	Pergi ke <i>Seting &gt; Umum &gt; Rangkaian</i> . Nyahaktifkan Perayauan Suara untuk mengelakkan caj daripada menggunakan rangkaian pembawa. Apabila rangkaian pembawa anda tidak tersedia, iPhone tidak akan mempunyai perkhidmatan selular (data atau suara).
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Perayauan Data</b>	Pergi ke <i>Seting &gt; Umum &gt; Rangkaian</i> . Perayauan Data membenarkan akses Internet melalui rangkaian data selular apabila anda berada dalam kawasan yang tidak diliputi oleh rangkaian pembawa anda. Apabila anda dalam perjalanan, anda boleh menyahaktifkan Perayauan Data untuk mengelakkan daripada dikenakan caj perayauan. Lihat “Pembawa” pada halaman 175.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan 3G</b>	Pergi ke <i>Seting &gt; Umum &gt; Rangkaian</i> . Bantuan Antarabangsa tidak tersedia di semula kawasan. Penggunaan 3G memuatkan data Internet lebih laju dalam sesetengah keadaan, tetapi mungkin mengurangkan prestasi bateri. Jika anda membuat banyak panggilan telefon, anda mungkin mahu menyahaktifkan 3G untuk memanjangkan hayat bateri.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Hotspot Peribadi</b>	Pergi ke <i>Seting &gt; Umum &gt; Rangkaian &gt; Hotspot Peribadi</i> . Lihat “Hotspot Peribadi” pada halaman 175.
<b>Tambah konfigurasi VPN baru</b>	Pergi ke <i>Seting &gt; Umum &gt; Rangkaian &gt; VPN &gt; Tambah Konfigurasi VPN</i> . Tanya pentadbir rangkaian anda mengenai seting yang perlu digunakan. Dalam kebanyakan kes, jika anda sediakan VPN pada komputer anda, anda boleh menggunakan seting VPN yang sama untuk iPhone. Lihat “VPN” pada halaman 174.

## Bluetooth

iPhone boleh bersambung secara wayarles kepada peranti Bluetooth seperti headset, fon kepala dan kit kereta untuk mendengar muzik dan perbualan bebas tangan. Anda juga boleh menyambungkan Papan Kekunci Wayarles Apple dengan Bluetooth. Lihat “Menggunakan Papan Kekunci Wayarles Apple” pada halaman 28.

**Aktifkan atau nyahaktifkan Bluetooth:** Pergi ke *Seting > Umum > Bluetooth* dan aktifkan atau nyahaktifkan Bluetooth.

<b>Sambung ke peranti Bluetooth</b>	Sentuh peranti dalam senarai Peranti, kemudian ikuti arahan atas skrin untuk bersambung kepadanya. Lihat dokumentasi yang datang bersama peranti untuk arahan mengenai perpasangan Bluetooth.
-------------------------------------	---

## Penyelarasan Wi-Fi iTunes

Anda boleh selaraskan iPhone dengan iTunes pada komputer yang disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi yang sama.

**Dayakan Penyelarasan Wi-Fi iTunes:** Untuk menyediakan penyelarasan Wi-Fi buat kali pertama, sambungkan iPhone ke komputer yang anda mahu selaraskan. Untuk arahan lihat “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18.

Selepas anda mengkonfigurasi Penyelarasan Wi-Fi, iPhone menyelaraskan dengan iTunes secara automatik, sekali sehari, apabila ia disambungkan kepada sumber kuasa dan:

- iPhone dan komputer anda kedua-duanya disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi yang sama.
- iTunes pada komputer anda sedang berjalan.

---

**Lihat tarikh dan masa penyelarasan terakhir** Pergi ke Seting > Umum > Penyelarasan Wi-Fi iTunes.

---

**Selaraskan dengan segera dengan iTunes** Pergi ke Seting > Umum > Penyelarasan Wi-Fi iTunes, kemudian sentuh Selaraskan Sekarang.


---

## Carian Spotlight

Seting Carian Spotlight membolehkan anda menentukan bidang kandungan yang dicari oleh Cari, dan menyusun semula susunan hasil.

**Setkan bidang kandungan yang dicari oleh Cari:** Pergi ke Seting > Umum > Carian Spotlight, kemudian pilih item untuk dicari.

---

**Setkan susunan kategori hasil carian** Pergi ke Seting > Umum > Carian Spotlight. Sentuh  bersebelahan item, kemudian seret ke atas atau bawah.

---

## Kunci Auto

Mengunci iPhone mematikan paparan agar anda dapat menjimatkan bateri dan mengelakkan operasi tidak diingini bagi iPhone. Anda masih boleh menerima panggilan dan mesej teks dan anda boleh melaraskan kelantangan dan menggunakan butang mikrofon pada fon kepala iPhone semasa mendengar muzik atau dalam panggilan.

**Setkan jumlah masa sebelum iPhone dikunci:** Pergi ke Seting > Umum > Kunci Auto, kemudian pilih masa.

## Kunci Kod Laluan

Secara lalai, iPhone tidak memerlukan anda untuk memasukkan kod laluan bagi membukanya.

**Setkan kod laluan:** Dalam Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan setkan kod laluan 4 digit.

Jika anda terlupa kod laluan, anda mesti memulihkan perisian iPhone. Lihat “Mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone” pada halaman 190.

---

**Nyahaktifkan kunci kod laluan atau tukar kod laluan anda** Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan.

---

**Setkan tempoh masa sebelum kod laluan anda ditanya** Dalam Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan masukkan kod laluan anda. Sentuh Perlu Kod Laluan, kemudian pilih selama mana iPhone akan menunggu selepas dikunci sebelum ia memerlukan kod laluan untuk dibuka kunci semula.

---

**Aktifkan atau nyahaktifkan Kod Laluan Mudah** Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan. Kod laluan mudah ialah nombor empat digit. Untuk meningkatkan keselamatan, nyahaktifkan Kod Laluan Mudah dan gunakan kod laluan yang lebih panjang dengan kombinasi nombor, huruf, tanda baca, dan aksara khas.

---

<b>Halang akses ke Siri apabila iPhone dikunci.</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan > Siri. Lihat “Mengeset pilihan untuk Siri” pada halaman 43.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Dail Suara</b>	Pergi ke Seting > Umum > Kunci Kod Laluan. Menyahaktifkan Dail Suara menghalang seseorang daripada membuat panggilan apabila iPhone dikunci. Seting ini tersedia hanya apabila Siri dinyahaktifkan. Untuk mendapatkan maklumat mendail menggunakan Siri, lihat “Telefon” pada halaman 45.
<b>Padam data selepas sepuluh percubaan kod laluan yang gagal</b>	Dalam Seting > Umum > Kunci Kod Laluan dan sentuh Padam Data. Selepas sepuluh percubaan kod laluan yang gagal, semua seting akan direset, dan semua maklumat dan media anda dipadam dengan mengeluarkan kunci enkripsi data tersebut (yang dienkripsi menggunakan enkripsi AES 256-bit).


## Sekatan

Anda boleh setkan sekatan untuk beberapa aplikasi dan untuk kandungan yang dibeli. Contohnya, ibu bapa boleh menyekat muzik eksplisit daripada dilihat pada senarai main, atau nyahaktifkan akses YouTube sepenuhnya.

**Aktifkan sekatan:** Pergi ke Seting > Umum > Sekatan, kemudian sentuh Dayakan Sekatan.

**Penting:** Jika anda terlupa kod laluan, anda mesti memulihkan perisian iPhone. Lihat “Mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone” pada halaman 190.

Anda boleh setkan sekatan berikut:

<b>Safari</b>	Safari dinyahdayakan dan ikonnya dikeluarkan daripada skrin Utama. Anda tidak boleh menggunakan Safari bagi menyemak imbas web atau mengakses klip web.
<b>YouTube</b>	YouTube dinyahdayakan dan ikonnya dikeluarkan daripada skrin Utama.
<b>Kamera</b>	Kamera dinyahdayakan dan ikonnya dikeluarkan daripada skrin Utama. Anda tidak boleh mengambil foto.
<b>FaceTime</b>	Anda tidak boleh membuat atau menerima panggilan video FaceTime.
<b>iTunes</b>	iTunes Store dinyahdayakan dan ikonnya dikeluarkan daripada skrin Utama. Anda tidak boleh melihat, membeli, atau memuat turun kandungan.
<b>Ping</b>	Anda tidak boleh mengakses Ping atau mana-mana cirinya.
<b>Memasang Aplikasi</b>	App Store dinyahdayakan dan ikonnya dikeluarkan daripada skrin Utama. Anda tidak boleh memasang aplikasi pada iPhone.
<b>Memadam Aplikasi</b>	Anda tidak boleh memadam aplikasi pada iPhone.  tidak muncul pada ikon aplikasi apabila anda menyesuaikan skrin Utama.
<b>Siri</b>	Anda tidak boleh menggunakan Siri. Arahan suara dan perencanaan dinyahdayakan.
<b>Bahasa Eksplisit</b>	Siri cuba menggantikan perkataan esplisit yang anda sebutkan dengan menggantikannya dengan asterisk dan bunyi bip.
<b>Lokasi</b>	Nyahaktifkan Perkhidmatan Lokasi untuk aplikasi individu. Anda juga boleh mengunci Perkhidmatan Lokasi supaya perubahan kepada seting tidak dapat dibuat, termasuk membenarkan aplikasi tambahan untuk menggunakan perkhidmatan.
<b>Akaun</b>	Seting Mail, Kenalan, Kalendar semasa dikunci. Anda tidak boleh menambah, mengubah suai atau memadamkan akaun. Anda juga tidak boleh mengubah suai seting iCloud.
<b>Pembelian Dalam Aplikasi</b>	Nyahaktifkan Pembelian Dalam Aplikasi. Apabila didayakan, ciri ini membenarkan anda membeli kandungan atau fungsi tambahan di dalam aplikasi yang anda muat turun daripada App Store.



<b>Perlukan Kata Laluan</b>	Memerlukan anda memasukkan Apple ID anda untuk pembelian dalam aplikasi selepas tempoh masa yang anda tentukan.
<b>Setkan sekatan kandungan</b>	Sentuh Rating Untuk, kemudian pilih negara daripada senarai. Anda boleh setkan sekatan menggunakan sistem rating negara untuk muzik, podcast, filem, rancangan TV dan aplikasi. Kandungan yang tidak mencapai rating yang anda pilih tidak akan muncul pada iPhone.
<b>Permainan Berbilang Pemain</b>	Apabila Permainan Berbilang Pemain tidak aktif, anda tidak boleh meminta padanan, menghantar atau menerima jemputan untuk bermain permainan, atau menambah rakan dalam Game Center.
<b>Menambah Rakan</b>	Apabila Penambahan Rakan dinyahaktifkan, anda tidak boleh membuat atau menerima permintaan rakan dalam Game Center. Jika Permainan Berbilang Pemain diaktifkan, anda boleh terus bermain dengan rakan sedia ada.

## Tarikh & Masa

Seting ini mempengaruhi masa yang dipaparkan dalam bar status di bahagian atas skrin dan dalam jam dunia dan kalendar.

**Setkan sama ada iPhone menunjukkan waktu 24-jam atau 12-jam:** Pergi ke Seting > Umum > Tarikh & Masa, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan Waktu 24 Jam. (Waktu 24 Jam mungkin tidak tersedia di semua kawasan.)

<b>Setkan sama ada iPhone mengemas kini tarikh dan masa secara automatik</b>	Pergi ke Seting > Umum > Tarikh & Masa, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan Set Secara Automatik. Jika iPhone disetkan untuk mengemas kini masa secara automatik, ia mendapat waktu yang betul melalui rangkaian selular dan mengemaskininya untuk zon waktu yang anda berada. Sesetengah pembawa tidak menyokong masa rangkaian di semua kawasan. Jika anda dalam perjalanan, iPhone mungkin tidak dapat mengeset masa tempatan secara automatik.
<b>Setkan tarikh dan masa secara manual</b>	Pergi ke Seting > Umum > Tarikh & Masa, kemudian nyahaktifkan Set Secara Automatik. Sentuh Zon Waktu untuk mengeset zon waktu anda. Sentuh butang Tarikh & Masa, kemudian sentuh Set Tarikh & Masa dan masukkan tarikh dan masa.

## Papan Kekunci

Anda boleh mengaktifkan papan kekunci untuk menulis dalam bahasa berlainan dan anda boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan ciri menaip, seperti semakan ejaan. Untuk mendapatkan maklumat mengenai papan kekunci, lihat “Menaip” pada halaman 25.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai papan kekunci antarabangsa, lihat Lampiran A, “Papan Kekunci Antarabangsa,” pada halaman 184.

## Antarabangsa

Gunakan seting Antarabangsa untuk mengeset bahasa untuk iPhone, aktifkan atau nyahaktifkan papan kekunci untuk bahasa berlainan dan setkan format tarikh, masa dan nombor telefon untuk kawasan anda.

**Setkan bahasa untuk iPhone:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Bahasa.

Setkan format kalendar	Pergi ke Umum > Antarabangsa > Kalendar, kemudian pilih format.
Setkan bahasa untuk Siri dan Kawalan Suara	Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Kawalan Suara, kemudian pilih bahasa.
Setkan format tarikh, masa dan nombor telefon	Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Format Rantau, kemudian pilih rantau anda. Format Rantau juga menentukan bahasa yang digunakan untuk hari dan bulan yang muncul dalam aplikasi.

## Kebolehcapaian

Untuk mengaktifkan ciri kebolehcapaian, pilih Kebolehcapaian dan pilih ciri yang anda inginkan. Lihat Bab 31, "Kebolehcapaian," pada halaman 154.

## Profil

Seting ini muncul jika anda memasang satu atau lebih profil pada iPhone. Sentuh Profil untuk melihat maklumat mengenai profil yang anda pasang.

## Reset

Anda boleh mereset kamus perkataan, seting rangkaian, reka letak skrin utama dan amaran lokasi. Anda juga boleh memadam semua kandungan dan seting anda.

**Padam semua kandungan dan seting:** Pergi ke Seting > Umum > Reset, kemudian sentuh Padam Semua Kandungan dan Seting.

Selepas mengesahkan bahawa anda mahu mereset iPhone, semua kandungan, maklumat anda dan seting dikeluarkan. iPhone tidak boleh digunakan sehingga ia disediakan sekali lagi.

Reset seting rangkaian	Pergi ke Seting > Umum > Reset dan sentuh Reset Semua Seting. Semua keutamaan dan seting anda akan direset.
Reset seting rangkaian	Pergi ke Seting > Umum > Reset dan sentuh Reset Seting Rangkaian. Apabila anda mereset seting rangkaian, senarai rangkaian yang anda gunakan sebelumnya dan seting VPN yang tidak dipasang oleh profil konfigurasi akan dikeluarkan. Wi-Fi dinyahaktifkan dan kemudian diaktifkan semula, memutuskan sambungan anda daripada sebarang rangkaian. Seting Wi-Fi dan "Tanya untuk Menyertai Rangkaian" kekal aktif. Untuk mengeluarkan seting VPN yang dipasang oleh profil konfigurasi, pergi ke Seting > Umum > Profil, kemudian pilih profil dan sentuh Keluarkan. Ini juga mengeluarkan seting atau akaun lain yang disediakan oleh profil.
Reset kamus papan kekunci	Pergi ke Seting > Umum > Reset dan sentuh Reset Kamus Papan Kekunci. Anda tambah perkataan ke kamus papan kekunci dengan menolak perkataan yang dicadangkan iPhone sambil anda menaip. Sentuh perkataan bagi menolak pembedaan dan tambah perkataan ke kamus papan kekunci. Mereset kamus papan kekunci memadam semua perkataan yang telah anda tambah.
Reset reka letak skrin Utama	Pergi ke Seting > Umum > Reset dan sentuh Reset Reka Letak Skrin Utama.
Reset amaran lokasi	Pergi ke Seting > Umum > Reset dan sentuh Reset Amaran Lokasi. Amaran lokasi adalah permintaan yang dibuat oleh aplikasi untuk menggunakan Perkhidmatan Lokasi. iPhone memaparkan amaran lokasi untuk aplikasi pada kali pertama aplikasi membuat permintaan untuk menggunakan Perkhidmatan Lokasi. Jika anda sentuh Batal dalam respons, permintaan tersebut tidak akan dipaparkan lagi. Untuk mereset amaran lokasi agar anda mendapat permintaan untuk setiap aplikasi, sentuh Reset Amaran Lokasi.

## Seting untuk aplikasi

Lihat bab lain untuk maklumat mengenai seting bagi aplikasi. Contohnya, untuk seting Safari, rujuk kepada Bab 7, "Safari," pada halaman 77.


# Papan Kekunci Antarabangsa


Papan kekunci antarabangsa membolehkan anda menaip teks dalam berbilang bahasa berlainan, termasuk bahasa Asia dan bahasa yang ditulis dari kanan ke kiri.

## Menambah dan mengeluarkan papan kekunci

Untuk menaip dalam bahasa berlainan pada iPhone, anda menggunakan papan kekunci berlainan. Secara lalai, hanya papan kekunci untuk bahasa yang telah anda setkan tersedia. Untuk menjadikan papan kekunci tersedia untuk bahasa lain, gunakan seting Papan Kekunci. Untuk senarai papan kekunci iPhone yang disokong, pergi ke [www.apple.com/iphone/specs.html](http://www.apple.com/iphone/specs.html).



**Tambah papan kekunci:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa, sentuh Papan Kekunci, kemudian pilih papan kekunci dari senarai. Ulang untuk menambah lagi papan kekunci.



**Keluarkan papan kekunci:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Papan Kekunci, kemudian sentuh Edit. Sentuh  bersebelahan papan kekunci yang anda mahu keluarkan, kemudian sentuh Padam.

**Edit senarai papan kekunci anda:** Pergi ke Seting > Umum > Antarabangsa > Papan Kekunci. Sentuh Edit, kemudian seret  bersebelahan papan kekunci untuk memindahkannya ke tempat baru dalam senarai.

## Bertukar papan kekunci

Untuk memasukkan teks dalam bahasa berlainan, tukar papan kekunci.

**Tukar papan kekunci semasa menaip:** Sentuh dan tahan kekunci Glob  untuk memaparkan semua papan kekunci yang didayakan. Untuk memilih papan kekunci, luncurkan jari anda ke nama papan kekunci, kemudian lepaskan jari. Kekunci Glob  muncul apabila anda mendayakan lebih daripada satu papan kekunci.

Anda juga boleh menyentuh . Apabila anda menyentuh , nama papan kekunci yang baru diaktifkan akan muncul seketika. Teruslah menyentuh untuk mengakses papan kekunci didayakan yang lain.

Kebanyakan papan kekunci menyediakan huruf, nombor dan simbol yang tiada kelihatan pada papan kekunci

**Masukkan huruf beraksen atau aksara alternatif yang lain:** Sentuh dan tahan huruf, nombor, atau simbol yang berkaitan, kemudian luncurkan untuk memilih variasinya. Pada papan kekunci Bahasa Thai, contohnya, anda boleh memilih nombor asli dengan menyentuh dan menahan nombor Arab yang sepadan.

## Bahasa Cina

Anda boleh menggunakan papan kekunci untuk menaip Bahasa Cina melalui beberapa cara berlainan, termasuk Pinyin, Cangjie, Wubi Hua dan Zhuyin. Anda juga boleh menggunakan jari anda untuk menulis aksara Bahasa Cina pada skrin.

## Menaip menggunakan Pinyin

Gunakan papan kekunci QWERTY untuk menaip Pinyin Ringkas atau Tradisional. Semasa anda menaip, aksara yang dicadangkan akan muncul. Sentuh cadangan untuk memilihnya, atau teruskan menaip untuk melihat lebih banyak pilihan.

Jika anda terus memasukkan Pinyin tanpa ruang, cadangan ayat akan muncul.

## Menaip menggunakan Cangjie

Bina aksara Bahasa Cina daripada kekunci komponen Cangjie. Semasa anda menaip, aksara yang dicadangkan akan muncul. Sentuh aksara untuk memilihnya, atau teruskan menaip sehingga lima komponen untuk melihat lebih banyak pilihan aksara.

## Menaip menggunakan Goresan (Wubihua)

Gunakan papan kekunci untuk membina aksara Cina menggunakan sehingga lima goresan dalam urutan tulisan yang betul: mendatar, menegak, kiri jatuh, kanan jatuh dan cangkuk. Contohnya, aksara Cina 中 (bulatan) hendaklah bermula dengan goresan menegak | .

Semasa anda menaip, aksara cadangan muncul, dengan aksara paling lazim digunakan muncul dahulu. Sentuh aksara untuk memilihnya.

Jika anda tidak pasti mengenai goresan yang betul, taipkan asterisk (\*). Untuk melihat lagi pilihan aksara, taipkan goresan lain, atauatal menerusi senarai aksara.

Sentuh kekunci padanan (𠄎𠄎) untuk hanya menunjukkan aksara yang betul-betul sepadan dengan apa yang anda taip.


## Menaip menggunakan Zhuyin

Gunakan papan kekunci untuk memasukkan huruf Zhuyin. Semasa anda menaip, aksara Cina yang dicadangkan akan muncul. Sentuh cadangan untuk menggunakannya, atau teruskan memasukkan Zhuyin bagi melihat lebih banyak pilihan. Selepas anda menaip huruf permulaan, papan kekunci bertukar untuk menunjukkan lebih banyak huruf.

Jika anda terus menaip Zhuyin tanpa ruang, cadangan ayat akan muncul.

## Melukis aksara Cina

Apabila format tulisan tangan Cina Ringkas atau Tradisional diaktifkan, anda boleh melukis atau menulis aksara Cina terus pada skrin dengan jari anda. Sambil anda menulis goresan aksara, iPhone mengecamnya dan menunjukkan aksara yang sepadan dalam senarai, dengan padanan terdekat di bahagian atas. Apabila anda memilih aksara, aksara berikutnya yang berkemungkinan akan muncul dalam senarai sebagai pilihan tambahan.



Beberapa aksara kompleks, seperti 鱧 (sebahagian nama untuk Lapangan Terang Antarabangsa Hong Kong), 韃 (lif) dan 㗎 (partikel digunakan dalam Kantonis), boleh ditaipkan dengan menulis dua atau lagi aksara komponen mengikut urutan. Sentuh aksara untuk menggantikan aksara yang anda taipkan.

Aksara Roman turut dikenali.

### Bertukar antara Cina Ringkas dan Tradisional

Pilih aksara yang anda mahu tukar, kemudian sentuh Ganti. Lihat “Mengedit teks” pada halaman 27. Anda boleh menaip keseluruhan frasa atau ayat sebelum menukar.

### Bahasa Jepun

Anda boleh memasukkan Bahasa Jepun menggunakan papan kekunci Romaji atau Kana. Anda juga boleh menaip tanda muka.

#### Menaip Kana Jepun

Gunakan pad kekunci Kana untuk memilih suku kata. Untuk lebih banyak pilihan suku kata, sentuh kekunci anak panah dan pilih suku kata atau perkataan lain daripada tettingkap.

#### Menaip romaji Jepun

Gunakan papan kekunci Romaji untuk menaip suku kata. Pilihan alternatif muncul sepanjang bahagian atas papan kekunci, sentuh satu untuk menaipnya. Untuk lebih banyak pilihan suku kata, sentuh kekunci anak panah dan pilih suku kata atau perkataan lain daripada tettingkap.

#### Menaip tanda muka atau emotikon

Menggunakan papan kekunci Kana Jepun, sentuh kekunci ^\_^.

Menggunakan papan kekunci Romaji Jepun (QWERTY-tata letak Jepun), sentuh kekunci Nombor **123**, kemudian sentuh kekunci ^\_^.

Menggunakan papan kekunci Pinyin (Ringkas atau Tradisional) atau Zhuyin (Tradisional) Cina, sentuh kekunci Simbol **#+=**, kemudian sentuh kekunci ^\_^.

#### Menaip aksara emoji

Gunakan papan kekunci Emoji untuk menambah aksara gambar. Anda juga boleh menaip aksara emoji menggunakan papan kekunci Jepun. Contohnya, taipkan はーと untuk mendapatkan ❤️.

### Menggunakan senarai calon

Sambil anda menaip pada papan kekunci Cina, Jepun atau Arab, aksara yang dicadangkan atau calon aksara muncul di bahagian atas papan kekunci. Sentuh calon untuk memasukkannya, atau kusi ke kiri untuk melihat lagi calon.

**Gunakan senarai calon dilanjutkan:** Sentuh anak panah ke atas di sebelah kanan untuk melihat senarai calon penuh. Kuis ke atas atau ke bawah untuk menskrol menerusi senarai. Sentuh anak panah ke bawah untuk kembali ke senarai pendek.

## Menggunakan pintasan

Apabila menggunakan papan kekunci Cina atau Jepun tertentu, anda boleh membuat pintasan untuk perkataan dan pasangan input. Pintasan ditambah kepada kamus peribadi anda. Apabila anda menaip pintasan menggunakan papan kekunci yang disokong, perkataan atau pasangan input yang berkaitan digantikan dengan pintasan. Pintasan tersedia untuk papan kekunci yang berikut:

- Cina - Ringkas (Pinyin)
- Cina - Tradisional (Pinyin)
- Cina - Tradisional (Zhuyin)
- Jepun (Romaji)
- Jepun (Kana)

**Aktifkan atau nyahaktifkan pintasan:** Pergi ke **Seting > Umum > Papan Kekunci > Pintasan**.

## Bahasa Vietnam

Sentuh dan tahan aksara untuk melihat tanda diakritik yang tersedia, kemudian luncur untuk memilih yang anda inginkan.

Anda juga boleh menaip jujukan kekunci yang berikut untuk memasukkan aksara dengan tanda diakritik:

- aa—â (a circumflex)
- aw—ă (a caron)
- as—á (a acute)
- af—à (a grave)
- ar—ă (a question mark)
- ax—ã (a rising accent)
- aj—ạ (a drop tone)
- dd—đ (d dash)
- ee—ê (e circumflex)
- oo—ô (o circumflex)
- ow—ơ (o hook)
- w—ư (u hook)

## Tapak Sokongan iPhone

Maklumat sokongan menyeluruh tersedia dalam talian di [www.apple.com/my/support/iphone/](http://www.apple.com/my/support/iphone/). Anda juga boleh menggunakan Express Lane untuk sokongan yang diperibadikan (tidak tersedia di semua kawasan). Pergi ke [expresslane.apple.com](http://expresslane.apple.com).

## Memulakan semula atau mereset iPhone

Jika sesuatu tidak berfungsi dengan betul, cuba mulakan semula iPhone, memaksa aplikasi untuk ditutup, atau mereset iPhone.

**Mulakan semula iPhone:** Tahan butang Hidup/Mati sehingga gelangsar merah muncul. Luncurkan jari anda merentasi gelangsar untuk mematikan iPhone. Untuk menghidupkan semula iPhone, tahan butang Hidup/Mati sehingga logo Apple muncul.

**Henti paksa aplikasi untuk menutup:** Tahan butang Hidup/Mati selama beberapa saat sehingga gelangsar merah muncul, kemudian tahan butang Utama  sehingga aplikasi ditutup.

Anda juga boleh mengeluarkan aplikasi daripada senarai terbaru untuk memaksanya ditutup. Lihat "Membuka dan menukar aplikasi" pada halaman 20.

Jika anda tidak dapat mematikan iPhone atau jika masalah berterusan, anda mungkin perlu mereset iPhone. Reset hanya perlu dilakukan jika mematikan dan menghidupkan iPhone tidak menyelesaikan masalah.

**Reset iPhone:** Tahan butang Hidup/Mati dan butang Utama  pada masa yang sama selama sekurang-kurangnya sepuluh saat, sehingga logo Apple muncul.

## Menyandarkan iPhone

Anda boleh menggunakan iCloud atau iTunes untuk menyandarkan iPhone secara automatik. Jika anda memilih untuk menyandarkan secara automatik menggunakan iCloud, anda tidak boleh menyandarkan secara automatik ke komputer menggunakan iTunes, tetapi anda boleh menggunakan iTunes untuk menyandarkan secara manual ke komputer anda.

## Menyandarkan dengan iCloud

iCloud menyandarkan ke iPhone secara automatik setiap hari melalui Wi-Fi apabila ia disambungkan kepada sumber kuasa dan dikunci. Tarikh dan masa bagi sandaran terakhir disenaraikan di bahagian bawah skrin Storan & Sandaran. iCloud menyandarkan:

- Muzik, rancangan TV, aplikasi dan buku yang dibeli
- Foto dan video dalam Jalur Filem anda
- Seting iPhone
- Data Aplikasi
- Skrin Utama dan aturan aplikasi
- Mesej (iMessage, SMS dan MMS)



- Nada dering

**Nota:** Muzik yang dibeli tidak disandarkan dalam semua kawasan dan rancangan TV tidak tersedia di semua kawasan.

Jika anda tidak mendayakan sandaran iCloud apabila anda mula-mula menyediakan iPhone, anda boleh mengaktifkannya dalam seting iCloud.

<b>Aktifkan sandaran iCloud</b>	Pergi ke Seting > iCloud, kemudian log masuk dengan Apple ID dan kata laluan anda, jika diperlukan. Pergi ke Storan & Sandaran, kemudian aktifkan Sandaran iCloud.
<b>Sandarkan dengan segera</b>	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran, kemudian sentuh Sandarkan Sekarang.
<b>Uruskan sandaran anda</b>	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran, kemudian sentuh Urus Storan. Sentuh nama iPhone anda.
<b>Aktifkan atau nyahaktifkan Jalur Filem anda</b>	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran, kemudian sentuh Urus Storan. Sentuh nama iPhone anda, kemudian aktifkan atau nyahaktifkan sandaran Jalur Filem.
<b>Lihat peranti yang sedang disandarkan</b>	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran > Urus Storan.
<b>Hentikan sandaran automatik iCloud</b>	Pergi ke Seting > iCloud > Storan & Sandaran > Sandaran, kemudian nyahaktifkan Sandaran iCloud.

Muzik yang tidak dibeli dalam iTunes tidak disandarkan dalam iCloud. Anda perlu menggunakan iTunes untuk menyandarkan dan memulihkan kandungan tersebut. Lihat "Menyelaras dengan iTunes" pada halaman 18.

**Penting:** Sandaran untuk muzik atau pembelian rancangan TV tidak tersedia di semua kawasan. Pembelian terdahulu mungkin tidak tersedia jika ia tidak lagi berada dalam iTunes Store, App Store atau iBookstore.

Kandungan yang dibeli, dan juga kandungan Strim Foto, tidak dikira terhadap storan percuma 5 GB bagi iCloud anda.

## Menyandarkan dengan iTunes

iTunes membuat sandaran foto dalam Jalur Filem atau album Foto Disimpan anda dan dalam mesej teks, nota, sejarah panggilan, kegemaran kenalan, seting bunyi dan banyak lagi. Fail media, seperti lagu dan beberapa foto, tidak disandarkan, tetapi boleh dipulihkan dengan menyelaras dengan iTunes.

Apabila anda menyandarkan iPhone ke komputer yang anda biasanya selaraskan, iTunes membuat sandaran pada setiap kali anda:

- *Menyelaras dengan iTunes:* iTunes menyelaras iPhone setiap kali anda sambungkan iPhone ke komputer anda. iTunes tidak akan menyandarkan secara automatik iPhone yang tidak dikonfigurasi untuk menyelaras dengan komputer tersebut. Lihat "Menyelaras dengan iTunes" pada halaman 18.
- *Kemas kini atau pulihkan iPhone:* iTunes menyandarkan iPhone secara automatik sebelum mengemas kini dan memulihkannya.

iTunes juga boleh mengenkripsikan sandaran iPhone untuk melindungi data anda.

**Enkripsikan sandaran iPhone:** Pilih "Encrypt iPhone backup" dalam skrin iTunes Summary.

**Pulihkan fail dan seting iPhone:** Sambungkan iPhone ke komputer yang anda biasanya selaraskan, pilih iPhone dalam tettingkap iTunes dan klik Restore dalam anak tettingkap Summary.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai penyandaran, termasuk seting dan maklumat yang disimpan dalam sandaran, pergi ke [support.apple.com/kb/HT1766](http://support.apple.com/kb/HT1766).

## Mengeluarkan sandaran iTunes

Anda boleh mengeluarkan sandaran iPhone daripada senarai sandaran dalam iTunes. Anda mungkin mahu melakukan ini, contohnya, jika sandaran dibuat pada komputer orang lain.

### Keluarkan sandaran:

- 1 Dalam iTunes, buka iTunes Preferences.
  - *Mac*: Pilih iTunes > Preferences.
  - *Windows*: Pilih Edit > Preferences
- 2 Klik Devices (iPhone tidak perlu disambung).
- 3 Pilih sandaran yang anda mahu keluarkan, kemudian klik Delete Backup.
- 4 Klik Delete, untuk mengesahkan bahawa anda ingin mengeluarkan sandaran yang dipilih, kemudian klik OK.

## Mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone

Anda boleh mengemas kini perisian iPhone dalam Seting atau dengan menggunakan iTunes. Anda juga boleh memadam atau memulihkan iPhone, dan kemudian menggunakan iCloud atau iTunes untuk memulihkan daripada sandaran.

Data yang dipadam tidak lagi dapat diakses melalui antara muka pengguna iPhone, tetapi tidak dipadam daripada iPhone. Untuk mendapatkan maklumat mengenai memadam semua kandungan dan seting, lihat “Reset” pada halaman 182.

### Mengemas kini iPhone

Anda boleh mengemas kini perisian dalam Seting iPhone atau dengan menggunakan iTunes.

**Kemas kini secara wayarles pada iPhone:** Pergi ke Seting > Umum > Kemas Kini Perisian. iPhone menyemak kemas kinian perisian yang tersedia.

**Kemas kini perisian dalam iTunes:** iTunes menyemak kemas kinian perisian yang tersedia pada setiap kali anda menyelaras iPhone menggunakan iTunes. Lihat “Menyelaras dengan iTunes” pada halaman 18.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone, pergi ke [support.apple.com/kb/HT4623](http://support.apple.com/kb/HT4623).

### Memulihkan iPhone

Anda boleh menggunakan iCloud atau iTunes untuk memulihkan iPhone daripada sandaran.

**Pulihkan daripada sandaran iCloud:** Reset iPhone untuk memadam semua seting dan maklumat. Daftar masuk ke iCloud dan pilih Pulihkan daripada Sandaran dalam Pembantu Persediaan. Lihat “Reset” pada halaman 182.

**Pulihkan daripada sandaran iTunes:** Sambungkan iPhone ke komputer yang anda biasanya selaraskan, pilih iPhone dalam tettingkap iTunes dan klik Restore dalam anak tettingkap Summary.

Apabila perisian iPhone dipulihkan, anda boleh sama ada menyediakannya sebagai iPhone baru, atau memulihkan muzik anda, video, data aplikasi dan kandungan lain daripada sandaran.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai mengemas kini dan memulihkan perisian iPhone, pergi ke [support.apple.com/kb/HT1414](http://support.apple.com/kb/HT1414).

## Perkongsian fail

Perkongsian Fail membenarkan anda memindahkan fail dengan kabel USB antara iPhone dan komputer anda, menggunakan iTunes. Anda boleh berkongsi fail yang dicipta dengan aplikasi yang serasi dan disimpan dalam format yang disokong.

Aplikasi yang menyokong perkongsian fail muncul dalam senarai File Sharing Apps dalam iTunes. Untuk setiap aplikasi, senarai Fail menunjukkan dokumen yang tersedia pada iPhone. Lihat dokumentasi aplikasi untuk mendapatkan maklumat mengenai cara ia berkongsi fail; bukan semua aplikasi menyokong ciri ini.

**Pindahkan fail daripada iPhone ke komputer anda:** Dalam iTunes, pergi ke anak tetingkap App bagi peranti anda. Dalam bahagian File Sharing, pilih aplikasi daripada senarai. Di sebelah kanan, pilih fail yang anda mahu pindahkan, kemudian klik "Save to".

**Pindahkan fail dari komputer anda ke iPhone:** Dalam iTunes, pergi ke anak tetingkap App bagi peranti anda. Dalam bahagian File Sharing, pilih aplikasi, kemudian klik Add. Fail dipindahkan dengan segera ke peranti anda untuk digunakan dengan aplikasi yang anda pilih.

**Padam fail daripada iPhone:** Dalam iTunes, pergi ke anak tetingkap App bagi peranti anda. Dalam bahagian File Sharing, pilih fail, kemudian tekan kekunci Delete.

## Maklumat keselamatan, perisian dan perkhidmatan

Jadual ini menerangkan di mana anda boleh mendapatkan maklumat keselamatan, perisian dan perkhidmatan berkenaan iPhone.

Menggunakan iPhone dengan selamat	Lihat <i>Panduan Maklumat Produk Penting</i> di <a href="http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone">support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone</a> untuk mendapatkan maklumat keselamatan dan kawal selia terbaru.
Perkhidmatan dan sokongan iPhone, petua, forum dan muat turun perisian Apple	Pergi ke <a href="http://www.apple.com/my/support/iphone">www.apple.com/my/support/iphone</a> .
Perkhidmatan dan sokongan daripada pembawa anda	Hubungi pembawa anda atau pergi ke laman web pembawa anda.
Maklumat terkini mengenai iPhone	Pergi ke <a href="http://www.apple.com/my/iphone">www.apple.com/my/iphone</a> .
Membuat Apple ID	Pergi ke <a href="https://appleid.apple.com/en_MY">https://appleid.apple.com/en_MY</a> .
Menggunakan iCloud	Pergi ke <a href="http://www.apple.com/asia/support/icloud">www.apple.com/asia/support/icloud</a> .
Menggunakan iTunes	Buka iTunes dan pilih Help > iTunes Help. Untuk tutorial iTunes dalam talian (mungkin tidak tersedia di semua kawasan), pergi ke <a href="http://www.apple.com/asia/support/itunes">www.apple.com/asia/support/itunes</a> .
Menggunakan iPhoto dalam OS X	Buka iPhoto dan pilih Help > iPhoto Help.
Menggunakan Address Book pada OS X	Buka Address Book dan pilih Help > Address Book Help.
Menggunakan iCal dalam OS X	Buka iCal dan pilih Help > iCal Help.
Microsoft Outlook, Windows Address Book, atau Adobe Photoshop Elements	Lihat dokumentasi yang disertakan dengan aplikasi tersebut.
Mencari nombor siri, IMEI, ICCID atau MEID iPhone anda	Anda boleh menemui nombor siri, IMEI, ICCID atau MEID iPhone anda pada pakej iPhone. Atau, pada iPhone, Pilih Seting > Umum > Perihal. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke <a href="http://support.apple.com/kb/ht1267">support.apple.com/kb/ht1267</a> .

Mendapatkan perkhidmatan waranti	Pertama sekali ikuti nasihat dalam panduan ini dan sumber dalam talian. Kemudian pergi ke <a href="http://www.apple.com/my/support">www.apple.com/my/support</a> atau lihat <i>Panduan Maklumat Produk Penting</i> di <a href="http://support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone">support.apple.com/ms_MY/manuals/iphone</a> .
Perkhidmatan penggantian bateri	Pergi ke <a href="http://www.apple.com/my/batteries/replacements.html">www.apple.com/my/batteries/replacements.html</a> .

## Menggunakan iPhone dalam persekitaran perniagaan

Pergi ke [www.apple.com/iphone/business](http://www.apple.com/iphone/business) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ciri-ciri perniagaan iPhone, termasuk Microsoft Exchange, IMAP, CalDAV, CardDAV, VPN dan banyak lagi.

## Menggunakan iPhone dengan pembawa lain

Sesetengah pembawa membenarkan anda membuka kunci iPhone untuk digunakan dalam rangkaian mereka. Untuk melihat sama ada pembawa anda menawarkan pilihan ini, pergi ke [support.apple.com/kb/HT1937](http://support.apple.com/kb/HT1937).

Hubungi pembawa anda untuk mendapatkan maklumat kebenaran dan persediaan. Anda perlu menyambungkan iPhone ke iTunes untuk melengkapkan proses. Bayaran tambahan mungkin dikenakan.

Untuk maklumat penyelesaian masalah, pergi ke [support.apple.com/kb/TS3198](http://support.apple.com/kb/TS3198).

## Maklumat pelupusan dan kitar semula

**Program Kitar Semula Apple (tersedia di sesetengah kawasan):** Untuk kitar semula percuma telefon mudah alih lama anda, sekeping label prabayar, dan arahan, sila lihat: [www.apple.com/my/recycling](http://www.apple.com/my/recycling)

**Pelupusan dan kitar semula iPhone:** Anda mesti melupuskan iPhone dengan sempurna mengikut undang-undang dan peraturan tempatan. Oleh kerana iPhone mengandungi komponen elektronik dan bateri, iPhone mesti dilupuskan secara berasingan daripada buangan isi rumah. Apabila iPhone mencapai akhir hayatnya, hubungi pihak berkuasa tempatan untuk mengetahui mengenai pilihan pelupusan dan kitar semula, atau hantarkannya ke kedai jualan Apple setempat anda atau kembalikannya kepada Apple. Bateri akan dikeluarkan dan dikitar semula dalam cara yang mesra alam sekitar. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lihat: [www.apple.com/my/recycling](http://www.apple.com/my/recycling)

**Kesatuan Eropah—maklumat pelupusan peralatan elektronik dan bateri:**



Simbol ini bermaksud bahawa menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk dan bateri anda mesti dikitar semula secara berasingan daripada bahan buangan rumah. Apabila produk ini mencapai akhir hayatnya, bawa ke pusat pengumpulan yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengitar semula peralatan elektronik. Pelupusan tidak wajar buangan peralatan elektronik oleh pengguna mungkin dikenakan denda. Pengumpulan dan kitar semula produk dan baterinya pada masa pelupusan akan membantu memelihara sumber semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Untuk perkhidmatan pengumpulan dan kitar semula untuk iPhone, pergi ke : [www.apple.com/recycling/nationalservices/europe.html](http://www.apple.com/recycling/nationalservices/europe.html)

**Penggantian bateri untuk iPhone:** Bateri boleh dicas semula dalam iPhone hendaklah digantikan oleh Apple atau Pembekal Khidmat Sah Apple sahaja. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan penggantian bateri, pergi ke: [www.apple.com/my/batteries/replacements.html](http://www.apple.com/my/batteries/replacements.html)

**Deutschland:** Dieses Gerät enthält Batterien. Bitte nicht in den Hausmüll werfen. Entsorgen Sie dieses Gerätes am Ende seines Lebenszyklus entsprechend der maßgeblichen gesetzlichen Regelungen.

**Nederlands:** Gebruikte batterijen kunnen worden ingeleverd bij de chemokar of in een speciale batterijcontainer voor klein chemisch afval (kca) worden gedeponerd.

**Türkiye:** EEE yönetmeliğine (Elektrikli ve Elektronik Eşyalarda Bazı Zararlı Maddelerin Kullanımının Sınırlanmasına Dair Yönetmelik) uygundur.

台灣



廢電池請回收

**Brasil: Informações sobre descarte e reciclagem**



O símbolo acima indica que este produto e/ou sua bateria não devem ser descartadas no lixo doméstico. Quando decidir descartar este produto e/ou sua bateria, faça-o de acordo com as leis e diretrizes ambientais locais. Para informações sobre o programa de reciclagem da Apple, pontos de coleta e telefone de informações, visite [www.apple.com/br/environment](http://www.apple.com/br/environment).

## Apple dan alam sekitar

Di Apple, kami memperakui tanggungjawab kami untuk meminimumkan impak alam sekitar daripada operasi dan produk kami. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke: [www.apple.com/my/environment](http://www.apple.com/my/environment)

## Suhu pengendalian iPhone

Jika suhu dalam iPhone melebihi suhu operasi normal, anda mungkin mengalami yang berikut semasa ia mencuba mengawal suhunya:

- iPhone berhenti mengemas.
- Skrin menjadi malap.
- Isyarat selular menjadi lemah.
- Skrin amaran suhu muncul.

**Penting:** Anda tidak boleh menggunakan iPhone semasa skrin amaran suhu dipaparkan, kecuali untuk membuat panggilan kecemasan. Jika iPhone tidak dapat mengawal suhu dalamannya, ia akan memasuki mod tidur lampau sehingga ia menjadi sejuk. Anda tidak boleh membuat panggilan keselamatan apabila iPhone berada dalam mod ini. Alihkan iPhone ke lokasi yang lebih sejuk dan tunggu selama beberapa minit sebelum cuba menggunakan iPhone sekali lagi.

🍏 Apple Inc.

© 2012 Apple Inc. Hak cipta terpelihara.

Apple, logo Apple, AirPlay, AirPort, AirPort Express, AirPort Extreme, Aperture, Apple TV, Cover Flow, FaceTime, Finder, iBooks, iCal, iLife, iMovie, iPad, iPhone, iPhoto, iPod, iPod touch, iTunes, iTunes Extras, Keynote, Mac, Mac OS, Numbers, OS X, Pages, Safari, Siri, Spotlight, dan logo Works with iPhone ialah tanda dagangan Apple Inc., yang didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain.

AirPrint, iMessage, logo Made for iPhone, Multi-Touch dan Retina adalah tanda dagangan Apple Inc.

Apple Store, Genius, iCloud, iTunes Plus, iTunes Store, dan MobileMe ialah tanda perkhidmatan Apple Inc., didaftarkan di A.S. dan negara-negara lain.

App Store, iBookstore, dan iTunes Match ialah tanda perkhidmatan Apple Inc.

iOS ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Cisco di A.S dan negara-negara lain dan digunakan di bawah lesen.

Ping ialah tanda dagangan berdaftar Karsten Manufacturing Corporation dan digunakan di A.S. di bawah lesen.

NIKE dan Swoosh Design ialah tanda dagangan NIKE, Inc. dan sekutunya dan digunakan di bawah lesen.

Tanda perkataan dan logo Bluetooth® ialah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda sedemikian oleh Apple Inc. adalah di bawah lesen.

Adobe dan Photoshop ialah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Adobe Systems Incorporated di A.S. dan/ atau negara-negara lain.

Syarikat dan nama produk lain yang dinyatakan di dalam panduan ini mungkin tanda dagangan syarikat masing-masing.

Map data © 2010 Google.

Sebutan produk pihak ketiga adalah untuk tujuan memberi maklumat sahaja dan tidak mewakili pengendorsan mahupun pengesyoran. Apple tidak menanggung sebarang tanggungjawab berkaitan dengan prestasi atau penggunaan produk-produk ini. Semua persefahaman, perjanjian, atau waranti, jika ada, adalah secara langsung antara vendor dan bakal pengguna. Segala usaha telah diambil bagi memastikan maklumat dalam manual ini tepat. Apple tidak bertanggungjawab di atas ralat percetakan dan perkeranian.

MY019-2267/2012-03